

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

Bil. 17

Isnin

6 April 2015

---

**K A N D U N G A N**

<b>UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA ALLAHYARHAM TAN SRI DATO' SRI DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS</b>	(Halaman 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 2)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 23)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015	(Halaman 24)
Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015	(Halaman 29)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 24)
Menyerahkan Rang Undang-undang Kepada Jawatankuasa Pilihan	(Halaman 157)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 169)
Merentikan Kuat Kuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat	(Halaman 216)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**

**Isnin, 6 April 2015**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA ALLAHYARHAM  
TAN SRI DATO' SRI DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan amat dukacita dan sedih, saya bagi pihak Yang di-Pertua memaklumkan kepada ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Allahyarham Tan Sri Dato' Sri Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, Ahli Parlimen Rompin telah kembali ke Rahmatullah pada hari Sabtu, 4 April 2015 bersamaan 14 Jamadil Akhir 1436 hijriah dalam satu tragedi nahas helikopter yang turut mengorbankan lima lagi nyawa.

Sesungguhnya pemergian Allahyarham merupakan satu kehilangan yang amat besar kepada negara. Saya bagi pihak Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Dewan ini dan pihak Parlimen seluruhnya ingin merakamkan ucapan takziah kepada isteri Allahyarham YBhg. Puan Sri Datin Seri Dr. Kalsom bin Ismail serta seluruh ahli keluarga Allahyarham.

Kia berdoa mogamoga Allah S.A.W. akan mencucuri rahmat ke atas roh Allahyarham dan ditempatkan di kalangan orang-orang yang soleh. Allahyarham adalah seorang pemimpin berwibawa yang sentiasa mengambil berat kebajikan rakyat. beliau berkhidmat sebagai Ahli Parlimen Rompin sejak tahun 1990 selama enam penggal dan pernah memegang jawatan sebagai Penggerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang. Allahyarham berkebolehan tinggi, memainkan peranan yang penting terutamanya menerajui beberapa kementerian sebagai Menteri Kabinet, antaranya Menteri Kewangan Kedua, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi. Di samping itu Allahyarham juga telah memegang jawatan penting di dalam dan di luar negara seperti Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat, Duta Khas Malaysia ke Amerika Syarikat, dan Pengerusi Perumahan Rakyat 1Malaysia PR1MA.

Sesungguhnya jasa dan pengorbanan Allahyarham amat bermakna di dalam negara mahupun menaikkan imej negara di persada antarabangsa. Oleh yang demikian saya menjemput ahli-ahli Yang

Berhormat sekalian bangun. Kepada yang beragama Islam diminta menghadiahkan Al-Fatihah kepada roh Allahyarham dan kepada yang bukan beragama Islam diminta bertaafakur selama satu minit.

*[Semua ahli bangun membaca Al-Fatihah dan ahli-ahli bukan Islam bertaafakur]*

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [ Kota Tinggi ]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah kemudahan perkhidmatan yang ditawarkan kepada Orang Kurang Upaya (OKU) dan Warga Emas yang menggunakan terminal KLIA 2.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:**

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pengangkutan saya menzahirkan perasaan simpati yang tidak terhingga dan ucapan takziah kepada keluarga mangsa nahas helikopter AS365N2 Dauphin 9M/IGB. Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ingin saya tegaskan sekali lagi di Dewan yang mulia ini, pihak kerajaan akan menjalankan siasatan menyeluruh bagi mengetahui punca kejadian nahas tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, antara kemudahan perkhidmatan yang disediakan untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas di bangunan terminal KLIA2 adalah seperti berikut;

- (i) Perkhidmatan *aero-bridge* di setiap pintu berlepas sebanyak 80 *aero-bridge* di 68 pintu berlepas;

**■1010**

- (iii) perkhidmatan *buggy* 24 jam di tempat letak kereta di seluruh Terminal KLIA2;
- (iv) ruang menunggu, daftar masuk, laluan khas untuk golongan OKU dan juga *inclined ramp* di pintu utama bangunan terminal.
- (v) tandas OKU di seluruh Terminal KLIA2;
- (vi) empat lif di '*airside*' untuk kegunaan penumpang berkerusi roda;
- (vii) pertandaan braille di semua lif-lif di KLIA2;
- (viii) perkhidmatan kerusi roda secara percuma, ada 30 unit kerusi roda secara percuma;
- (ix) kemudahan 16 buah *walklator* di seluruh bangunan Terminal KLIA2.

Terima kasih

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan merancang menjadikan semua lapangan terbang di Malaysia mesra pengguna iaitu mempunyai kemudahan menepati piawaian dan keperluan industri khusus untuk orang kurang upaya, warga emas dan kanak-kanak? Contohnya membina laluan khas *walklator* yang lebih *extensive*, *ramp* dan lif yang lebih banyak,

tanda arah yang lebih jelas, dan susun atur lantai terutamanya susun atur kedai, gerai agar memudahkan pergerakan orang kurang upaya, warga emas dan kanak-kanak supaya lebih bersifat mesra pengguna.

Satu nota khusus iaitu untuk KLIA, saya dapat bahawa susun atur pelan lantai perlu dikaji dan di struktur semula kerana penumpuan atau perhatian lebih diberikan kepada kedai-kedai yang bersifat komersial yang diletak di persimpangan jalan dan ia menjadi satu gangguan kepada pergerakan trafik. Bukan itu sahaja, ia menyebabkan kekeliruan di kalangan pengguna-pengguna khusus kepada warga emas, kanak-kanak dan orang kurang upaya. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri beri jawapan kepada ini. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai penambahbaikan di KLIA2 khususnya kepada golongan kurang upaya, pihak MAHB sedang merancang untuk menambah lagi *walklator*. Pada tahun ini pihak MAHB akan memperuntukkan RM38 juta bagi menambah lagi 16 *walklator* termasuk khususnya di bahagian terminal yang ada *slope*, yang curang. Ini akan memberi kemudahan bukan sahaja kepada golongan kurang upaya malah kepada semua penumpang dan pengguna di KLIA2.

Selain itu juga pihak pengurusan MAHB sedang merancang untuk membuka *partition* di terminal bagi mewujudkan satu *command facilities* untuk semua *gate*. Pada masa ini di setiap *gate* dia mempunyai *compartments* tersendiri. Jadi, dengan pembukaan *compartment* ini akan memudahkan ruang yang lebih luas. Di samping itu juga, seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Tinggi mengenai unit-unit komersial, pihak pengurusan juga sedang merancang untuk membuat *relocation* unit-unit komersial yang menyempitkan laluan. Jadi, pada tahun ini kita akan lihat banyak pembangunan yang saya sebutkan ini di KLIA bagi memberi kemudahan kepada pihak pengguna di KLIA2. Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada satu pengalaman pada tahun lepas di mana saya bawa ibu bapa saya menggunakan AirAsia untuk pergi ke luar negara. Ini memang satu pengalaman bagi saya yang paling susah bagi orang tua, khususnya kalau kita pergi ke *gate* tempat menunggu untuk penerbangan ke luar negara. Saya masih ingat bila kami balik ke KLIA2 kami berjalan, orang tua jalan 45 minit baru sampai ke tempat imigresen.

Saya cuba lihat sama ada terdapat kereta dalam lapangan terbang itu yang boleh kita panggil mereka bawa orang tua untuk pergi ke tempat imigresen tetapi tidak dapat. *[Disampuk]* Maksudnya *buggy*. Soalan saya ialah kenapakah KLIA2 ini yang nampaknya lebih besar, lebih mewah daripada KLIA dan juga kerana ia sepatutnya untuk penerbangan kos rendah ia seolah-olah *design* nya adalah untuk orang-orang bersenam, untuk jalan-jalan, bersiar-siar atau bersukan dalam lapangan terbang yang begitu besar ini.

Kalau kita tidak ada begitu banyak *low cost flight* untuk KLIA2, bolehkah kerajaan fikir sama ada kita boleh tumpukan kepada tempat yang lebih dekat supaya orang tua dan juga OKU tidak perlu berjalan begitu jauh untuk pergi ke *gate* yang begitu jauh. Saya lihat ia adalah *unutilized*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya rasa semua Ahli Yang Berhormat dari luar negeri ini semua ada pengalaman yang mana setiap kali kita guna KLIA2, *we are cursing, why so far away from the place that we supposed to go. [Dewan riuh]* Minta...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya cukuplah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Penjelasan daripada pihak Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Soalannya pendek kenapa kerajaan tidak menyediakan *buggy* untuk orang tua dan OKU, terpaksa berjalan 45 minit.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai jauh ialah kerana KLIA2 ini dibina dengan mempunyai 68 gate. Jadi, khususnya kalau penerbangan antarabangsa ia memang di terminal antarabangsa. Mengenai *buggy* ini saya dimaklumkan bahawa untuk pengguna OKU dan juga warga emas, mereka perlu memaklumkan terlebih dahulu untuk mengguna pakai kemudahan-kemudahan di KLIA2. Jadi, kalau Yang Berhormat Seputeh ingin mengambil keluarga yang daripada warga emas ataupun orang tua, dia kena memaklumkan ingin menggunakan kemudahan yang disediakan secara percuma. Kalau mereka tidak memaklumkan lebih awal, kadang-kadang kemudahan ini telah diguna pakai oleh orang lain yang menempah terlebih dahulu. Jadi, apa-apa pun perlu menempah untuk memaklumkan kemudahan itu disediakan. Terima kasih.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih. Saya seperti juga Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Seputeh. Kita kena akui KLIA2 ini masih nampak serabut dengan kalut sedikit. Jadi, KLIA2 ini merupakan pintu utama keluar masuk pelancong sama ada luar negara ataupun juga orang-orang tempatan dan pelancong-pelancong ini kita tahu merupakan penyumbang kepada ekonomi negara kita.

Jadi, adalah penting KLIA2 ini kena memberi *lasting impression* dengan izin iaitu supaya pelancong-pelancong ini selesa dan dia akan datang kembali ke negara kita. Jadi, soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah lain dan pendekatan baru yang akan diambil oleh MAHB untuk menambah baik kemudahan pengguna sedia ada di KLIA 2 ini? Ini kerana penting sangat KLIA2 ini memberi *lasting impression* kepada pelancong-pelancong khususnya kepada pelancong luar negara. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya maklumkan tadi memang pihak MAHB sedang berusaha untuk menambah baik kemudahan yang ada di KLIA2 sepertimana kita akan memperbesarkan *pathway* dengan *relocation* unit-unit komersial yang agak mengganggu perjalanan. Seterusnya kita akan menambah lagi 16 *walklator* tadi dengan nilai RM38 million.

#### ■ 1020

Di samping itu juga pihak MHB telah mewujudkan ataupun menyediakan kemudahan untuk orang-orang sakit jantung. Jadi kita telah meletakkan 15 *Automatic External Defibrillator* sekiranya kalau ada orang yang mengalami sakit jantung, maka unit ini sedia memberi kemudahan bagi mengatasi masalah-masalah itu.

Di samping itu juga kita juga akan meletakkan apa yang dipanggil *emergency call button* bagi semua tandas kerana tandas-tandas untuk di KLIA 2 ini sekarang belum ada *emergency call button*.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Laluan.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Jadi ini juga kita akan dalam program MAHB. Jadi pada dasarnya memang pelbagai program yang sedang diusahakan untuk menambahbaikkan KLIA 2 bagi kemudahan pengguna dan juga pelancong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya saya tiada kuasa kerana di bawah Peraturan tiga soalan tambahan sahaja yang dibenarkan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Akan tetapi ini ada masalah besar. Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bawah peraturan kita hanya dibenarkan hanya tiga soalan tambahan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Akan tetapi ini Tuan Yang di-Pertua punya kuasa kalau dia bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tuan Yang di-Pertua terpaksa ikut juga Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Macam di KL ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya kita ada peluang lagi pada masa-masa akan datang dalam ucapan yang lain.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** LCCT di Sabah bukan *friendly* ini terminal kerana naik AirAsia pakai tangga. Apa macam OKU boleh pakai tangga?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya terima kasih. Sila ambil ingatan, tidak payah jawab menteri. Ambil ingatan dan tindakan segera.

**2. Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimana kerajaan merancang untuk menyelesaikan masalah pencerobohan tanah dan perladangan haram di Cameron Highlands dan apa tindakan konkret yang telah diambil pihak berkuasa untuk memastikan peristiwa banjir kilat dan tanah runtuh tidak berulang lagi di Cameron Highlands.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*, Tuan Yang di-Pertua bagi menyelesaikan masalah tanah runtuh dan banjir lumpur di Cameron Highlands, usaha bersepadu yang melibatkan semua agensi kerajaan dan swasta telah dirangka. Kerajaan memandang serius akan kejadian tanah runtuh dan banjir lumpur yang melanda Cameron Highlands pada 5 November 2014. Bagi mengekalkan legasi Cameron Highlands sebagai pusat peranginan terkenal di negara ini, tindakan pemulihan Cameron Highlands dilakukan melalui pelbagai agensi kerajaan secara bersepadu seperti berikut;

Pertama, menerusi Ops Gading yang telah dan masih dilaksanakan sehingga sekarang. Operasi bersepadu ini melibatkan 500 orang anggota di lapangan dari 25 buah agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri. Operasi ini tertumpu kepada penangkapan pendatang tanpa izin PATI dan juga pemusnahan ladang serta premis haram di kawasan tersebut. Sehingga 6 April 2015 seramai 379 orang PATI dari pelbagai negara telah ditangkap dan seluas 3,332 ekar ladang dan tanaman haram telah dimusnahkan.

Keduanya Program Penghijauan Cameron Highlands. Seliaan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang menumpukan kepada usaha penanaman pokok-pokok hutan di kawasan rizab hutan yang talah dibersihkan dalam gerakan Ops Gading. Melalui program pemulihan ini, lebih kurang seluas 1300 ekar kawasan hutan simpan kekal yang diceroboh haram akan dijalankan tanaman pokok bagi menghijaukan semula Cameron Highlands. Sehingga kini sebanyak 6000 batang pokok telah ditanam di kawasan rizab hutan di Cameron Highlands. Aktiviti tanaman pokok hutan ini telah dilakukan sebanyak dua kali. Kali terakhir ialah pada 8 Mac 2015 di Hutan Simpan Chiku Cameron Highlands.

Jabatan Perhutanan dengan kerjasama Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia akan menggunakan *unmanned aerial vehicle* atau UAV bagi tugas *surveillance* di kawasan hutan simpan kekal dan juga kawasan tanah kerajaan negeri. Penggunaan aset tersebut diyakini akan memantapkan lagi langkah pencegahan oleh kerajaan dalam isu penerokaan tanah secara haram.

Rancangan tebatan banjir dan juga yang diselia oleh JPS di Lembah Bertam, kerja-kerja ini telah pun bermula pada 20 Januari 2015 dan sedang berjalan dengan rancak. Kemudian kajian semula Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands oleh agensi kerajaan, jabatan ini akan melakukan tindakan-tindakan pemulihan, pengekalan dan juga penambahbaikan untuk memulihkan kembali Cameron Highlands.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perincian kos untuk pemulihan Cameron Highlands ini akan melibatkan perkara-perkara seperti berikut; kos operasi tahunan dijangka terutamanya Ops Gading adalah sebanyak RM7 juta; Program Penghijauan oleh Jabatan Perhutanan Malaysia dijangka menelan belanja RM54 juta; Rancangan Tebatan Banjir oleh JPS sebanyak RM40 juta. Terima kasih.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penjelasan tentang perancangan kerajaan. Cuma masalah yang dihadapi oleh Cameron Highlands ini sudah diketahui saya ingat lebih daripada 15 tahun dan NGO memanggilnya *the rape of Cameron Highlands* ataupun pemerkosaan Cameron Highlands ini dan ia bukan setahun dua ini. Hanya setahun dua ini kita ada kemalangan ataupun tragedi yang menyayat hati.

Saya melihat bahawa di sini rancangan dan pelan tindakan yang dikemukakan Yang Berhormat Menteri tadi melibatkan lebih daripada 25 buah agensi kerajaan dan kementerian. Jadi akhirnya saya hendak tanya, siapakah menteri, agensi mana yang bertanggungjawab untuk memastikan penyelarasan, pelaksanaan dan juga keberkesanan semua langkah ini dan sekiranya berlaku lagi sekali banjir lumpur dan kematian, siapakah yang perlu meletak jawatan kerana gagal untuk memastikan bahawa perancangan kerajaan ini berjaya? Kerana ini adalah masalah 15 tahun, bukan dua tahun. Dua tahun berturut-turut kita mengalami kemalangan jiwa. Siapa menterinya, apa agensinya? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Sayalah menterinya dan yang kena berhenti ialah Ahli Parlimen Kota Raja yang kena berhenti. Akan tetapi Yang Berhormat, sewajarnya ucap tahniah dahulu itu cara bercakap. Sebab apa kerajaan baru inilah telah berjaya memperkenalkan satu pendekatan untuk mengembalikan legasi Cameron Highlands. Walaupun ia telah dilaporkan begitu lama dan sebagainya tetapi tindakan yang mutakhir ini patut kita puji. Puji usaha kerajaan di mana dalam jangka masa yang singkat kita telah clearkan kawasan yang diterokai secara haram.

Kita dalam masa yang sama kita merancang untuk menanam pokok di kawasan yang telah pun kita bersihkan. Yang Berhormat, kita menghadapi pelbagai masalah untuk melaksanakan tanggungjawab ini di mana di peringkat awal seperti mana saya sebutkan tadi kita hanya dapat menyewa dua buah jentera berat. Saya tidak tahu mereka ini penyokong siapa tetapi wakil rakyat di sini adalah wakil rakyat DAP. Ahli Parlimennya ialah Barisan Nasional.

Akan tetapi kita tidak dapat jentera berat walaupun jentera berat di mana-mana di Cameron Highlands orang tak nak sewa tetapi kita berjaya sewa sebanyak dua biji dan sekarang ini kita sewa lagi dua biji jadi empat biji. Agensi kerajaan ada lagi dua. Jadi ada enam biji. Kita buat gerakan tidak berhenti, habis-habisan dan apabila siap nanti, kita kena pastikan supaya tempat ini dihijaukan semula dan Jabatan Perancangan Bandar akan uruskan perancangan Cameron Highlands yang lebih besar. Jadi siapa menteri yang bertanggungjawab.

#### ■1030

Ini saya hendak bagi tahu Yang Berhormat, ini sekarang ini dikendalikan oleh Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh Yang Amat Timbalan Perdana Menteri. Tanah ini adalah hak berkuasa kerajaan negeri tetapi Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri di mana menjadi pengurus dan juga pengurus bersama – pengurus bersamanya ialah Menteri Besar Pahang – mengambil tindakan bersepada untuk membanteras yang pertama, penerokaan haram, yang keduanya PATI dan yang ketiganya kita hendak pastikan supaya benda-benda lain yang berkaitan dengan perkara ini juga diambil tindakan. Apa yang saya maksudkan ialah sindiket yang melibatkan sindiket daripada luar yang terlibat untuk bukan saja meneroka kawasan Cameron Highlands tetapi mereka sudah melanggar kawasan.

Ini kerana untuk pengetahuan Yang Berhormat, Lojing di sebelah Cameron Highlands itu walaupun baru tetapi sudah hancur. Kita belum ada jawatankuasa lagi dan Kerajaan Negeri Kelantan belum lagi dapat berbincang dengan kita walaupun pada tidak rasminya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan telah memaklumkan bahawa dia sendiri melihat bahawa Lojing hancur lebur oleh peneroka-peneroka haram. Jadi siapakah yang bertanggungjawab Yang Berhormat ialah berdasarkan kementerian-kementerian yang telah saya sebutkan tadi.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Putatan duduk ya.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Walau bagaimanapun, benda asas Yang Berhormat kena ingat ialah....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masa Yang Berhormat Menteri menjawab mana boleh mencelah.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Tanah hak kuasa negeri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Lipis.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat Cameron Highlands adalah sebuah kawasan peranginan yang cukup suatu ketika

dahulu, cukup cantik sekali suatu ketika dahulu, kini memang sudah panas sedikit. Maknanya dari segi pelancongan telah merosot dari segi kita hendak mendapatkan cuaca seperti dahulu kala.

Jadi persoalannya sekarang ini, kita masih melihat ramai, kalau Bangladesh, berkeliaran di Cameron Highlands, tidak tahu sejauh mana tindakan yang diambil. Persoalan saya, apakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan kerjasama antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Pahang seperti yang kita lakukan seperti Langkawi iaitu LADA? Maknanya kerjasama antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Pahang bagi memulih kembali Cameron Highlands ini menjadi sebuah pusat peranginan yang tersohor di dalam negara ataupun di dalam dunia mungkin kerana mempunyai satu daya tarikan dari segi cuacanya yang amat nyaman sekali.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, ini *round* pertama ini ialah kerjasama di antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat sehingga kita berjaya mengambil tindakan kepada pencerobohan haram dan juga menangkap PATI. PATI ini kita ada lagi satu kumpulan orang yang sebenarnya mereka juga tidak berhak iaitu yang bernama Rohingya, yang ada kad UNHCR ini juga berkeliaran di sana. Mereka ini juga tidak terkecuali untuk kita ambil tindakan dan tangkap walaupun ada kad, sebab kad itu bukan melayakkan mereka untuk bekerja. Mereka hanya patut tinggal di sini tetapi UNHCR tidak bekalkan tempat-tempat dan sebagainya. Jadi mereka berkeliaran di seluruh negara. Kerajaan telah pun ada keputusan tertentu tentang perkara ini dan akan diumumkan tidak lama lagi.

Berhubung cadangan Yang Berhormat sama ada kita kembalikan balik Cameron Highlands seperti dahulu, Tuan Yang di-Pertua yang juga orang Pahang, kita hendak bagi tahu bahawa itulah matlamat utama kita. Kemudian apakah ianya harus ada kerjasama Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri? Oleh kerana tanah, hutan, air ini ialah hak berkuasa negeri, kita mengalu-alukan apa-apa bentuk cadangan daripada kerajaan negeri untuk memastikan supaya Cameron Highlands setelah dibersihkan dan ditanam pokok kemudian diindahkan semula, mengalu-alukan apa saja cadangan kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan memang sudi bekerjasama seperti yang kita laksanakan sekarang.

3. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan:-
  - (a) apakah kementerian mempunyai rancangan untuk memperluaskan rangkaian perkhidmatan internet di Bintulu terutamanya perkhidmatan jalur lebar (Broadband) yang menggunakan gentian optik (Fiber optic); dan
  - (b) apakah Kementerian mempunyai rancangan untuk menaik taraf Internet di Bintulu memandangkan permintaan semakin bertambah kerana kemasukan pelaburan asing di Kawasan Perindustrian Samalaju.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bintulu yang menanyakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak kementerian melalui SKMM telah dan sedang menjalankan beberapa inisiatif bagi memperluaskan liputan perkhidmatan *internet* di seluruh negara dengan tumpuan kepada kawasan-kawasan di pedalaman melalui beberapa projek di bawah Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat ataupun USP dan juga Projek Rangkaian Teras Berasaskan Gentian Optik di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Terdapat dua persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bintulu. Bagi menjawab soalan pertama, pada masa ini telah pun terdapat perkhidmatan jalur lebar talian tetap dan mudah alih termasuk perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang menggunakan fiber di beberapa kawasan perumahan dan juga kawasan perniagaan termasuklah di *Bintulu Park City*. Ibu sawat Bintulu juga telah dinaik taraf bagi menyediakan perkhidmatan berasaskan fiber dengan menyediakan sejumlah 3,000 port sambungan.

Selain daripada itu, rangkaian teras sedia ada telah pun diperluaskan dengan pelaksanaan tiga sambungan rangkaian teras berasaskan fiber di kawasan Sebau dan Samalaju bagi menaik taraf kelajuan dan kapasiti perkhidmatan jalur lebar di kawasan tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, penduduk di kawasan Bintulu pada masa ini telah pun dapat menikmati capaian perkhidmatan jalur lebar bermula dengan kelajuan lima *megabit per second* sehingga 30 *megabit per second* dan boleh dinaiktaraf sehingga 100 *megabit per second* dengan izin.

Bagi persoalan yang kedua, usaha masih lagi diteruskan bagi menambah baik liputan dan kelajuan *broadband* di Bintulu. Antaranya ialah:-

- (i) pembinaan satu menara telekomunikasi berserta penyediaan perkhidmatan selular di kawasan lebuh raya Bintulu dan Samalaju;
- (ii) penyambungan sebahagian Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di sistem kabel dasar laut Bintulu yang menghubungkan Bintulu ke Miri sepanjang 217 kilometer bagi penyediaan kabel gentian optik dasar laut; dan
- (iii) pelaksanaan *Suburban Broadband Project* dengan izin, ataupun SUBB yang bertujuan menaik taraf kelajuan capaian perkhidmatan jalur lebar di kawasan pingir bandar Bintulu yang boleh mencapai sehingga 50 *megabit per second*.

Projek ini, *insya-Allah*, akan bermula pada tahun ini dan dijangka mengambil masa selama lima tahun yang dijangka akan siap pada tahun 2019. Jumlah keseluruhan pelaburan termasuk inisiatif-inisiatif yang telah siap dan sedang dilaksanakan di Bintulu dianggarkan sejumlah RM96.6 juta. Sekian, terima kasih .

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi beri jawapan atas soalan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawapan itu jawapan standard saja. Saya sudah beberapa penggal di sini. Bila saya ada tanya soalan, memang jawapan sama. Hari-hari kata sedang, akan *implement* tapi sedang *implement* sekarang sudah 16 tahun. Bila saya panggil Telekom, minta Telekom bagi jawapan, ya dia bagi saya rancangan tapi sampai masa, apa pun tiada. Sekarang rakyat tidak berpuas hati pasal Samalaju sekarang bila pelabur masuk, kita punya *internet*, kita punya *Streamyx* kah, *broadband* kah ataupun fiber optik kah, semua masuk. Rakyat tanya sama saya sebagai wakil rakyat. Kita sebagai rakyat sini bila hendak menunggu.

Kita mesti mahu faham, sekarang contohnya macam *Park City*, sekarang sudah ada fasa semua jumlah enam fasa. Fasa satu sama dua cuma ada *broadband service* ataupun *Streamyx but very slow*,

satu *megabit* saja. Fasa empat ke fasa enam ada *UniFi* empat *megabit*. Lain daripada *Park City*, contoh macam di Sungai Nyigu, langsung tiada. Sana perindustrian. Kalau orang hendak guna, semua muhu pakai *Maxis broadband* atau *DiGi broadband* ataupun *Celcom broadband*.

#### ■1040

Ini perindustrian bukan hari ini. Sudah berpuluhan-puluhan tahun sudah. Cakap pandai juga. Macam mana Telekom tidak faham? Inilah satu jawapan. Itulah tadi saya kata, saya tidak boleh terima. Kita nampak Telekom tidak begitu serius atas perkara ini. Kita muhu lihat betul-betul apa masalah. Lagi tidak payah ceritalah bertaman-taman itu lagi teruk. Kadang-kadang *fees line* pun tiada. Tidak pasang.

Inilah saya muhu tanya soalan, bilakah perkhidmatan ini boleh dapat ditingkatkan ataupun dibaiki kerosakan kalau ada *broadband* atau Streamyx yang rosak? Adakah kementerian akan berbincang ataupun panggil Telekom Malaysia, berbincang betul-betul, keluar satu rancangan yang betul? Jangan jawab atau kita syok sendiri sahaja. Jangan berkali-kali kita tiba soalan ini Tuan Yang di-Pertua, berkali-kali kita dengar sama tetapi tidak nampak menaik taraf. *[Disampuk]* Jadi saya haraplah Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolong ambil serius perkara ini pasal rakyat Bintulu cukup sedih bila cerita *internet service* ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Saya memang dengar luahan daripada Yang Berhormat Bintulu. Saya mungkin bagi penambahan sikit kepada persoalan yang diberi oleh Yang Berhormat Bintulu..

Untuk makluman Yang Berhormat Bintulu dan juga Ahli Dewan yang mulia ini, perkhidmatan Streamyx di Bintulu sebenarnya telah ada lebih kurang dalam 14,000 buah port. Cuma pelanggan sahaja hanya 11,238. Jadi kita lihat, memang ada *access capacity* telah pun disediakan. Kedua, - Tidak apa, biar saya jelaskan dahulu Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya beritahu, janganlah jawab kita *all life*.

**Dato' Jailani bin Johari:** Ya betul.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Nanti rakyat Bintulu dengar lagi marah. Mana ada akses. You marilah turun padang. Saya sama-sama *you* pergi tengok. Tanyalah rakyat, tanyalah Telekom. *[Dewan riuh]* Tidak ada akses. Sekarang semua macam di *Park City*, ia punya perkhidmatan sudah penuh. Bila orang pergi memohon, dia kata, *no available box*, semua penuh.

**Dato' Jailani bin Johari:** Nanti saya jawab, saya jawab. Keduanya Yang Berhormat, bagi UniFi, seperti yang saya maklumkan, kita telah sediakan 3,106 buah port tetapi pelanggan hanya 1,286. Jadi kalau kita lihat itu, memang tindakan telah pun dilaksanakan daripada segi perspektif untuk UniFi dan juga Streamyx.

Untuk menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, sebenarnya, kawasan Samalaju ini, jarak antara ibu sawat Bintulu dengan kawasan Samalaju, jauh. Sesuailah Samalaju lebih kurang 85 kilometer dan ia memerlukan pihak Telekom Malaysia membina satu ibu sawat. Saya telah semak dan difahamkan bahawa satu perbincangan telah pun diadakan pada tahun yang lalu, November 2014 yang lalu, dengan Samalaju Property untuk mendapatkan persetujuan. Akan tetapi apabila mereka

mengadakan perbincangan dengan Lembaga Kemajuan Bintulu, masalahnya Lembaga Kemajuan Bintulu tidak ada konkrit *master plan*. Jadi kalau dia *approach* satu pembinaan ibu sawat di situ dan akan mengganggu pembinaan yang akan datang, jadi saya cuma hendak minta Yang Berhormat ...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]**

**Dato' Jailani bin Johari:** Nanti, saya hendak habiskan Yang Berhormat. Saya hendak minta Yang Berhormat kalau boleh, Yang Berhormat selaku Yang Berhormat Parlimen ...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tidak, Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Jailani bin Johari:** Boleh membantu dalam perbincangan untuk memudahkan...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** You kata boleh bina baru tetapi Bintulu bandar sudah ada. “*Bila boleh naik taraf?*”, saya tanya. Janganlah kata sampai itulah pasal itu mana, di Samalaju, tambah baru boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** You jawablah betul-betul. Kalau tidak, esok saya balik kawasan, saya kena marah lagi satu kali.

**Dato' Jailani bin Johari:** Saya rasa saya sudah jawab soalan pertama. Cuma saya hendak minta yang kedua tadi Yang Berhormat, kalau boleh, Yang Berhormat Bintulu boleh jugalah membantu pihak Telekom dengan mengadakan perbincangan. Apabila kita panggil perbincangan dengan Lembaga Kemajuan Bintulu dengan Samalaju, kalau boleh dipercepatkan, *insya-Allah* kawasan *Bintulu Park City* itu akan lebih cepat memperoleh *high-speed broadband*. Terima kasih.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kepada kerajaan, adakah kerajaan menetapkan satu KPI kepada telco-telco ini untuk mencapai satu tahap internet yang boleh diterima? Ini disebabkan banyak tempat bukan sahaja di Bintulu, banyak tempat memang akses kepada internet ini adalah amat tidak memuaskan. Seperti di Perak, Manjung adalah merupakan satu kawasan yang pesat membangun tetapi langsung tidak ada internet. *Line 012* Maxis ini langsung tidak ada. Jadi apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan? Saya rasa kerajaan patut mengadakan satu KPI yang tertentu untuk telco-telco ini dan kalau mereka tidak mencapai KPI ini, hukum mereka dengan penalti sebab semua pembayar ini, mereka bayar *subscription* tiap-tiap bulan, langsung tidak ada internet.

Kedua, jangan cakap UniFi. Di kawasan saya, di Pasir Pinji, Streamyx pun tidak boleh capai. Tidak payah cakap sampai UniFi ini. Jadi, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan Telekom menyediakan perkhidmatan ini kepada semua? Semua telco tidak boleh pakai. Telekom pun tidak boleh pakai. Jadi, apa rakyat hendak buat ini? *[Disampuk]* Jadi inilah saya hendak harap kerajaan betul-betul menangani masalah ini seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bintulu. Jangan kata, statistik ini ada, statistik itu ada, tidak boleh terima. Jadi saya harap satu penalti, hukum telco-telco ini yang tidak mencapai KPI tersebut. Adakah *supplier* sanggup?

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, soalan itu kalau saya tidak jawab pun tidak apa kerana ia tidak fokus kepada Bintulu. Akan tetapi untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, sebenarnya, pihak kementerian seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita telah umumkan pembinaan 1,000 lagi menara telekomunikasi.

Keduanya, dengan program **Stream** nya tadi. Sebenarnya kalau ikut laporan, kemudahan jalur lebar di Malaysia adalah setanding dengan negara Asia Tenggara dan kita pun hampir keseluruhan negeri telah pun dimasuki dengan jalur lebar. Jadi saya rasa benda ini tidak timbul. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, kita telah merangka pelbagai program, bukan hanya di Perak tetapi keseluruhan negara. *Insya-Allah*, saya yakin dengan program-program yang telah dilaksanakan dan dirancang, semua tempat akan dimasuki dengan jalur lebar. Terima kasih.

**4. Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah kesesakan teruk di Lebuhraya Utara Selatan pada masa-masa tertentu, terutamanya bagi jaringan lebuh raya di selatan Perak.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya mengambil maklum mengenai isu kesesakan di Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) terutama pada hujung minggu dan semasa musim perayaan utama. Ia berikutan pertambahan bilangan kenderaan yang berlipat ganda berbanding kadar biasa yang menggunakan lebuh raya pada tempoh yang sama.

Sehubungan itu, kerajaan pada tahun 2011 yang lalu, telah meluluskan cadangan projek pelebaran lorong keempat bernilai RM1.44 bilion di lokasi tertentu PLUS yang kritikal dan mendesak terutama di kawasan Lembah Klang. Projek ini telah memulakan pembinaan pada bulan Julai 2012 dan pada masa kini, kerja-kerja pelebaran telah mencapai status kemajuan 93% dan dijangka akan siap sepenuhnya sebelum bulan September 2015 ini.

Di samping itu, projek membina lorong mendaki di laluan PLUS antara Slim River hingga Sungkai arah ke utara sepanjang 4.5 kilometer bagi mengurangkan kesesakan juga telah disiapkan oleh pihak PLUS pada akhir tahun 2014 yang lalu.

Untuk jangka pendek pula, kementerian melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dengan kerjasama pihak PLUS Malaysia Berhad dan agensi-agensi yang lain yang berkaitan telah melaksanakan langkah-langkah proaktif berikut bagi mengurangkan kesesakan, iaitu:

- (i) menggalakkan pengguna untuk membuat perancangan perjalanan melalui cadangan waktu perjalanan (TTA) bagi mengelakkan tumpuan masa perjalanan secara serentak;
- (ii) mengadakan kolaborasi dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) daripada aspek penguatkuasaan dan juga kelancaran trafik seperti penggunaan lorong kecemasan pada hari kemuncak tertentu;
- (iii) menambah bilangan petugas PLUS di Plaza Tol dan mendapatkan bantuan anggota RELA untuk mengawal trafik hentian rehat;

- (iv) meningkatkan bilangan kekuatan pasukan rondaan dan kren/kembalik untuk bantuan kecemasan,
- (v) menambah bilangan lorong transaksi tol termasuk mengaktifkan kutipan tol secara berlapis atau MTL iaitu *multiple transactional lane*, dengan izin, di plaza tol tertentu,
- (vi) menggalakkan penggunaan kutipan tol elektronik atau ETC melalui pemberian diskaun atau rebat tol semasa musim perayaan tertentu; dan
- (vii) hebahan maklumat trafik sama ada melalui media masa, media elektronik, papan tanda ITS, dan media sosial seperti saluran *twitter* bagi membolehkan pengguna mendapat maklumat trafik yang terkini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengurangkan kesesakan di Lebuhraya PLUS, khususnya di Selangor, di Utara Selangor dan negeri Perak, kerajaan telah meluluskan projek pembinaan Lebuhraya Pantai Barat atau WCE melibatkan jajaran dari Taiping ke Banting sepanjang 316 kilometer. Lebuhraya Pantai Barat ini dijangka akan disiapkan sepenuhnya pada tahun 2019.

Di samping itu, kementerian ini juga turut merancang untuk menaik taraf Jalan Persekutuan 60, atau FT 60 sedia ada iaitu dari Damai Laut ke Changkat Jering, Perak kepada laluan empat buah lorong dua hala. Projek naik taraf melibatkan jarak 70 kilometer itu akan dilaksanakan secara berperingkat mulai Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu tahun 2016-2020 tertakluk kepada kelulusan peruntukan yang bakal diterima oleh agensi pusat. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini ialah masalah yang berlarutan dan kelihatan sangat mengganggu akhir-akhir ini terutamanya di hujung minggu. Cumanya saya nak bertanya sama ada, apakah tidak boleh kita lakukan? Kita kenal pasti tempat-tempat yang selalu berlaku kesesakan tadi dan penyelesaian yang lebih mudah ialah kita adakan jalan alternatif, lebuh raya yang *by passing*, ataupun pintasan kepada tempat-tempat sesak tadi. Cuma sebab ada beberapa poin sahaja yang nampak sesak sangat misalannya Kuala Kangsar ke Terowong Menora. Kalau ada jalan pintasan yang merupakan jalan alternatif, saya rasa itu tak tinggi sangat kosnya dan juga memudahkan orang ramai. Terima kasih.

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah atas soalan tambahan. Memang diakui kesesakan terutama di seksyen-seksyen tertentu dalam Lebuhraya PLUS secara umum. Suka saya ingin menyatakan di sini Yang Berhormat, salah satu alternatif yang dibuat oleh kerajaan melalui PLUS adalah dengan membina persimpangan baru, ataupun menaik taraf persimpangan-persimpangan yang sedia ada. Pada umumnya Yang Berhormat, adalah untuk *disperse the traffic*, dengan izin, ataupun menyuraikan trafik yang sedia ada. Dan untuk menjawab kepada persoalan Yang Berhormat itu sebenarnya, saya ingin berkongsi bahawa terdapat dua persimpangan baru yang telah siap dibina iaitu projek pembinaan persimpangan bertingkat dan Plaza Tol Bukit Gambir yang telah siap dibina dan dirasmikan pada Januari 2014, Yang Berhormat. Ini antara projek yang dibuat terutama yang menghubungkan di antara Persimpangan Bertingkat Tangkak di Johor dan Persimpangan

Bertingkat Pagoh. Kawasan tersebut dikenal pasti sebagai kawasan yang mempunyai *volume traffic* yang agak tinggi.

Dan yang kedua Yang Berhormat, projek pembinaan persimpangan bertingkat dan Plaza Tol Sungai Buaya, ini untuk *address issue* di sebelah Selangor, Yang Berhormat ya. Dan projek pembinaan persimpangan bertingkat ini telah siap dibina pada Januari 2014, dan seperti yang saya katakan, pembinaan persimpangan bertingkat ini Yang Berhormat, mampu menyediakan akses lebih mudah kepada lebih kurang 110 ribu orang penduduk sekitar Sungai Buaya, Sungai Choh, Serendah dan Utara Rawang, Yang Berhormat ya, yang mengadakan laluan untuk ke Lebuhraya Utara-Selatan, terutama yang berulang alik ke kawasan Lembah Klang, Yang Berhormat. Itu projek-projek baru yang telah siap dibina ataupun persimpangan bertingkat baru yang telah siap dibina.

Begitu juga untuk kawasan di sebelah Perak Yang Berhormat, Projek Bersimpangan Bertingkat Kuala Kangsar telah siap dibina pada 14 Disember 2014, dan ini pula adalah untuk *address issue* kesesakan di kawasan Perak.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, projek persimpangan baru yang dalam proses pembinaan iaitu persimpangan bertingkat baru Seremban di laluan Utara-Selatan juga Yang Berhormat atau lebih dikenali sebagai *Seremban Interchange*, yang *insya-Allah* dalam kemajuan projek sehingga berakhir Februari tahun ini sebanyak 77.25%, sedang dalam pembinaan dan *insya-Allah* akan siap mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Begitu juga Projek Pembinaan Persimpangan Bertingkat dan Plaza Tol Alur Pongsu dan ini adalah untuk menyuraikan trafik terutama yang berkaitan di kawasan Alur Pongsu, Bagan Serai, Selama, Changkat Lobak dan Kuala Kurau. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kesesakan hanya berlaku pada masa-masa yang tertentu disebabkan oleh pertambahan trafik dan untuk pengetahuan Yang Berhormat, di laluan PLUS sahaja pertambahan sebanyak 20%.

Keseluruhan jajaran PLUS merekodkan jumlah kenderaan 1.6 juta, dan ada pertambahan 20% sekurang-kurangnya atas perkara tersebut, dan pihak PLUS melalui apa yang telah saya nyatakan lebih awal telah melakukan beberapa tindakan untuk menyuraikan trafik dan antara yang telah saya kongsikan tadi, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan nombor empat tadi ada kurang tepat tapi namun demikian telah dinyatakan tentang kawasan, bukan sahaja di Selatan Perak tetapi di Utara Perak bermula dari Jelapang hingga kawasan pendakian Terowong Menora, hingga ke Changkat Jering.

Soalan saya dan juga pandangan saya, kita selalu melihat kepada isu-isu kesesakan yang mana kita lihat banyak kawasan diturap, dibaiki, dan juga dinaiktarafkan, sedangkan kita lihat tidak ada pun keperluan untuk membaiki atau menurap, dan ini menimbulkan kesesakan. Namun demikian, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak PLUS yang telah mengadakan langkah-langkah

baru seperti memberi kemudahan pencahayaan kepada lebuh raya yang membantu kepada keselamatan.

Isu keselamatan lebih penting, selain daripada kesesakan. Jadi, apakah pihak kementerian akan melihat kepada pengurusan ataupun perancangan di pihak PLUS? Ini yang mana tentang isu keselamatan- baru sekarang kita lihat pemasangan lampu-lampu baru yang membantu kepada keselamatan dan keselesaan pengguna lebuh raya. Sepatutnya perkara ini telah berlaku daripada menumpukan berbilion-bilion ringgit, yang saya difahamkan lebih kurang RM2 bilion untuk pengendalian PLUS ini.

Jadi, adakah bermakna pembekalan lampu ini mungkin kontraktor kurang dapat keuntungan daripada menurap jalan. Soalan saya ialah, kita harus menumpukan isu-isu keselamatan, untuk meningkatkan lagi *hardware* keselamatan di kawasan lebuh raya yang menjelaskan keselamatan dan keselesaan pengguna-pengguna, selain daripada menurap jalan. Kerja menurap dan membaiki jalan yang sentiasa ada, tak habis-habis. Yang dikatakan dua tiga *lane* tak pernah ada dua *lane* ataupun tiga *lane* dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang contohnya, tak pernah ada laluan terus langsung yang mengatakan ada tiga buah laluan ataupun dua. Mesti ada kerja-kerja pembaikan. Begitu juga di kawasan empat *lane*, tiga *lane*. Tak pernah adanya tiga *lane* berterusan, tak pernah adanya empat *lane* yang berterusan, kerana adanya kerja-kerja pembaikan dan juga kerja-kerja membaik pulih. Terima kasih. Soalan saya tadi, penekanan kepada isu-isu keselamatan. Terima kasih.

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar atas soalan tambahan. Saya ingin memaklumkan Yang Berhormat, selain daripada mengatasi isu kesesakan, pihak PLUS juga mengambil langkah-langkah untuk memastikan isu keselamatan, menjadi keutamaan dalam pelaksanaan apa sahaja bentuk program yang dilaksanakan oleh pihak PLUS sendiri.

#### ■1100

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, selain daripada itu, tindakan-tindakan juga dilaksanakan oleh pihak PLUS dan saya akan berkongsi dengan Yang Berhormat mengenai tindakan-tindakan tersebut dalam tempoh dua tahun. Selain daripada pemasangan lampu-lampu, selain daripada rawatan jalan-jalan Lebuhraya PLUS yang dilaksanakan secara berterusan. Di samping itu juga, pihak PLUS juga melihat kepada aspek-aspek inovasi yang mampu untuk membantu penyelenggaraan jalan, isu-isu keselamatan dan ini akan dapat diatasi dengan baik.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, isu-isu keselamatan ini juga merupakan obligasi yang utama pihak konsesi termasuklah pihak PLUS dalam perjanjian konsesi. Oleh daripada itulah aspek keselamatan ini sangat penting untuk dipatuhi oleh pihak konsesi. Kementerian melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia atau LLM akan sentiasa memastikan aspek-aspek keselamatan ini diberikan tumpuan yang sewajarnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**5. Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan sekiranya ada cadangan untuk membantu pekebun getah di Sarawak dalam bentuk subsidi bagi menampung kesan penurunan harga getah dunia sejak beberapa tahun ini.

**Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Sri Douglas Uggah Embas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan memang menyedari kesan penurunan harga getah terhadap pendapatan golongan pekebun kecil di seluruh negara, termasuk di negeri Sarawak seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Rajang. Bagi meringankan beban golongan ini, beberapa program telah pun dijalankan.

Pertama, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menyerahkan peruntukan sebanyak RM37.7 juta di bawah Program Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah. Ini untuk negeri Sarawak dan ia akan diagihkan kepada 74,000 orang pekebun kecil dan akan diagihkan pada tahun ini. Mulai tahun 2015, kerajaan juga telah menyediakan dana awal sejumlah RM100 juta untuk seluruh negara. Ini juga akan, program ini juga termasuk untuk negeri Sarawak. Untuk melaksanakan Program Inisiatif Pengeluaran Getah (IPG) seperti yang telah dijelaskan di Dewan ini beberapa kali.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan juga melaksanakan Program Bantuan Tanaman Baru dan Tanaman Semula Getah. Di bawah program ini pada tahun 2014, bantuan sebanyak RM13,500 sehektar telah diberi kepada pekebun kecil di Sarawak melibatkan peruntukan sebanyak RM150 juta iaitu RISDA – RM67.5 juta dan Jabatan Pertanian Sarawak – RM51.5 juta. Ini merangkumi kawasan seluas 11,775 hektar. Pada tahun 2015, peruntukan yang disediakan untuk program di Sarawak adalah sebanyak RM107.5 juta iaitu RM67.5 juta untuk RISDA dan RM40 juta untuk Jabatan Pertanian Sarawak dan ini akan membolehkan kita menanam kawasan seluas 7,963 hektar. Terima kasih.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah prihatin kepada negeri Sarawak dan pada semua pekebun kecil kita.

Saya mohon Yang Berhormat Menteri peruntukan yang begitu besar itu supaya diberi sama rata di negeri Sarawak atau mengikut bahagian masing-masing supaya rakyat atau pekebun kecil di Sarawak dapat menikmati peruntukan tersebut. Apa yang saya ingin tahu, saya baru sahaja datang dari kawasan Tuan Yang di-Pertua, di kawasan pedalaman rakyat rumah panjang. Kalau kita tengok mereka ini, mereka sangat sedih kerana penurunan harga getah. Di Sarawak harga getah ialah RM2.50 sekilo. Saya ingat inilah satu yang menyebabkan pekebun-pekebun kecil kita seperti saya katakan tadi, rakyat di rumah panjang terasa terhimpit dan sukar untuk menampung keperluan kehidupan harian mereka.

Kalau di Semenanjung seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat, RISDA telah menyalurkan bantuan kewangan kepada pekebun-pekebun getah kita yang berdaftar dengan RISDA. Jadi soalan saya, adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk mengkaji bagi melaksanakan harga siling terhadap getah asli agar pengusaha getah ini dapat terus bertahan dalam mengharungi iklim pasaran dunia yang tidak menentu? Adakah kerajaan, langkahnya turut dipanjangkan kepada jenis-jenis tanaman komoditi yang lain seperti kelapa sawit dan sebagainya? Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat dari Hulu Rajang. Soalan pertama, Yang Berhormat mohon bahanwa peruntukan yang telah diluluskan akan diagihkan sama rata. Untuk makluman Yang Berhormat, inilah memang kita mengagihkan peruntukan itu untuk siapa yang layak. Mereka yang layak adalah pekebun-pekebun kecil dan pendaftaran ini telah pun dibuat dan kita telah mendapat angka 74,416 orang pekebun kecil di seluruh negeri Sarawak. Jadi dengan cara itu, ia akan dirasai oleh semua pekebun kecil di seluruh negeri Sarawak.

Mengenai cadangan untuk harga siling. Ini kita sentiasa bincang di sini. Kerajaan memikirkan pendekatan menetapkan harga lantai adalah satu pendekatan yang tidak *sustainable* dengan izin. Ia mungkin akan mengambil belanja yang besar dan kita melihat beberapa buah negara yang cuba hendak menggunakan kaedah ini, mendapati akhirnya mereka tidak mampu untuk menyelenggarakan kos yang diperlukan. Sebenarnya pelbagai pendekatan telah pun diambil kira, telah pun dibincangkan dan dilaksanakan ke arah bagaimana kita hendak membantu pekebun-pekebun kecil apabila mereka ini mendapati harga getah turun. Kerajaan memang cukup sedar dan akhirnya kita mendapati bahanwa insentif *production IPG* yang akan kita laksanakan adalah satu pendekatan yang kita fikir mampu dilaksanakan oleh kerajaan.

Dalam masa yang sama, dari semasa ke semasa agensi seperti RISDA pun mengadakan beberapa program bantuan. Misalnya baru-baru ini menteri berkenaan telah mengumumkan bahanwa RM21.7 juta akan diberi untuk membantu pekebun-pekebun kecil meringankan, memulihkan beban mereka dalam masalah harga getah. Kita juga telah pun diarahkan untuk mencari jalan bagaimana hendak mencari pakej-pakej yang tertentu yang mampu dibiayai oleh kerajaan untuk membantu pekebun-pekebun kecil ini. Tambahan itu, kita juga sedang giat untuk menjalankan kajian dengan peringkat terakhir untuk menambahkan kegunaan getah. Jadi kalau kita dapat mempelbagaikan kegunaan getah termasuk untuk membina jalan raya dan kita berharap dengan permintaan seperti itu, kita dapat menyokong, mendukung harga lebih baik kepada pekebun kecil. Terima kasih.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berkait dengan kita lihat kejatuhan harga getah memang dipengaruhi oleh pasaran antarabangsa berkait dengan isu ekonomi global, sosial politik dan juga lambakan stok getah yang begitu banyak di negara China yang saya kira menjadikan permintaan terhadap getah ini merosot. Jadi kejatuhan harga getah ini juga telah mempengaruhi sebahagian besar daripada 427,000 orang pekebun kecil dalam seluruh negara kita yang telah mengusahakan ladang getah kira-kira 1.3 juta hektar. Saya lihat kementerian dan juga Kementerian Luar Bandar dan Wilayah melalui RISDA ini masih belum mampu untuk mengurangkan kos sara hidup yang sedang dialami oleh pekebun kecil.

**-1110**

Pemberian-pemberian yang diberikan, bantuan-bantuan yang diberikan untuk penyelesaian jangka pendek pun masih belum berjaya untuk menyelesaikan masalah.

Jadi persoalannya ialah apakah langkah terbaru yang dilakukan oleh negara kita bersama dengan negara-negara pengeluar getah sekitar di peringkat antarabangsa termasuk Indonesia dan juga Thailand untuk menyelesaikan perkara ini? Apakah langkah yang berkesan untuk campur tangan di

Rantau Antarabangsa? Bukan hanya penyelesaian terhad dalam domestik di tempat negara kita, di peringkat antarabangsa bagaimana? Terima kasih.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, saya hendak membetulkan jumlah pekebun kecil kita adalah bukan 460,000 tetapi 300,000. Kedua, keluasan getah kita adalah satu juta hektar. Mengenai soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, memang kita sedar bahawa Yang Berhormat juga sedar, mengapa harga ini turun. Oleh yang demikian, maka kita telah mengambil beberapa langkah untuk berbincang dengan negara-negara pengeluar. Daripada bulan Mei ini, kita akan mengadakan satu mesyuarat di peringkat Menteri bagi 11 buah negara yang pengeluar getah di dunia ini. Sebanyak 11 buah negara ini mengeluarkan tidak kurang dari 93% jumlah pengeluaran dunia.

Jadi dengan kita dapat berjumpa, berbincang dalam bulan Mei ini, kita akan berbincang bagaimana kita sama-sama membantu. Ini kerana bagi semua negara ini, mereka juga mengalami masalah yang sama bahawa apabila harga getah turun, pekebun-pekebun kecil dia pun merasa menderita kerana pendapatan mereka turun. Bukan itu sahaja, tetapi kita juga menyaksikan penurunan pengeluaran getah. Di negara kita hampir turun 30%, di seluruh dunia hampir 10%. Ini kalau terus menurun, ia akan menjelaskan industri hiliran getah kita yang menyumbang tidak kurang dari RM30 bilion kepada ekonomi negara kita. Maka melalui mesyuarat ini dan satu lagi badan yang selalu berbincang mengenai getah ini adalah *International Tripartite Rubber Council* dengan izin, yang dianggotai oleh Malaysia, Indonesia dengan Thailand.

Tiga negara ini hanya dapat mengawal keluaran dalam 60%. Akan tetapi kita belum dapat membawa Vietnam, Cambodia, Laos masuk sama-sama berunding. Akan tetapi saya ingin mengumumkan di sini bahawa sekarang nampaknya Vietnam, Cambodia, Laos juga berminat untuk sama-sama duduk berunding bagaimana hendak mengatur satu strategi untuk menentukan harga getah tidak turun merudum pada masa akan datang. Jadi dengan kesediaan negara-negara ini bekerjasama, saya berharap dalam masa yang singkat kita dapat mencari penyelesaian yang berkesan. Terima kasih.

**[Soalan No.6 – Y.B. Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli (Pandan) tidak hadir]**

**7. Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan penjelasan yang terperinci mengenai *Sanitary and Phytosanitary Agreement (SPS)* atau Skim Perakuan Pensijilan Fitosanitasi Malaysia terhadap kualiti makanan yang diimport daripada negara lain.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuH*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tebrau. Sebagai menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tebrau, ingin saya maklumkan peraturan *sanitary* dan *phytosanitary* adalah merujuk kepada langkah-langkah yang diambil oleh sesebuah negara bagi menjamin keselamatan manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan daripada penyakit dan serangga perosak dalam produk pertanian dan makanan yang diimport. Manakala Skim Perakuan

Pensijilan Fitosanitasi Malaysia merupakan skim yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian bagi memudahkan dan mempercepatkan proses mengeksport bahan-bahan pertanian ke luar negara.

Bagi menjamin keselamatan dan kualiti makanan yang diimport daripada sesebuah negara, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani selaku penyelaras hal ehwal SPS negara menguatkuasakan syarat-syarat mengimport bagi produk makanan yang telah ditetapkan oleh jabatan dan agensi di bawah kementerian. Bagi produk berkaitan tumbuhan di bawah Jabatan Pertanian, produk yang hendak diimport perlu mendapat kelulusan pemeriksaan kuarantin dan analisis risiko makhluk perosak. Manakala bagi produk berkaitan haiwan ternakan di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan produk berkaitan ikan di bawah Jabatan Perikanan, masing-masing memerlukan kelulusan pemeriksaan premis dan analisis risiko import. Di samping itu, dokumen-dokumen khusus seperti sijil kesihatan, sijil analisa atau sijil fitosanitasi perlu disertakan bagi memastikan makanan yang diimport adalah bebas daripada perosak dan penyakit.

Selain itu, kementerian ini juga menguatkuasakan peraturan SPS di semua pintu masuk negara. Pemeriksaan dari segi dokumen dan fizikal dibuat ke atas setiap *consignment* makanan yang diimport dalam bentuk hidup atau mati bagi ikan dan haiwan ternakan serta tumbuhan dalam bentuk segar atau separuh proses oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Pensampelan juga akan dibuat bagi tujuan analisa kimia, mikro biologi dan fizikal di semua pintu masuk bagi memastikan kawalan keselamatan makanan import. Terima kasih.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah adakah piawaian yang disyaratkan oleh Skim Perakuan Pensijilan Fitosanitasi Malaysia menepati kriteria-kriteria peringkat antarabangsa? Apakah badan ataupun organisasi di peringkat antarabangsa yang menetapkan piawaian tersebut? Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Tebrau. *World Trade Organization* ialah badan yang menentukan standard dalam hal ini. Namun begitu, tidak semua negara yang *comply* atau mematuhi atau taat kepada standard ataupun peraturan yang ditetapkan oleh WTO. Ini kerana umpamanya Indonesia, susah sangat kita hendak masuk barang-barang kita dari Malaysia ke Indonesia. Walaupun ada sudah mereka juga menerima standard, *benchmark* dalam perkara ini, tetapi mereka meletakkan syarat-syarat yang lain, yang menyebabkan kesukaran bagi kita untuk mengeksport barang-barang kita ke Indonesia. Mereka ada alasan, tentunya *national interest, protections all that* menyebabkan mereka menggunakan alasan-alasan yang lain. Akan tetapi bagi Malaysia kita begitu patuh kepada syarat-syarat dan peraturan yang ada. Kalau tidak menimbulkan masalah dari segi penyakit yang dibawa oleh import-import itu, kita benarkan produk-produk masuk ke dalam negara kita. Terima kasih.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan banyak bahan makanan dibuat tidak memiliki sijil berdasarkan fitosanitasi, jadi bagaimanakah kementerian memastikan bahawa kualiti makanan itu ditentu sahkan? Minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

■1120

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab, saya ingin mengalu-alukan pemimpin-pemimpin masyarakat dari Parlimen Maran. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, kita ada MAQIS iaitu jabatan yang membuat pemeriksaan ke atas import-import yang dibawa masuk ke dalam negara kita. MAQIS begitu serius sekali, dia akan *check* satu-satu kalau perlu akan bahan-bahan makanan yang diimport itu. Begitu juga Jabatan Veterinar. Lembu-lembu yang diimport juga diperiksa dan kalau sekiranya tidak menepati syarat-syarat dan peraturan kita, didapati mereka tidak *comply* atau tidak mematuhi, kita tidak memberarkan barang itu diimport. Saya dapati tadi daripada laporan yang saya terima, kes-kes yang merupakan ketidakpatuhan ini tidaklah membimbangkan. Hanya sedikit sahaja. Sekian, terima kasih.

8. **Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan secara terperinci mengenai bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, Rancangan Makanan Tambahan dan Program Susu 1Malaysia. Adakah bantuan-bantuan ini juga disalurkan kepada SJK(T), SJK(C) dan SAR. Nyatakan jumlah yang disalurkan kepada sekolah-sekolah berkenaan daripada jumlah keseluruhan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah atas soalan tentang maklumat bantuan kepada pelajar-pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan pelbagai bentuk bantuan pendidikan kepada murid-murid daripada keluarga miskin dan golongan yang berpendapatan rendah di semua sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Tujuan pemberian bantuan ini adalah untuk memastikan semua murid berupaya mendapat peluang pendidikan sama seperti rakan-rakan mereka yang berkemampuan tanpa mengira bangsa, agama dan negeri. Antara bantuan yang diberikan adalah bantuan kewangan melalui Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) dan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) kepada sekolah kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekolah agama rakyat bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan peruntukan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin untuk SJK(C) berjumlah RM12.7 juta melibatkan 54,636 orang murid. Untuk SJK(T) pula, mereka mendapat peruntukan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin sebanyak RM7.835 juta untuk 35,034 orang murid. Bagi Rancangan Makanan Tambahan, SJK(C) diperuntukkan sebanyak RM30.626 juta untuk 58,615 orang murid manakala untuk SJK(T) pula, seramai 35,315 orang murid mendapat peruntukan sebanyak RM16.689 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Susu 1Malaysia juga telah dilaksanakan melibatkan semua murid sekolah rendah Tahun 1 hingga Tahun 6 di luar bandar. Bagi sekolah rendah di bandar, hanya murid yang mendapat Rancangan Makanan Tambahan (RMT) sahaja layak menerima Program Susu 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya amat bersetuju dengan apa jua bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada orang-orang miskin terutamanya pelajar-pelajar miskin. Akan tetapi saya hendak bawa satu perkara dalam Dewan yang mulia ini iaitu berkaitan dengan sama ada apa jua bantuan yang diberikan oleh kerajaan ini, sampai kepada sasaran ataupun tidak. Tidak guna kita ada program-program untuk membantu rakyat miskin, pelajar-pelajar miskin tetapi ia tidak sampai kepada golongan sasaran.

Sebagai contoh, saya hendak tahu apakah mekanisme yang digunakan oleh kerajaan untuk menyalurkan bantuan-bantuan ini? Kepada mana? Adakah peruntukan ini diberikan kepada pihak pentadbiran sekolah, diberikan kepada pejabat pendidikan negeri untuk menguruskan ataupun pejabat pendidikan daerah? Ataupun diberikan kepada PIBG ataupun diberikan kepada lembaga pengelola sekolah? Siapakah sebenarnya yang menguruskan wang peruntukan ini?

Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ada satu kes di kawasan saya sendiri di mana baru-baru ini saya terima maklumat bahawa ada sebuah sekolah di mana berlaku penyelewengan wang yang diberikan kepada Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin ini. Saya difahamkan bahawa tiga tahun berturut-turut. Pada tahun 2012, 2013 dan 2014, wang tidak sampai kepada pelajar-pelajar miskin di sekolah rendah, RM200 yang sepatutnya diterima oleh anak murid ini, tidak diterima. Seramai lebih kurang 301 orang pelajar tidak mendapat wang tersebut.

Jadi saya hendak tahu apakah mekanisme yang digunakan oleh kerajaan untuk memastikan bahawa wang yang disalurkan, peruntukan yang disalurkan itu sampai kepada kumpulan sasaran. Apakah tindakan? Saya tahu memang pihak kerajaan sudah mengetahui tentang penyelewengan ini. Apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan dalam hal ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Okey, itu sahaja.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana bersetuju dengan bantuan-bantuan yang diberi ini. Memang hasrat kementerian dan juga kerajaan untuk memastikan pelajar-pelajar ini dibantu. Di atas soalan sama ada kita membuat penyeliaan sama ada bantuan ini sampai kepada sasaran, kita sentiasa melakukan audit dalaman. Kita melalui pejabat pelajaran daerah dan juga jabatan pendidikan negeri, kita sentiasa melakukan audit dalaman. Sekiranya ada pelajar-pelajar ataupun ibu bapa rasa anak mereka layak dan tidak menerima bantuan ini, mereka boleh buat aduan kepada PPD dan juga Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan kita akan memastikan. Kita juga harus ambil maklum bahawa perkara-perkara ini juga diaudit dalam bahagian *Auditor General*,

kerajaan juga akan memantau pemberian-pemberian seumpama ini. Maka kita di pihak kementerian agak telus dalam penyampaian bantuan ini.

Saya ambil maklum tentang perkara kedua yang mana Yang Berhormat mengatakan tadi ada satu maklumat tentang penyelewengan. Saya cadangkan Yang Berhormat tolong berikan maklumat itu kepada saya dan saya akan memastikan pihak kita membuat siasatan.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: [Bangun]**

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Sabar dulu, Yang Berhormat. Saya jawab, terima kasih. Saya akan siasat perkara ini. Sekiranya ada kebenaran, kita pasti akan mengambil tindakan yang sewajarnya dan apa tindakan yang kita akan ambil, akan saya maklumkan juga kepada Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sudah pastinya tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin ini banyak membantu ibu bapa yang miskin dan berpendapatan rendah. Soalan saya ialah sejauh manakah keberkesanan bantuan yang diberikan ini semenjak penubuhannya pada tahun 2013 di dalam membantu mengurangkan masalah keciciran pelajar akibat kemiskinan khususnya di luar bandar. Adakah kerajaan bersedia untuk menambah bantuan sasaran ini disebabkan kos hidup yang meningkat sekarang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan untuk soalan Yang Berhormat ialah memang ia membantu. Bantuan ini, penerima-penerimanya memang telah berulang kali memaklumkan kepada kita kerana bantuan ini dengan secara tidak langsung meringankan beban mereka untuk memastikan anak mereka terus ke sekolah tanpa sebarang masalah.

#### ■1130

Sama ada bantuan ini kita hendak meningkatkan, kita perlu lihat peruntukan yang ada pada kita. Peruntukan yang ada pada kita terhad dan berdasarkan kepada peruntukan yang ada kita akan menghulurkan bantuan-bantuan ini. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat rasa perlu ada peningkatan maka di sinilah Dewan yang mulia ini boleh memastikan peruntukan ini ditambah. Bagi kita di kementerian apa yang kita terima, kita salurkan kepada mereka yang memerlukan. Apa Yang Berhormat kata sebentar tadi memang benar ini secara langsung membantu anak-anak kita terus ke sekolah dan kita juga dapat mengatasi masalah keciciran dengan secara langsung. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**9. Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan tahap semangat kesukarelawan di kalangan golongan belia di Malaysia.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, merujuk kepada Indeks Belia Malaysia (IBM) 2011 yang telah dihasilkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, skor bagi domain identiti ialah 58.0% menunjukkan bahawa remaja Malaysia masih lagi mengekalkan identiti mereka sebagai

rakyat Malaysia. Antara indikator bagi menilai identiti belia ialah sukarelawan. Kedua, penglibatan belia dalam kesukarelawan pada tahun 2011 adalah 60.5% menunjukkan sedikit pengurangan berbanding dengan 2008 iaitu 67.8% tetapi masih lagi tinggi berbanding dengan skor 2006 iaitu 48.1%. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa semangat kesukarelawan adalah di tahap sederhana baik di kalangan golongan belia di Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat, selesai sudah sesi soal jawab lisan.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PENERBANGAN MALAYSIA 2015**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia untuk mengawal selia perkara ekonomi yang berhubungan dengan industri penerbangan awam dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan perkara yang berkaitan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA SEKURITI (PINDAAN) 2015**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PINDAAN) 2015**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## **RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG PERSARAAN (PINDAAN) 2015**

### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri di bawah Peraturan 12(1). Sila.

### **USUL**

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.34 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 7 April 2015.”

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Dr. James Dawos Mamit]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM 2015**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. **[2 April 2015]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Minta Yang Berhormat Kuala Selangor menyambung berucap.

### 11.35 pg.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang undang-undang Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015. Di kesempatan ini juga saya mewakili rakyat di Parlimen Kuala Selangor ingin merakamkan ucapan takziah saya kepada keluarga mangsa tragedi helikopter yang telah mengorbankan antara mangsanya Ahli Parlimen Rompin pada hari Sabtu yang lalu. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh-roh mangsa tragedi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan penstrukturkan kembali Bahagian Pinjaman Perumahan Kementerian Kewangan bukannya satu perkara yang baru malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan dalam ucapan Bajet 2013 bahawa sebagai sebahagian daripada usaha konsolidasi fiskal dan mengurangkan beban tanggungan kewangan kerajaan Bahagian Pinjaman perumahan akan disusun semula. Beliau juga mengumumkan bahawa kerajaan akan melantik panel bank komersial untuk menguruskan pinjaman perumahan kerajaan yang telah berkuat kuasa sejak Januari 2013 dan segala manfaat dan bantuan yang dinikmati oleh penjawat awam terus dikekalkan malah ditambah baik.

*[Timbalan Yang di-Pertua ([Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]*

Penjawat awam masih tetap membayar 4% kadar faedah ke atas pinjaman perumahan. Selaras dengan itu, Mesyuarat Majlis Ekonomi pada 3 Jun 2013 juga secara prinsipnya telah bersetuju supaya Bahagian Pinjaman Perumahan dikorporatkan sebagai badan berkanun diasingkan saraan dengan mengekalkan faedah sedia ada yang dinikmati oleh penjawat awam pada masa sekarang. Bertitik tolak daripada itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 November 2014 telah bersetuju supaya Bahagian Pinjaman Perumahan dijadikan sebuah badan berkanun, diasingkan saraan dan dibebaskan sepenuhnya dengan kuasa autonomi penuh dalam tadbir urus kewangan dan sumber manusia di mana badan berkanun ini yang dinamakan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam.

Tuan Yang di-Pertua, lembaga ini ditubuhkan dengan objektif utamanya untuk mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan bagi membiayai pinjaman perumahan kerajaan. Saya dimaklumkan pada masa kini jumlah hutang Bahagian Pinjaman Perumahan adalah sebanyak RM46.6 bilion iaitu bersamaan 8% daripada jumlah hutang kerajaan yang berjumlah RM582.8 bilion. Kalau ini dibiarkan berterusan maka dalam masa 25 tahun yang akan datang Bahagian Pinjaman Perumahan akan memerlukan sebanyak RM107 bilion dan jumlah hutang Bahagian Pinjaman Perumahan akan meningkat kepada RM153.4 bilion.

Justeru itu, dengan penubuhan lembaga ini maka ia akan mengambil alih tanggungjawab kerajaan untuk membuat pinjaman bagi membiayai pinjaman perumahan pada masa hadapan memandangkan

LPPSA ataupun dikenali sebagai Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam akan beroperasi secara dengan izin *self-financing*.

Tuan Yang di-Pertua, *self-financing* dengan izin adalah dalam konteks LPPSA akan mendapatkan sendiri dana bagi menampung pembiayaan pinjaman perumahan pada masa akan datang. Semua baki pinjaman perumahan berjumlah RM43.9 bilion sehingga Disember 2014 akan dipindahkan kepada Lembaga Perumahan dan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam akan mengambil alih semua baki tunai KWSP sedia ada berjumlah RM1.24 bilion sehingga Disember 2014.

#### ■1140

Tuan Yang di-Pertua, saya telah membaca pelbagai keluhan dan dakwaan dalam *blog* dan sebagainya yang mengatakan Bahagian Pinjaman Perumahan Kakitangan Awam akan dimansuhkan. Bank akan mengaut keuntungan berlebihan dengan mengurus pinjaman perumahan kakitangan awam. Malah, pihak CUEPACS juga dilaporkan mereka cukup risau kadar faedah 4% yang dinikmati kakitangan awam sebelum ini melibatkan pinjaman rumah akan ditarik balik dan penjawat awam terpaksa mengikut corak berdasarkan keuntungan institusi kewangan lain seperti bank kerana kemudahan dan faedah seperti kakitangan awam akan ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ingin menegaskan bahawa dakwaan dan andaian sebegini adalah tidak benar dan agak terpesong daripada objektif kerajaan yang sebenar. Saya berharap agar penjawat awam tidak terpedaya dengan maklumat-maklumat yang tidak tepat. Sekali lagi saya tegaskan di sini bahawa ini bukan proses pemansuhan tetapi penstrukturkan semula sebagai sebahagian daripada usaha konsolidasi fiskal dan mengurangkan beban tanggungan kewangan kerajaan. Perlu difahami bahawa tiada perubahan dari aspek dasar pembiayaan perumahan di mana pengurusan pembiayaan perumahan kerajaan di bawah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam ini pada prinsipnya tidak akan melibatkan sebarang dasar baru dan perubahan terma pada masa kini. Kemudahan yang dinikmati oleh penjawat awam seperti jumlah kelayakan pinjaman, kadar faedah ke atas pinjaman perumahan sebanyak 4% dan kemudahan-kemudahan lain, saya difahamkan akan dikekalkan.

Hanya dari aspek perundangan, Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 akan dimansuhkan dan digantikan dengan Rang Undang-undang Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 yang sedang dibahaskan ini. Satu akta baru juga akan digubal bagi memberi kuasa kepada kerajaan negeri untuk terus memberikan pinjaman pembiayaan perumahan kepada pegawai dan kakitangan mereka di mana skim ini dippunyai di Johor, Selangor, Sabah dan Sarawak.

Dari segi organisasi juga dilihat satu struktur yang lengkap di mana lembaga ini akan ditadbir oleh sebuah lembaga pengarah yang bertanggungjawab kepada Menteri yang akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan sendiri dan lembaga ini juga akan mempunyai kuasa serta bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangannya sendiri.

Di sini juga saya ingin mencadangkan agar Presiden CUEPACS juga dapat dilantik menjadi lembaga pengarah bagi memastikan juga ketelusan, ketirisan dan juga hubungan komunikasi itu dapat diterjemahkan kepada semua anggota di bawah penjawat awam. Saya juga menyokong dari segi struktur ahli lembaga yang dicadangkan, yang terdiri daripada Peguam Negara atau wakilnya, Akauntan Negara

atau wakilnya, Ketua Pegawai Eksekutif yang menjadi anggota ex-officio, kurang atau sama dengan tiga orang anggota daripada kalangan Pegawai Perkhidmatan Persekutuan yang hendaklah dilantik oleh Menteri, dan kurang atau sama dengan dua hingga empat orang anggota lain yang hendak dilantik oleh Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pemilihan ahli lembaga nanti dilakukan dengan sangat teliti serta juga dengan izin, *without fear or favour* dan mengambil kira latar belakang akademik dan pengalaman setiap individu dan hanya anggota-anggota yang benar-benar berkelayakan menjadi ahli supaya lembaga ini diterajui oleh individu-individu yang berpengalaman dan berprofil tinggi untuk mencapai objektif yang digariskan. Dalam kata lain, orang yang dipilih mesti mempunyai *local standi* dengan izin, untuk menjadi ahli iaitu dalam istilah undang-undang, *local standi* bermaksud hak untuk berdiri dalam mahkamah. Dalam konteks ini, mempunyai hak untuk dilantik juga akan ditentukan berdasarkan kelayakan dan pengalaman seseorang.

Kerajaan sentiasa mengutamakan barisan penjawat awam yang menjadi tulang belakang kerajaan dalam menjadikan kerajaan lebih responsif terhadap aspirasi dan lebih perhatian kepada denyut nadi rakyat seperti yang sering disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Saya juga ingin mendapatkan juga penjelasan daripada pihak kerajaan, sejauh manakah dengan wujudnya Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam ini akan membantu generasi muda serta golongan kelas pertengahan dan bawahan perkhidmatan awam untuk memiliki rumah? Ini adalah kerana kebijakan penjawat awam adalah antara agenda kerajaan yang tidak sama sekali boleh dikompromi di mana barisan penjawat awam adalah penggerak aspirasi dan kehendak kerajaan. Peranan penjawat awam amat signifikan dalam menjayakan agenda negara. Pastinya akan wujud pihak seperti biasa yang akan berusaha memberi persepsi negatif terhadap usaha murni kerajaan seperti kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, penghalang besar kepada kerajaan pencapaian adalah dengan wujudnya prasangka dan prejudis.

Maka, saya berharap semua pihak menilai usaha murni kerajaan dalam konteks hasil yang diaspirasikan untuk kebaikan bersama dan tidak dipolitikkan sesuatu perkara hanya kerana perbezaan fahaman politik dan ideologi. Yang penting kita bekerja bersama sebagai satu pasukan untuk membawa Malaysia terus menuju ke arah kecemerlangan.

Saya juga berharap rang undang-undang yang dibahaskan ini juga iaitu Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, akan menjadi satu pegangan kepada penjawat awam dan harapan kepada penjawat awam untuk dapat memiliki rumah dalam konteks Malaysia. Di samping itu juga, dalam konteks perbahasan ini juga, saya juga berharap agar kerajaan juga dapat memberi galakan dengan wujudnya Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam ini akan memberikan satu galakan kepada penjawat awam generasi muda untuk mereka dapat memiliki aspirasi iaitu rumah.

Dengan itu, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih. Selamat Hari Jadi Yang Berhormat Kuala Selangor. Ya, Yang Berhormat Menteri jawab. Sudah tidak ada bangun sudah.

11.47 pg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tidak ada lagi yang ingin?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak ada.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ini sesuatu yang memerlukan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena pun tidak bangun ya.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Itulah. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Selangor dan ucapan Selamat Hari Jadi. Semoga panjang umur, murah rezeki dan terima kasih kerana memberikan cadangan-cadangan yang baik dalam pembentangan ini.

Beliau menyebut tentang ahli lembaga... *[Disampuk]* Ya, macam mana?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Panjang umur, murah rezeki, bayar GST.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Bayar GST. Ya, kita membayar GST, cukai dari rakyat, diproses di Dewan Rakyat, kita kembalikan kepada rakyat ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kawasan saya perlu banyak peruntukan, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** *[Ketawa]* Ahli Lembaga mestilah terbaik kata Yang Berhormat Kuala Selangor dan beliau juga mencadangkan supaya CUEPACS dilibatkan. Kita memang bercadang perkara yang sama supaya wakil CUEPACS salah seorang daripada ahli lembaga. Mereka yang terbaik itu akan kita pilih dan mereka hendaklah diakukan oleh Menteri untuk menjadi ahli lembaga.

Harapan supaya generasi muda terutama penjawat awam generasi muda untuk mendapat rumah, itu juga adalah harapan yang sama-sama kita inginkan. Kita juga mengharapkan agar harga rumah akan terus terkawal dan segala kemudahan yang diperoleh dalam Bahagian Pinjaman Perumahan sebelum ini di bawah Kementerian Kewangan akan diteruskan oleh lembaga ini. Tidak ada apa-apa perubahan kecuali kita ingin memindahkan segala hutang piutang dan kerajaan tidak lagi diberi beban dengan RM9 bilion hutang setahun untuk kita membiayai perumahan awam ini apabila lembaga mengambil alih hutang-hutang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan saya kepada Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempergerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

[**Fasal-fasal 1 hingga 47** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

■1150

## RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN KEGANASAN 2015

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Beberapa Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sekejap, Yang Berhormat Menteri akan sampai.

**Beberapa Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Pejabat Menteri dia jauh sedikit sekarang. Kena jalan 5 minit dari pejabat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah tangguh-tangguh macam ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apa.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bolehkah? *Is there any provision boleh tangguh macam ini?*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya ingat lebih baik kita berehat 10 minit.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini buang masa namanya. Buang masalah.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Adakah Dewan masih bersidang?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Isytihar rehat 10 minit...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Adakah Dewan masih bersidang?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi, tidak adalah rasa pelik sangat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Peliklah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Maknanya Yang Berhormat Menteri pun tidak bersedia agaknya untuk bentang.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Untuk menjaga nama baik Dewan dan juga nama baik Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya cadang kita tarik balik.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Adakah Dewan masih bersidang Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dalam perjalanan. Saya dimaklumkan dalam perjalanan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Dalam perjalanan. Dewan masih bersidang lagi?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Mana boleh tunggu Yang Berhormat Menteri. Parlimen ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apalah.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dewan bersidang di dalam senyap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak, tidak. Kalau senyap, Yang Berhormat tidak boleh bercakap Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini recordedkah, recordedkah ini? Recorded? Kalau recorded kena buat bantahan ini. *[Ketawa]* Mintalah Yang Berhormat Baling, bentang. Yang Berhormat Baling mana?... Yang Berhormat Baling pun tidak datang.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Pokok Sena boleh gantikan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau Yang Berhormat Menteri pun tidak sedia, tidak payah bentanglah.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh kita rehat sebentarkah? 10 minitkah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

### 11.55 pg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat juga sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena, jangan bising Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini, dunia telah digemparkan dengan gerakan militan dan ekstremis lanjutan daripada pergolakan di Asia Barat. Ancaman ini sedikit sebanyak telah memberi kesan pada Malaysia walaupun Malaysia bukanlah pangkalan kepada gerakan ini. Beberapa buah negara telah pun mengambil beberapa langkah menggubal undang-undang bagi menangani ancaman keganasan seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan Indonesia. Sebagai contoh, Amerika Syarikat telah mengambil langkah memantapkan tahap keselamatan mereka apabila *World Trade Center* dan *Pentagon* diserang oleh penganas yang mengakibatkan kemusnahan ekonomi dan kehilangan nyawa. Mereka telah menggubal rang undang-undang bagi menangani isu ini dengan mewujudkan *Patriot Act*

2001. Sekarang, dunia digemparkan lagi dengan aktiviti oleh satu kumpulan pengganas yang dikenali sebagai *Islamic State* ataupun IS.

Bagi menghadapi masalah ini, masyarakat antarabangsa telah mengambil langkah bagi menetapkan dengan mewujudkan Undang-undang Anti Pengganasan untuk menangani ancaman ini. Antara negara-negara yang telah mengambil langkah segera setakat ini ialah Amerika Syarikat, Britain, Australia termasuklah negara kita Malaysia. Dalam kalangan negara-negara ASEAN pula, Myanmar, Brunei, Filipina telah pun mempunyai undang-undang khusus untuk menangani ancaman keganasan. Kita muh sedar terdapat segelintir rakyat Malaysia yang sanggup berjuang bersama-sama dengan kumpulan pengganas yang lain. Kejadian keganasan yang berlaku di Perancis dan negara-negara lain merupakan satu iktibar kepada negara kita. Bukan Malaysia sahaja malahan Australia misalnya meminta dunia bersama-sama memerangi gerakan militan IS ini secara habis-habisan.

Umum mengetahui bahawa Malaysia telah lama menikmati keamanan dan kesejahteraan dalam ekonomi, sosial dan politik. Sehubungan dengan itu, kita tidak muh nikmat-nikmat ini lenyap sekilip mata dan dunia menuduh kita sebagai penggerak militan. Memang tidak dinafikan negara Malaysia yang kita cintai sudah mempunyai beberapa undang-undang yang telah pun diguna pakai untuk menangani aktiviti keganasan seperti Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 ataupun SOSMA dan juga Akta Pencegahan Jenayah 1959 ataupun (POCA) yang baru pun dipinda.

Berdasarkan rekod daripada pihak polis sehingga 31 Mac 2015, seramai 75 orang disyaki terlibat dengan elemen-elemen militan IS telah ditahan. Daripada jumlah tersebut, 24 orang telah diambil tindakan pendakwaan di bawah SOSMA, manakala enam orang lagi telah diambil tindakan di bawah POCA. Sebaliknya, 13 orang telah diusir keluar, 24 orang dibebaskan dan baki empat orang masih dalam siasatan.

#### **■1200**

Semalam 5 April 2015, seramai 17 orang lagi telah ditangkap dan jumlah keseluruhan setakat ini ialah 92 orang. Hasil daripada siasatan awal pihak polis, ini merupakan fasa kedua tindakan yang dirancang oleh kumpulan ini. Kumpulan ini bukan sahaja untuk melakukan keganasan di luar negeri, tetapi sekarang mereka sedang merancang untuk melakukan serangan terhadap Malaysia pula.

Walaupun kita mempunyai undang-undang tersebut, namun harus kita ingat bahawa SOSMA adalah merupakan undang-undang berbentuk tatacara ataupun *procedural law* bagi kesalahan yang diperuntukkan dalam Jadual Pertama merujuk kepada Kanun Keseksaan Bab VI dan VIA yang mana undang-undang ini merupakan undang-undang substantif ataupun *substantive law*.

SOSMA memerlukan bahan-bahan bukti yang tinggi dan kukuh sebelum sesuatu pertuduhan dikemukakan di mahkamah. Namun dalam keadaan tertentu, bukti yang kukuh dan jelas sukar diperoleh kerana maklumat itu adalah berbentuk maklumat risikan. Begitu juga dengan undang-undang POCA. Walaupun POCA merupakan satu undang-undang berbentuk pencegahan, namun ia adalah menjurus kepada jenayah berat dan jenayah terancang sahaja.

Sehubungan dengan itu, kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan satu undang-undang baru bagi mencegah sesuatu yang buruk sebelum ia berlaku. Bak kata pepatah, mencegah itu lebih baik

daripada mengubati. Undang-undang ini kelak adalah sebagai satu *option* atau pilihan kepada undang-undang sedia ada yang boleh digunakan oleh pihak berkuasa dalam memastikan tidak ada individu yang terlepas daripada sebarang tindakan perundangan sekiranya mereka melibatkan diri dalam perbuatan keganasan, terutamanya dalam aktiviti militan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015. Berdasarkan syor dalam Kertas Putih yang dibentangkan, suatu undang-undang baru akan diwujudkan untuk menangani secara khusus ancaman kumpulan IS ini. Pada masa yang sama, undang-undang yang lain seperti Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, Akta Pencegahan Jenayah 1959 dan Kanun Keseksaan akan diperkuuhkan sepenuhnya.

Menurut kertas putih tersebut, rang undang-undang ini bertujuan mengadakan peruntukan mengenai pencegahan perlakuan atau sokongan perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai di sebuah negara asing. Elemen-elemen utama dalam rang undang-undang ini memperuntukkan seperti berikut.

Pertama, fasal 1 mengandungi “Tajuk Ringkas”, dan peruntukan bagi permulaan kuasa sementara fasal 2 mengandungi takrif perkataan dan ungkapan tertentu yang diguna dalam akta. Antara terma penting yang ditakrifkan ialah perbuatan keganasan dan organisasi pengganas tersenarai yang perbuatan keganasan mempunyai erti yang sama yang diberi kepadanya oleh Kanun Keseksaan dan organisasi pengganas tersenarai. Ertinya, sama erti ditentukan dan diisytiharkan di bawah seksyen 66B dan 66C, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

Kedua, Bahagian II mengandungi kuasa penangkapan dan memperkatakan langkah-langkah sebelum siasatan diadakan di bawah Bahagian III. Melalui fasal 3, seorang pegawai polis tanpa waran menangkap mana-mana orang jika mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa terdapat alasan yang menjustifikasi siasatan diadakan mengenai kes orang itu. Kuasa ini disertai dengan kuasa penyiasatan yang terkandung dalam fasal 29 yang di bawahnya seseorang pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada inspektor diberi kuasa untuk membuat penyiasatan mengenai fakta dan hal keadaan mana-mana kes yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa terdapat alasan menjustifikasi siasatan diadakan di bawah Bahagian III. Mana-mana orang yang ditangkap mesti dibawa di hadapan seorang Majistret untuk proses reman bagi mengadakan suatu siasatan mengenai kes orang itu. Di bawah fasal ini, satu elemen penting yang mesti dikenakan adalah bahawa tidak seorang pun boleh ditangkap di bawah fasal ini semata-mata atas kepercayaan politiknya atau aktiviti politiknya.

Ketiga, seterusnya di bawah fasal 5, tiap-tiap orang yang direman tersebut hendaklah dengan seberapa segera boleh dibawa ke hadapan seorang pegawai siasatan.

Keempat, fasal 6 memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang direman boleh pada bila-bila masa dibawa ke hadapan seorang Hakim Mahkamah Sesyen yang untuk mendapatkan lanjutan tempoh reman bagi meneruskan sesuatu siasatan mengenai kes orang itu di bawah fasal 10. Dalam mana-mana hal lain, atas permohonan seseorang pegawai polis, Hakim Mahkamah Sesyen boleh mengarahkan

supaya seseorang itu dilepaskan tertakluk kepada pelaksanaan sesuatu bon bagi kehadirannya dengan sewajarnya di tempat dan pada masa di dalam tempoh yang tidak melebihi 59 hari atau dilepas tertakluk kepada pengawasan polis tempoh sedemikian yang tidak melebihi 59 hari. Jika seseorang dilepaskan tertakluk kepada sesuatu bon atau pengawasan polis, sesuatu perantai pengawasan elektronik hendaklah dipasang pada orang itu.

Kelima, fasal 7 menetapkan tatacara berhubung dengan pemasangan perantai pengawasan elektronik pada orang yang direman apabila dilepaskan di bawah fasal 6.

Fasal 8, menubuhkan Lembaga Pencegahan Keganasan dan memperuntukkan kuasanya.

Ketujuh, fasal 9 memberi Menteri kuasa untuk melantik pegawai siasatan. Tidak seorang pun pegawai polis boleh dilantik sebagai pegawai penyiasatan.

Kelapan, fasal 10 menyatakan kewajipan dan kuasa pegawai siasatan. Seorang pegawai siasatan hendaklah menyiasat dan melaporkan secara bertulis kepada Lembaga sama ada terdapat alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa seseorang itu terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai di sebuah negara asing atau di mana-mana bahagian sebuah negara asing.

Kesembilan, fasal 11 memperuntukkan mengenai akses oleh pegawai siasatan kepada orang ditahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain atau dikenalpasti dalam mana-mana penjara.

Kesepuluh, fasal 12 menetapkan kehendak bagi pegawai siasatan membuat laporan kepada Lembaga.

Kesebelus, fasal 13 memberi Lembaga kuasa untuk memerintahkan penahanan atau sekatan mana-mana orang yang terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai di suatu negara asing atau di mana-mana bahagian suatu negara asing selepas menimbangkan laporan lengkap penyiasatan yang dikemukakan di bawah sub fasal 3(4) dan laporan pegawai siasatan yang dikemukakan di bawah fasal 12.

Kedua belas, fasal 9 dimasukkan bagi mengelakkan keraguan tentang pemakaian perkara 151 Perlembagaan Persekutuan oleh sebab akta ini diperbuat di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan dan mengadakan peruntukan mengenai tahanan pencegahan perlindungan di bawah Perkara 151(1) secara automatik terpakai dan mengehendaki bahawa mana-mana orang yang ditahan di bawah akta ini diberi peluang untuk membuat representasi terhadap pemerintah. Tahanan itu seberapa segera yang boleh kepada suatu Lembaga Penasihat yang ditubuhkan di bawah Perkara 151(2). Tatacara bagi membuat representasi akan diperuntukkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah akta ini.

#### **-1210**

Ketiga belas, fasal 14 - Mengesahkan kesalahan perintah tahanan dalam hal kecacatan pentadbiran dalam pencapaian kepada orang-orang yang ditahan sementara fasal 15 memperuntukkan mengenai penggantungan perintah tahanan.

Keempat belas, fasal 16 memperuntukkan bahawa tempoh tahanan hendaklah disifatkan setelah dijalani serentak dengan apa-apa tempoh pemerintahan yang dikenakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Kelima belas, fasal 18 memberi Lembaga kuasa untuk membatalkan mana-mana perintah tahanan, perintah sekatan, perintah tahanan yang digantung atau diarah arahan bagi pelanjutan mana-mana perintah sedemikian jika Lembaga mendapati adil atau patut untuk berbuat sedemikian.

Keenam belas, fasal 19 bertujuan untuk menyatakan bahawa kajian semula kehakiman bagi apa-apa tindakan atau keputusan Lembaga Pencegah Keganasan berkenaan dengan apa-apa persoalan hanya melibatkan ketidakpatutan prosedur atau tatacara dalam akta ini.

Lembaga diberi kuasa bagi bawah fasal 20 untuk memerintahkan pemindahan mana-mana orang yang ditahan dari sebuah tempat tahanan ke sebuah tempat tahanan yang lain. Sementara subfasal 21(1) memberi *Commissioner General* penjara atau Ketua Polis Negara mengikut mana-mana yang berkenaan kuasa untuk memerintahkan supaya orang tahanan dibawa ke mana-mana tempat demi kepentingan keadilan atau bagi maksud apa-apa siasatan awam atau siasatan lain atau demi kepentingan negara atau demi kepentingan orang yang ditahan yang berada dalam jagaan atau yang dikurung.

Kelapan belas, fasal 24 - Menjadikan satu kesalahan bagi mana-mana orang berdaftar bergaul atau secara lazimnya berkawan dengan mana-mana orang berdaftar lain tanpa kebenaran Ketua Polis Negara di mana dia bermastautin melainkan jika dia tidak tahu dan tidak mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa orang itu adalah orang berdaftar.

Kesembilan belas, fasal 25 - Mengenakan penalti satu kali ganda dan juga sebatan bagi mana-mana orang berdaftar yang disabitkan dengan mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah mana undang-undang bertulis selepas tarikh namanya dicatatkan dalam daftar.

Kedua puluh, fasal 26 - Menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang berdaftar yang tidak dapat memberikan penjelasan yang memuaskan tentang kehadirannya bersama dengan dua orang berdaftar atau lebih atau berhampiran dengan mana-mana tempat di mana perbuatan ganas atau pecah keamanan berlaku atau baru-baru sahaja dilakukan atau selalu berada atau merayau-rayau atau dekat mana-mana tempat awam atau tempat hiburan awam.

Fasal 27 - Menjadikan satu kesalahan untuk melindungi mana-mana orang berdaftar melanggar mana-mana perintah di bawah fasal 13 dengan syarat bahawa fasal ini tidak terpakai dalam hal seorang isteri yang melindungi atau menyembunyi suami atau seorang suami yang melindungi atau menyembunyi isterinya.

Fasal 28 memperuntukkan bahawa penahanan mana-mana orang di bawah Bahagian IV tidaklah menjelaskan pembawaan kepada apa-apa prosiding jenayah terhadap orang-orang itu sama ada semasa atau selepas tempoh tahanannya.

Fasal 30 memberi pegawai polis kuasa untuk menangkap tanpa waran mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah fasal 24, fasal 26 atau fasal 27.

Fasal 31 memberi kuasa pengambilan gambar foto dan cap jadi mana-mana orang yang ditangkap di bawah fasal 3(1) atau namanya dikehendaki dicatatkan dalam data di bawah fasal 22 oleh mana-mana pegawai polis yang kemudiannya hendaklah menghantar gambar foto dan cap jadi itu kepada pendaftar. Sub fasal 31(2) dijadikan satu kesalahan bagi orang sedemikian enggan atau tidak patuh kepada pengambilan gambar foto ataupun cap jarinya dan kesalahan itu hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau denda yang tidak melebihi RM2,000 atau kedua-duanya sekali.

Fasal 32 melarang penzahiran maklumat untuk melindungi kepentingan awam dan saksi atau keluarga atau rakannya.

Fasal 33 memberi Menteri kuasa untuk meminda jadual melalui perintah yang disiarkan dalam warta.

Fasal 34 memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan bagi melaksanakan maksud akta ini.

Fasal 35 mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan.

Akta ini tidak menjelaskan mana-mana perintah pengawasan atau perintah tahanan yang dikeluarkan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 berhubung dengan mana-mana orang yang telah terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibat organisasi penganas tersenarai di suatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing sebelum tarikh akta ini mula berkuat kuasa dan orang sedemikian hendaklah terus tertakluk kepada perintah pengawasan atau perintah tahanan itu mengikut mana-mana yang berkenaan selagi perintah pengawasan atau perintah tahanan itu berkuat kuasa.

Akta ini tidak menjelaskan mana-mana siasatan yang dimulakan di bawah Akta Pencegah Jenayah 1959, berhubung dengan mana-mana orang yang telah terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi penganas tersenarai di suatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing yang belum selesai pada tarikh akta ini mula berkuat kuasa dan siasatan itu hendaklah diteruskan sehingga dia selesai di bawah akta itu seolah-olah akta ini tidak diperbuat dan jika diputuskan bahawa satu perintah pengawasan atau perintah tahanan hendak dikeluarkan. Perintah pengawasan atau perintah tahanan itu hendaklah dikeluarkan di bawah akta itu.

Akta ini tidak menjelaskan mana-mana prosiding yang dimulakan di bawah atau menurut Akta Pencegahan Jenayah 1959, berhubung dengan mana-mana orang yang telah terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi penganas tersenarai di suatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing yang belum selesai pada tarikh akta ini mula berkuat kuasa dan prosiding itu hendaklah diteruskan hingga diselesaikan di bawah akta itu seolah-olah akta ini tidak diperbuat. Selepas itu, jika apa-apa tindakan dikehendaki berhubung dengan sesuatu perintah pengawasan atau suatu perintah tahanan dikeluar di bawah Akta ini.

Kerajaan sedar bahawa pelaksanaan undang-undang pencegah yang digubal di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan akan berada di luar norma kebiasaan tatacara jenayah dan undang-undang keterangan yang lazim. Maka, kerajaan akan memastikan untuk adakan beberapa lindungan

jamin atau *safeguard* seperti elemen Lembaga Penasihat untuk membuat rayuan berdasarkan Perkara 151, Perlombagaan Persekutuan. Mereka yang dikenakan tindakan di bawah undang-undang ini juga turut diberi peluang untuk menggunakan peguam pilihan mereka semasa proses representasi di hadapan Lembaga Penasihat.

**■1220**

Belum sempat saya membentang rang undang-undang ini di Parlimen, telah kedengaran ada pihak tertentu cuba menangguk di air yang keruh dengan menyebarkan bahawa undang-undang ini adalah suatu yang negatif. Antara dakwaan negatif yang kedengaran sejak akhir-akhir ini ialah antaranya seperti berikut:

“kuasa Menteri adalah terlalu besar yang mana pihak-pihak tersebut menyatakan Menteri boleh mengisyiharkan sesiapa sahaja sebagai seorang ataupun entiti keganasan memandangkan Menteri mempunyai kuasa untuk mengisyiharkan entiti tersebut di bawah seksyen 66B, Akta Pencegah Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001” - Yang Berhormat Tuan Wong Chen Kelana Jaya dan Yang Mulia Yang Berhormat Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah Kuala Terengganu- *Free Malaysia Today* pada 30 Mac 2015.

Jawapan bagi menjawab kenyataan ini, suka saya menjelaskan bahawa Malaysia adalah sebagai ahli kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan sebagai wakil tidak tetap kepada Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk tempoh dua tahun iaitu 2015 dan 2016. Hasil daripada Resolusi Majlis Keselamatan PBB 1267 telah mengisyiharkan entiti sebagai pengganas. Berdasarkan resolusi PBB itu, Malaysia akur akan keputusan resolusi itu kerana isu pengganas, isu global.

Sehubungan dengan itu, di bawah seksyen 66B akta tersebut, Menteri jika berpuas hati bahawa berdasarkan maklumat daripada polis bahawa entiti tersebut terlibat dengan keganasan, maka Menteri boleh mengisyiharkan itu sebagai entiti pengganas yang perlu dikenakan pembekuan aset.

Walau bagaimanapun, sebelum semua tindakan itu dapat dilakukan, maklumat dan laporan lengkap serta justifikasi yang kukuh hendaklah dikemukakan oleh pihak polis kepada Menteri Dalam Negeri untuk membolehkan Menteri membuat pertimbangan mengisyiharkan kumpulan tersebut sebagai entiti yang ditentukan di bawah seksyen 66B(1), Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001. Dengan itu sebarang pengisyiharan dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 66B ini tidaklah boleh dibuat sewenang-wenangnya.

Isu POTA disamakan dengan isu ISA 1960. Yang Berhormat Tuan Wong Chen, Kelana Jaya dan Yang Mulia Yang Berhormat Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah, Kuala Terengganu, *Free Malaysia Today* pada 30 Mac 2015, Datuk Paduka Ibrahim Ali, Presiden Perkasa, *Malaysia Online* pada 3 April 2015.

Jawapan Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini tidak sama sekali sama dengan ISA 1960, kerana kuasa-kuasa eksekutif Menteri telah diambil alih oleh Lembaga Pencegahan Keganasan yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Begitu juga tahanan 60 hari di bawah ISA dibuat oleh polis sahaja sedangkan di bawah POTA tahanan 60 hari itu dibuat melalui proses mahkamah

secara berperingkat. Oleh itu, hujahan yang menyatakan ISA ini adalah kembar POTA, hujah yang tidak berasas dan kurang tepat, bahkan tidak betul Tuan Yang di-Pertua.

Isu semakan kehakiman hanyalah terhadap ketidakpatuhan prosedur sahaja dan bukan terhadap asas pengeluaran perintah tahanan.

*New Sin Yew, Malay Mail* pada 3 April 2015. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, undang-undang diperbuat di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan seperti yang saya nyatakan sebentar tadi. Ini yang mana seorang yang ditahan di bawah undang-undang ini boleh nafikan hak-haknya di bawah Perkara 5 Kebebasan Diri; Perkara 9 – Larangan Buangan Negeri dan Kebebasan Bergerak; Perkara 10 – Kebebasan Bercakap, Berhimpun dan Berpersatuan; dan Perkara 13 – Hak Terhadap Harta, Perlembagaan Persekutuan.

Namun begitu, kerajaan telah mengambil keputusan untuk tidak menafikan hak-hak tersebut dalam menggubal undang-undang POTA ini dengan memberikan peluang kepada orang-orang yang ditahan untuk dimaklumkan alasan-alasan tangkapan, berjumpa dengan waris kadim atau mendapatkan khidmat peguam pilihannya.

Semakan kehakiman hanya terhadap ketidakpatuhan prosedur sahaja melainkan juga orang tahanan itu terdapat membuktikan tahanannya dibuat secara mala fide ataupun dengan niat jahat.

Isu wujudnya campur tangan Menteri terhadap pembuatan keputusan oleh Ahli Lembaga Pencegahan Keganasan. Memandangkan pencalonan keahlian Lembaga dibuat oleh Menteri Dalam Negeri, kenyataan media oleh Yang Berhormat juga Yang Berhormat Tuan Wong Chen, Kelana Jaya dan Yang Mulia Yang Berhormat Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, Kuala Terengganu pada 30 Mac 2015 di Bangunan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan sebegini adalah tidak benar kerana pelantikan Ahli Lembaga Pencegahan Keganasan hendaklah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri. Definisi kepercayaan politik atau aktiviti politik adalah samar-samar, terlalu luas dan umum. *New Sin Yew, Malay Mail* pada 3 April 2015.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, penggubalan undang-undang ini telah pun mengambil kira *template* Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Perluasan) 2014 dan POCA dalam pengamatan saya, undang-undang POCA ini tidak seorang pun ahli politik ataupun atas aktiviti politiknya telah ditangkap. Di sini saya tegas bahawa tidak adupun niat kerajaan untuk bertindak sedemikian. Kerajaan memandang serius sekiranya perkara itu berlaku.

Di sini saya memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa rang undang-undang ini telah pun mengambil kira hak-hak asasi manusia ataupun *civil liberty* yang perlu diberi keutamaan sepenuhnya dan Ahli-ahli Yang Berhormat juga jangan bimbang mengenai perkara ini. Undang-undang baru ini juga tidak memberi kuasa eksekutif kepada Menteri sebagaimana Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 pada ketika dahulu. Akan tetapi kuasa tersebut telah diberi kepada sebuah Lembaga.

Pengerusi mestilah mempunyai kelayakan undang-undang dengan pengalaman sekurang-kurangnya 15 tahun dalam bidang undang-undang yang dibantu oleh Timbalan Pengerusi berserta dengan ahli-ahlinya juga mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang keselamatan dan mempunyai

integriti yang tinggi serta dihormati oleh masyarakat awam. Sungguhpun undang-undang ini seakan-akan sama dengan POCA, namun undang-undang POCA itu sendiri telah memberi kesan yang amat positif dalam menangani jenayah berat dan terancang.

Spirit atau semangat undang-undang yang baur ini pun seakan-akan sama dengan POCA tetapi beza daripada segi tindakan kerana tindakan akan diambil terhadap individu di bawah undang-undang ini hanyalah individu yang terlibat dengan militan dan ekstremis. Undang-undang sedia ada seperti SOSMA mencukupi menghadapi keadaan sebegini tetapi undang-undang baru yang akan wujud boleh membantu daripada segi kes yang tidak boleh dibawa ke mahkamah kerana perlukan beban bukti yang amat tinggi.

Semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan Kertas Putih bertajuk, *Ke Arah Menangani Kumpulan Islamic State* pada 26 November 2014 yang lalu dengan jelas menyatakan bahawa ancaman militan ini adalah amat serius kepada orang-orang yang tidak berdosa dengan menculik dan membunuh sekiranya mereka tidak mengikuti perjuangan mereka.

Ahli-ahli Yang Berhormat pun sedia maklum semasa membentangkan Kertas Putih tersebut, kedua-dua pihak sama ada kerajaan ataupun pihak lawan di sebelah sana telah bersetuju dan menyokong bahawa menjadi tanggungjawab kita sebagai Ahli Parlimen untuk memastikan keselamatan rakyat sentiasa terjamin dan terpelihara. Oleh yang demikian, saya amat yakin dan percaya serta memberi jaminan sepenuhnya bahawa undang-undang ini tidak akan disalahgunakan oleh pihak berkuasa dalam melaksanakannya.

Satu garis panduan yang komprehensif akan disediakan kepada pihak pelaksana supaya mereka memahami dan tidak akan menyalahgunakan kuasa.

#### ■1230

Saya tidak akan berkompromi dalam hal ini. Tindakan tegas akan diambil sekiranya mereka melaksanakan tugas di luar batasan undang-undang. Dalam menghadapi ancaman sebegini, kita tidak boleh membaca minda dan hati seseorang. Sehubungan dengan itu, satu modul pemulihan telah diwujudkan bagi meneutralkan ahli-ahli kumpulan ini supaya mereka kembali kepada ajaran dan kefahaman Islam yang sebenarnya berlandaskan al-Quran dan hadis. Antara modul yang akan dititikberatkan adalah berhubung dengan keagamaan, kerohanian dan jati diri, kenegaraan, psikologi serta nilai-nilai murni. Program ini turut melibatkan pihak berkuasa agama dan agensi-agensi keselamatan kerajaan yang lain. Penglibatan isteri, ibu bapa dan ahli keluarga yang terdekat adalah perlu bagi memberi sokongan moral kepada mereka dalam proses pemulihan nanti.

Pada masa yang sama, bekas-bekas tahanan yang berfahaman militan dan telah pulih sepenuhnya akan menjadi *role model* kepada mereka yang terlibat agar dapat berkongsi pengalaman betapa pahitnya mereka terlibat dengan kegiatan militan ini. Oleh yang demikian, dengan mandat yang telah diberi oleh rakyat, kerajaan dengan penuh tanggungjawab akan memastikan bahawa rakyat Malaysia terlindung dan terus hidup dalam keadaan aman. Keamanan ini amat tinggi dan mahal harganya dan tidak boleh dinilai dengan wang dan ringgit. Ingin saya tegaskan di sini bahawa kumpulan pengganas ini adalah buta warna dan tidak mengira siapa pun mangsanya. Bagi mereka, siapa yang

bukan pengikut mereka dianggap kufur ataupun kafir. Bukan Islam lagi dan yang sangat merbahaya. Kita perlu menerima kenyataan ini sungguhpun ia pahit untuk ditelan.

Apakah kita mahu melihat KLCC, KLIA itu musnah sekelip mata? Sudah pasti tidak. Ini adalah imej dan mercu kebanggaan negara dan tidak boleh diganti dengan serta-merta. *Insya-Allah* undang-undang yang digubal ini dapat mengekang aktiviti kumpulan ini. Oleh yang demikian, saya merayau agar semua pihak mengetepikan fahaman politik dan kepentingan diri masing-masing bagi membuat penilaian rasional bagi kepentingan keselamatan, kesejahteraan rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Kita boleh berbeza pendapat tetapi soal keselamatan negara jangan ada pertelingkahan sesama kita. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada sesiapa menyokong?

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai pencegahan perlakuan atau sokongan bagi perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas, tersenarai di sesuatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing serta bagi kawalan terhadap orang yang terlibat dengan perbuatan sedemikian dan bagi perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh kah saya bawa *Standing Order 54(1)*? Di mana satu *bill* selepas dibaca kali kedua sebelum dibahas, dihantar ke sebuah *select committee* untuk dihalusi sebelum dibincangkan di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, *later not this stage*, Yang Berhormat.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** *No, this stage. When it is read.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *No.* Sebelum bacaan kali kedua selepas perbahasan kemudian itu.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Selepas perbahasan kita boleh bawa dia?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya. Okey, ada yang nak berbahas? Saya mendapat ramai senarai pembahas, Ahli Parlimen yang ingin membahaskan rang undang-undang ini dan untuk membolehkan sebanyak yang boleh untuk mengambil peluang, saya rasa saya akan hadkan masa tidak melebihi 20 minit seorang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Eh! 20 minit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** 20 minit ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Cannot* 20 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Pengerang.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya nak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri kerana berpendirian tegas untuk membentangkan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 yang mana diperbuat di bawah perkara 149 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita mendengar hujah-hujah terutama sekali wakil Menteri iaitu Timbalan Menteri, saya agak terperanjat. Sepatutnya dalam hal sedemikian, tak perlu kita bahas undang-undang keganasan ini kerana kita perlu menerima hakikat bahawa ancaman yang berlaku ini, yang sedang berlaku ataupun yang akan berlaku sedang berlaku dalam negara-negara luar. Kalau kita lihat senarai negara-negara di dunia yang mewujudkan undang-undang pencegahan keganasan secara umum, kita lihat sudah digerakkan sejak dari awal tahun 2005. Saya nak menyebut contohnya seperti negara Amerika Syarikat dengan *Patriot Act* tahun 2001, Australia dengan *Australia Anti-Terrorism Act 2005*, Kanada dengan *Anti-Terrorism Act 2001*, India dengan *Prevention of Terrorism Act 2002*, United Kingdom dengan *Anti-Terrorism Crime and Security 2001*.

Jadi, daripada negara-negara ini yang kalau kita lihat negara-negara yang boleh dilihat sebagai negara maju, mereka sendiri begitu khuatir tentang ancaman yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mana mereka sudah mewujudkan satu gerakan daripada dulu. Kita hanya mewujudkan gerakan ini pada tahun 2015 dan itu pun disebabkan oleh Kertas Putih yang memberikan kepastian bahawa rakyat Malaysia ada yang terlibat ataupun dalam saya berbahas hari ini, mungkin membuatkan perancangan untuk melibatkan diri dalam pendekatan-pendekatan yang dibuat oleh keganasan di bawah kepimpinan entiti bernama IS. Kalau kita tekan komputer, kita *Google* perkataan 'IS', macam-macam yang dibuat atas nama mewujudkan negara Islam yang kita sendiri tahu bahawa fatwa agama sendiri mengatakan bahawa apa yang mereka perjuangkan itu perjuangan yang begitu salah.

Saya nak menekankan kepada aspek persoalan saya kepada sahabat-sahabat Ahli-ahli Parlimen, adakah kita nak menjadi seperti yang berlaku di negara-negara Eropah ataupun Amerika Syarikat ataupun UK pada hari ini. Terutama sekali dalam isu wanita-wanita muda yang mana Malaysia juga ada yang terlibat. Kalau kita baca antara yang berlaku ancaman kepada wanita muda ialah jihad nikah yang mana jihad nikah ini berlaku di mana mereka mengambil, menodai atas alasan kononnya memutihkan perjuangan dengan mengambil wanita-wanita untuk mewujudkan produktiviti kononnya bakal-bakal perjuangan mereka. Kalaulah rakyat Malaysia terutama sekali anak-anak muda wanita kita yang boleh terpikat kepada mereka atas konon perjuangan yang disalah fahamkan ini, bagi saya, Akta Pencegahan Keganasan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri ini bagi saya ini memberikan sedikit sebanyak, adalah sedikit muka kepada mereka yang ditangkap.

Saya dengar dengan begitu terperinci ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita bagi kuasa penangkapan dan juga reman dalam Bahagian II. Kita bercakap tentang siasatan dalam Bahagian III. Kita cakap tentang perintah tahanan dan sekatan dalam Bahagian IV kemudian kita bercakap tentang adanya jaminan yang mengatakan dalam tafsiran organisasi penganas tersenarai. Kita rujuk kepada pengisytiharan yang dibawa di bawah seksyen 66B dan 66C Akta Pencegahan Penggubahan Wang

Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, Akta 613. Maknanya kita masih ada rujukan kepada senarai organisasi pengganas tersenarai. Maknanya kalau tak ada rujukan ini, bolehlah kita takut seolah-olahnya Ali bin Abu, Ah Kau atau Muthu boleh ditangkap sewenang-wenangnya tetapi adanya jaminan di dalam pentafsiran.

Saya agak terperanjat bila Yang Berhormat Timbalan Menteri merujuk kepada sahabat-sahabat pembangkang yang mengatakan bahawa kononnya gegaran ini akan mengambil hak asasi. Saya nak tanya kepada mereka, apa perasaan mereka kalau anak dara mereka ini dibawa lari atas jihad nikah? Ini saya nak tanya. Ini kebebasan apa yang kita cakap, Yang Berhormat? Kita mewujudkan undang-undang ini kerana kita tahu niatnya ialah *good faith* bukan *mala fide*, bukan niat jahat dengan izin. Jadi, dalam tafsiran seksyen 21 pun, organisasi pengganas tersenarai telah disenaraikan, bagi saya siapa yang berani buat berani tanggung. Janganlah pula dalam perkara ini sekali pun kita nak mempersoalkan niat kerajaan iaitu niat eksekutif.

#### ■1240

Kemudian kita rujuk pula Tuan Yang di-Pertua, kepada penangkapan dan pengemukaan di hadapan Majistret. Kita tengok prosedur yang telah dilengkapkan, kemudian kita tengok tatacara di hadapan Majistret, kita senarai, kita tulis. Kemudian yang saya hendak sentuh ini yang bagi saya ...

**Dato' Irmohizam bin Ibrahim [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dia tanya saya, 20 minit tidak boleh tolaklah, tolak untuk dia 10 minit. Nanti dia tanya saya 20 minit, saya tidak boleh berbahas. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Asalnya 20 minit Yang Berhormat, yang tambahan itu budi bicara, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Irmohizam bin Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Pengerang.

Saya mendengar tadi tentang soal percanggahan hak asasi yang kononnya bila wujud POTA ini mengatakan bahawa akan melanggar hak asasi manusia. Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat Pengerang, dalam konteks penahanan dalam POTA ini, Yang Berhormat Pengerang setujukah kalau dalam konteks penahanan POTA ini adalah sebenarnya bersifat pencegahan? Ini kerana konsep tahanan adalah tujuan pencegahan seperti yang terdapat di dalam POTA adalah amat penting terutama sekali dalam pengumpulan semua bukti yang diperlukan untuk mensabitkan kesalahan ke atas suspek kerana seorang suspek itu tidak boleh ditahan atas kesalahan yang sama pada masa yang lain. Jadi ini adalah sangat penting kerana konsep pencegahan itu lebih baik sebagaimana yang ada dalam POTA ini. Saya minta pandangan Yang Berhormat Pengerang.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Pengerang, boleh?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Silakan. Tolak seminit, dua minit, ditolak lagi dua minit.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Saya cuma hendak tanya tentang hak asasi manusia ini. Bagaimana kita seimbangkan keselamatan negara, sekuriti dengan hak asasi manusia? Bolehkah di samping kita menjaga keselamatan negara dan juga hak asasi manusia dipelihara terutamanya seksyen 19(1) ini, "*Tiada apa-apa kajian semula kehakiman dalam mana-mana mahkamah mengenai...*"? Seksyen ini. Jadi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Pengerang, adakah dalam dunia pengganas-pengganas ini mereka juga ada hak asasi manusia? Minta pandangan, terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor dan Yang Berhormat Simpang Renggam.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *there is no absolute freedom*. Mana ada bebas sebebas-bebasnya? Yang mana sahabat-sahabat saya menyentuh ini memang kekhuitiran, *there is concern* dengan izin, bahawa penyalahgunaan kuasa. Akan tetapi yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mewakili Menteri sudah cukup terang kepada kita bahawa jenis jenayah, *possibility of terrorism*, jenis organisasi itu ditafsirkan di bawah seksyen 2.

Kemudian yang saya hendak cakap ini tentang hak asasi yang menjadi mangsa. Anak-anak muda, anak-anak dara yang dibawa lari atas jihad nikah, *where is their human rights?* Hendak bercakap tentang ISIS, Tuan Yang di-Pertua, ini main bunuh saja, dia bakar masuk YouTube suka bapa dia saja. Ini undang-undang apa? Ini pun bukan undang-undang jenayah syariah. Siapakah mereka yang boleh menetapkan tentang kejayaan, kegagalan, betul ataupun salah dan melihat seseorang itu dilihat tidak menyokong mereka, maka mereka ini dianggap sebagai musuh.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Sekejap ya sahabat saya. Saya hendak tanya pada Tuan Yang di-Pertua, *terrorism*, definisi *terrorism* saya hendak cakap ini ialah boleh dilihat sebagai – ini saya hendak sebut pada *Langley*. *Langley* ini, Yang Berhormat Kuala Selangor, FBI, sahabat kita. *Definition of terrorism* dengan izin, "*The unlawful use of force or violence against a persons or property to intimidate or coerce a government, the civilian population, or any segment thereof in furtherance of a political or social objectives*". Maknanya Tuan Yang di-Pertua, dia tak nak ikut sistem pilihan raya, dia tak nak ikut sistem undang-undang. Apa yang dia hendak buat, dia tidak suka, dia bom, *suicide bombers*. Dia tidak suka, dia bawa lari. Dia tidak suka, dia letup. Itu sahaja tujuannya.

Jadi dalam hal ini, Yang Berhormat Simpang Renggam dan Yang Berhormat Kuala Selangor, bagaimana kita hendak bercakap tentang *human rights* kalau mereka sendiri tidak peka kepada *rights* kepada mangsa yang telah menjadi mangsa pembunuhan, mangsa penculikan dan mangsa gadaian. Silakan sahabat saya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bila kita hendak bentangkan rang undang-undang seumpama ini, biasa, pejuang-pejuang *human rights* akan bercakap bahawa menyekat hak dan kebebasan. Yang Berhormat Pengerang, memang kita punya hak

kebebasan tetapi hak kita mesti berdasarkan kepada undang-undang. Soalnya saya hendak tanya Yang Berhormat Pengerang, kita hendak jaga hak seorang atau majoriti rakyat? Mana lebih utama, seorang atau ramai? Minta pandangan Yang Berhormat Pengerang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Pengerang, boleh sedikit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Pengerang.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pengerang. Maknanya kebanyakan golongan ISIS yang dikatakan terlibat membunuh orang ini, kata Yang Berhormat Pengerang tadi bahawa mereka ini bunuh saja orang dalam keadaan tidak tahu orang itu salah atau tidak salah. Kalau saya faham tadilah. Sekarang ini menggunakan hujah yang sama Yang Berhormat Pengerang, *that is why* kita tidak boleh juga kalau kita tangkap orang, kita tidak boleh terus anggap orang itu salah. Jadi sekarang ini kalau Yang Berhormat Pengerang tidak setuju ISIS ini bunuh orang dalam keadaan tidak tahu orang itu salah atau tidak salah, tiba-tiba kita tangkap orang, kita pun terus anggap orang itu salah, apa beza kita dengan ISIS? Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih sahabat-sahabat saya dari Lenggong dan Sepang. Masalah Yang Berhormat Sepang ini, dia peguam tetapi bila dia bercakap, hendak bercakap soal politik saja. Agaknya dia takut kena tangkap. Akan tetapi dalam seksyen ini, saya minta maaflah, saya kena sebut ya, adanya jaminan yang telah disebut. *Prevention* itu. Apa yang disebut tentang pencegahan? *What is prevention?*

Saya hendak tanya pada Yang Berhormat Sepang, kawan-kawan kita ya, kita ini sebagai orang Islam, kita dilihat wajib untuk sembahyang lima waktu, puasa dalam bulan Ramadhan, kenapa? Pencegahan kita daripada berkelakuan tidak senonoh. Pencegahan kita di mana Allah SWT berkata jangan minum arak sebab takut kelakuan tidak senonoh. Pencegahanlah.

Jadi bererti dalam perkara ini, bila kerajaan kata pencegahan keganasan, eh, boleh pula kita hendak bercakap pada orang semua, tak boleh, tak boleh, ini tidak cukup bukti. Itu sebabnya dalam seksyen-seksyen yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah bila dikatakan dalam – apa yang agak menarik ya, sahabat-sahabat saya ini ialah fasal 3(1), penangkapan dan pengemukaan di hadapan Majistret. Fasal 31 menyebut, “*Seseorang pegawai polis boleh tanpa waran menangkap manapun orang jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa terdapat alasan yang menjustifikasi siasatan diadakan mengenai kes orang itu di bawah Akta ini*”. Bukannya dia kata seseorang pegawai polis boleh tangkap suka siapa pun dia hendak tangkap. Tangkap atau tidak tangkap, dia tidak mengatakan adanya peruntukan luas tetapi diikatkan kuasa itu dengan yang disebut mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa terdapat alasan yang menjustifikasi.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: [Bangun]**

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Kalau kita lihat dalam tafsiran organisasi penganas tersenarai, diertikan maknanya penangkapan fasal 3(1) rujuk kepada interpretasi tafsiran yang disebut bawah fasal 2.

Jadi saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tidak takut dengan *prevention* ini. Akta POTA ini saya tidak takut sebab saya bukan penganas. Kalau lahir saya penganas, saya takut tetapi saya bukan

penganas. Jadi saya yakin tidak ada mala fide, niat jahat ke atas kerajaan melalui pemimpin eksekutif, saya tidak yakin. Jadi saya berpegang kepada fasal 3 dan tafsiran bahawa *good faith*, bona fide akan ada kepada pihak eksekutif. Terima kasih.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Pengerang.

Yang Berhormat Pengerang ada membangkitkan pentafsiran di bawah POTA ini ataupun rang undang-undang ini di mana dinyatakan *where an officer has reasonable suspicion* ataupun *words to the like of an offends being committed or words to the like*. Atas dasar tersebut, Yang Berhormat Pengerang telah menyatakan ini merupakan satu *safe guard* kononnya, so kita tidak perlu membahaskan rang undang-undang ini.

Boleh saya minta penjelasan, penerangan, adakah mana-mana undang-undang di dalam pengetahuan Yang Berhormat Pengerang yang membolehkan seorang pegawai *inquiry* menangkap seseorang tanpa *any reasonable suspicion*? Saya fikir tidak ada tetapi masih ada undang-undang yang disalahgunakan seperti ISA. Dalam keadaan tersebut, isu yang kita bahaskan ataupun bentangkan hari ini adalah sama ada akta ini boleh disalahgunakan. Yang Berhormat Pengerang perlu melihat kepada *provision-provision* yang berkenaan terutamanya *provision-provision* peruntukan-peruntukan yang memberikan kuasa amat luas kepada Menteri tanpa peluang untuk *judicial review*. Apakah pandangan Yang Berhormat Pengerang berkenaan perkara tersebut?

#### ■1250

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor. Sebelum saya jawab Tuan Yang di-Pertua, jangan tolak minit saya hendak bahas sebab mereka sudah pakai lebih kurang 15 minit, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh sebut banyak kali Yang Berhormat nanti ...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Saya takut sebab Yang Berhormat Bukit Gelugor bila cakap seminit jadi 10 minit. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu pada Tuan Yang di-Pertua, bacaan POTA ini bukan sahaja kita lihat sebagai alternatif pertama oleh kerajaan. Kita ada bersama kita dengan izin, tentang beberapa akta yang kita wujudkan iaitu Akta Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA), Akta Pencegahan Jenayah (POCA) (Pindaan dan Pemerluasan) 2013. Saya sebenarnya berpegang teguh kepada kepercayaan - *I believe* dengan penuh keikhlasan bahawa jaminan-jaminan salah guna yang kemungkinan boleh berlaku, saya yakin tidak boleh berlaku kerana kalau kita tengok fasal 3 itu ialah penangkapan dan pengemukaan di hadapan Majistret.

Kemudian, kita ada fasal 4 tentang tatacara di hadapan Majistret. Kemudian saya tengok tentang kuasa Menteri sahaja itu dirujuk kepada pelantikan Pegawai Siasatan. Kalau kita tengok Lembaga Pencegahan Keganasan di bawah Bahagian III siasatan, yang mana dengan izin fasal 8(1), "Suatu Lembaga Pencegahan Keganasan ditubuhkan yang terdiri daripada anggota yang berikut yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong". Tidak ada dinyatakan dalam fasal 8 ini terlibatnya *balancing act* itu daripada Menteri yang bertanggungjawab. Menteri hanya terlibat dalam pelantikan Pegawai Siasatan

tetapi Pegawai Siasatan ini tidak boleh datang daripada anggota polis. Ini bezanya dengan ISA. ISA itu Tuan Yang di-Pertua, kuasa tutor dia, *Enquiry Officer* dia, semua orang yang sama. *The tendency of a abuse*, kebolehan salah guna itu kemungkinan, *probability* mungkin berlaku.

Akan tetapi kalau kita ada Pegawai Siasatan, pelantikan berlainan dengan pelantikan yang dibuat oleh Lembaga Pencegahan Keganasan, saya sebagai Ahli Parlimen Penggerang yakin bahawa ada *safeguard*. Saya tidak tahuhah Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Parlimen Barisan Nasional, bukannya sebab kita *bias* pada kerajaan tetapi kita yakin kalau kita tidak ada niat untuk mengganas, kenapa kita takut kepada POTA? Kenapa kita takut kepada Undang-undang Pencegahan Keganasan kalau kita tidak mempunyai niat untuk mengganas. *[Tepuk]*

Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, sahabat-sahabat saya di sini, bagaimana jawapan kita menjadi pelancong di Amerika Syarikat. Di bawah *USA Patriot Act 2001* Amerika Syarikat, dia tengok muka kita ini, hendak masuk di Imigresenkah, hendak pergi *shoppingkah*, hendak masuk *clubbingkah*, kalau dia berpuas hati adanya unsur-unsur, tangkap, hilang, Guantanamo. Jumpa orang pun tidak, ghaib seghaib ghaibnya, tiba-tiba mati. Orang pergi juga ke Amerika Syarikat. Kita rakyat Malaysia pergi juga sebab kita yakin bahawa kita tidak adanya niat untuk mengganas. Akan tetapi, salah guna yang digunakan oleh *USA Patriot Act* itu, banyak kes kalau kita tengok penyalahgunaan tetapi mereka ini, *presumption of guilt* itu, lebih banyak kepada negara-negara luar daripada negara kita.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Akan tetapi dalam akta ini, saya tengok bahawa perbezaan *balancing* yang berlaku antara Lembaga dengan yang berlaku dengan Pegawai Siasatan itu, saya yakin, kalau adanya niat untuk menyalahgunakan, tafsiran itu yang penting. Saya berpegang kepada nawaitu kerajaan untuk pencegahan keganasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Setiawangsa.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Penggerang, Guantanamo Bay ini, semasa kempen Presiden Obama, *first time* dia mengatakan bahawa dia akan menutup Guantanamo Bay ini. Akan tetapi sehingga hampir habis dia punya ini, dia masih belum tutup. Adakah ini menunjukkan bahawa dia masih lagi mahu pencegahan ini dilakukan walaupun dia tahu itu *against human right?*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Minta maaflah sahabat saya Yang Berhormat Setiawangsa. *Americans* ini kadang-kadang, *is a very double standard country*. Masalah kita ini, saya ini pun pergi Amerika, pergi Harvard belajar tiap-tiap tahun, pegawai saya ada janggut kena tangkap, pula pasport orang Islam Melayu. Alasannya *presumption*, tahan lima jam atau enam jam kononnya kerana berjanggut, lelaki Melayu, kononnya nama itu dalam sistem itu nama dia ada. Tipu! Dia wujudkan ini sebagai *psychological implant* supaya kita masuk Amerika kita kena takut. Eh! Ada niat mesti kena, tidak ada niat kita lepas. Kita ini berbeza. Saya sudah cakap Yang Berhormat Menteri, pelajar-pelajar luar negara, pelajar-pelajar Timur Tengah, Syria, Lebanon, beratus-ratus, ribu-ribu datang Malaysia, mata biru, hidung mancung. Kalau dia ejen IS, apa kita hendak buat? Kalau dia duduk di

universiti dia tidak belajar, dia cakap dia belajar, bawa lari anak dara. Anak dara tidak apa, bawa lari bini orang.

Saya beritahu Yang Berhormat Menteri masa sesi lepas, *how do we know they are not attract? Because ISIS ini ialah psychological problem*. Dia datang Malaysia, tiba-tiba dia merasakan bahawa ini dia hendak perjuangkan. Budak-budak kita dia bawa kononnya pergi umrah, *landing* di Istanbul, *landing* di Jeddah, dia bawa lari masuk Syria, apa yang kita hendak buat? Inilah yang sebenarnya Kertas Putih yang dibentangkan oleh kerajaan, membuktikan bahawa perkara ini boleh berlaku dan perkara ini telah berlaku. Adakah kita sebagai wakil rakyat yang memimpin rakyat kita di kawasan Parlimen hendak membenarkan risiko ini boleh berlaku? Saya tidak sanggup. Ya, saya belum kahwin tetapi saya ada anak angkat 12 tahun, perempuan.

Tiba-tiba seronok umur 18 tahun, entah mana Pak Arab dia bawa lari nanti, mampus saya hendak kena bawa M16 masuk sana. Saya takut, ramai-ramai ini, budak-budak ini [*Menunjukkan isyarat tangan*]. Ini tidak apalah bawa lari lelaki tidak apa, ini perempuan-perempuan ini [*Menunjukkan isyarat tangan*]. Macam mana ini? Kita ini bukan hidung mancung, mata biru, yang *handsome-handsome* bawa lari. Itu baru *student*. Ini yang pelancong. Malaysia ini ramai pelancong Timur Tengah. Siapa tahu bahawa yang pelancong ini bukan adik-beradik, kaum kerabat ISIS, kita tidak tahu. *Support* kepada *terrorism*, subjektif.

Saya hendak bercakap tentang fasal 2 pun ... ialah keterangan, *evidence*. Hendak bukti macam mana? *Beyond any reasonable doubt?* Budak-budak boleh *email*, *YouTube*, *download* tentang isu buat bom. Kita hendak bawa bukti atas internet dalam *website* ini, dia boleh batalkan. *WhatsApp* hari ini dari Amerika, dari Lebanon, dari Turki, dari Palestin boleh masuk pada negara kita. Kerajaan hendak pantau, hendak *download*, hendak bawa bukti ikut proses hak asasi. Takkanlah sampai terbakar kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya boleh habiskan jam 1.00 petang, Yang Berhormat Pengerang.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap bahawa *they must be faith*, mesti ada keyakinan kepada kerajaan. Kalau adanya Kertas Putih bererti bahawa kerajaan yakin perkara ini ialah satu ancaman.

Kita dengar pula Yang Berhormat Menteri beritahu semalam, kita berhadapan dengan tragedi kehilangan sahabat kita daripada Yang Berhormat Rompin. Kita tidak tahu *what is the fault?* Akan tetapi kalau katakan adanya satu gerakan yang sedang berlaku pada hari ini, *attract to the nation, attract to us as leader of the people*, akta ini tidak perlu di bahas Tuan Yang di-Pertua. Selepas saya duduk, kita yang memang takut kepada pengganas yang tidak boleh dilihat wajah, menyokong kerajaan 100% sebagai saya mencabar! [*Tepuk*] Apakah yang hendak kita takut? *What are we afraid of? Human rights* sampai kita dibom? Tuan-tuan keluar kena tembak, kena bunuh.

Saya tidak apa, '*seven done*' taekwondo tetapi *bullet* tidak boleh, tembak habis. Pasang *bodyguard* pun *bodyguard* boleh kena tembak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Peluru tidak makan '*seven done*'.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Maksud saya Tuan Yang di-Pertua, komitmen kita pada kerajaan, sokong akta ini tanpa perbahasan! Sokong kerajaan kerana kita yakin Kementerian Dalam Negeri di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri mempunyai niat baik [*Dewan riuh*]. Sesiapa yang mempersoalkan hak asasi, persoalan saya, adakah tuan-tuan mempunyai niat untuk melindungkan pengganas? *That is my question to you.* Adakah tuan-tuan pengganas, maka tuan-tuan menyokong hak asasi mereka. *We Barisan Nasional* bukan pengganas. Kita menang kerajaan, kerana rakyat. Kita tidak menguar-uarkan. Tidak bererti kita Ahli Parlimen, kita boleh langgar undang-undang. Kita masuk penjara kerana kita memecah - *we break the law.* *We break the law*, kita kena tangkap sebab kita adalah rakyat Malaysia yang ikut undang-undang [*Disampuk*].

Akan tetapi kalau kita Ahli Parlimen, ingat kita boleh buat sesuka hati sebab kita ini Ahli Parlimen, kononnya kita tidak boleh masuk lokap sebab kita tidak boleh kena reman, bererti kita tidak menghormati undang-undang. Barisan Nasional menghormati undang-undang, pembangkang tidak menghormati undang-undang. Akta Keganasan untuk mempertahankan kedaulatan negara. Yang Berhormat Pengerang menyokong. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Sepang tetapi mula petang Yang Berhormat *[Ketawa].* Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya jemput Yang Berhormat Sepang untuk menyambung ucapan. Masa 20 minit ya. Sila.

### 2.32 ptg.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Termasuk gangkulah. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk berbahas akta ataupun Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015. Di mana rang undang-undang ini adalah untuk mengadakan peruntukan mengenai pencegahan perlakuan atau sokongan bagi perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai di sesuatu negara asing atau mana-mana bahagian di sesuatu negara asing dan bagi kawalan terhadap orang yang terlibat dengan perbuatan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat mukadimah ini saya ingin menyatakan bahawa kami, Pakatan Rakyat memang bersama-sama dengan Barisan Nasional iaitu kita juga menentang sekeras-kerasnya

amalan keganasan ini. Kita juga tidak menyokong sebarang elemen keganasan. Kami juga dalam memerangi *terrorism* ini bersedia memberi sokongan kepada kerajaan dalam segala tindakan dan respons yang dilakukan oleh pihak kerajaan bagi memerangi keganasan ini. Akan tetapi ada *caveat*, ya. Sokongan kami itu bersyarat iaitu apa sahaja tindakan ataupun respons yang ingin diambil oleh kerajaan mestilah ia satu respons yang berpatutan, munasabah dan mematuhi prinsip-prinsip kemuliaan insan—*karamatul insan*, prinsip-prinsip keadilan (*fairness*) dan juga memastikan hak sama rata di sisi undang-undang. Tidak sama sekali menggadaikan prinsip-prinsip asas yang bersifat universal yang menjadi teras kepada sistem perundangan jenayah di dunia ini dan juga negara kita. Antaranya, prinsip-prinsip seperti *presumption of innocent*, tentang beban pembuktian, standard pembuktian dan beberapa prinsip yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti keseluruhan dan peruntukan rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini, saya mendapati bahawa banyak peruntukan yang ada dalam rang undang-undang ini secara jelas melanggar prinsip-prinsip yang telah saya nyatakan tersebut. Antara yang paling jelas, rang undang-undang ini membentarkan penahanan tanpa bicara. Walaupun pihak kerajaan menyatakan bahawa sekarang ini Menteri tidak ada lagi kuasa seperti mana ISA, betul. Akan tetapi isunya ialah penahanan tanpa bicara itu masih lagi dibenarkan. Bagi saya, bukan masalah Menteri ataupun polis ataupun sesiapa yang diberi kuasa untuk menahan tanpa bicara itu. Persoalannya ialah tahanan tanpa bicara itu sendiri. Itu sendiri adalah bertentangan dengan konsep *rule of law*. Kedaulatan undang-undang. Oleh sebab saya percaya bahawa ini satu perkara yang tidak boleh sama sekali kita *compromise*.

Prinsip-prinsip yang saya nyatakan tersebut satu prinsip yang telah pun diterima pakai oleh banyak negara dan telah diterima pakai sejak sekian lama. Ia bukan satu prinsip yang dijelmakan begitu sahaja. Ia ada dasar, falsafah, rasionalnya kenapa prinsip-prinsip itu diperkenalkan. Sebab itulah dalam kita memerangi keganasan ini, kita akan membuat kesilapan sekiranya kita merasakan prinsip-prinsip ini boleh dikecualikan. Prinsip-prinsip ini boleh dibuang begitu sahaja demi mencapai matlamat yang kita gariskan.

Sebab itulah saya akan bahas nanti mengapakah rang undang-undang ini, kami Pakatan Rakyat menolak. *We reject*. Kami menolak sebab kami merasakan rang undang-undang ini bukan sahaja bercanggah dengan prinsip *human rights*, *rule of law* dan sebagainya, malahan kerajaan telah pun ada undang-undang bagi memerangi keganasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita masih ingat lagi bagaimana Parlimen ini telah meluluskan SOSMA. Daripada segi perundangan, undang-undang ini kita boleh bagi kepada dua. Satu, kita panggil *substantive law* dan satu lagi dipanggil *procedural law*. Kerajaan telah pinda *Penal Code*. Kanun Keseksaan. Memasukkan beberapa peruntukan mengenai kesalahan *terrorism*. Kita boleh menerima pindaan itu sebab *terrorism* ini sekarang menjadi satu amalan. *Global phenomenon*. Fenomena global. Saya akui Malaysia juga tidak boleh lari daripada ancaman itu. Jadi, kita telah ada undang-undang yang menjadikan perbuatan keganasan dan apa-apa yang berkaitan dengannya boleh dikenakan tindakan. Bagi membicarakan mereka yang didakwa di bawah Kanun Keseksaan berkaitan dengan keganasan itu,

kerajaan telah buat SOSMA. SOSMA ini dipanggil *procedural law*, atau undang-undang prosedur. Undang-undang *substantive* ini menyentuh tentang soal *rights and abilities*. *Procedural law* ini bagaimanakah kita hendak enforce hak-hak tersebut.

Jadi, SOSMA telah pun ada dalam negara kita dan SOSMA ini peranannya adalah untuk membicarakan mana-mana pihak yang terlibat dalam keganasan supaya prosedur mereka adalah berbeza dengan kes-kes jenayah yang biasa. Kita tahu dalam kes-kes jenayah yang ada dalam negara kita, dalam kes yang tidak melibatkan keganasan ini, mereka yang dibicarakan ada satu undang-undang dipanggil *Criminal Procedure Code* (CPC) di mana CPC ini mengawal bagaimanakah kes-kes jenayah itu dibicarakan walaupun saya tidak kata CPC itu undang-undang yang *perfect* tetapi kita boleh terima. Telah banyak perubahan dilakukan untuk memastikan hak-hak orang-orang yang kena tuduh itu dijamin. Sebagai contoh, dulu apabila kita terlibat dalam kes jenayah ini, kita ada masalah dipanggil prinsip, *equality of arms*. Maknanya, apa sahaja yang ada pada pendakwa, biasanya tidak di *share* dengan pihak pembela.

#### ■1440

Maka, kerajaan telah pinda masukkan seksyen 51A di bawah CPC. Maknanya apa sahaja *evidence* yang hendak digunakan dalam mahkamah mesti diserahkan kepada pihak peguam bela sebelum perbicaraan. Itu satu yang baik. Begitu juga pindaan kepada beberapa pindaan tentang reman dan sebagainya. Akan tetapi kerajaan tahu dan kita pun faham, apabila kita membicarakan kes-kes yang melibatkan keganasan ini, memang ada beberapa prosedur itu perlu *modified* sebab itu kerajaan buat SOSMA. Kita bantah SOSMA itu kerana ia agak bersifat *draconian*. Ini kerana kalau kita lihat SOSMA itu pun, sudah banyak peruntukan yang menunjukkan bahawa mereka yang dituduh dengan kesalahan keganasan ini sekiranya dibicarakan di SOSMA ini, boleh katakan susah untuk peguam bela hendak membela mereka.

Saya hendak bagi contoh, kita tengok dalam SOSMA seksyen 4, seksyen 24, seksyen 17, seksyen 19, seksyen 20, seksyen 30. Ini antara peruntukan-peruntukan yang bersifat *draconian*. Malahan saya tidak tahuhah sama ada Yang Berhormat Pengerang sudah betul-betul baca rang undang-undang ini ataupun dia sudah tengok SOSMA ini, ada beberapa peruntukan dalam rang undang-undang ini ada dalam SOSMA. Sebagai contoh, kita lihat kepada seksyen 7 rang undang-undang ini, iaitu rang undang-undang ini mempunyai peruntukan tentang tatacara khas yang berhubungan dengan peranti pengawasan elektronik (*electronic monitoring*). Ini pun ada dalam SOSMA di bawah seksyen 4, subseksyen 8.

Begitu juga dalam seksyen 7(1), sudah ada sudah. Sudah ada peruntukan untuk monitor mereka yang ditahan ini. Jadi, kenapakah kita adakan lagi dalam akta yang kita bahas sekarang ini? Begitu juga kalau kita lihat kepada SOSMA tadi banyak peruntukan ini yang memang, dengan izin, *relax*, memudahkan pengemukaan *evidence* dalam mahkamah. Sebagai contoh, kalau kes yang melibatkan saksi kanak-kanak.

Kalau dalam undang-undang sekarang *Evidence Act*, dia ada satu prosedur yang agak sukar untuk kita terima saksi kanak-kanak sebab kanak-kanak ini selalu dikatakan dia ada masalah untuk *differentiate* antara realiti dan fantasi. Oleh sebab itu dalam undang-undang berkaitan kanak-kanak ini, dipanggil

*evidence of tender years* ini, dia *is a rule of law*. Kita mesti ada *collaboration*. Akan tetapi dalam seksyen 19 SOSMA sebagai contoh, keterangan kanak-kanak ini mudah, boleh terima. Begitu juga berkaitan dengan seksyen 20 SOSMA. Apa sahaja dokumen yang disita boleh digunakan sama ada disita secara haram dan sebagainya, boleh diterima. Dia *relaxkan* cara pengemukaan. Kalau kita lihat daripada seksyen 17 hingga seksyen 26 SOSMA itu, segala bentuk pengemukaan *evidence* di SOSMA itu dipermudahkan.

Jadi kalau Yang Berhormat Menteri kata tadi dalam pembentangan bahawa sebenarnya bila ada SOSMA ini susah sebab ia melibatkan satu pembuktian yang susah hendak dibuktikan, nyata Yang Berhormat Menteri tidak baca SOSMA. SOSMA telah memudahkan. Maknanya kalau pendakwa dalam kes SOSMA ini memang mudah untuk *secure conviction*. Saya hendak beri contoh betapa teruknya SOSMA ini, seksyen 30(1), jika mahkamah perbicaraan membebaskan tertuduh bagi kesalahan keselamatan, pendakwa raya boleh pohon secara lisan kepada mahkamah untuk tertuduh direman dalam penjara sementara tunggu notis rayuan difailkan.

*The moment* sahaja mahkamah kata bebas, pendakwa bangun, Yang Arif saya mahu dia tidak dibebaskan. Seksyen 30 subseksyen 2 mengatakan, atas permohonan oleh pendakwa raya di bawah subseksyen 1, mahkamah hendaklah memerintahkan tertuduh itu direman. Maknanya, Hakim tidak ada budi bicara, pendakwa minta mesti bagi. Ini apa punya undang-undang saya pun tidak tahu. Akan tetapi ini undang-undang dalam SOSMA.

*My point* Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, kita sudah ada SOSMA yang memudahkan pendakwaan ke atas mereka yang terlibat dalam hal keganasan ini. Jadi, bagaimanakah dalam keadaan kita kerajaan tidak menawarkan apa-apa bukti SOSMA ini tidak efektif? Minggu lepas saya berada di mahkamah mewakili kes yang melibatkan akta keganasan ini, *Penal Code* yang dibicara bawah SOSMA. Saya diberitahu oleh pendakwa, setakat ini belum ada satu kes pun yang melibatkan perbicaraan di bawah SOSMA telah habis bicara, telah ada hukuman. Belum ada.

Kes yang pertama akan dibicarakan sama ada bulan empat atau bulan lima ini ialah kes Yazid Sufaat. Orang kata Yazid Sufaat ini terlibat dalam antraks. Saya difahamkan kes ini baru dibicarakan. So maknanya, belum ada satu pun keputusan yang berkaitan dengan SOSMA ini. Maknanya belum ada satu keterangan yang menunjukkan SOSMA *doesn't work*, SOSMA ini tidak berkesan. Tiba-tiba dalam keadaan begitu, kita perkenalkan pula akta baru untuk tangkap mereka ini tanpa bicara. Bukankah ini satu sikap yang menunjukkan kita ini memang langsung tidak memikirkan soal *human rights*?

Tadi Yang Berhormat Pengerang kata ini akta pencegahan. Dia kata dalam Islam arak pun pencegahan. Minta maaflah Yang Berhormat Pengerang, arak ini, saya tidak tahu. Yang Berhormat Pengerang ini belajar mana syariah saya pun tidak tahu. Kes arak ini, kalau dalam Islam ada kata masuk dalam hudud. Apabila masuk dalam hudud, ia akan dibicarakan. Dia boleh dicegah. Kalau kita kata ada orang minum arak kena bicarakan, *produce evidences*. Ada ulama kata dengan *korinah* boleh. Contohnya kalau ada bau arak, sudah boleh dakwa tetapi maknanya pokoknya, ada perbicaraan.

POCA ini langsung tidak benarkan orang dibicarakan. Jadi Yang Berhormat Pengerang, jangan salah guna. Orang kata dalam bahasa Arab dia kata '*qiyas maal fariq*', kamu bagi contoh yang tidak

betul. Kamu bandingkan arak dengan ini, tidak betullah. Arak bicara, yang ini tidak bicara langsung. Contohlah kamu hendak katakan nasi ini haram sebab apa, sebab arak pun haram. Itu contoh tidak betul. Contoh ini, *qiyas* ada kaedahnya Yang Berhormat Pengerang.

Jadi saya hendak katakan bahawa, dengan wujudnya SOSMA ini, kerajaan boleh memerangi *terrorism* ini. Jadi sebab itu, saya rasa tidak perlulah perkenalkan rang undang-undang ini. Tadi Yang Berhormat Menteri kata sebenarnya rang undang-undang ini bukan ISA sebab dia kata dalam 60 hari pertama dahulu ISA, polis ada kuasa untuk tangkap. Akan tetapi dalam ISA juga Yang Berhormat Menteri, memperuntukkan Yang Berhormat Menteri boleh tahan. Baca seksyen 8A ISA, seksyen 8B. Malahan saya hendak katakan bahawa seksyen 8B ISA dengan 8A itu, sama dengan seksyen 14 dan juga seksyen 19 akta ini. Sebiji, ayat dia orang kata dalam bahasa undang-undang, '*in pari materia*', *word for word* sama. Maknanya kerajaan ambil daripada ISA itu, masukkan balik. Macam mana boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tidak sama dengan ISA.

Saya hendak bagi contoh seksyen 14 kata, tiada perintah tahanan boleh jadi tidak sah atau tidak berkuat kuasa oleh sebab:

- (a) orang yang terhadapnya perintah itu dimaksudkan telah sebaik sebelum perintah tahanan dibuat, ditahan di mana-mana tempat selain tempat tahanan yang disebut dalam seksyen 13(2). Turut ditahan sebaik selepas perintah tahanan itu dibuat di tempat yang telah ditahan di bawah seksyen 3 sebelum dia dipindahkan ke satu tempat tahanan yang disebut dalam subseksyen 13(2). Telah semasa jangka perintah tahanan itu berada dalam perjalanan dan jagaan polis atau dalam apa-apa jagaan lain sesuatu tempat tahanan disebut dalam subseksyen 13(2); atau
- (b) perintah tahan itu telah disampaikan kepadanya di mana-mana tempat selain tempat tahanan yang disebut dalam subseksyen 13(2) atau terdapat dalam apa-apa kegiatan yang berhubungan dengan penyampaian 'pesanan' itu kepadanya.

Ini Yang Berhormat Menteri, sama dengan seksyen 8A- *capital 'A'* ISA. Sebiji orang kata, 100% sama.

Kita lihat pula seksyen 19, kajian semula kehakiman atas tindakan atau keputusan Lembaga. Tiada apa-apa kajian semula kehakiman dalam mana-mana mahkamah mengenai dan tiada mahkamah mempunyai atau boleh menjalankan apa-apa bidang berkenaan dengan apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Lembaga pada perjalanan kuasa budi bicara mengenai apa-apa persoalan tentang pematuhan apa-apa tindakan yang mentadbir tindakan atau keputusan itu.

#### ■1450

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang ada dua minit lagi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Alah, takkan dua minit. Dalam akta ini kajian tersebut termasuklah *mandamus, certiorari*. Ini Yang Berhormat Menteri sama dengan seksyen 8B dan seksyen C ISA. Maknanya tiru ISA. Tiba-tiba kata ini bukan ISA. Macam mana kami hendak percaya.

Jadi sebenarnya bagi saya kerajaan ini sudah ketagih sebenarnya. Dia sudah ketagih dengan ISA itu, apabila ISA mati, tidak ada benda untuk itu, macam daun ketumlah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Sepang, sikit sahaja.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam bangun.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Lepas itu dia hendak terpaksa hendak dapat balik benda yang dia ketagih itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua yang bangun. Mana satu Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Shah Alam, sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya hendak rujuk balik kepada kata-kata Yang Berhormat Sepang tadi, di mana disebut bahawa undang-undang ini sebenarnya tidak memberikan hak kepada hakim-hakim untuk menilai. Dalam apa yang telah terkandung dalam rang undang-undang ini, semuanya merupakan bagaikan *rubber stamp* sajalah di mana hakim terpaksa akur, terpaksa terima, terpaksa setuju dan sebagainya. Lalu ini menunjukkan bahawa seolah-olah kerajaan tidak yakin dengan kemampuan para hakim itu sendiri, ini nombor satu.

Nombor dua, dengan adanya penahanan tanpa bicara, ini juga menunjukkan bahawa kerajaan seolah-olah tidak yakin dengan kemampuan pihak polis untuk mendapatkan bukti-bukti yang mencukupi untuk mensabitkan kesalahan pihak yang tertuduh. Adakah dengan itu ia juga menunjukkan bahawa ada masalah *conflict of confident, crisis confident*, keyakinan terhadap pihak polis dan juga pada pihak hakim dan bagaimana dalam keadaan itu keadilan boleh terjamin melalui undang-undang ini? Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, terima kasih pada Yang Berhormat Shah Alam. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bagi saya undang-undang ini undang-undang seperti mana kerajaan biasa buat iaitu dia ambil jalan singkat. Dia rasa ada masalah saja, dia ambil undang-undang tanpa bicara. Sedangkan saya kata tadi, SOSMA sudah ada. Dalam kalau kita lihat POCA dengan POTA ini, POCA ada spesifik, lembaga pembangunan itu adalah melibatkan orang hakim. Akan tetapi dalam ini, even untuk lembaga dipanggil Lembaga apa itu, apa istilahnya?... *[Disampuk]* Lembaga ini, dia ada satu lembaga yang ditubuhkan...

**Seorang Ahli:** Pencegahan Jenayah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Lembaga Pencegahan Jenayah. Lembaga ini tidak semestinya seorang hakim, walaupun diletakkan syarat adalah seorang yang berkelulusan undang-undang 15 tahun tetapi tidak wajib mesti hakim.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Akan tetapi isunya bukan isu sama ada lembaga ini siapa anggotanya, isunya kenapa benarkan tahanan tanpa bicara. Sebab bila kita benarkan tahanan tanpa bicara, bermakna kita *reverse* segala prinsip yang telah disetujui iaitu kita anggap orang ini bersalah. *Presumption innocent* kita tukar kepada *presumption of guilt*. Ini tidak boleh. Oleh sebab kalau

kita buat akta ini, tadi kata Yang Berhormat Pengerang, "Oh ini nanti macam mana kalau anak perempuan kita ditahan?" Yang Berhormat Bagan Serai duduk dulu, nanti saya bagi. Lepas saya habis saya bagi nanti. Saya hendak kata Yang Berhormat Pengerang...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Cakap terbalik dah semua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Pengerang ini seorang peguam, tetapi saya peliklah prinsip-prinsip asas pun dia tidak faham, ya. *Presumption innocent* ini dalam ini prinsip Islam... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Ini prinsip.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Orang tidak ada dalam Dewan, beranilah cakap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini prinsip yang diterima pakai. Dalam Islam pun begitu. Prinsip ini prinsip yang ada asasnya. Sebab apabila seseorang ditahan, dia berhadapan dengan *entire machinery of the government*. Oleh sebab itu yang boleh menyelamatkan dia daripada *on slog by the government* ini prinsip ini. Iaitu prinsip *presumption of innocent*. Sebab itu jangan sesekali kita *compromise* prinsip ini. Dia kata bagaimana kalau anak perempuan kamu dilarikan? Persoalan saya tanya pula, bagaimana kalau ayah kamu, abang kamu, tidak terlibat dalam kes keganasan, ditahan di bawah Akta Keganasan ini. Apakah perasaan kamu?

So, jangan kita ingat hanya pada sesuatu sudut, sebab keadilan ini kita kena tengok pada sudut yang lain. Sebab itu tidak boleh kita membuat satu kesimpulan, oh, apabila kita tidak sokong, kita sokong *terrorist*. Ini bukan cara kita berhujah Yang Berhormat Pengerang. Saya hendak bagi contoh bagaimana akta ini membenarkan apa saja teknik untuk mendapatkan *confession*. Saya bagi contoh fasal 10(3), dibagi masa pada pegawai siasatan. Saya bacakan.

*"Pegawai siasatan boleh bagi maksud mana-mana siasatan, mendapatkan dan menerima segala keterangan dalam apa-apa bentuk dan sama ada keterangan itu boleh diterima atau tidak boleh diterima di bawah mana pun undang-undang, bertulis yang sedang berkuat kuasa yang berhubungan dengan keterangan atau kriteria yang difikirkan perlu dan bersesuaian".*

Maknanya undang-undang ini membenarkan *torture*, undang-undang ini membenarkan kita peras ugut, lakukan perbuatan-perbuatan selagi mana untuk dapatkan keterangan daripada orang ditahan. Apabila dengan cara itu dia dapat *evidence*, undang-undang ini kata cara itu, walaupun mungkin salah, walaupun bertentangan dengan undang-undang boleh diterima. Adakah kita sebagai seorang manusia boleh terima undang-undang seperti ini?...

**Seorang Ahli: [Menyampuk]**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh. Memang patutlah jadi BN. Memang betullah BN.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yes

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bererti dia dapat keterangan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Kota Kinabalu, tidak perlulah buat rakaman dalam Dewan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Kota Kinabalu. Baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, seminit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekejap, sekejap, duduk. Kita tadi...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap menggunakan tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya. Tidak apa, saya bagi ingatan pertama. Tuan Yang di-Pertua sebelum ini sudah putuskan 20 minit. Yang Berhormat Sepang saya sudah bagi extra lima minit. Saya ingat gulung. Yang Berhormat Shah Alam, terima kasih ya.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya boleh bahas akta ini walaupun dua jam, *insya-Allah* tidak ada masalah... *[Dewan riuh]*

Serius, hendak tebus, ini bukan hendak berbangga sebab saya tahu, *I can, if you want you can debate me, no problem.* Kalau Tuan Yang di-Pertua benarkan, saya benarkan BN itu tanya soalan... *[Disampuk] I'm ready to answer the question, no problem.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang, sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sebab itu saya katakan ini undang-undang ini membenarkan perbuatan sebegini rupa. Makna kita boleh *extract evidence* mengikut cara-cara yang tidak ini. Kita mungkin boleh cabut kuku dia, kita boleh rendam. Kita kena faham di UK, saya minta sekali bacalah buku ini, ini buku yang paling baik ini, *Just Law, Helena Kennedy, Twin Council.* Beliau terlibat, banyak membela dalam kes-kes yang melibatkan *terrorism* di UK dan dia juga seorang- sekarang dia anggota *House of Lords.* Baca ucapannya dalam Parlimen. Dia menyatakan UK buat undang-undang *terrorist* tidak *settle*, makin teruk lagi. Sebab apa undang-undang yang melanggar prinsip *human rights* ini, apabila mereka...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Siapa hendak bangun, sila bangunlah jangan cakap macam itu..

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak bagi contoh bila diterangkan bagaimana, saya hendak bagi contoh sebab apabila...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Sepang, saya sudah bangun sudah. Yang Berhormat Sepang, saya sudah bangun.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Lepas ini.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Lepas ini, berapa kali lepas ini [Ketawa]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Ketawa] Lepas ini, lepas ini. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak baca. Undang-undang ini kerajaan kata kita akan, undang-undang ini tujuannya ialah untuk *rely* pada *evidence of intelligent*. Saya tadi hendak bacakan apa yang dinyatakan dalam Helena Kennedy. “*During the Scott Arms to Iraq inquiry in 1996, Lord Howe, who had been Foreign Secretary, said intelligence report*”. Ini UK punya, M15, dia mengatakan. “*Many look at first sight*”, dia kata ini *intelligence report*. “*Many look at first sight to be important and interesting and significant and then when we check them, they are not even straws in the wind. They are cornflakes in the wind*”.

Maknanya kualiti *intelligence* ini banyak dipersoalkan. Sebab dia ambil *base* pada *hearsay, hearsay evidence*. Sebab itulah *Professor of International Law*, Cherif Bassiouni, dia mengatakan, “*Hearsay is one of the internal component of the foreign intelligent dynamic in many nation*”. Masalah bila kita terima *evidence hearsay* ini, dia *accuracy* dia boleh dipertikaikan dan kebanyakan mereka yang beri maklumat kepada *intelligence* ini sendiri, mereka yang berkepentingan. Antaranya dia takut diambil tindakan, dia tolong. Jadi sebab itu kalau kita hanya *base* pada *intelligence* untuk tangkap orang, dia tidak mencukupi. Sebab itu dia tidak tertakluk kepada *judicial scrutiny* seperti ini.

Sebab itu seorang profesor mengatakan, apabila kita ini- dia kata, “*Democracy will die...*” Sekiranya kita buat sesuatu benda dalam keadaan sunyi, dalam keadaan tidak *share*, secara terbuka. Apabila kita ambil *evidence* secara rahsia dan sebagainya, *democracy will die*, dia kata.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang, cukup.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jadi sebab itulah saya ingin menyatakan bahawa kami tolak RUU ini dan saya ingin menyatakan walaupun adanya *judicial review*, tapi sama macam ISA. Saya biasa buat dekat ISA, *habeas corpus*.

#### ■1500

Kalaupun di sini ada *representation* tetapi apa yang berlaku dalam undang-undang ini kalau kita *challenge detention order* itu kita hanya boleh *challenge* tentang koma, tentang ini. Kita tidak boleh *challenge the subjective discretion of pihak* yang membuat keputusan ini. Maknanya, kita hanya boleh *attack on procedure round*. *The problem is*, contohnya dia *issue detention order*. Kita *fight habeas corpus*, kita kata ini adalah cacat. Kita failkan mahkamah, dibatalkan, dia keluarkan perintah tahanan yang kedua. Jadi, kita punya permohonan *habeas corpus* jadi akademik sebab itu tidak guna. Walaupun ada ini, dipanggil ini bukan satu *remedy* yang bermanfaat. *Remedy* ini semata-mata hendak tunjuk “*Oh! Kamu boleh pergi judicial review, kamu boleh pergi mahkamah tetapi in actual fact, it doesn't work*”. Ia tidak berkesan sebab itu hak orang tertuduh ini tidak langsung dihormati dan ini saya rasa akan menimbulkan satu ketidakpercayaan kepada sistem dan mungkin mereka yang mungkin disalah tahan ini kita tidak boleh menolak kemungkinan akta ini akan digunakan untuk orang yang *innocent*.

Oleh sebab itulah hakim dalam Islam dia kata, “*Lebih baik dia tersilap membebaskan 10 orang yang bersalah daripada tersilap menjatuhkan hukuman seorang yang tidak bersalah sebagai bersalah*”. Ini lebih teruk, tidak bicara langsung. Mereka tidak tahu salah atau tidak salah. Tidak bicara sepenuhnya,

dia bagi kepada lembaga untuk tahan orang. Ini saya rasa tidak boleh kita terima. Kalau kita seorang Ahli Parlimen, kita menerima ini bermakna kita *compromise* keadilan, kita *compromise* prinsip-prinsip yang telah diterima pakai selama ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

### 3.01 ptg.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015. Sebelum ini Tuan Yang di-Pertua kita telah mendengar berbagai-bagai ungkapan sama ada melalui media sosial, perbicaraan, ceramah-ceramah dan sebagainya, banyak. Sebentar tadi kita mendengar sahabat saya Yang Berhormat Sepang membicarakan bahawa kepentingan masyarakat, kepentingan negara harus dikompromi dengan soal hak kemanusiaan.

Pada saya perkara sebegini lebih baik kita membicarakan soal keselamatan masyarakat, keselamatan negara kita sendiri. Saya selaku wakil rakyat Barisan Nasional bukan kita menerima bulat-bulat apa yang tidak baik yang disyorkan oleh *the authority* tetapi kita melihat bahawa senario pada hari ini, perkembangan pada hari ini berubah dari semasa ke semasa. Oleh sebab itu pada saya walaupun mungkin akta ini ada yang menggagap sebagai *draconian* ataupun undang-undang rimba dia kata. Akan tetapi pada saya untuk menjamin masa depan rakyat kita, negara kita, undang-undang yang sebegini perlu kita terima bersama untuk menentukan kesaksamaan, kemakmuran negara kita pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat POTA ataupun Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan ini memang unik. Kita mungkin kena menerima dalam keadaan kita tidak boleh menerima sebab perubahan ini berlaku bukan daripada permintaan kita. Ia berlaku daripada permintaan yang berlaku di luar sekitar kita. Sebagai pemerintah, dia berhak menentukan untung nasib keselamatan bangsa dia. Kalau di sebelah sana memerintah contohnya tetapi saya yakin rakyat tidak akan bagi dia sebagai pemerintah, dia bicaralah soal *human right*, soal saksama sebab dia tidak peduli soal keselamatan orang awam. Dia tidak peduli anak buah dia kena bunuh atau menyertai IS kah, yang penting *human right*. Kalau *human right* boleh memerdekaan manusia, *go with your human rights*. Kita tidak peduli sebab kita melihat bahawa keselamatan bangsa Malaysia itu perlu kita jaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerima taklimat daripada *the authority*, pihak penguat kuasa bagaimana IS ini berkembang merebak seperti cendawan. Mereka ini terdiri daripada organisasi yang digabungkan dengan berbagai-bagai organisasi iaitu ingin mewujudkan sebuah negara Islam tanpa sempadan, bagaimana? Sedangkan kita ini masing-masing ada hak, masing-masing ada negara. Negara kita negara Malaysia, jiran kita Singapura, Thailand tetapi kalau semua ini dijadikan jajahan oleh IS sebagai negara Islam tanpa sempadan, saya rasa ini bukan satu perbuatan yang logik dan perlu kita cegah sebab peribahasa Melayu, “*Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.*” “*Kalau*

*sudah terhantuk baru tengadah, sudah hancur baru kita berbicara.*" Itu pada saya pemimpin yang tidak bijaksana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor bangun.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, sila.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya hendak tanya pandangan Kinabatangan mengenai kepentingan undang-undang ini. Kalau kita lihat melalui statistik Kementerian Dalam Negeri sehingga Mac 2015 seramai 71 orang rakyat Malaysia telah ditahan kerana disyaki terlibat dengan IS dan mengikut pecahan 24 orang telah ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas). Seramai enam orang telah dikenakan Perintah Pencegahan Jenayah Khas, 20 orang telah dibebaskan, 17 orang telah diusir keluar dan empat masih dalam siasatan polis.

Adakah pada pandangan Yang Berhormat Kinabatangan undang-undang POTA ini wajib diluluskan demi memastikan kita memerangi keganasan negara kita? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ketereh bangun.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, Yang Berhormat Ketereh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kinabatangan, apakah beliau boleh bersetuju kalau saya katakan bahawasanya menguruskan keganasan ini tidak sama dengan menguruskan perilaku jenayah-jenayah biasa? Pihak berkuasa menghadapi kesukaran yang amat sangat dan terpaksa menimbangkan di antara apa yang diistilahkan sebagai *human right* dengan *rights* dan juga kepentingan awam.

Sebagai contoh Yang Berhormat Kinabatangan, katakanlah misalnya pihak keselamatan mendapat informasi ada pihak yang akan mengebom *Twin-Towers* tetapi *burden of proof* belum mencukupi untuk mengambil tindakan menurut jalur mahkamah. Maka apakah atas nama kepentingan *human rights* orang yang akan melakukan jenayah dengan keselamatan nyawa mungkin beribu-ribu orang, pihak berkuasa tidak ada mekanisme, tidak ada alat, tidak ada ruang untuk menghalang. Oleh sebab itu dikatakan pencegahan, untuk menghalang keburukan itu daripada berlaku.

Kedua, bolehkah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju dengan mengatakan tahanan itu belum lagi menghukum. Ia adalah sebahagian daripada proses pencegahan. Dalam tempoh tahanan itu mungkin *rehabilitation*, mungkin langkah-langkah tertentu yang boleh diambil mungkin menyusahkan dua, tiga orang pengganas tetapi menyelamatkan masyarakat dan nyawa rakyat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor dan Yang Berhormat Ketereh. Awal-awal mukadimah saya, inilah sebetulnya pemimpin kerajaan yang bijaksana. Dia mampu memberi pencegahan awal-awal sebelum perkara yang tidak diingini berlaku. Memang jelas yang dipertikaikan oleh sebelah sana iaitu penahanan tanpa bicara. Memang jelas bahawa daripada

Yang Berhormat Kuala Selangor tadi banyak yang kena tangkap, kena tahan, kena siasat tetapi akhirnya dibebaskan.

Ada yang masih belum dibicarakan sebab akta yang kita ada seolah-olah tergantung. Jadi, oleh sebab itu akta pencegahan seumpama ini, penahanan itu saya tidak percaya pihak pemerintah, pihak berkuasa ini zalim. Buat apa kita menzalimi orang lain. Kalau kita orang Islam, kita menzalimi orang lain kita akan dihisab oleh Allah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sekejap Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam ini kalau diberi betis dia, dia mahu paha. Kita beri satu minit, dia 20 minit... *[Disampuk]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Lenggong, hendak betis sahaja. Paha tidak mahu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Ketawa]* Belum habis Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sedikit sahaja.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okeylah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Lenggong.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar rakan-rakan di sebelah sana sebut mungkin mereka menyebut bahawa akta ini memberi kuasa lebih kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Sedangkan dengan jelas bahawa dalam akta ini tidak ada kuasa yang berlebihan diberi kepada Menteri Dalam Negeri.

## ■1510

Kuasa penahanan sebenarnya diletakkan kepada lima orang yang dilantik menganggotai Lembaga Penasihat dan antara mereka mesti sekurang-kurangnya mempunyai pengalaman lama dalam bidang undang-undang. Itu dengan sendirinya menunjukkan bahawa tidak ada kuasa eksekutif yang boleh menyalahgunakan kuasa ini. Ini kerana pada kita, yang penting ialah majoriti, bukan membela sekelompok kumpulan yang kononnya berjuang soal *human right*. Apakah makna kita berjuang hak kita tetapi kita tidak fikir hak orang lain? Bagi pandangan yang lebih sedikit, Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya Yang Berhormat Lenggong. Paling penting iaitu niat, nawaitu, roh akta ini sendiri. Mana ada unsur-unsur akta ini menganiaya mana-mana pihak, lebih-lebih lagi orang politik.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Kinabatangan. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Ini saya puji Yang Berhormat Kinabatangan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana dia memberikan laluan.

Saya agak keliru kerana pada satu ketika kita kata kita tidak pentingkan soal hak asasi dan *human right*, selepas itu pada saat yang sama kita kata mana kita lakukan kezaliman. Lalu saya tidak faham,

tidakkah apabila kita menafikan hak asasi seseorang itu di mana kita menahan dia semata-mata atas khabar angin masuk dalam *WhatsApp*, masuk dalam *Facebook*, ada terima SMS kata kononnya hendak bom *Twins-Towers* maka kita tahan tanpa adanya bukti yang nyata bahawa betul ada usaha ke arah itu, bahawa ada sebenarnya penglibatan yang sebegini, maka kita kata oh itu kita buat atas pencegahan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey, faham.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Maka keluar sahaja khabar angin kita tangkap, dengar sahaja khabar angin, kita tangkap kerana kita hendak cegah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidakkah itu merupakan satu kezaliman?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey faham, faham.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** So, ia merupakan satu kenyataan yang kontradiksi di antara keadilan dan kezaliman dan hak asasi.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Yang Berhormat Kinabatangan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Setuju tak kalau saya kata...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau kita hendak adil, kalau hendak adil...

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Saya minta laluan Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Ketereh, kenapa Yang Berhormat Ketereh bangun ini?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya bagi Yang Berhormat Ketereh.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau kita hendak tidak ada kezaliman, tak nak kezaliman, kita kena akui dan iktiraf hak. Kalau kita tidak iktiraf hak, itulah zalim.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya minta Yang Berhormat Kinabatanganlah jawab.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey, saya bagi Yang Berhormat Ketereh.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kinabatangan setuju tak dengan saya, ini contoh *exaggeration* dan dia ‘dok’ *imagine* sendiri. Dia *imagine* apabila ada akta ini, ada sahaja SMS, tangkap...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Eh! ini contoh Yang Berhormat Ketereh bagi. Contoh Yang Berhormat Ketereh sendiri bagi.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Dia cuba hendak menyelewangkan *spirit* undang-undang ini...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *You gave that example.* Ada berita dengar kata kalau ada orang hendak bom menara...

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Duduklah, ini giliran saya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yalah pasal tadi Yang Berhormat Ketereh campur, saya hendak campur jugalah sekarang.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Duduk dahulu. Saya bertanya kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Duduk dahulu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Akan tetapi saya hendak ingatkan Yang Berhormat Ketereh, contoh yang saya beri contoh Yang Berhormat Ketereh bagi.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Semasa Yang Berhormat Shah Alam cakap, saya duduk. Jangan begini. Biar faham peraturan mudah.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Kinabatangan, saya kata ini satu tanggapan dalam khayalan dia. Dia khayalkan undang-undang ini diwujudkan, ada sahaja SMS tangkap, ada sahaja *rumors* tangkap. Dia tidak baca habis dalam akta ini. Itu sebabnya dalam akta ini dicadangkan satu panel, satu Lembaga. Lembaga itu pula bukan terdiri daripada orang sembarang. Kalau orang peringkat setakat peringkat Yang Berhormat Shah Alam, gerenti tidak layak punya [*Tepuk*] Kita tidak ambil orang yang kelas macam Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Shah Alam pun tak nak terlibat. Undang-undang yang zalim Shah Alam tak nak terlibat. Tidak payahlah hendak calonkan saya pun, tidak payah.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Panas punggung, duduk dahulu. Kena bagi lesen sedikit ini supaya baca dahulu akta sebelum bahas.

Oleh sebab itu dalam ini diberikan kriteria-kriteria supaya orang yang berkenaan itu dapat melihat bukti-bukti yang telah ditemui. Bukan untuk bincang SMS. Takkanlah benda mudah macam itu pun – patutlah duduk dalam PASMA, tidak duduk dalam PAS yang asli [*Ketawa*]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Minta Yang Berhormat Ketereh jelaskan mana? Mana ditunjukkan bahawa... [*Dewan riuh*]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Shah Alam, duduklah. Saya tak bagi.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Duduk, duduk. Dia memang *rhetoric MP*.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak ada. Hanya atas dasar apa sahaja boleh dibawa dan boleh ditahan.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Kinabatangan. Belakang, belakang.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, ini sebab saya tidak mahu bagi Yang Berhormat Shah Alam.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Yang Berhormat Kinabatangan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya sudah cakap awal-awal, bagi betis, dia hendak lompat atas kepala. Bagi satu minit dia mahu ambil 20 minit.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya dengar Yang Berhormat Shah Alam bercakap ini seolah-olah polis kita terlalu bodoh. Dengar fitnah, tangkap, seolah-olah polis kita terlalu bodoh, tidak ada penyiasatan. Dengar

fitnah tangkap, surat layang tangkap, WhatsApp tangkap. Memang Yang Berhormat Shah Alam pun bodoh, takkanlah polis kita bodoh. Takkanlah polis kita hendak bertindak atas WhatsApp.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Eh, kalau percaya kepada polis, serahlah kepada proses penghakiman. Mestilah polis boleh kemukakan bukti dan hujah.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Tadi Yang Berhormat sebut...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Undang-undang ini yang menunjukkan seolah-olah polis itu bodoh, tidak percaya kepada polis. Inilah masalahnya.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Tadi Yang Berhormat sebut sebarang laporan...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** BN yang tidak percaya kepada polis, BN yang tidak percaya kepada hakim *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Yang Berhormat membayangkan takkanlah laporan dalam WhatsApp polis hendak tangkap? Ini pun hendak tangkap, bodoh betul.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Pendang, sebetulnya kalau kita menggunakan kebijaksanaan dalam otak kita, kepala kita, akta ini tidak ada salah pun sebab tidakkan polis kita bertindak di atas seperti Yang Berhormat Shah Alam kata WhatsApp, bisik-bisik. Kalau ini berlaku, negara komunis pun tidak bertindak begini, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Yang Berhormat Kinabatangan, minta laluan sekali lagi Yang Berhormat Kinabatangan. Ada kemungkinan kalau dia ramai hendak minta ada kes mesti bawa mahkamah, bawa kepada hakim, dan apabila ada kes hakim jatuhkan hukum, dia kata hakim pula bersekongkol dengan syaitan *[Ketawa]* Pernah berlaku tak dalam negara ini? Kes liwatlah, kes apa kata hakim bersubahat dengan syaitan, hakim tidak adillah, hakim kena belilah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Shah Alam pun sama bersubahat dengan syaitan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Ini *triple standard*.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itulah sebabnya undang-undang macam ini tidak boleh pakai.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Shah Alam, saya tidak bagi.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau bawa mahkamah pun tidak boleh dapat keadilan, apatah lagi yang boleh pakai.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Mahkamah tidak boleh, polis tak boleh pakai, yang boleh pakai Yang Berhormat Shah Alam ini, yang bodoh ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, Pakatan Rakyat sahaja boleh pakai.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, pada saya memang jelas bahawa kita memerlukan Akta Pencegahan Keganasan seumpama ini. Ia kerana, pertama,

kita lihat bagaimana hampir beratus-ratus rakyat Malaysia terdiri daripada orang bijak pandai yang meninggalkan negara ini untuk ke Syria untuk menyertai IS. Ada lagi wanita-wanita kita, wanita-wanita muda Malaysia kita menjadi apa? Menjadi isteri wakaf kepada *soldier*, askar-askar IS ini. Isteri wakaf ini Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu nikah, dia bagi servis percuma untuk *inspire* kepada askar-askar IS ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Mana Yang Berhormat Kinabatangan tahu? Yang Berhormat Kinabatangan dapat maklumat dari mana ini? Baca WhatsApp kah, baca Twitter, baca Facebook?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Duduk, duduk.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Inilah masalahnya. Buat kesimpulan, jatuhkan hukum atas dasar khabar angin.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Duduklah Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sudah pergi ke Syria kah tidak? Dapat maklumat dari mana?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini apa Yang Berhormat Shah Alam ini? Ini undang-undang apa ini?...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya sudah pergi.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Without all any question...*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Hei Yang Berhormat Shah Alam, sudah pergi ke Syria?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Based on unsubstantiated proof.*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat, saya sudah pergi ke Syria. Yang Berhormat Shah Alam pergi?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *You, sit down... [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ya, Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kinabatangan, ada dua minit lagi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh akan datang saya ingin mencadangkan Dewan Rakyat ini pun kalau boleh kita perlu ada akta keganasan seumpama ini sebab saya rasa terancam oleh Yang Berhormat Shah Alam... *[Ketawa]* Saya tidak bagi laluan, dia terus masuk, dia kacau.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Yang Berhormat Kinabatangan, tidak usahlah rasa panik sangat. Dengan Yang Berhormat Shah Alam ini, Presiden PAS pun rasa terancam.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi oleh sebab itu kita harus melihat bahawa bagaimakah keikhlasan, kesungguhan kerajaan mengetengahkan undang-undang seumpama ini bukan untuk menganiaya orang-orang seperti Yang Berhormat Shah Alam ini, bukan untuk menganiaya

orang-orang yang tidak bersalah. Kalau dia ditahan, dia tidak bersalah, saya percaya pihak polis akan melepaskannya. Buat apa ditahan orang yang tidak bersalah? Sebab, kita mencari orang yang ada kesalahan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Sepang bangun.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Kinabatangan...

**Seorang Ahli:** Tangkap Yang Berhormat Sepang!

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tangkap, tangkap, ingat orang takut kah? Yang Berhormat Kinabatangan, saya rasa saya hendak beri contoh Yang Berhormat Kinabatangan kata macam mana ada polis yang aninya orang.

#### ■1520

Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Shah Alam ditangkap pada pukul 2.30 pagi, satu. Keduanya, mahkamah telah putuskan beliau tidak boleh direman... *[Dewan riuh]* Mahkamah putuskan 1.30 tidak boleh reman sudah, dibebaskan. 8.30 pagi baru bebas. Tuan Haji Mat Sabu, Naib Presiden PAS, ditangkap dengan 15 orang anggota polis pakai macam ISS, pakai topeng dan sebagainya. Kadang-kadang kita pun tidak tahu mana perompak, mana penggasas, mana polis? Kita pun tidak tahu.

**Seorang Ahli:** Padanlah muka.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Mula-mula ditahan di bawah seksyen 143. Sampai di Dang Wangi, tukar Akta Hasutan. Saya tanya kepada polis, *"Ucapan apa Mat Sabu yang dikatakan menghasut?"*. "Oh! Tidak ada ucapan" tetapi tahan juga. Maknanya, polis memang boleh aninya orang. Sebab itu dalam keadaan ada undang-undang yang *protect citizen* pun boleh aninya, lagi undang-undang macam ini, yang bagi *blank check* untuk tangkap orang tanpa bicara, lagilah mudah menganiaya. Faham atau tidak faham Yang Berhormat Kinabatangan?

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Bila polis buat aninya pada orang ini, Yang Berhormat?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Yang Berhormat Kinabatangan kena cadangkan lain kali kalau hendak tangkap Mat Sabu atau hendak tangkap Yang Berhormat Shah Alam kena pakai *coat three piece* untuk tangkap dia *[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ataupun pakai jubah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Ini semua geng menentang Presiden PAS.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Sepang, saya tidak kisahlah Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Shah Alam menentang Presiden PAS itu saya tidak campur. Tidak apa, itu dia punya hal. Akan tetapi yang saya persoalkan....

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Kinabatangan, hendak tanya ini, hendak tanya kepada Yang Berhormat Sepang ini. Yang Berhormat Sepang, nanti bila saya berucap tunggu ya. Pembohong banyak cakap dengan mereka.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak layak hendak suruh saya tunggu. Macam budak parti tadika sahaja.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tunggu, saya akan berucap. Tunggu, tunggu. Saya hendak cabar, bila saya berucap sahaja Yang Berhormat Sepang jangan lari, tunggu. Saya dengar ucapan Yang Berhormat Sepang banyak bohong.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau cakap fasal udang, saya dengar. Cakap fasal mahkamah sorrylah, minta maaf.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Hei! Yang Berhormat Sepang, mamak- dengan Baling, tidak ada standard [*Ketawa*]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak tanya satu contoh kepada Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Sepang ini, dia faham atau tidak? Saya hendak tanya, adakah dalam mana-mana undang-undang yang beritahu, polis mesti boleh tangkap dalam sekian-sekian masa? Ada atau tidak ditetapkan masa bila-bila masa polis boleh tahan?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Lemaulah punya soalan... [*Dewan riuh*] [*Ketawa*]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Pembohong, tunggu. Saya pun tahu tunggu... [*Disampuk*] Ini Yang Berhormat Sepang, cakap pasal saya, sendiri pun tidak betul. Tunggu saya berucap, Yang Berhormat tunggu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak payah tunggulah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat kena faham.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Penakut.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Oleh sebab itu saya belum menjawab tadi. Sebetulnya Yang Berhormat Shah Alam dan Mat Sabu ini, mereka berasas baik sebab mereka ditahan kemudian dilepaskan. Tunggulah penghakiman dia... [*Disampuk*] Kalau Yang Berhormat Shah Alam mungkin disyaki buat kesilapan, maka polis mahu tahan buat siasatan sebab pada ketika itu Yang Berhormat Shah Alam dianggap sebagai ancaman. Saya pun di dalam Dewan Rakyat terasa dia mengancam saya, apa lagi di luar.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Inilah bukti yang nyata bahawa undang-undang POTA ini boleh disalahgunakan.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Keluar dari mulut Yang Berhormat Kinabatangan sendiri, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi sebetulnya Tuan Yang di-Pertua, tidak ada silap dan salahnya akta ini. Akta ini memang rakyat Malaysia mahu, sebab mereka tidak mahu rakyat negara ini terancam oleh sesuatu yang bukan dicipta oleh rakyat Malaysia, dicipta oleh orang luar. Saya

hairan, apa-apa sahaja akta yang kita buat, mereka kata untuk menganiaya pembangkang. Saya pun hairan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Lenggong sedikit. Saya tidak hairan Yang Berhormat kenapa Yang Berhormat Shah Alam atau Yang Berhormat Sepang menentang akta ini sebab ada kes, Yang Berhormat. Saya tahu bahawa bekas Ketua Penerangan PAS Negeri Kedah, Pemuda, menaikkan dalam *Facebook* aktiviti dia dengan IS. Sebab itu, kalau ada anggota parti dia terlibat, saya ingat ada kaitan agaknya. Apakah pandangan Yang Berhormat? Sebab itu bermati-matian menentang...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau guna hujah yang sama- dahulu tiga 'Abdul' terlibat dengan Komunis.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sebab itu kita tengok DAP ataupun PKR-dahulu kena tahan ini... *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Selepas ini UMNO-Komunis pulalah. Kalau guna hujah yang sama, dahulu tiga Abdul itu terlibat dengan Komunis. Maknanya UMNO, Komunis jugalah kalau hujah itu- apa punya hujahlah. Allah! Tidak ada kelas.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sebab itu Yang Berhormat Lenggong, saya meminta mana-mana pihak yang terlibat sama ada dia ahli mana-mana anggota partikah termasuk anggota Parti PAS, kalau dia terlibat IS, tangkap. Yang Berhormat Shah Alam pun kalau terlibat, tangkap... *[Disampuk]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini buktinya. Saya rasa sudah jelas, bagaimana undang-undang POTA boleh disalahgunakan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan kerana...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuduhan yang tidak ada apa bukti.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Cakap itu suka melalut... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Kapar, duduk. Yang Berhormat Kinabatangan pun duduk. Yang Berhormat, kita hendak menegakkan undang-undang dan keadilan. Jadi bermulalah dengan Dewan Rakyat yang mulia ini, ada peraturan, ikut peraturan. Saya diam dengan sabar, tetapi tidak cantik, tidak manis kalau kita berlarutan. Yang Berhormat Kinabatangan, masa untuk gulung dan tidak ada celahan untuk Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya gulung Tuan Yang di-Pertua. Tiada pencelahan lagi Yang Berhormat Shah Alam. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa tidak ada silap dan salahnya akta ini. Cuma mungkin tidak ada pihak-pihak tertentu memikirkan soal mereka sebab mereka mungkin ada potensi ataupun kesungguhan untuk membuat hasutan, untuk membuat macam-macam... *[Dewan riuh]* Jadi pada saya, kalau kita tidak meletakkan diri kita dalam keadaan orang salah, jangan takut. 'Berani kerana benar, takut kerana salah'. Negara kita ini, negara demokrasi. Polis kita polis

yang berkhidmat untuk Raja dan Negara, untuk rakyat. Bukan ada untung polis, bukan ada untung IGP pun hendak tahan Yang Berhormat Shah Alam kalau tidak ada salah. Bukan dapat imbuhan berjuta-juta, tidak ada. Ini untuk memelihara, negara memelihara rakyat. Jadi dengan apa cara sekalipun Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan berdiri menyokong penuh Akta Pencegahan Keganasan 2015 ini supaya kita terima dengan hati yang reda dan penuh ikhlas. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Yang Berhormat Padang Serai.

### 3.27 ptg.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, isu yang timbul dalam rang undang-undang ini, yang paling penting adalah ini. Ada 35 fasal dalam rang undang-undang ini, tetapi fasal yang utama dibahaskan fasal 13 iaitu isu yang paling penting iaitu sama ada tahanan tanpa bicara boleh dibenarkan.

Soalan yang paling penting di sini, yang saya minta supaya Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri teliti dengan betul-betul adalah, mengapakah perlunya kuasa ini? Mengapa perlu sekarang, pada peringkat ini, satu kuasa untuk menahan tanpa bicara bagi mencegah kes-kes *terrorism*? Adakah ia perlu? Sebelum ini, kuasa yang kita ada, SOSMA 2012. SOSMA 2012 perlu dibaca bersama dengan Bab VIA Kanun Keseksaan yang mana kuasa diberi untuk menahan sehingga ke-28 hari. Itu tempoh yang paling tinggi. Sekarang apa yang diminta adalah kebenaran melalui undang-undang ini untuk menahan tanpa bicara dan untuk melihat sama ada ini diperlukan. Kita perlu bandingkan dengan negara-negara yang mempunyai tahap ancaman ataupun *threat level* yang lebih tinggi daripada negara kita. Contohnya...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang bangun.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Boleh minta laluan?

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** *I just go straight to my point.*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** ...Contohnya di United Kingdom, UK. UK mempunyai ancaman daripada IS yang jauh lebih tinggi dari Malaysia. *They are in the frontline.* Tempoh yang paling tinggi seseorang boleh ditahan di bawah *Terrorism Act UK* adalah sehingga 14 hari. Itu sahaja. Australia juga menghadapi ancaman yang lebih tinggi dari Malaysia, 14 hari. Tidak ada tahanan tanpa bicara. US, dua hari. Ada yang akan mengungkit sekali lagi isu *Guantanamo Bay* dan sebagainya. Akan tetapi itu adalah satu *confusion*. *Guantanamo Bay* hanya untuk orang asing yang ditahan disebabkan *Acts of War*, itu pun kita tidak setuju. Akan tetapi tidak ada mana-mana *US citizen on US soil*, yang boleh ditahan tanpa bicara. Jadi *Patriot Act* dan sebagainya tidak membenarkannya kerana ada banyak *confusion* mengenai apakah undang-undang di US. Maknanya, negara-negara yang paling menghadapi bahaya IS dan sebagainya. Tidak ada tahanan tanpa bicara. Jadi, mengapa...

■1530

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Padang Serai, boleh tanya sikit? Yang Berhormat Padang Serai, Kuala Kangsar sini.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Jadi, mengapa...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Bagaimanakah andaian Yang Berhormat Padang Serai yang mengatakan bahawa UK mempunyai ancaman IS yang paling besar sekali? Tak ada, saya rasa. Kurang, lebih kurang.

Cuma *Islamophobia* yang ada di UK. Jadi, ancaman IS itu saya rasa tidak nyata, tidak sebesar mana yang seperti digambarkan oleh Yang Berhormat Padang Serai. Terima kasih.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Kalau Yang Berhormat berkata Malaysia mempunyai ancaman IS lebih tinggi daripada US dan UK, saya tak setuju. Saya rasa itu jelas daripada keadaan semasa bahawa itu tidak betul.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Pohon mencelah.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tanjong Karang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said):** Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak tanya pendek sahaja. Saya dengar banyak kali Yang Berhormat bercakap tahan tanpa bicara. Boleh bagi definisi? Apakah maksud tahan tanpa bicara?... *[Dewan riuh]* Tak ada, saya hendak tanya. Ya, Yang Berhormat..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, yang lain diamlah Yang Berhormat. Yang Berhormat, yang lain diam.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa, apakah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang. Yang Berhormat Padang Serai dan Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak tanya, yang kata tangkap tanpa bicara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Padang Serai dan Yang Berhormat Tanjong Karang duduk. Saya tidak akan teragak-agak menggunakan kuasa saya, siapa yang mengganggu Dewan ya. Sila.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya mudah sahaja. Saya boleh merujuk Yang Berhormat Tanjong Karang kepada klaus 13(1) rang undang-undang ini yang jelas menyatakan bahawa, "Seseorang boleh ditahan sehingga satu tempoh tidak melebihi dua tahun". Now, jelas daripada 13, bahawa tidak ada apa-apa bicara di mahkamah. Jika sesuatu provision, peruntukan menyatakan, anda boleh ditahan sehingga dua tahun, tidak ada bicara, itulah tahanan tanpa bicara. Jelas ya *[Tepuk]* Jadi, melihat kepada itu, ini soal yang terbesar.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya harap Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri boleh jawab. Mengapa kita perlu tahanan tanpa bicara sehingga ke-dua tahun dan bukan sahaja dua tahun, selepas menurut fasal 17, klaus 17, tempoh itu boleh ditambah dan ditambah *indefinitely*. Mungkin 50 tahun pun

boleh. Boleh kalau menurut rang undang-undang ini. Jadi, soalan yang paling perlu dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri adalah mengapa perlu Malaysia tahanan tanpa bicara, manakala US, UK, Australia yang menghadapi ancaman yang begitu besar, tidak mempunyai tahanan tanpa bicara?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Jadi, pendapat saya dan saya benar-benar harap supaya Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri mengambil kira perkara ini, kita tidak perlu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang bangun.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** SOSMA, *is enough*. Ada 28 hari iaitu *double the time* yang dibenarkan di UK dan Australia yang mempunyai 14 hari. Kita dapat 28 hari, *under the SOSMA, more than enough* Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, sila Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Yang Berhormat Padang Serai, setuju dengan saya bahawa sekarang ini, katakanlah rang undang-undang ini diluluskan, bermakna mereka yang terlibat dengan keganasan ini mungkin didakwa di bawah SOSMA, selepas itu didapati tidak bersalah dan dibebaskan. Maknanya, mereka masih lagi boleh ditahan di bawah rang undang-undang ini sebab *principle of POTA* tidak terpakai. Oleh sebab satu, dibicarakan, yang ini tak perlu dibicarakan. Jadi maknanya, walaupun mahkamah mungkin membebaskan mereka daripada tuduhan perbicaraan bawah SOSMA, mereka masih lagi boleh ditahan di bawah rang undang-undang ini. Setuju?

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya, menimbulkan situasi seperti *double jeopardy* di mana seseorang itu boleh dianiaya seperti itu. Itulah masalah yang timbul apabila kita ada *criminal justice system*, di mana ada sistem mahkamah, proses mahkamah dan penghakiman mahkamah dan ada satu *parallel system*, di mana ada tahanan yang dijalankan tanpa bicara dan tanpa proses mahkamah. Jadi, *I move on*.

Tuan Yang di-Pertua, yang paling saya rasa menakutkan mengenai rang undang-undang ini adalah kuasa yang ia memberi kepada suatu pihak. Dalam kes ini, *Prevention of Terrorism Board*. Kuasa seperti ini untuk menahan seorang individu, seorang manusia untuk sehingga beberapa tahun, saya rasa bukan satu kuasa yang kita boleh terima di dalam sebuah negara yang demokrasi seperti negara kita. Ini kerana tidak kiralah siapa yang menjadi kerajaan, ia satu kuasa yang boleh disalahgunakan dan kemungkinan besar akan disalahgunakan.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, “*Power corrupts and absolute power corrupts absolutely- Lord Acton*”. Bagaimanapun pemerintah itu mempunyai hati yang baik, tidak mahu semasa undang-undang digubal untuk menyalahgunakan tetapi apabila memberi kuasa itu, ia akan menyebabkan penyalahgunaan. Sebab itu di negara demokrasi kita menentang kuasa untuk tahan tanpa bicara dan ini telah berlaku sebelum ini. Semasa *Internal Security Act*, digubal dan dibentangkan di Parlimen oleh saya rasa semasa itu Tun Razak, gerenti yang sama diberi bahawa ia tidak akan disalahgunakan. Akan tetapi

selepas itu, kita melihat ia memang disalah gunakan untuk sebab-sebab politik, Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Permatang Pauh dan ramai di sebelah sini, Yang Berhormat Shah Alam, semua ditahan di bawah *Internal Security Act*. Malah, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri pun seketika ditahan di bawah *Internal Security Act* dalam tahun 1968 masa itu.

So, ini menunjukkan potensi untuk penyalahgunaan kuasa. Saya rasa jika rakan-rakan daripada bangku Barisan Nasional pun perlu ingat bahawa apabila ada kuasa ini, bahayanya adalah amat besar. Ia boleh digunakan terhadap sesiapa pun. Oleh sebab itu kita mesti tolak. Walaupun dalam akta ini, dinyatakan dan ini juga disebut oleh dua, tiga orang pembahas tadi saya rasa, pada fasal 43, bahawa *no person*, dengan izin, *shall be arrested and detained solely for political beliefs and political activity*. Ya, bagus dinyatakan. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, walaupun rang undang-undang menyatakan tidak ada sesiapa yang akan ditahan disebabkan oleh fahaman politik mereka tetapi rang undang-undang yang sama dalam fasal 19 menyatakan bahawa keputusan *Board* tidak boleh *challenge* di mana-mana mahkamah kecuali atas isu-isu prosedur.

**Timbalan Yang di-Pertua[Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam bangun.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua[Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam, kan baik macam ini kan?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, saya selalu ikut macam ini.

Akan tetapi Yang Berhormat Kinabatangan, diganggu. Saya bangun sahaja, dihentam. Tak sempat bangun pun dia sudah hentam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Elok, beradab, bersopan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua[Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Padang Serai. Berhubung dengan klausa itu, di mana disebut bahawa tidak ada mana-mana pihak akan ditahan atas sebab penglibatannya dengan mana-mana badan politik.

Saya rasa itu hanya *window dressing* sahaja. Ini kerana tidak pernah dia gunakan alasan penglibatan seseorang di dalam badan politik yang berdaftar sebagai sebab untuk ditahan. Saya sendiri dahulu bila ditahan di bawah ISA, kita tahu ia adalah atas sebab keterlibatan kita di dalam parti PAS. Akan tetapi daripada segi pertuduhannya, dia takkan sebut benda itu. Dia akan datang dengan bermacam-macam tuduhan-tuduhan yang lain yang dia boleh buat ikut suka dia pasal dia tak payah buktikan sama ada tuduhan itu betul ataupun tidak. Lalu itu hanya untuk hendak senangkan hati kita. Akan tetapi saya hendak sebut juga di sini, bahawa sebenarnya bantahan kita terhadap POTA ini bukan kerana kita pentingkan diri kita, bukan kerana kita takut ia akan digunakan terhadap diri kita, tak. Ini soal prinsip, prinsip keadilan. Digunakan terhadap sesiapa sekali pun. Kalau ditahan, mesti dibuktikan kesalahannya. Betul ataupun tidak? Pandangan Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, ya. Ini memang masalah yang terbesar dalam tahanan tanpa bicara kerana sebab-sebab yang diberi ataupun alasan untuk menahan itu boleh apa sahaja. Terpulang apa sahaja walaupun alasan itu nampaknya *superficial, suspicious*, nampaknya tidak disokong, nampaknya remeh tetapi tidak boleh disoal di mahkamah. *That is why*, itulah sebabnya atas prinsip kita menolak tahanan tanpa bicara. Apabila keadaan seperti itu berlaku, ia menjadi satu bahaya kepada semua. Ia menjadi satu *nightmare* seperti di dalam novel falsafah Franz Kafka, “*The Trial*”. Di mana the protagonist novel itu langsung tidak tahu apa tuduhan terhadap beliau, Daripada permulaan sehingga akhir. “*The Trial*” oleh Franz Kafka, ‘Kafcase’ perkataan yang dikeluarkan dari novel tersebut.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan tadi, walaupun dinyatakan tidak boleh tahan sebab politik, pada masa yang sama fasal 19, kuasa mahkamah untuk meneliti dan menyoal kuasa tahanan itu tidak ada kerana hanya boleh disoal atas asas prosedur, bukan atas asas *substantives*. Bermakna, walaupun apa sebabnya, walaupun katalah seorang ditahan disebabkan fahaman politik, tidak boleh di *challenge*. Jadi, ada jelas *contradiction* dalam rang undang-undang itu antara 43 dengan klaus 19.

#### ■1540

Atas klaus 19 ini sendiri, prinsip yang amat penting, sekurang-kurangnya mahkamah perlu diberikan ruang dan bidang kuasa untuk meneliti apakah asas tahanan. Itu pun telah diambil daripada bidang kuasa mahkamah dan diberikan kepada *Board* supaya kita tidak ada apa-apa cara lain tetapi tergantung kepada belas kasihan *Board* itu. So, orang yang ditangkap tergantung kepada belas kasihan *Prevention of Terrorism Board* tersebut. Tuan Yang di-Pertua, masalah dengan *Prevention of Terrorism Board*, saya tahu menteri dan semua telah menyatakan bahawa sekarang bukan menteri yang menahan, *Board* yang menahan. Akan tetapi masalah dengan pelantikan *Board*. Ahli-ahli *Board* dilantik oleh Yang Dipertuan Agong. Akan tetapi kita tahu di bawah fasal 40, Perlembagaan Persekutuan, Yang Dipertuan Agong *shall*, mesti menurut nasihat yang diberi oleh Menteri atau Kabinet. Itu ada dalam undang-undang kita. Bermakna, akhirnya kembali kepada pihak kerajaan juga, Menteri. Ahli-ahli *Board* juga tidak mempunyai *security of tenure*, bukan seperti Hakim Mahkamah Tinggi, mereka boleh dilantik dan dipecat sewenang-wenangnya, terpulang kepada kuasa kerajaan.

Jadi, apabila itu berlaku, kita tidak ada seseorang pun atau seseorang yang *independent* atau bebas yang *sitting* ataupun duduk di dalam *Board* itu untuk membuat keputusan yang paling dan amat penting ini iaitu untuk menahan seseorang sehingga bertahun-tahun. Sebab itu saya nyatakan bahawa adanya *Board* itu tidak menyelesaikan masalah yang kita hadapi iaitu bahawa orang akan ditahan tanpa sebab yang asas, secara salah, secara tidak adil, untuk bertahun-tahun. Itu kita sebagai sebuah negara yang demokrasi, yang menghormati hak asasi dan hak rakyat, tidak boleh benarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai bangun.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga Yang Berhormat Padang Serai. Saya ingin mengulas isu bab pantauan. Ini kerana bila masa

kuasa mahkamah diambil menerusi rang undang-undang ini, kita juga harus tanyakan apakah tanggungjawab kita selaku Ahli-ahli Dewan Rakyat sebelum kita luluskan? Oleh sebab kuasa majoriti berada dalam tangan Barisan Nasional, maka *simple majority*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dapat meluluskan rang undang-undang yang akan memberikan dampak dan kesan yang begitu besar pada semua rakyat. Saya terbaca *tweet* hari ini, bukan berkait dengan penangkapan Ahli Parlimen, Tuan Yang di-Pertua. *Tweet* daripada Ketua Polis Negara yang menyatakan syabas. “*Ucapan syabas kepada Bahagian Counter Terrorism Polis Diraja Malaysia. Semalam tangkap 17 orang sedang merancang lakukan keganasan di KL. Dua daripada mereka baru balik dari Syria, Go PDRM, Go.*”

Kedua, kenyataan Khamis lepas oleh Datuk Ayob Khan Mydin daripada pihak cawangan khas. Dia menyatakan, “*Sekarang ada di kalangan kakitangan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan yang simpati kepada ISIS*”. Jadi persoalan saya, sebelum kita mengambil keputusan untuk meluluskan rang undang-undang ini, kenapa tak mampu atau tak boleh diberikan sedikit penjelasan daripada statistik, daripada segi hal *intelligent gathering* semua yang mampu memberikan sedikit sebab penyebab. Bukan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi yang kata Yang Berhormat Shah Alam mungkin buat ini, buat itu. Kalau saya guna logik itu Yang Berhormat Padang Serai, saya boleh kata, satu ketika dahulu, Jun 2014, Perdana Menteri kata ahli UMNO harus ikut tauladan ISIS kerana mereka berani. Patut tangkap Perdana Menteri tapi kita tak mahu [*Tepuk*]

Kita tak mahu guna logik itu kerana kita tahu dalam hal *security terrorism* ini harus lebih kompleks, harus lebih memikirkan impak dan kesan. Kita serius menangani keganasan, bukan nak lawan ahli-ahli politik yang bertentangan dengan kita. Jadi, saya pohon pandangan Yang Berhormat Padang Serai. Adakah ini tepat pada masanya kita mendapat maklumat, laporan yang menyeluruh daripada menteri yang dibayar gajinya untuk memberikan justifikasi, sebelum kita bincang rang undang-undang mana sekalipun. Saya mohon pandangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Padang Serai, ada tiga minit lagi.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kita rasa kecewa juga bahawa *bill* ini tidak dibincangkan terlebih dahulu dengan pihak pembangkang ataupun sekurang-kurangnya *bill* ini tidak dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan. *Bill* yang begitu penting seperti ini *cannot be rush*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Sepatutnya ada *consultation* yang lebih serius dan penelitian yang lebih amat serius perlu dilakukan sebelum dibawa sahaja seperti ini.

Jika saya lihat rang undang-undang ini dan ini penting Tuan Yang di-Pertua. *Explanatory statement* ataupun di bahagian belakangnya menyatakan bahawa, huraianya menyatakan bahawa, pada 24 September 2014, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah meluluskan Resolusi 2178 untuk menangani ancaman terhadap keamanan dan keselamatan antarabangsa. Resolusi ini meminta supaya negara-negara anggota mengambil tindakan-tindakan untuk menghentikan kegiatan *terrorism*. Ini diberikan sebagai antara sebab rang undang-undang ini dibawa oleh kerajaan.

Akan tetapi saya ingin mengingatkan pihak kerajaan dan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri pun ada iaitu bahawa resolusi yang sama iaitu Resolusi 2178 yang dinyatakan dalam huraian *bill* itu juga

menyatakan seperti ini, *the same resolution*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, “*Reaffirming that member's state must ensure that any measures taken to counter terrorism comply with all their obligations under international law, in particular International Human Rights Law, International Refugee Law and International Humanitarian Law, underscoring that respect for human rights, fundamental freedoms and the rule of law are complimentary and mutually reinforcing with effective counter terrorism measures and are essential part of successful counter terrorism*”.

Itu adalah sebahagian daripada Resolusi 2178 yang telah dinyatakan oleh pihak kerajaan. Jadi, saya minta supaya Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri juga melihat keseluruhan Resolusi 2178 dalam membawa *bill* seperti ini. Di mana *bill* ini dengan jelas bercanggah dengan *spirit* Perlembagaan Persekutuan kita, *spirit* sebuah negara yang demokrasi dan bebas seperti negara kita. Tuan Yang di-Pertua, beberapa kali dan saya melihat bahawa ramai yang seolah-olah memperkecilkan *human rights* dan hak asasi. Saya rasa ini adalah satu *attitude* yang tidak betul.

Negara kita negara demokrasi dan kepentingan hak asasi, kepentingan hak rakyat Malaysia adalah merupakan *framework Federal Constitution* kita. Sebab itu dalam Bahagian II, *Federal Constitution* kita telah pun ada seksyen mengenai *fundamental liberties*, pada permulaan Perlembagaan Persekutuan kita sudah ada. Itu *spiritnya*. Beberapa tahun sebelum ini, saya rasa ini perkataan hak asasi seolah-olah satu *bad word*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bagi rakan-rakan kita daripada Barisan Nasional. Oleh itu saya ingin membawa sekali lagi peringatan kita kepada ucapan oleh Yang Dipertuan Agong Yang Pertama pada September 1959 apabila Parlimen yang pertama bersidang. Ini Yang Dipertuan Agong Yang Pertama menyatakan bahawa, “*This Charter of Federal Constitution, this Charter of our firmed faith*”, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya membaca dalam bahasa Inggeris kerana di sini dalam bahasa Inggeris.

“*A Charter of our firmed faith in the concepts and traditions of Parliamentary democracy and finally and most important of all, a Charter of our common believe that certain fundamental liberties are essential to the dignity and self respect of man. These fundamental liberties are written into our Constitution. They include the liberty and equality of persons under the law. The basic freedom of speech and freedom of worship. The Constitution belongs to all of us*” dan akhir sekali, “We, iaitu Yang Dipertuan Agong, We urge you to conduct your affairs in such a way that the Parliament of the Federation of Malaya will be a shining beacon of democracy at its best and brightest”. Ini perkataan-perkataan Yang Dipertuan Agong yang pertama semasa membuka sidang Parlimen yang pertama. Bermakna, daripada awal lagi *framework* apabila negara ini diwujudkan, didirikan, ia didirikan dengan visi bahawa hak asasi dan *fundamental liberties* itu dipentingkan dan diutamakan di negara ini. Saya rasa seolah-olah perkara itu telah dilupakan pada masa-masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua.

Melihat kepada semua ini, saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk melihat kembali isu-isu yang timbul ini. Terutamanya, atas isu *detention without trial* atau tahanan tanpa bicara ini dan menarik balik rang undang-undang ini dengan segera supaya ia boleh dikaji dengan lebih teliti [*Tepuk*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1550

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

**3.50 ptg.**

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri kerana berjaya membentangkan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 dan sebagai rakyat Malaysia, saya merasa bangga dengan wujudnya satu undang-undang yang menentang keganasan. Dengan terbentangnya RUU ini, saya boleh menarik nafas lega kerana ia akan dapat menekan aktiviti-aktiviti keganasan yang mana boleh menghancurkan negara dan menggugat kestabilan ekonomi dan politik.

Kita sebagai rakyat Malaysia patut berdiri teguh di belakang Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri menyokong sepenuhnya RUU ini kerana keselamatan negara hendaklah diletakkan di tempat yang paling tinggi. Tidak ada maknanya negara kita maju tetapi kalau kita tidak ada keamanan. Saya mendengar hujah di sebelah sana tadi terutamanya Yang Berhormat Sepang yang cuba menyamakan akta ini sama dengan ISA. Saya hendak beritahu dan tadi saya dengar daripada Yang Berhormat Padang Serai pun sebut fasal tahan, itu sebab saya bangun tanya tadi. Tahanan tanpa bicara ini.

Saya hendak beritahu, sebab ISA ini Tuan Yang di-Pertua, di *finger tips* saya, saya terlibat semasa saya menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri saya tahu prosedur ISA. Prosedur ISA lain, jauh berbeza, amat jauh berbeza dengan akta ini, di mana di bawah ISA, polis boleh tahan dalam tempoh 60 hari. Habis sahaja 60 hari, dibawa kepada Menteri Dalam Negeri untuk lanjut tahanan 60 hari. Manakah adil di situ? Akan tetapi di sini, pihak pembangkang mungkin terlupa seksyen 3 ini, seksyen 3 dan 4 yang dibawa ke- di hadapan Majistret, ini yang dia tidak sebut. Terus-terus sebut kepada kuasa Lembaga. Sebelum hendak sampai ke kuasa lembaga, mesti dibawa di hadapan Majistret. Di hadapan Majistret kita tengok.

Saya percaya bila dibawa kepada Majistret sama dengan seksyen 117. Hendak tahan lebih masa sampai ke-28 hari, saya hendak minta mesti dibenarkan bawa peguam di hadapan Majistret. Apabila di hadapan Majistret, bawa peguam, di situ boleh berbahas. Macam mana hendak mendapat lanjutan tahanan reman 117. Kemudian kalau tidak puas hati lagi hendak selepas 38 hari, bawa lagi di hadapan Majistret, dua kali. Manakah yang dia kata hendak menghalang kebebasan hak asasi manusia? Ia berbeza daripada ISA. Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Sepang, ISA tidak ada dibawa di hadapan Majistret, tidak ada langsung, terus polis tahan. Ini cukup beza di antara ISA dengan akta yang sedang kita bahaskan ini. Ini menunjukkan pembangkang cuba memutarbelitkan fakta.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Akta undang-undang ini diputar belit, hanya mengambil kesempatan hujah-hujah yang boleh menghasut rakyat, menuduh kita kerajaan yang

tidak adil, yang menafikan hak *human rights*. Mana ada menafikan hak *human rights*. Jadi sebab itu saya mengatakan bahawa, siapa yang hendak bercakap, bangunlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bagan Serai bangun.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Tanjung Karang, sedikit.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Siapa, mana...?... Okey.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Karang. Saya dengar perbahasan ini dari tadi. Pembangkang ini SOSMA pun tidak kena, POCA pun tidak mahu setuju, jadi POTA ini pun dia tidak setuju. Apa pendapat Yang Berhormat Tanjung Karang, adakah pembangkang ini sebenarnya dia hendak negara yang tidak ada undang-undang supaya hak kebebasan?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Pembangkang ini, dia ingat Barisan Nasional ini macam pembangkang, selalu putar belitkan fakta. Yang Berhormat Permatang Pauh ditahan dalam penjara kerana kes peribadinya dengan pekerjanya. Akan tetapi kalau dengar ceramah di luar termasuklah dari Yang Berhormat Lembah Pantai semua ini, wah! Tahanan politik, pejuang rakyat. Apa kena-mengena buat kes liwat dengan pekerja dan tahanan politik, dengan kes rakyat. Diputar belit. Ini ternyata kes mahkamah.

Kes Yang Berhormat Permatang Pauh sebagai contoh. Pergi ke luar ke kampung-kampung bagi ceramah, putar belit, menghasut rakyat dan menipu rakyat termasuklah dalam Dewan ini. Hanya bercakap soal tahanan tanpa bicara. Kenapa tidak mahu sebut keadilan yang diberi di bawah seksyen 3 dan 4 di hadapan Majistret. Itu satu.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Tanjung Karang, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Siput.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Okey.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Karang dan Tuan Yang di-Pertua. Daripada apa yang saya baca di sini, di hadapan Majistret ini tidak ada ruang untuk dibicarakan kerana hanya apa kena dibuat jika seorang pegawai polis atas pangkat inspektor mengatakan ada asas untuk percaya orang ini ada *link* dengan *terrorist*, cukup. Dia kena tulis bagi, so jika dia bagi itu, tiada apa lagi yang perlu dibincangkan. Bukan macam 117, di mana dalam 117 itu Majistret ada...

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ya, faham, saya faham.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** So tidak ada perbincangan. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya faham. Akan tetapi Yang Berhormat kena bacalah sampai habis. Baca sampai seksyen 4(b), bacalah, sila baca 4(b). “*Jika tiada pernyataan sedemikian dikemukakan dan tiada alasan lain bagi menahan orang itu dengan sah, mengarahkan pelepasannya*”. Menunjukkan bahawa Majistret boleh lepaskan orang ini. Ini bukan saya

tipu, Yang Berhormat bacalah sampai habis. *This is the problem* dengan pembangkang, baca separuh-separuh, tidak mahu baca sampai habis.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]**

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Nanti dulu, saya hendak bagi habis dulu.

Yang ini saya hendak bercakap mengenai *human rights*. Saya hendak beritahu akta ini berbeza dengan ISA. Kemudian, lepas pergi ke Majistret, pergi ke Lembaga Pengampunan, kepada lembaga yang telah dilantik. Di depan lembaga ini betul, dia akan dibicarakan. Selepas dibicarakan, dia ditahan. Okey, lembaga kata tahan dua tahun. Selepas tahan dua tahun, bila keputusan itu dibuat, orang yang ditahan masih ada hak lagi di bawah seperti mana yang kita sedia maklum di bawah Artikel 151 kalau saya tidak silap, di mana mereka boleh pula merayu di depan Lembaga Rayuan. Ini prosedur yang sama. Selepas ditahan dua tahun, dia boleh merayu pada Lembaga Rayuan. Lembaga Rayuan ini di bawah Jabatan Perdana Menteri dan dia boleh bawa peguam lagi.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: [Ketawa]**

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Apa yang ketawa? Ini pengalaman saya, memang boleh bawa Lembaga Rayuan. ISA dulu pun boleh bawa Lembaga Rayuan. Ada kes-kes yang dilepaskan di depan Lembaga Rayuan kerana Lembaga Rayuan ada hak. Kalau dia tidak puas hati lagi dengan Lembaga Rayuan, dia boleh pergi *habeas corpus*. Dia boleh *apply* kepada *habeas corpus*. Banyak kes, saya hendak beritahu banyak kes yang mahkamah bebaskan di bawah *habeas corpus*. Sebelum dia dibebaskan pula, tiga bulan ataupun setahun sebelum tempoh dua tahun tamat, lembaga boleh buat penilaian semula. Kalau dia betul-betul sudah tidak lagi ada kaitan dan sudah ada pemulihan, maka dia boleh dibebaskan kerana undang-undang ini ialah undang-undang pencegahan, bukannya undang-undang menghukum. Dua buah benda yang berbeza.

Apa guna bangunan dah meletup baru hendak buat undang-undang macam berlaku di Amerika. Sudah meletup. Ini maknanya pencegahan. Apa yang pembangkang cakap itu hukuman, hukuman lain. Memang, kalau kata dia pergi mahkamah, pergi mahkamah, polis dah *follow* dia, dia memang hendak buat bahan letupan sebagai contoh, polis dah *follow* dia. Dia dah beli belerang, apa semua. Akan tetapi kalau hendak pergi ke mahkamah, hendak ikut prosedur biasa di bawah CPC, polis kena bawa apa? Kena bawa panggil tauke ini. “*Di manakah you beli belerang?*”, kena panggil saksi pula betul tidak betul dia belerang di kedai dia.

Kalau tauke jual belerang itu dia pun tidak ingat, dia kata “*saya lupalah, satu hari ramai sangat orang beli belerang dengan saya*”. Maka boleh *create out* maka dia boleh dibebaskan. Akan tetapi dalam kenyataan polis, polis dah pasti dia terlibat dalam keganasan dan dia beli belerang memang ada kaitan untuk membuat keganasan. Ini sebagai contoh.

Oleh sebab itu saya hendak tegaskan bahawa kita harus memberikan pujian kepada polis kita terutamanya kepada Ketua Polis Negara yang ada pada hari ini, tegas, berani mengambil tindakan. Kalau Ketua Polis Negara hari ini tidak tegas, saya ingat negara kita tidak aman macam ini, kecoh. Hari ini kita tangkap apa salah, tahan, memang kuasa polis 24 jam. Kalau kata tidak mahu beri kuasa polis 24 jam, kita pindalah undang-undang yang sedia ada.

**■1600**

Terpulang kepada polislah, 24 jam. Nasib baik dia tahan hari kerja, kalau saya jadi polis saya tahan hari Sabtu. Kalau hari Sabtu, hari Ahad dia tidak kira 24 jam itu, lebih 24 kita tahan. Apakah masalahnya? Dia tahan siang atau malam itu hak polis. Kalau polis salah tahan kita ada lagi *unlawful* atau penangkapan yang menyalahi undang-undang. Ada juga kes yang polis kena saman. *Unlawful arrest*, ada! Apa yang masalahnya? Sana ramai peguam.

Akan tetapi masalah hari ini ialah apabila pihak peguam cuba hendak mempolitikkan isu ini, hendak menghasut rakyat, hendak menipu rakyat. Menggambarkan seolah-olah rakyat di Malaysia ini takut dengan parti politik, tidak ada kena-mengena pun. Kalau kita takut dengan parti politik kita tidak batal pun ISA dahulu. Kita batal ISA pun setelah kita tidak ada majoriti. Saya percaya bahawa apa yang dibuat oleh kerajaan hari ini ialah kerana menjaga keselamatan negara kita. Keselamatan itu lebih penting daripada segala-galanya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keselamatan negara. Yang Berhormat Sepang tadi cakap ISA, bangunlah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya boleh, boleh.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa tadi, saya dengar Yang Berhormat kata ISA ini dihidupkan semula. Yang Berhormat faham kah apa dia ISA?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Lebih daripada faham.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat faham kah undang-undang ini?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Lebih daripada faham, sampai sangat benci...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Dalam ISA adakah bawa hadapan Majistret?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kata bagi saya peluang duduklah, tahu peraturan atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila-sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya terima kasih kepada sebab dia pun antara orang yang banyak jadi Menteri dulu, *sign* ya, membenarkan orang tahan tanpa bicara. Saya pun peliklah hujah daripada Yang Berhormat Tanjong Karang ini. Yang Berhormat Tanjong Karang hanya melihat dari sudut penahanan 60 hari. Akan tetapi ISA itu dia bukan setakat penahanan 60 hari, selepas 60 hari itu juga *Minister* boleh menahan orang tanpa had beberapa tahun dan bertambah-tambah itu. Jadi prinsipnya ialah ISA itu membenarkan penahanan tanpa bicara. So, undang-undang ini juga mempunyai peruntukan yang sama cumanya daripada Menteri tukar pada Lembaga. Persoalannya penahanan tanpa bicara ini masih wujud dalam itu.

Jadi, kita tentang ISA dahulu kerana penahanan tanpa bicara itu. Sama ada Menteri atau tidak Menteri itu nombor dua, penahanan tanpa bicara itu. Persoalannya, kalau tadi kata kita hendak mencegah kita atas SOSMA ini, saya tidak tahu kalau Yang Berhormat Tanjong Karang tidak baca, ada juga kuasa penangkapan. Maknanya kalau kita rasa kita hendak cegah, kita boleh tahan. Kuasa kita ialah penangkapan dan penahanan. “Seorang pegawai polis boleh tanpa waran menangkap dan

*menahan mana-mana orang yang berkenaan dengannya, mempunyai sebab untuk mempercayai terlibat dalam kesalahan keselamatan". Sama lebih kurang dengan akta ini.*

Jadi bagi saya, kalau sudah ada SOSMA itu kita tangkap kalau kita rasa kita mempunyai asas sebab dua-dua seksyen ini bukan bergantung pada bukti, rasa asas. Maknanya ada *ground* kita tahan... [Disampuk] So, kalau ada SOSMA...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sabar dahulu, sabar dahulu...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya faham.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak faham lagi ini, saya tahu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya dengar Yang Berhormat punya ucapan tadi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini kerana saya tahu Yang Berhormat Tanjong Karang ini dia lambat hendak faham. Biar saya terangkan dahulu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat yang tidak faham.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sebab jadi Menteri pun tidak faham.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat yang tidak faham.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Semua orang tidak faham.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak mencelah kah Yang Berhormat hendak berhujah lagi sekali?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak mencelah...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau mencelah, macam mana Yang Berhormat jadi peguam? Antara mencelah dengan berhujah pun Yang Berhormat tidak boleh hendak beza!... [Disampuk] Mencelah, mencelah, bagi saya tadi, saya tanya satu soalan, itu baru mencelah. Ini berhujah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak, saya belum habis celah. Celaht saya tidak habis lagi.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat pusing-pusing *tang* itu juga, isu dia.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Belum lagi sabar dahulu, sabar dahulu. Nanti jawablah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, jangan lama-lama mengambil masa saya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey. Tadi Yang Berhormat Tanjong Karang yang cabar saya bangun, saya sudah bangun ini.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini kerana saya ingat Yang Berhormat cerdik. Faham erti mencelah, ini bukan mencelah ini berhujah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya mencelah...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Mencelah dan berhujah tidak tahu beza, macam mana jadi peguan?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, saya fahamlah antara beza udang dengan sotong, saya faham *insya-Allah [Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila-sila.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini kerana dia ini kalau ikut hati saya, saya tidak hendak bagi jalan sebab dia *lawyer* tidak standard. Lawan saya dua kali kalah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Ketawa]* Tidak habis-habis benda itu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Macam mana? Lawan dalam mahkamah pun dia beberapa kali kalah Yang Berhormat ini, hendak melawan di sini pula.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okeylah, saya celah ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Ketawa]* Yang Berhormat Tanjong Karang ini, saya mencelah. Mencelah ini supaya betul-betul faham, kalau tidak faham nanti menjawab merapu. Okey, saya kata tadi maknanya kalau kata alasan mencegah itu boleh, kita ada SOSMA. SOSMA boleh digunakan untuk tahan dan SOSMA juga memberi masa yang agak panjang untuk kita menyiasat. Jadi, kalau sekiranya ada peruntukan itu kenapa kita perlu ada RUU ini? Itu pertama. Keduanya, jangan kita *confined* makna tahanan tanpa bicara ini setakat 60 hari yang dalam ISA itu. Dalam undang-undang ISA Menteri boleh tahan, dalam undang-undang ini boleh tahan tanpa bicara so maknanya ada persamaan. Walaupun tidak 100% tetapi ada persamaan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, faham. Dua isu, senang sahaja dia cakap. SOSMA sudah ada, mengapa perkenalkan undang-undang yang baru ini. Kedua, ISA tahanan tanpa bicara. Itu sahaja isu dia. Saya hendak bagi tahu SOSMA ini kena faham. SOSMA ini undang-undang prosedur tetapi bila kita hendak dakwa dia, dia kena mengikut undang-undang yang sedia ada. Kanun Keseksaan kena membuktikan macam mana saya bagi contoh tadi. Kalau dia ditahan bawah SOSMA, dibawa *arms*, dia kena membuktikan bahawa dia terlibat di dalam *arm* atau senjata api tetapi saya kata tadi bahawa...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya rasa Yang Berhormat Tanjong Karang ini tidak faham apa *substantive law*, prosedur *law*. SOSMA itu prosedur *law*.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Betul.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Penal Code* itu *substantive law*.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Betul.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bukan kita tahan orang, tahan kesalahan di bawah SOSMA bicara di bawah *Penal Code*, tidak betul, terbalik.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Betul.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tahan di bawah *Penal Code* lepas itu bicara bawah SOSMA, bukan terbalik. Itu pun tidak faham kah?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Betul tetapi saya sudah kata tadi, ya saya faham... *[Dewan riuh]* Saya faham Yang Berhormat kata tadi bahawa apabila kita bicara di bawah *Penal Code* kita kena membuktikan seperti macam mana yang saya kata tadi, hendak kena buktikan. Jadi sebab itu, saya kata tadi bahawa ada isu-isu tertentu...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, dia kena buktikan apabila di peringkat hendak bicara...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Betul.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sebelum hendak bicara itu ada ruang iaitu baca ya. Saya baca SOSMA, “*Seseorang pegawai polis boleh tanpa waran menangkap dan menahan mana-mana orang yang berkenaan dengannya yang mempunyai sebab untuk mempercayai terlibat dengan kesalahan keselamatan*”. Kita baca pula seksyen 3, “*Seorang pegawai polis boleh tanpa waran menangkap mana-mana orang jika mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa terdapat alasan yang menjustifikasi siasatan...*” Samalah, maknanya dua-dua seksyen ini memberarkan penangkapan dibuat. Jadi, kenapa sudah ada satu seksyen di bawah seksyen 4 kita buat pula akta ini, itu maksudnya. Jadi, kalau alasan tadi Yang Berhormat Tanjong Karang kata, “Oh! Di bawah SOSMA tidak boleh tahan pencegahan, tidak betul. Ada peruntukan yang memberi kuasa kepada polis untuk tangkap.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya faham sangat yang itu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak faham! Kalau faham kenapa jawab merapu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita rasa tidak faham, biar saya cuba jelaskan, boleh?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, saya bagi. *[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isunya, kita boleh tahan seseorang tanpa waran di bawah SOSMA. Akan tetapi kalau kita hendak tahan lebih lanjut lagi melebihi tempoh yang dibenarkan iaitu 28 hari maka kita kena dakwa dan kita kena buktikanlah dia bersalah. Itulah prinsip keadilan. Takkan kamu hendak tangkap, tahan buat selama-lamanya tanpa membuktikan dia bersalah. *That is the point.* Itu yang kita menentang dan menolak...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya, saya faham. Oleh sebab itu tadi...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Akta ini sebab ia melanggar *basic human right*. Takkan kita hendak tahan orang, menzalimi orang, tidak buktikan dia bersalah...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sudahlah, duduklah Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Selama 28 hari sudah cukuplah. Kalau hendak kata hendak untuk pencegahan tadi cukuplah 28 hari, takkan tidak cukup?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey faham. Duduk...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau dalam masa 28 hari masih tidak ada bukti takkanlah Yang Berhormat Tanjong Karang tidak percaya pada polis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Takkallah Yang Berhormat Tanjong Karang tidak percaya pada polis, kemampuan polis untuk hendak dapatkan maklumat dan bukti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Tanjong Karang ada dua minit ya.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, tahu panik. Mikrofon...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Mereka tidak baca ini, bawah seksyen 3, seksyen 4, saya sudah sebut tadi. Macam Yang Berhormat Shah Alam ini dia tidak baca. Bila tahan polis hanya boleh tahan dalam tempoh 24 jam lepas itu dia kena bawa di depan Majistret bukannya terus bawa ke Lembaga. Kalau dahulu bila polis tahan dia terus bawa kepada Menteri, sekarang ini dia kena bawa di depan Majistret dahulu. Kalau Majistret didapati- macam saya kata, saya sebut tadi... *[Disampuk]* Kalau misal kata, kalau dia didapati tidak bersalah...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Yang Berhormat *still* boleh bebaskan dia dan pendakwa raya boleh memohon untuk pasang alat, satu alat itu, apa salahnya?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang saya hendak jelaskan di sini.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Di situ...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya hendak jelaskan di sini.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak ada Yang Berhormat bercakap nanti.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey, *alright*.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat punya hujah nanti Yang Berhormat cakap.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Tanjong Karang jangan lari, tunggu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak, saya tidak lari. Lepas ini bagi Yang Berhormat Shah Alam bercakap pula.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey Tuan Yang di-Pertua, lepas ini bos bagi tahu Tuan Yang di-Pertua bagi saya pula lepas ini *[Ketawa]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Oleh sebab itu, yang saya kata ialah daripada segi hak asasi saya rasa di bawah akta ini tidak ada. Dia ada diberikan peluang sebaik-baiknya kepada orang yang dituduh untuk memberikan pembelaan. Akan tetapi kita kena ingat ada isu-isu yang melibatkan nasional sekuriti... *[Disampuk]* Apa, apa.., ni nampak tak?... *[Menunjukkan senaskhah dokumen]* Ini bodoh! Ini Yang Berhormat Kapar, yang ini, nampak tak?

■1610

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Karang. Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya suruh dia membaca. Saya hendak dengar. Apakah salahnya? Tension ini apa fasal, Yang Berhormat, tension apa pasal? Relaks. Baca, baca. Tidak ada masalah. Baca. Saya hendak dengar.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tadi saya dengar Yang Berhormat Kapar kata baca nota. Nota ini, notalah.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Memang betullah ada nota depan tangan dia, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Apakah lagi? Takkannya guna cangkul. Notalah itu.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Apakah hendak kacau? Yang Berhormat Kapar bagi *chancelah*. Yang Berhormat Kapar, bagi *chance*, bagi *chance*. Relaks, relaks, Yang Berhormat Kapar.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya, saya nak baca. Yang kedua ialah mengenai *national security*. Ini cukup penting. Ada kadang-kadang kes yang untuk kepentingan awam, kepentingan negara, tak perlu kita hendak terangkan secara *detail* dalam perbicaraan. Ini pun sudah memang diputuskan.

Ada kes Kerajaan Malaysia melawan Nasarudin Nashid. Hakim pun sudah buat keputusan. *"Those who are responsible for the national security must be the sole judge of what the national security required. It would be obviously undesirable that such matter should be made the subject of evidence in a court of law or otherwise discussed in public."* Ertinya tidak perlu. Ada beberapa kes yang kita lihat, IGP lawan dengan Tan Sri Raja Khalid Raja Harun, pun dia beritahu bahawa bilamana berkaitan dengan keselamatan negara, tidak perlulah dibincang dengan lebih dalam. Ada kes lagi, Manohara lawan dengan- ada beberapa kes. Saya percaya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi bermakna ini bukan sahaja di Malaysia. Di UK pun sama. Kalau dia berkaitan dengan keselamatan negara, selalunya tidak dibincang secara terbuka. Jadi kerana itu, apa yang...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang, baca atau tidak keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Ezam bin Mohd. Noor dan Ghani Harun dan juga beberapa orang yang menyatakan di mana mereka ditahan di bawah ISA, Mahkamah Persekutuan menyatakan bahawa alasan penahanan mereka itu tidak wujud pun dan tidak betul. Kata mereka ada *rocket launcher* dan sebagainya. Kata hakim, itu tidak wujud pun. Ini

benda yang memang direka-rekalah. Jadi maknanya, penyalahgunaan kuasa itu memang boleh berlaku. Sebab itulah baca semua kes. Kes raja-raja tersebut kes lama-lama. Baca kes yang baru-baru sikit.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini masalah bila tidak ada polisi *lawyer*. Kalau pergi mahkamah rujuk kes-kes lama, hakim dia tidak guna kes lama. Orang guna kes terbaru.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sebab itu saya kata tadi, saya cakap daripada mula tadi bahawa dalam kes-kes ISA, memang banyak. Saya sudah cakap daripada mula tadi. Dalam kes ISA pun, bila dia pergi ke *habeas corpus*, banyak kes yang lepas. Saya rasa kalau pergi kebanyakan kes, memang ada yang lepas. Ini menunjukkan bahawa...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Akan tetapi boleh tangkap balik. Tahu atau tidak? Boleh tangkap balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang, cukuplah. Cukuplah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tahu atau tidak? Adakah Yang Berhormat Tanjung Karang sedar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang!

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Seorang yang dilepaskan boleh ditangkap balik?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** *[Mengetuk penukul]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Minta maaf, minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila. Saya minta dua minit gulung.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak beritahu bahawa hak asasi manusia terjamin di bawah akta ini kerana diberikan pembelaan. Dia boleh bawa peguam. Apakah yang hendak disamakan akta ini dengan ISA? Jauh beza. Sekarang ini kita ada lembaga. Betullah dipersoalkan lembaga dan semuanya tetapi bukan lagi kuasa eksekutif seorang Menteri untuk menjatuhkan hukuman, untuk membuat tahanan.

Akhirnya, saya hendak beritahu. Saya hendak ulang lagi bahawa pihak-pihak luar ini dia memberi pengiktirafan ke atas kecekapan polis kita kerana polis kita ini saya percaya apabila mereka bertindak, mereka mendapat maklumat-maklumat yang cukup lengkap. Saya hendak ulas contoh pengalaman saya. Apabila saya melawat Kemunting, Tuan Yang di-Pertua, saya berjumpa dengan seorang tahanan dari Indonesia. Saya tanya dia. Dia kena tahan di bawah GI. Saya kata, "*Macam mana kamu orang Indonesia boleh kena tahan di sini?*" Dia mengaku. Dia kata dia baru mendapat latihan ketenteraan dari Filipina. Kemudian, dia balik singgah sekejap di Sandakan. Dia hendak singgah jumpa kawannya. *The moment* dia pijak sahaja bumi Malaysia, polis tangkap dia. Ini menunjukkan...? Polis telah *follow aktiviti-aktiviti dia sama ada dalam negeri hingga keluar negara*. Menunjukkan bahawa tindakan polis apabila

mengambil tindakan kepada seseorang, tidak ada matlamat yang lain melainkan demi menjaga keamanan dan juga keselamatan negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak minta bahawa walaupun dalam undang-undang ini tidak boleh dikenakan kepada mana-mana pemimpin politik yang terlibat di dalam parti-parti politik yang berdaftar tetapi ia mesti dikaji. Saya bimbang kalau-kalau ada mana-mana pemimpin-pemimpin yang menyokong keganasan ini mereka berselindung di bawah parti-parti politik tertentu. Dia tahu kalau dia berselindung di bawah parti politik, menjadi pemimpin parti politik, akta ini tidak boleh digunakan. Ini polis hendak kena kaji betul-betul kerana kita tidak mahu ada mana-mana orang yang cuba berselindung di bawah parti politik tetapi nawaitu dia, niat dia untuk menimbulkan keganasan di dalam negara kita. Jadi dengan ini saya menyokong akta ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

#### 4.16 ptg.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya, sila.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, kita sudah dengar banyak berkenaan dengan Rang Undang-undang POTA ini dari kedua-dua pihak. Pagi tadi kita dengar dari Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Kinabatangan dan sekarang dari Yang Berhormat Tanjong Karang.

Kalau kita lihat kepada penghujahan-penghujahan mereka, Tuan Yang di-Pertua, apa yang ketara adalah ini. Yang penting keselamatan. Keselamatan kepada negara. *It's overweight* dengan izin, *basic human right*. Daripada segi apa yang dihujahkan oleh rakan saya Yang Berhormat Pengerang tadi, beliau tidak ada di Dewan sekarang, kebanyakannya beremosi hujahan-hujahan tersebut. Apa akan berlaku sekiranya anak kita sendiri dibawa ke Syria dan sebagainya. Semua ini hujahan-hujahan beremosi, Tuan Yang di-Pertua. *Its overlooks* dengan izin, perkara-perkara *basic*, perkara-perkara yang berkenaan hak asasi yang perlu kita teliti seperti yang dijamin di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Salah satu *concern*, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan rang undang-undang ini adalah sama ada ia akan ataupun boleh disalah gunakan. *Will it be abused like its predecessor? I use the word 'predecessor'* dengan izin, di ISA. Dalam kes ISA, Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah pun berlaku banyak penyalahgunaan. Kita tahu apa yang berlaku di dalam Ops Lalang dalam tahun 1987. Apakah matlamat Ops Lalang tersebut? Matlamatnya boleh dipertikaikan, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengulangi apa yang dipetik daripada Wikipedia berkenaan isu ini. *Quote* dalam bahasa Inggeris... *[Membaca petikan]*

*"Operation Lalang (Operasi Lalang; Weeding Operation, also referred to as Ops Lalang) was a major crackdown carried out beginning 27 October 1987 by the Malaysian*

*police, ostensibly to prevent the occurrence of racial riots in Malaysia. The operation saw the arrest of 106 persons – NGO activists, opposition politicians, intellectuals, students, artists, scientists and others – under the ISA. It also involved the revoking of the publishing licenses of two dailies, The Star and the Sin Chew Jit Poh and two weeklies, The Sunday Star and Watan."*

Yang penting adalah ini, Tuan Yang di-Pertua... [Membaca petikan]

*"The notion that racial riots were imminent however is contested, and it is widely believed that the operation was designed to control the political opponents of the Prime Minister, Mahathir Mohamad through draconian measures".*

Ini kata-kata Wikipedia berkenaan dengan Ops Lalang iaitu berkenaan dengan penggunaan ataupun penguatkuasaan ISA pada masa tersebut. ISA sekarang kita tahu dimansuhkan. Kenapakah dimansuhkan? Kerana ia sudah diketahui ramai disalahgunakan. Baru-baru ini, Perdana Menteri ada menyatakan berkenaan dengan POTA ataupun sebelum idea POTA ditimbulkan selepas pemansuhan ISA beliau menyatakan, *I quote, "No individual will ever be detained simply due to political ideology."*

#### ■1620

Itu kata-kata Perdana Menteri. Kalau kita lihat kepada rang undang-undang POTA Tuan Yang di-Pertua, apa yang dinyatakan di seksyen 4(3), saya membaca dalam bahasa Inggeris dengan izin, "*No person shall be arrested and detained under this section solely for his political believe or political activity*" dan di bahagian subseksyen 6 dinyatakan, "*For the purpose of this section, 'political belief or political activity' means engaging in lawful activity through*", ada tiga subseksyen yang berkenaan iaitu (a), (b) dan (c).

Akan tetapi apa yang penting Tuan Yang di-Pertua ialah definisi apa yang dimaksudkan dengan *Terrorist Act*. Di bawah *interpretation* ataupun Bahagian II seksyen 2 rang undang-undang ini dinyatakan, "...*'terrorist act' has the same meaning assigned to it by the Penal Code [Act 574].* Dalam erti kata lain Tuan Yang di-Pertua, satu perbuatan *terrorist* ataupun *Terrorist Act*, kita kena tafsirkan daripada segi *Penal Code*. Apakah *Penal Code* itu menyatakan berkenaan dengan *Terrorist Act*? Dalam erti kata lain, sekiranya apa yang dinyatakan dalam *Penal Code* itu merupakan satu *Terrorist Act*, ia boleh diguna pakai di bawah POTA juga ataupun mesti diguna pakai di bawah POTA juga sebab POTA mengadoptkan tafsiran dari *Penal Code*.

Jadi dalam *Penal Code* kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua kepada seksyen 130B subseksyen 2 yang mengatakan dengan izin, "*For the purposes of this Chapter, 'terrorist act' means an act or threat of action within or beyond Malaysia where:-*

- (a) tidak berkenaan;
- (b) *where this act is done of the threat is made within intention of advancing a political, religious or ideological cause.*

Seterusnya di seksyen 130B 4 menyatakan, "*An act or threat of action false within this subsection if it is advocacy, protest, decent or political action.*

Sekiranya *we read this together* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ini bermaksud dengan jelasnya bahawa sesiapa yang *engage in political activity* ataupun *advance a political cause* ataupun sekurang-kurangnya *even protest* ataupun *decent* ataupun mempunyai *political action*, itu boleh dikenakan tindakan di bawah POTA. Ini bercanggah langsung dengan apa yang dijamin di bawah POTA tersebut sendiri iaitu “*No person shall be arrested and detained under this section solely for his political believe or political activity*”.

Maksudnya Tuan Yang di-Pertua, adalah sekiranya satu demonstrasi seperti BERSIH diadakan, itu jelas *is an advancing political cause*. Adakah peserta-peserta BERSIH itu semua akan ditakrifkan sebagai *terrorist*? Boleh ditafsirkan sebagai *terrorist*, kalau saya masuk jalan serta dalam BERSIH, saya boleh dikatakan seorang *terrorist* dan saya boleh dikenakan tindakan *up to 59 days* dan seterusnya dua tahun hanya kerana menyertai dalam BERSIH. Jadi apakah matlamat sebenar POTA ini? Adakah ia merupakan satu rang undang-undang yang khususnya digubal untuk menangani masalah *terrorism*? Kita setuju Tuan Yang di-Pertua, semua orang yang waras bersetuju bahawa isu *terrorism* ini satu isu yang serius, tidak boleh diambil secara ringan.

Akan tetapi apa isu yang penting yang kita berada di sini dan berbahas hari ini adalah berkenaan sama ada POTA itu sebenarnya digubal untuk isu ini dan hanya untuk isu ini ataupun adakah ia akan disalahgunakan seperti ISA disalahgunakan di dalam Ops Lalang? Adakah *political opponent*, orang yang mengadvancikan *a political cause* akan dikenakan tindakan di bawah POTA? Ini ialah isu-isu penting oleh sebab di bawah *Federal Constitution* Tuan Yang di-Pertua, kita ada banyak jaminan yang mencerminkan hak asasi manusia. Kita boleh lihat kepada bidang kuasa antarabangsa yang lain. *We can look at foreign jurisdiction*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Di Australia misalnya, undang-undang yang terpakai di Australia berkenaan dengan *terrorism* boleh didapati di dalam *Criminal Code Act 1995*. Secara ringkasnya, apa yang dijamin walaupun akta tersebut merupakan satu akta pencegahan juga seperti dalam kes POTA ini. Ini adalah apa yang dijamin dalam akta tersebut.

Dengan izin, “*A person detained under preventive detention order has the right to:*

- (i) *be treated humanely and not be subjected to cruel in human or degrading treatment;*
- (ii) *contact a lawyer;*
- (iii) *contact family members and employers to let them know they are safe;*
- (iv) *not to be question;*
- (v) *have a copy of the Preventive Order or Detention Order which contain of summary of the reasons for making the order;*
- (vi) *an interpreter if they have difficulty with English.*

Tuan Yang di-Pertua, di United Kingdom juga, *Committee* yang mempunyai kuasa iaitu dipanggil *Joint Committee on Human Rights* yang mempunyai kuasa berbahas akta yang berkenaan *terrorism* di negara tersebut iaitu *Counter-Terrorism and Security Bill*. *Committee* tersebut juga *recommend* Tuan Yang di-Pertua, hak-hak asasi seperti yang saya nyatakan di Australia tersebut tadi. Contohnya, *that the*

person subject to the exercise of this power, should also be informed of the reasons should be represented by special advocate in any close material procedure and should be able to receive legal late for such hearing. Itu di UK.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor, boleh minta penjelasan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Klang, sila.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bukit Gelugor, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Bukit Gelugor mengenai dua isu. Pertama, bolehkah kita katakan bahawa rang undang-undang POTA yang kita bahas pada petang ini dikemukakan oleh kerajaan kerana kurang kecekapan *intelligence gathering* oleh agensi-agensi perisikan dalam negara? Bolehkah kita simpulkan bahawa kegagalan ataupun *failure of intelligence gathering* yang mendesak kerajaan untuk menggubal undang-undang yang memberi kuasa yang begitu banyak yang *blatant* yang akan *abuse fundamental rights* rakyat negara ini khususnya di sebelah kita *on this side of us*? Minta pandangan.

■1630

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Yang Berhormat Klang. Sudah tentunya Tuan Yang di-Pertua, kita percaya bahawa *the intelligence agencies is incompetence*, bukannya cekap. Itulah sebabnya POTA ini diperlukan. Itulah sebabnya POTA ini *deprive* orang yang ditahan tersebut dengan banyak hak asasi-hak asasi yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan. Dari apa....

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor, sikit.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, dari bukit ke tasek.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, dari bukit ke tasek, sila.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Ya, itu Bukit Gelugor. Ini Tasek Gelugor. Bukit dengan air ya. Yang Berhormat Bukit Gelugor, setujukah Yang Berhormat Bukit Gelugor, bila mana Yang Berhormat Klang katakan tadi bahawa *intelligence* kita tidak cekap. Sedangkan baru sehari dua lepas, kita tengok pihak *intelligence* kita telah pun mendapat maklumat dan polis telah berjaya menangkap 17 orang yang telah pun disyaki dan memang ada bukti-bukti yang sahih penglibatan mereka dalam IS. Jadi, masalahnya sekarang ini ialah bukan masalah *intelligence*. *Intelligence* sudah buat kerja sebab itu kita boleh jumpa orang-orang yang disyaki ini dan mereka telah ditangkap.

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat*]

Persoalannya ialah selepas mereka ini ditangkap, apakah prosedur yang seterusnya? Prosedur yang seterusnya itulah yang kita perlukan POTA. Jadi, isunya sekarang ini bukan isu *intelligence* tidak cekap. *Intelligence* sudah menjalankan tugas. Kita dapat tangkap, dapat kesan, dapat kenal pasti. Akan tetapi bila sampai kepada proses untuk yang selanjutnya, kita ada masalah di mana kita perlu putuskan pula daripada segi POTA. Jadi, adakah Yang Berhormat Bukit Gelugor setuju dengan pendapat daripada Yang Berhormat Klang tadi yang mengatakan *intelligence* itu tidak cekap sedangkan kita telah bukti dapat menahan banyak kes yang terlibat tadi. Terima kasih.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut bilangan ataupun *figures* yang diberikan pagi ini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau tidak silap saya jumlah yang ditahan setakat sekarang lebih kurang 70 orang ataupun 72 orang, *if I am not mistaken*, orang yang ditahan dan ada *breakdown* berkenaan dengan bilangan tersebut. Ini bukannya satu bilangan yang amat besar kalau kita lihat secara keseluruhannya. *If the threat of terrorism* Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat teruk, *surely there will be more than less than a 100 suspects*. Itu mencerminkan, itu sudah jelasnya mencerminkan kualiti agensi-agensi risikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam dan Yang Berhormat Klang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor. Saya hendak respons sikit jugalah pada isu *intelligence* yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Klang. Betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tasek Gelugor, bahawa orang-orang dan jumlah yang 17 orang dan sebagainya telah ditahan. Akan tetapi tidakkah betul Yang Berhormat Bukit Gelugor ya, sekiranya *intelligence* itu adalah baik dan berkesan, maka ia tidak akan menghasilkan penangkapan semata-mata. Akan tetapi juga bukti-bukti yang boleh mensabitkan kesalahan. Kalau sekadar hendak tangkap tapi kita tidak boleh bukti bahawa mereka benar-benar terlibat, maka itu tidak boleh digunakan sebagai kayu ukur atas keberkesanan *intelligence*.

*Intelligence* itu mesti mendedahkan orang-orang yang terlibat dengan bukti-buktinya juga. Kalau setakat hendak tangkap saja, ramailah yang boleh kita tangkap tapi tidak ada bukti. Apakah pandangan Yang Berhormat Bukit Gelugor?

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Sudah tentu itu satu perkara yang penting. Kalau kita, *intelligence* kita adalah berkualiti tinggi, sudah tentunya kita boleh dapat bukti. Kalau kita boleh dapat bukti Tuan Yang di-Pertua, ada *provision* ataupun peruntukan undang-undang sekarang yang sedia ada untuk membincarakan dan membuktikan kesalahan-kesalahan tersebut. Jadi, saya setuju dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi. Sekiranya risikan ini adalah...

**Seoran Ahli: [Bangun]**

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *One minute.* Sekiranya risikan ini adalah bertahap tinggi begitu, sudah tentunya *safe guard- safe guard* boleh dimasukkan ke dalam POTA

ini. *Safe guard-safe guard* tersebut Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah nyatakan tadi adalah bersentuh dengan jaminan-jaminan yang diberi oleh *Federal Constitution* kami. Mengikut Tuan Yang di-Pertua, seksyen 10, subseksyen 3 POTA. Seorang yang ditangkap tersebut tidak dibenarkan *a rights to counsel* di dalam *inquiry* yang diadakan selain daripada di mana keterangan sendiri beliau diambil di dalam prosiding tersebut. Ini adalah bercanggah secara telusnya dengan Artikel 54 di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Ini tidak perlu Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya faham hujahan-hujahan dari sebelah sana pagi ini, tiga hujahan yang dibentangkan pagi ini. Apa yang dikhawatir keselamatan *to the nation*. Apa yang kita khawatir di sebelah ini, ada penyalah gunaan POTA. Jadi, apakah salahnya sekiranya seseorang ditahan tetapi diberi jaminan? Apakah salahnya sekiranya dia diberi *rights to counsel*? Apa salahnya Tuan Yang di-Pertua, sekiranya dia diberi akses kepada *report-report* dan dokumen-dokumen yang disediakan oleh *enquiry officer*? Apa salahnya Tuan Yang di-Pertua,...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh gulung Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya ada beberapa... *[Disampuk]* *Alright*, boleh.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih, saya hanya hendak dapat tafsiran. Yang Berhormat seorang peguam yang saya kira agak hebat daripada Yang Berhormat Sepang. Saya hendak dapat tafsiran Yang Berhormat...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yalah, dia lebih hebat daripada Yang Berhormat Sepang. Oleh sebab itu, dia masuk senarai kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya hendak tahu Yang Berhormat Bukit Gelugor, ini boleh terang, mungkin saya silap faham. Jadi, saya hendak dapat penjelasan mengenai seksyen 4 ini. Oleh sebab Yang Berhormat kata tidak ada hak untuk dapat peguam dan segalanya. Seksyen 4, 4(i) dengan 4 (ii) ini.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tidak silap Yang Berhormat Tanjung Karang. Tidak faham apa yang saya kata. Seksyen 4, seksyen 3 itu berkenaan dengan reman. Itu adalah berkenaan dengan bila seseorang itu ditangkap dan dibawa ke majistret. Dia boleh dikenakan *up to 21 days*, lepas itu *up to 39 days, total 59 hari*. Seksyen-seksyen tersebut tidak menyatakan *or* adalah *silence* berkenaan sama ada *rights to counsel*. Akan tetapi berkenaan dengan *inquiry* yang saya rujuk kepada tadi, itu di bawah seksyen 10. Itu yang saya maksudkan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sebab itu saya kata tadi. Ia ada beza dengan ISA. Dulu kalau ISA, tangkap, tidak ada boleh bawa di depan majistret. Terus tahan 60 hari kemudian Yang Berhormat Menteri buat keputusan. Hari ini saya tekankan seksyen 4 ini. Jadi, memang *silence*. Akan tetapi apabila orang didakwa hendak buat tahanan reman, dia boleh bawa peguam. Saya juga hendak minta Yang Berhormat Menteri buat peraturan, bila sesiapa didakwa di bawah untuk seksyen 4 untuk tahanan reman, dia kena hak untuk dibenarkan untuk membawa peguam.

Jadi, kalau dia sudah dapat tahanan reman sampai 21 hari dan 38 hari, dua kali dia dibawa di depan majistret, baru dia pergi Lembaga dan membuat keputusan. Bukankah ini menunjukkan bahawa kita memberi hak kepada yang tertuduh untuk membuat pembelaan?

■1640

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Apakah hak Yang Berhormat Tanjung Karang walaupun ada peguam? Dia tidak ada akses kepada *report* tersebut, macam mana dia mahu bantah, *what is he going to say?* Okey, dia boleh berada di sana tetapi dia tidak tahu kenapa.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** No, no. Dokumen di bawah seksyen 3 dan 4 itu tidak boleh dibekalkan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya tetapi di sini, baca betul-betul. Masa dia hendak ditahan dia kena bawa *order* ...

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Boleh, dia boleh bawa tetapi dia tidak ada peruntukan untuk bekalkan...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya lah sebab itu lah kita...

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** ...Kepada peguam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Seorang-seorang Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Kena buat peraturan,...

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Itu Tuan Yang di-Pertua,...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Ada hak kepada peguam untuk dapat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Alright. Itu saya tidak pertikaikan berkenaan dengan seksyen 3 dan 4. Apa yang saya rujuk tadi maksud seksyen 10 kerana kita...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya lah, kalau dia didapati tidak diiktiraf bukti 3 dan 4, dia boleh dibebaskan.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ya tetapi kalau *you practice law*, kita semua tahu...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bermakna, adalah dalam ini...

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Di bawah seksyen- *this is my floor*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Seorang-seorang Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *It is my floor.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh gulung Yang Berhormat ya.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ada dua isu Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ramai yang hendak berbahas Yang Berhormat. Boleh gulung.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya minta maaf, dua isu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Pendekkan Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Boleh? Berkennaan dengan apa yang dibahaskan Yang Berhormat Tanjung Karang adalah *rights to counsel*. *Rights to counsel* yang penting di sini adalah di masa *inquiry*. Oleh sebab kita kena ingat di sini Tuan Yang di-Pertua, bahawa tiada *rights to judicial review* di dalam prosiding-prosiding ini. Kalau saya ditangkap di bawah POTA. *Alright*, saya dikatakan seorang *terrorist*. Dia kata pada 1 hb April apabila GST dikenakan, itu tidak ada kena mengena.

Akan tetapi *1st of April*, saya dikatakan berada di KLCC bersama dengan *terrorist* lain. Ada beg dan disyaki ada bom dalam beg. Akan tetapi kalau saya boleh buktikan pada 1 April saya berada di *Singapore*, itu menunjukkan saya ada *alibi*. *Alright*. Akan tetapi ini tidak boleh disemak oleh mahkamah sebab kes ini adalah hal yang menyentuh merit, walhal apa yang boleh disemak di mahkamah hal yang berkenaan prosedur. Jadi, sekiranya isu yang dikhuatiri oleh bahagian Barisan Nasional keselamatan, apakah salahnya kita bagi jaminan-jaminan ini?

Adakah kita tidak yakin dengan badan kehakiman? *Do we not have the confidence in the judiciary? Give the power to the judiciary to review on merits and not merely procedure.*

**Seorang Ahli:** Tanam sayur sahajalah.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Kenapa, takut? Kenapa takut membenarkan badan kehakiman campur, menyemak, bagitahu dia memang berada di *Singapore*. *You order is wrong, the grounds of his arrest is wrong*, kenapa takut?

**Seorang Ahli:** Mana ada takut.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Kenapa takut, kenapakah hanya bagi badan kehakiman kuasa untuk *check comma and dots* dan prosedur perintah tersebut? Kenapa tidak boleh bagi hakim itu mengambil kira sama ada saya di Singapura hari itu, *on the merits*. Ya, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit, sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *you don't have very much time* Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit, sedikit, satu minit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Bila tidak ada masa, tidak boleh bagi ruang pada orang lain untuk mencelih Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Lepas ini dia hendak gulung, hendak gulung.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ini sahabat saya, *I don't mind*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit, sedikit. Saya punya soalan ialah setuju tidak dengan saya Yang Berhormat Bukit Gelugor, *it happened to your late father* di mana dia di tahan, tiba-tiba alasan itu dia kata dalam *dictation order*, dia berada di sekian-sekian tempat, tiba-tiba didapat bersalah dan mahkamah benarkan *habeas corpus*. Selepas *your late father* menang, maka dipinda akta itu masuk seksyen 8b, tidak boleh lagi *challenge* kecuali *on procedure aspect*, setuju?

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, ini ada satu perkara penting. *I appreciate sekiranya diberi satu minit untuk menjelaskan perkara ini.* Tuan Yang di-Pertua, apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sepang adalah *it's interesting*. Itu satu contoh di mana akta-akta pencegahan seperti ini boleh disalah guna. Apa yang berlaku di sana adalah isu yang dibentangkan di Mahkamah Tinggi Ipoh di dalam *habeas corpus* adalah berkenaan merit. Akan tetapi apabila bapa saya, ayah saya dibebaskan, beliau ditangkap semula atas satu perintah baru dan tidak boleh disoalkan perintah baru tersebut.

Itu akan berlaku sekiranya POTA diluluskan dan *that is the reality of it. That is the reality of what will happen in practice on the ground* dan ini perlu diambil kira. Jangan *rubber stamp* apa yang awak tidak faham. Jangan datang ke Parlimen buat hujahan beremosi *[Tepuk]* Sampai boleh dapat Oscar award. Pagi ini ada dengar. You tidak ada di sini Yang Berhormat Tanjung Karang. Kalau you ada pagi ini you...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** You, you. Jangan lah you, you.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Minta maaf. Yang Berhormat Tanjung Karang boleh lihat sendiri lakonan Yang Berhormat Pengerang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat ya.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Jadi, saya tidak akan mengambil masa terlalu lama. Saya berterima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang ini. Akan tetapi pendirian kami dan pendirian sebulat bahawa rang undang-undang ini sepatutnya ditolak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu.

#### 4.46 ptg.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Belum apa-apa sudah bising dah.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Okey, pertama sekali saya ingin menyentuh berkenaan dengan apa yang dinyatakan pada hari ini, terutama sebelah sana banyak kepada persepsi. Persepsi mengatakan bahawa *preventive law* ini tahanan tanpa bicara. Jika kita lihat undang-undang, ia ada dua jenis undang-undang. Satu punitif dan satu *preventive*. Jadi, berkenaan dengan undang-undang punitif ini, umpamanya undang-undang berkaitan kes pembunuhan dan sebagainya atau pun yang menyebabkan kecederaan, yang melibatkan kumpulan-kumpulan tertentu.

Jika kita tuduh di mahkamah katakanlah, ia akan menyebabkan sama ada orang yang melakukan kesalahan itu biasanya dihukum penjara di dalam satu tempoh pemerintahan yang agak lama dan akan melalui proses-proses rayuan. Proses rayuan dari Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Persekutuan, ke Mahkamah Rayuan dan sebagainya. Jika ia dilihat ia akan melalui proses yang panjang dan merumitkan serta di mahkamah ini memerlukan bukti-buktii yang nyata dan jelas. Itu kita kena bezakan sekarang ini.

Jadi, manakala dalam undang-undang yang berbentuk *preventive* ini, kalau kita lihat daripada awal, fail kes yang dibuka oleh pihak polis diambil biasanya berdasarkan daripada kertas siasatan yang telah dibuka lebih awal dan telah dirujuk biasanya kepada Timbalan Pendakwa Raya. Di mana selalunya

kertas siasatan tidak dapat dilengkapkan kerana saksi-saksi yang tidak dapat dikesan. Itu yang susahnya. Keterangan saksi-saksi merupakan kebanyakan keterangan dengar cakap iaitu *hearsay* atau pun juga keterangan daripada rakan-rakan sejenayah yang enggan memberi percakapan yang sebenar, yang jujur dan juga yang tulus. Kebanyakan jenayah susah hendak beri keterangan.

Dengan itu, biasanya fail kes yang dibuka akan mengambil percakapan dan juga risikan dan saksi-saksi yang terlibat dan identiti mereka dilindungi daripada semua pihak, termasuk di kalangan pihak polis sendiri. Berdasarkan fail kes ini, satu laporan akan dihantar ke Lembaga Pencegahan Keganasan dan pegawai *inquiry* untuk penelitian. Kemudian, pegawai *inquiry* pula iaitu pegawai yang dilantik menteri yang mana latar belakangnya mempunyai pengalaman yang luas untuk menyemak kertas siasatan yang lazimnya daripada Jabatan Peguam Negara akan menjalankan suatu *inquiry* yang bebas dengan memanggil *suspect* itu sendiri yang telah ditahan dan juga saksi-saksi yang menyatakan penglibatan subjek di dalam sesuatu jenayah serta pegawai polis yang menjalankan penyiasatan. Ini sudah ada langkah-langkah penyiasatan daripada awal.

Semasa *inquiry* juga dijalankan juga pula prosiding adalah berkaitan dengan aktiviti-aktiviti jenayah yang dilakukan oleh subjek yang telah ditahan oleh pihak polis. Kesemua bukti dan saksi yang menyatakan penglibatan subjek itu sendiri akan disoal oleh pegawai *inquiry* berkaitan dengan kebenaran atau kesahan maklumat yang terdapat dalam fail-fail kes tersebut.

#### ■1650

Jadi oleh itu undang-undang ini yang berbentuk pencegahan ini mempunyai kita katakan imbalan, ada *check and balancenya* untuk melihat ketulusan siasatan pihak berkuasa dalam kes fail. Jadi justeru itu, dakwaan-dakwaan pihak-pihak tertentu ataupun tiada prosiding bicara. Prosiding bicara tidak semestinya di mahkamah. Jadi prosiding bicara dalam undang-undang ini saya rasa tidak benarlah kalau ada tohmahan-tohmahan sedemikian. Jadi walaupun tiada perbicaraan seperti dalam konteks mahkamah, proses *inquiry* yang dijalankan adalah lebih terperinci dan lebih cepat. Itu yang penting.

Jadi selepas *inquiry* dijalankan biasanya satu laporan akan dihantar ke lembaga berkaitan hasil siasatan tersebut dan lembaga biasanya akan meneliti. Ini semua telah ada dinyatakan dalam akta dan kemudian ada lagi rujukan di bawah...

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Sungai Siput bangun.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Setiu boleh? Terima kasih Yang Berhormat Setiu dan Tuan Yang di-Pertua. Dalam proses perbicaraan, kita mesti ada pembelaan. Jadi jika *inquiry* itu tidak ada ruang di mana orang yang dituduh tidak diberitahu apakah tuduhan, apakah bukti terhadap dia, tidak dapat bantuan peguam untuk mewakilinya, mana ada bicara, dia tidak ada bicara. Apabila *inquiry officer* itu beritahu kepada lembaga tidak ada ruang untuk lembaga itu terus *interview* orang yang kena tuduh atau pun terus jumpa dengan saksi yang telah ditemu duga oleh *inquiry officer*. So ini banyak bergantung kepada *inquiry officer*. So ini bukan satu ruang untuk membela diri. So saya ingat ini tanpa bicaralah ini.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Itu saya katakan penangkapan kalau tanpa bicara ini biasanya ditangkap terus ditahan, itu tanpa bicara. Akan tetapi kalau sudah ada *inquiry* dan sebagainya, saksi-saksi dipanggil, semua dipanggil dan diberitahu, keterangan diambil, itu sudah proses bicara. Itu jawapan saya.

Jadi dalam Perkara 151 juga telah membenarkan ada dibuat satu representasi daripada pihak subjek itu sendiri. Jadi makna subjek yang ditahan boleh mengemukakan representasi terhadap perintah tahanan tersebut kepada lembaga penasihat. Jadi di sini ada ruang juga kepada subjek itu sendiri. Kita tidak panggil tertuduh, kita panggil subjek dan lembaga penasihat biasanya akan menetapkan tarikh pendengaran representasi yang mana orang tahanan boleh melantik peguam pilihannya. Kebiasaannya macam itu ya, dan juga membawa saksi-saksi sendiri bagi menyangkal alasan pengeluaran perintah tahanan tersebut.

Jadi selepas pendengaran, biasanya lembaga penasihat akan membuat syor kepada Yang di-Pertuan Agong yang mana jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati dengan syor yang dikemukakan oleh Lembaga Penasihat, Yang di-Pertuan Agong akan memperkenankan syor tersebut.

Jadi jika kita lihat secara keseluruhannya, terdapat beberapa *layer* dalam penyiasatan ini iaitu:

- (i) siasatan fail oleh pegawai siasatan polis;
- (ii) *inquiry* oleh pegawai *inquiry*;
- (iii) kepuasan hati pihak Lembaga Pencegahan Keganasan. Bukan makna dia terima terus dia tahan, tidak ada. Dia berpuas hati dahulu, baca dahulu, tengok dahulu boleh ditahan ataupun tidak;
- (iv) terdapat lagi yang saya kata tadi pendengaran representasi daripada lembaga penasihat; dan
- (v) perkenan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Jadi oleh demikian, secara keseluruhannya boleh kita katakan kepada penahanan tanpa perbicaraan dalam kes-kes *preventive detention* ini ia boleh dilihat bahawa satu *safeguard* yang dikenakan iaitu melebihi proses yang saya nyatakan tadi. Jadi saya percaya bahawa apabila rang undang-undang- itulah pihak sebelah sana rasa takut ini. Saya rasa ada kerisauan pada pihak sebelah sana ini.

Satu kemungkinan susah peguam yang buat amal, peguam jenayah biasanya. Bukan peguam jenayah yang mengamalkan kes-kes jenayah, susah hendak cari makan. Barangkali itu yang marah. Kedua, mungkin ada pihak-pihak yang dibiayai pernah saya cakap dibiayai, mungkin ada. Itulah oleh kumpulan-kumpulan ini merasa begitu tergugat sebab kalau hendak tahulah...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh, boleh minta?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan bangun Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat menujukan hujah itu kepada Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Sungai Siput?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jangan jawab itu Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Ketereh.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiu, berdasarkan kepada huraian Yang Berhormat berhubung dengan proses yang perlu dilalui di bawah rang undang-undang ini, bolehkah saya katakan bahawasanya matlamat preventif tidak akan berkesan kalau mengikut peraturan-peraturan sedia ada. Seperti mana kita tengok kalau kes liwat pun enam tahun sampai jatuh hukum pun tidak selesai juga lagi, sampai peringkat mendakwa hakim pula bersubahat, jadi enam tahun.

Jadi kalau kes-kes yang melibatkan nyawa, ketenteraman awam, kalau memakan masa lima enam tahun maka langkah preventif itu sudah habis, tidak boleh pakai lagi. Setuju kah Yang Berhormat?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya, saya bersetuju sangatlah dengan Yang Berhormat Ketereh, sebab kalau kita hendak tunggu bicara, hendak dapatkan saksi-saksi, hendak dapatkan bukti-bukti memang susah. Kalau mungkin Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Sepang dia rasa macam hendak kena berlaku dahulu potong kepala dahulu atau bakar dahulu, baru undang-undang ini kita buat. Oleh sebab mereka pakai *mask*. Apabila pakai *mask*, kalau bawa pergi mahkamah, siapakah yang kita hendak dakwa? Kalau kita dakwa orang yang melakukan itu, yang pakai topeng dan sebagainya, macam mana kita hendak buat? Adakah senang kita hendak dapat saksi dan sebagainya? Hendak kena cam muka. Itu proses di mahkamah. Itu yang susahnya.

Jadi kalau- saya hendak beritahu sedikit ini sumber kewangan ini besar, IS ini sumber kewangannya banyak, lebih kurang RM7 bilion pendapatannya setiap hari. Hasil penjualan minyak di pasaran gelap sebanyak RM3 juta sehari.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ini masalah luar negeri Yang Berhormat. Berlaku di luar negeri, belum berlaku di sini. Kita hendak mencegah sekarang ini... *[Disampuk]* Kalau berlaku di sini kita tangkap, bukan susah sangat. Yang Berhormat Kapar hendak masuk, Yang Berhormat Kapar hendak kena tangkap? Akan tetapi Yang Berhormat Kapar tidak mengapa. Kalau Yang Berhormat Kapar ini, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Shah Alam kalau kena tangkap dia mudah, dia buat macam Yang Berhormat Batu buat, dia lawan, lawan, lawan dapat...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini fitnah ini. Standard seorang hakim cakaplah point.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Hai, saya bukan hakim, saya Ahli Parlimen, okey.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** ...Cakap point. We want something the point. Kalau you sokong pun bagi point. Jangan tuduh Yang Berhormat Batulah, Yang Berhormat Kaparlah, Yang Berhormat Shah Alam. Give point, I'm listening to you. Saya hendak point.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya tidak tuduh, nanti dulu.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat kapar ikut peraturan Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar tengok peraturan... [Dewan riuh]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini teruk punya wakil rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar duduk.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Hakim, I hormat you, I hendak *valuable point*.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya belum habis bercakap.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** What a valuable point, sit downlah!

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Valuable point.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Okey, tunggu saya cakap dahulu! *This is my floor.*

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Setiu, saya hendak minta laluan boleh?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya hendak beritahu apa yang berlaku sekarang ini.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Minta laluan boleh? Yang Berhormat Setiu minta laluan?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Duduk dahulu saya hendak habis. Duduk dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Apa yang berlaku pada Yang Berhormat Batu dan dua tiga orang lagi, dia ditahan di bawah ISA. Baru-baru ini dapat RM5 juta kerana mahkamah memberi award. Ini mungkin apa-apa yang berlaku sekarang ini, ada undang-undang, langgar undang-undang, hasut sana, hasut sini. Mungkin dia hendak suruh orang tangkap tidak mengapa. Tangkap polis salah tangkap, pergi mahkamah dapat award. Ini mungkin apa yang berlaku, sebab itulah dia orang menentang sangat kadang-kadang undang-undang, apabila kita hendak buat itulah cara-caranya.

## ■1700

Jadi, belum habis lagi saya beritahu tadi. Bermakna IS ini telah mengumpulkan aset sebanyak RM7 bilion dan diperolehi melalui hasil rampasan dari *Bank of Mosul* berjumlah RM1.4 million dan sumber-sumber daripada orang perseorangan di negara Teluk Arab. Kalau ada rasa hendak dibiayai bolehlah terlibat dengan IS ini. Sedikit saya hendak bagi tahu bahawa beza antara pencegahan dengan ada disebut pasal SOSMA dan juga POCA tadi, dia ada perbezaan. Sedikit perbezaan tujuan asalnya bawah POTA ini untuk mencegah...

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya hendak gulung. Untuk mencegah tindakan ke ganasan daripada berlaku...

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Setiu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Cukup. Saya sudah hendak tamat.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Bagi laluan, hendak minta penjelasan yang Yang Berhormat bangkit tadi.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tidak beri penjelasan lagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Timur, dia tidak bagi Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Ini senang untuk Yang Berhormat Setiu menjawab, jangan khuatir. Beri laluan!

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Dengar betul-betul, nanti saya beritahu. Saya hendak bezakan antara POTA dan SOSMA, itu saya hendak bezakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Timur duduklah.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Saya hendak tanya sebab Yang Berhormat Setiu tadi telah dibangkitkan. Tadi kata hendak beri, sekarang tidak mahu beri, kenapa?

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Setiu tidak beri laluan, sudahlah.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Timur, duduk Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Beri...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *This is my floor!*

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** *I know.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sekarang saya hendak tutup, hendak habiskan hujah saya.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Apa hendak khuatir. Kalau POTA ini begitu baik... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Timur, minta duduk Yang Berhormat, duduk.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Bagi laluanlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Timur, dia senang sahaja. Kalau yang berucap tidak bagi jalan, duduk. Jangan paksa.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ikut undang-undang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hakim itu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Bekas, bekas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Bekas hakim.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jadi tujuan POTA ini jelas, adalah untuk mencegah keganasan, mencegah tindakan berunsur keganasan daripada berlaku. Akan tetapi SOSMA lain sedikit, ia untuk membanteras aktiviti pengganas dan juga di bawah POCA tadi untuk pencegahan dan juga untuk banteras. Jadi ada perbezaannya. Akhir sekali, saya menyokong pindaan ini, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Temerloh.

## 5.02 ptg.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 ini. Sebentar tadi kita telah mengikuti banyak perbahasan dan juga perbincangan daripada kedua-dua belah pihak yang saya lihat banyak menyentuh soal teknikal, undang-undang, pelaksanaan dan mempersoalkan peruntukan dan juga seksyen yang ada di undang-undang ini.

Saya dalam kesempatan ini mengambil satu aspek yang berbeza ataupun satu sudut yang lain untuk kita lihat bersama dalam rang undang-undang ini sebelum kita menerima ataupun menolaknya. Sejelasnya ataupun sepantasnya Islam itu sendiri telah melarang berlakunya keganasan sama ada secara aman ataupun semasa perang. Tindakan yang melampaui batas, tindakan yang mencabuli hak, itu semua adalah suatu yang dilarang oleh Allah SWT. Allah sebut dalam al-Quran... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] “Dan perangilah oleh mu ataupun berperanglah di jalan Allah SWT terhadap orang-orang yang memerangi kamu. Jangan sekali-kali kamu melakukan perbuatan yang melampaui batas. Sesungguhnya Allah sangat tidak suka orang yang melampaui batas”.*

Tuan Yang di-Pertua, bertolak dari premis ini kita mestilah berhati-hati dalam menggunakan perkataan ataupun terma ganas ataupun pengganas ataupun keganasan militan dan sebagainya. Ini kerana saya lihat banyak pihak mengambil istilah ini ataupun mengguna pakai perkataan ini terma ini dengan dipinjam daripada istilah yang dikemukakan oleh pihak Barat. Sering kali dalam terma yang dikemukakan oleh pihak Barat itu Islam menjadi sasaran. Tanpa kita sedar, Islam difitnah, ditohmah dan dilabel dengan terma-terma ini yang dianggap sebagai ganas oleh pihak Barat mahupun konco-konconya dan boneka-bonekanya.

Contoh saya lihat yang dianggap atau dituduh ganas, kumpulan *Mujahideen al-Afghanistan* satu ketika dahulu dalam mempertahankan tanah air mereka, menentang penjajah yang datang menjajah negara mereka, mereka dianggap pengganas oleh pihak Barat. Kes *Hizbul Mukawama* di Palestin yang

berhadapan dengan Israel yang mencabul yang juga merampas hak kemerdekaan tanah air mereka juga dianggap pengganas termasuklah pertubuhan pembebasan Palestin dan lainnya. Sedangkan mereka itu berjuang untuk membebaskan tanah air mereka, berjuang untuk maruah rakyat mereka. Akan tetapi mereka dianggap pengganas.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita merujuk kepada Resolusi 2178 Majlis Keselamatan PBB ini yang diluluskan pada 24 September 2014, yang mana resolusi ini adalah untuk mengutuk jaringan *extremist* dan juga ideologi *extremism* dan juga apa yang berkaitan dengannya. Majlis Keselamatan PBB hanya melabelkan kumpulan-kumpulan pengganas ini yang diasosiasikan dengan *Islamic State in Iraq*, itu satu. Kemudian al-Nusra, France. Itu dua. Kemudian, badan-badan pecahan daripada Al-Qaeda yang lain. Sedangkan persidangan itu dipengerusikan oleh Presiden Amerika, Barack Obama yang sebelum ini jelas kita lihat mereka menyokong dan membiayai gerakan Zionis Israel yang sememangnya semua orang tahu inilah dia gerakan pengganas dunia yang telah merosakkan tamadun dan juga kemerdekaan sebuah negara. Kita lupa perkara ini. Kita selalunya dan sering mengambil istilah keganasan, pengganas, mengikut kamus mereka, mengikut istilah mereka, mengikut perspektif kaca mata mereka. Sedangkan mereka inilah sebagai imperialis yang menjarah dan menjajah kedaulatan negara-negara yang lain. Mereka mendakwa mereka sebagai polis dunia. Mereka dakwa mereka sebagai pengawal dunia.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kepala Batas bangun Yang Berhormat.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Sebentar. Akan tetapi mereka adalah antara yang bertanggungjawab mengganyang rakyat yang tidak berdosa dalam negara-negara umat Islam. Merekalah yang menjadi pembiaya, merekalah yang menyogok paksi-paksi tertentu untuk menyuburkan keganasan yang berlaku dalam dunia ini. Pada saya mereka hipokrit bertopengkan syaitan tetapi menggunakan suara yang lunak atas nama keadilan dan kebebasan sebenar. Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kita jangan sekali-kali...

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Temerloh.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Sila.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Terima kasih Yang Berhormat Temerloh, saya sekadar hendak memberi peneguhan apa yang Yang Berhormat Temerloh sebut sebab *alhamdulillah* apabila Yang Berhormat Temerloh bangkitkan perkara tadi itu, ia sedikit sebanyak membuat penjernihan kepada realiti keganasan. Saya hendak tanya apakah Yang Berhormat Temerloh setuju tidak bahawa keganasan ini tidak boleh dikaitkan ataupun tidak boleh dijenamakan dengan keagamaan. Oleh sebab apabila berlaku keganasan yang membabitkan pembunuhan ribuan, malahan ratusan ribuan di Negara Iraq ketika- dahulu yang dilakukan oleh keputusan oleh dua kuasa besar Amerika dan juga *Great Britain* tetapi kita tidak kaitkan bahawa itu merupakan tuntutan ataupun persetujuan amalan keagamaan orang yang melalukan itu.

Demikian juga bilamana tentera dan rakyat Kashmir ramai yang dibunuh oleh tentera India. Kita tidak kata itu amalan agama Hindu. Bila mana ramai rakyat Rohingya dibunuh oleh Junta di Myanmar kita

tidak kata itu amalan agama Buddha dan demikian jugalah bila mana rakyat Palestin dibunuh ramai di negara Palestin, kita tidak kata itu merupakan amalan agama Yahudi kerana isteri Nabi juga seorang Yahudi dan demikian juga di IS ini. kita tidak boleh kaitkan apa yang dilakukan oleh IS ini sebagai satu jenama keagamaan kepada Islam. Terima kasih.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Ya Tuan Yang di-Pertua, saya telah tegaskan di awal ucapan tadi bahawa Islam satu agama yang melarang keganasan.

#### ■1710

Keganasan tidak boleh digunakan atas nama agama mahupun menggunakan perkataan jihad. Itu satu penyelewengan dan itu adalah satu salah guna terma yang saya kira termasuk dalam propaganda di peringkat antarabangsa untuk terus memberi label, fitnah dan tohmahan kepada Islam dan juga kepada ajaran yang suci ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung tadi. Kita jangan sekali-kali lupa, satu catatan penting Persidangan Basel Switzerland pada 31 Ogos 1897, Deklarasi Balfour pada tahun 1917 dan juga penjajahan ke atas kedaulatan Palestin pada tahun 1948 yang mana kita melihat Zionis telah merampas hak Palestin dengan mandat yang disokong penuh oleh Amerika Syarikat. Mereka telah menghalau setengah juta orang penduduk Palestin, mereka telah merobek kesucian kiblat pertama umat Islam di Baitul Maqdis sehingga kita kena ingat, Allah berfirman dalam Al-Quran... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* “Siapa lagi yang lebih zalim daripada mereka yang telah menghalang rumah Allah daripada disebut namanya dalam rumah Allah itu dan merancang untuk memusnah dan menghancurkan rumah Allah.” Siapa lagi yang lebih zalim, siapa lagi yang lebih jahat, siapakah lagi yang lebih ganas daripada mereka?

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat mereka ini tidak disenaraikan dalam senarai pengganas. Zionis Israel ini telah membunuh 2,500 orang rakyat Palestin, kalau kita masih ingat dalam Kem Sabra dan Shatila pada tahun 1982. Pada 27 Disember 2008, mereka menghantar puluhan jet pejuang F-16 membedil infrastruktur awam Palestin yang meruntuhkan hospital, sekolah, masjid, rumah, kedai dan segala-galanya hancur musnah. Sehingga pada waktu itu pada hari pertama sahaja serangan itu, lebih daripada 500 orang rakyat Palestin terkorban. Ramadhan tahun lepas, tahun 2014, mereka melancarkan 2,600 serangan udara mengebom 650 buah bangunan dan 70% yang terbunuh itu kanak-kanak dan juga wanita.

Jadi dalam tragedi ini, saya ingat Setiausaha Agong PBB, dia menyebut, dia kata semua bukti yang dilakukan oleh Israel ini menunjukkan jelas bahawa mereka yang memulakan keganasan dan mereka yang bertindak dengan satu tindakan yang keterlaluan, melampaui sehingga melewati batas perikemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, Amerika mempertahankan seluruh kekejaman Zionis Israel dan untuk rekod Tuan Yang di-Pertua, Israel ini juga telah mencabul 79 resolusi PBB yang telah digubal sejak tahun 1948 sehingga pada tahun 2009. Mereka jugalah yang turut memperkasakan tenaga nuklear dan sehingga hari ini tidak pernah meratifikasi perjanjian untuk menghentikan kelangsungan tenaga tersebut. Mereka juga turut mencatur boneka-boneka mereka di Timur Tengah untuk melunaskan

imperialisme mereka dengan keganasan mereka untuk mengucar-ngacirkan kesatuan umat Islam. Mereka mencetuskan isu-isu mazhab, mereka mencetuskan isu-isu nasionalis yang akhirnya mereka sogok negara-negara Arab dan juga pemimpin-pemimpinnya sehingga bertelalah di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, tragedi hitam ini sebahagian daripada siri keganasan sebenar yang dilakukan oleh mereka ke atas umat manusia yang berlaku di seluruh dunia dan juga berlaku di sepanjang zaman. Oleh sebab itu, saya bersetuju dengan pandangan sebahagian daripada pihak yang menganggap bahawa gerakan-gerakan yang didakwa sebagai radikal dan ganas ini sebenarnya wujud disebabkan hasil daripada tekanan kezaliman dan juga penindasan yang dilakukan ke atas rakyat mereka, ke atas negara mereka. Maka sebagai satu tindakan balas, akhirnya berlakulah keganasan-keganasan yang tidak terkawal pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila rang undang-undang ini dibentang, saya ingin menarik perhatian semua supaya kita meneliti taksiran terma keganasan itu supaya perbuatan keganasan, organisasi pengganas yang tersenarai ini janganlah kita hanya spesifik dengan istilah-istilah yang dikemukakan oleh Barat sehingga akhirnya label-label itu memberi fitnah kepada umat Islam dan juga memalitkan kononnya kegiatan ganas itu adalah sebahagian daripada ajaran agama. Ini supaya kita adil.

Adil juga dalam tindakan nantinya apabila rang undang-undang ini dibahas, didebatkan, supaya kita lihat ia tidak dijadikan sebagai satu ruang dan juga satu peluang, satu kesempatan untuk kita menangkap orang-orang yang disyaki terlibat dengan kumpulan-kumpulan keganasan ini tetapi dalam masa yang sama, kita bekerjasama dengan Israel. Kita masih lagi bersekongkol ataupun melibatkan aktiviti-aktiviti tertentu, perniagaan, hubungan diplomatik dan seumpamanya dengan Israel. Jadi mestilah kita berlaku adil dalam dua-dua keadaan ini.

Di peringkat antarabangsa, memang perkataan keganasan ini dia tak jelas. Takrif dan definisi itu tidak jelas. Ini kerana saya lihat sebahagiannya ditakrifkan mengikut kepentingan politik dan dengan agenda-agenda tertentu yang dikuasai oleh ejen-ejen berita dan juga pakar-pakar propaganda di peringkat antarabangsa. Oleh sebab itulah saya sebut tadi, tidak hairan akhirnya Hamas dilabel sebagai ganas dan juga disenaraikan sebagai pengganas yang paling dikehendaki oleh Barat di peringkat antarabangsa.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, dalam hal organisasi pengganas ini, kita seiring dengan pandangan ulama-ulama sedunia. Contohnya pandangan yang telah dikemukakan oleh As-Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradawi di mana beliau selaku Presiden Kesatuan Ulama Sedunia telah mengeluarkan satu kenyataan untuk menolak pengisytiharan negara Islam yang dikemukakan oleh ISIS pada 4 Julai 2014 yang lalu dan menegaskan bahawa tindakan yang dilakukan oleh ISIS ini hanyalah memberikan keuntungan kepada musuh-musuh Islam. Melakukan keganasan, kemudian menggunakan terma agama, lalu ia memberikan imej yang sangat negatif kepada umat Islam di seluruh dunia. Kita seiring dalam hal ini menyokong pandangan ulama sedunia bahawa ini bukan daripada Islam dan ia merupakan satu fitnah yang mesti kita tolak.

Malah Tuan Yang di-Pertua, dalam Muktamar PAS yang ke-60, Presiden PAS sendiri telah membuat satu ketetapan untuk tidak membenarkan ahli-ahli PAS mana-mana peringkat terlibat dengan sebarang bentuk kumpulan dan juga aktiviti keganasan melampaui yang bercanggah dengan *fiqh jihad al-Islami* ini kerana kita diajar... [Membaca sepotong ayat al-Quran] “Janganlah kamu bercita-cita mencari musuh dan hendaklah kamu mohon keafiatan, keselamatan, kesejahteraan daripada Allah SWT. Andai kamu bertemu juga dengan suasana yang seperti itu, maka bersabarlah kamu, jangan bertindak melampaui batas.”

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, saya mahu tegaskan bahawa istilah keganasan ini perlu diperhalusi. Islam kecam keganasan, kecam segala tindakan yang melampaui batas. Akan tetapi dalam masa yang sama, kita jangan terikat dengan label ganas mengikut cara dan kehendak Barat. Jangan kerana hanya Barat kata ganas, lalu kita pun kata ganas sedangkan pengganas yang sebenar masih sedang berselimut dalam selimut Barat tetapi kita biarkan mereka dan akhirnya mereka terlepas begitu sahaja. Kita mesti juga menyenaraikan mereka ini terutamanya Zionis Israel itu sebagai pengganas termasuklah sekutu-sekutunya.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya, saya juga ingin menyentuh mengenai proses tahanan dan juga sekatan dalam rang undang-undang ini oleh Lembaga Pencegahan Keganasan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mana-mana proses penghakiman, suspek boleh disabitkan bersalah ataupun tidak adalah tertakluk kepada tiga perkara. Pertama, pengakuannya; kedua, keterangan saksi yang berintegriti; dan kemudian yang ketiga melalui proses pembuktian yang kukuh yang melangkaui sebarang bentuk unsur-unsur yang meragukan.

#### ■1720

Namun, pegawai penyiasat perlu dapatkan bahan bukti. Ini pandangan yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana Islam bahawa dalam proses untuk menahan dan mendakwa seseorang itu, penyiasat mesti terlebih dahulu mendapatkan bahan-bahan bukti yang boleh dijadikan sebagai satu justifikasi yang kukuh kenapa dia perlu ditahan dan perlu ditangkap, sebelum ditangkap oleh mana-mana pihak terutamanya kalau tahanan itu mengambil tempoh dan masa yang panjang. Tidak kira lah angka 60 hari sebagaimana yang termaktub dalam ISA ataupun 38 hari sebagaimana yang disebut dalam POTA ini, mestilah terlebih dahulu mempunyai bukti sebelum berlaku penahanan supaya kita berlaku adil. [Membaca sepotong ayat al-Quran] Bermaksud, “Jika kiranya kamu hendak menghukum, maka hukumlah di kalangan mereka dengan adil”... [Membaca sepotong ayat al-Quran] Bermaksud, “Sesungguhnya Allah suka dan sayang orang-orang yang melakukan keadilan ini”.

Tuan Yang di-Pertua, keadilan dalam Islam ataupun pandangan Islam ialah pemerintah ataupun pihak berkuasa tidak boleh menahan seseorang tanpa didakwa ke muka pengadilan. Tidak boleh kita tahan, tambah pula mengambil masa yang lama kerana konsep dalam Islam itu... [Bercakap dalam bahasa Arab] “Asalnya ialah seseorang itu tidak bersalah, asalnya begitu, sehingga lah dibuktikan dia bersalah”. Jadi kalau kita hendak tuduh seseorang itu pengganas, maka kita kena ada bukti. Kalau kita kata ada bukti, maka kemukakan ke muka pengadilan. Kalau tidak ada bukti, apakah asasnya kita hendak menahan seseorang itu yang kita anggap dia sebagai pengganas?

Jangan hanya sekadar kita mengesyaki ataupun kita merasakan dia terlibat dengan pengganas lalu kita tangkap kerana kita bimbang kita melakukan satu kezaliman atas usaha untuk membasmi kezaliman. Jangan kita melakukan keganasan dalam usaha untuk membasmi keganasan sebab Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tahan mereka, sedangkan mereka belum benar-benar dibuktikan bersalah, maka tahanan itu sendiri ialah satu hukuman. Tahanan itu sendiri ialah satu hukuman dan hukum orang yang belum dibuktikan bersalah, adalah salah. Hukum orang yang belum dibuktikan bersalah, itulah yang disebut sebagai satu kezaliman yang sangat ditolak dan tidak diterima oleh Islam.

Ada pihak berhujah bahawa ini ialah pencegahan. Tuan Yang di-Pertua, pencegahan ini, ia berlaku sebelum. Dalam Islam, ia menggariskan beberapa perkara iaitu yang pertama, pendidikan. Ia mesti bermula dengan pendidikan, seperti pendidikan agama, pendidikan sosial, pendidikan tanggungjawab dan seumpamanya, itu yang pertama. Kedua, menghayati agama yang benar supaya kita tidak melakukan perkara yang bertentangan, yang bercanggah, apatah lagi manipulasikan agama untuk *justify* tindakan mereka kononnya tindakan mereka itu adalah disuruh oleh agama.

Kemudian yang ketiga menutup ruang-ruang yang berlakunya jenayah. Ruang-ruang yang memungkinkan ataupun *environment* yang boleh mendorong seseorang itu melakukan jenayah. Maka itulah pencegahan. Ia mesti berlaku sebelum daripadanya. Kemudian, hukuman itu mestilah hukuman yang setimpal, yang dilakukan ke atas mereka yang telah dibuktikan bersalah untuk menjadi qudwah, menjadi satu pengajaran, menjadi iktibar kepada pihak yang lain supaya mereka tidak mengulangi perbuatan-perbuatan yang salah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, menahan seseorang yang baru disyaki bersalah ini, mestilah melalui proses pendakwaan, kemudian meletakkan satu beban bukti kepada mereka yang mahu mendakwa. Tidak boleh kita tahan begitu sahaja... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Itu kaedah yang kita kena terima.

Jadi sebagai penggulungannya Tuan Yang di-Pertua, kita sangat bimbang sekiranya siasatan ataupun bukti yang tidak kukuh ini, nantinya akan memangsakan individu, memangsakan pihak-pihak tertentu dan akibat daripada itu, dia akan berlaku tindak balas. Daripada rasa tidak puas hati, rasa dizalimi, rasa diperlakukan sewenang-wenangnya tanpa dibuktikan bersalah. Saya bimbang nanti dia akan timbul dendam, dia akan timbul rasa sakit hati dan akhirnya, dia akan menjadi satu tindakan yang lebih parah selepas daripada itu.

Jadi, inilah perkara yang saya perlu lihat dan mohon supaya pihak kerajaan dapat mengkaji semula peruntukan-peruntukan yang sebegini. Jangan sampai ada klausa yang bercanggah dan juga bertentangan dengan Islam itu sendiri. Jadi, dua perkaralah yang saya sebut tadi iaitu yang pertama, kita tidak sempit dalam mentakrifkan kegiatan ganas hanya kepada ISIL ataupun ISIS, ANL ataupun Qaeda dan seumpamanya. Akan tetapi mestilah merangkumi semua, merangkumi semua pihak yang membuta tuli, yang membabi buta menggunakan kuasa, menggunakan pengaruh untuk melakukan penindasan, kezaliman, keganasan dan seumpamanya. Mesti dimasukkan dalam definisi itu, mestilah takrif itu takrif yang eksplisit dan juga konkret, jangan hanya mengikut terma-terma dan juga apa yang telah kita pinjam

daripada istilah-istilah Barat. Kedua ialah proses kehakiman. Proses kehakiman terhadap orang yang dituduh ini mestilah berjalan secara adil, benar dan elakkan satu pendakwaan terpilih, elakkan penipuan, komplot, manipulasi daripada peruntukan-peruntukan yang ada dan sebagainya.

Jadi akhirnya, saya bersetujulah supaya pihak kementerian tidak perlu tergopoh-gopoh untuk mengambil langkah kaji semula, lihat balik peruntukan-peruntukan itu kerana kita bukan mahu negara yang tidak ada undang-undang sebagaimana yang disebut tadi. Dia kata ini bangkang ataupun kita tidak hendak ada undang-undang dalam negara, bukan begitu. Kita bukan mahu negara yang tidak ada undang-undang tetapi kita mahu negara kita yang undang-undangnya adalah adil dan saksama dan akhirnya dapat dilaksanakan dengan baik, memenuhi kehendak Pencipta dan akhirnya kita mendapat berkat dan rahmat daripada Allah SWT. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor.

### 5.27 ptg.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah pun membentangkan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 yang begitu bermakna kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 ini dirangka sedemikian rupa, tidak lain dan tidak bukan bagi kita mewujudkan satu mekanisme undang-undang bagi mencegah dan mengawal keganasan yang dilakukan oleh mana-mana pihak, sama ada dari luar ataupun dari dalam negara yang mana ancaman ini sudah pasti mengancam keseluruhan erti kehidupan manusia sejagat dan juga alam.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kepada perbahasan Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi, kita melihat kebanyakannya bimbang kepada pelaksanaan rang undang-undang ini. Akan tetapi pada saya, rang undang-undang ini setelah kita lihat dan kita teliti, kita baca satu persatu, ia adalah sebenarnya satu rang undang-undang yang menepati kehendak maqasid syariah yang mana dalam maqasid syariah ini, kita sedia maklum di dalam maqasid al-'ammah, telah pun menunjukkan kepada kita bahawa ada tanggungjawab, ada kewajipan kepada kerajaan untuk memelihara jiwa, memelihara agama, memelihara akal, memelihara keturunan, memelihara harta dan perkara-perkara yang berkait dengannya. Tidakkah memelihara harta, nyawa, keturunan dan sebagainya itu adalah merupakan satu maslahah 'ammah, satu kepentingan umum yang amat menjadi keutamaan untuk dijaga oleh sebuah pemerintahan.

Jadi dalam hal ini, kalau kita melihat dalam masa sekarang, kita menghadapi ancaman dan juga jenayah yang begitu rapi disusun, yang bersifat kontemporari, yang menggunakan maya dan sebagainya.

■1730

Maka, dengan sebab itu kalau kita lihat dalam pembebanan bahan bukti dan sebagainya yang begitu rumit dan susah. Jadi, apa salahnya apabila kerajaan menggunakan satu pendekatan

pencegahan. Dalam pendekatan pencegahan ini kita mengenal pasti orang-orang yang berpotensi untuk melakukan perkara-perkara yang mengancam Maqasid Syariah tadi. Mekanisme ini ada dalam kepakaran-kepakaran di negara kita, termasuk dalam *intelligence* pasukan keselamatan dan sebagainya. Kita lihat, kita jangan mempertikaikan kekuatan ataupun keupayaan *intelligence* kita dalam membuktikan adanya kecenderungan untuk melakukan jenayah-jenayah yang terkandung di dalam POTA ini.

Sebenarnya, setiap tangkapan yang dibuat untuk tujuan pencegahan itu sudah pun mempunyai alasan-alasan dan juga intipan-intipan yang begitu lama. Dengan tangkapan tersebut, maka mereka ini akan melalui satu proses yang telah pun ternyata di dalam Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 ini. Jadi, biarlah kita melihat untuk kepentingan masalah umum, masalah yang lebih penting, keselamatan nyawa rakyat, jiwa rakyat, akal, maknanya keturunan dan semua benda yang menjadi *basis* ini dapat dipelihara. Kita banyak membahaskan tentang hak asasi tadi.

Saya hendak memetik satu apa yang dipesan oleh Rasulullah SAW; ‘*walaupun kita ini ada hak-hak asasi kita, kita ada hak untuk dilindungi dan sebagainya tetapi kita lihat di sini, apabila seorang berjiran, dia ada hak daripada segi kejiranannya. Apabila dia bersahabat, dia ada hak daripada segi persahabatannya. Jadi, hak-haknya ini kalau dia berjiran, dia mesti tenteram daripada segala masalah jirannya. Jirananya tidak boleh melakukan sesuatu yang boleh menyebabkan dia rasa hilang ketenteraman, itu haknya*’.

Jadi dalam hal ini, kalau kita lihat rakyat ada haknya, rakyat ada hak untuk terasa diri mereka ini selamat, dijamin keselamatan. Kerajaan sentiasa melihat, mengambil langkah-langkah perlu supaya mereka ini mempunyai hak-hak mereka dan mereka dapat melaksanakan kehidupan mereka dengan aman dan damai. Jadi, tanggungjawab yang kerajaan ambil, memperkenalkan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan ini adalah untuk menjaga hak-hak. Kita tidak boleh melihat kepada hak individu seorang sahaja. Tidak boleh seseorang kata ikut suka saya hendak pasang radio deras, radio kuat, itu hak saya, hak asasi saya. Saya peduli apa dengan jiran saya. Sedangkan dalam Islam kata kita tidak boleh pasang radio yang kuat sekiranya radio yang kuat itu mengganggu keadaan jiran di sekeliling kita.

Malah, kita tidak boleh rasa kenyang kalau kita biarkan jiran kita terasa lapar. Maknanya, bukan hak asasi itu hanya terpahat kepada individu semata-mata. Akan tetapi dalam melaksanakan hak asasi, kita juga kena melihat apa hak-hak orang di sekeliling kita. Maka, dengan sebab itu, hak keseluruhan rakyat untuk berasa aman, untuk jauh daripada rasa ketakutan merupakan satu jaminan yang mesti diberikan oleh kerajaan kepada rakyat. Jadi, salah satu daripada jaminan itulah, maka kerajaan memperkenalkan rang undang-undang yang disebutkan tadi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya melihat akta ini adalah amat bersesuaian sekali dengan Maqasid Syariah yang muh mewujudkan kebaikan, menolak keburukan dan menghilangkan kemudaratian. Kita kena melihat tiga bentuk *spirit* ini, tiga roh ini iaitu untuk menolak keburukan. Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 adalah untuk:

- (i) menolak sebarang kemungkinan berlakunya keburukan;
- (ii) untuk menghilangkan kemudaratian apa-apa kesan yang buruk daripada keburukan yang berlaku sebagai satu mudarat wajib dihilangkan; dan

(iii) dengan terlaksananya undang-undang dan peraturan ini kita dapat mewujudkan suasana baik ataupun kebaikan kepada rakyat kita sendiri.

Jadi, inilah yang hendak dibawa untuk semua rakyat. Bukan ada perasaan tertentu daripada mana-mana pihak. Jadi, sebab itu saya menyangkal bila mana rang undang-undang ini dikatakan akan menyebelahi Barisan Nasional dan sebaliknya mendatangkan masalah kepada Pakatan Rakyat. Langsung tidak ada munasabahnya, langsung tidak ada kena-mengenanya. Apabila rang undang-undang ini terlaksana, ia tidak mengambil kira sama ada orang daripada Barisan Nasional atau orang itu daripada Pakatan Rakyat. Akan tetapi selagi ia berlawanan dengan apa yang termaktub dalam rang undang-undang ini, maka ia akan terlibat dalam pelaksanaan perundangan ini.

Jadi, kenapa kita perlu rasa bimbang dan juga kita prejudis dan juga kita rasa macam undang-undang ini tidak memberikan keadilan dan sebagainya. Kita kena buat sesuatu. Sekarang ini jenayah begitu terancang dan keadaan jenayah yang begitu sulit untuk kita atasi. Maka, kita perlu dengan kekuatan undang-undang seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengajak sidang Parlimen untuk kita melihat kembali di negara kita di Malaysia. Kita pernah mengalami situasi-situasi yang membimbangkan ini. Dulu kita pernah lihat macam mana ajaran sesat Al-Arqam telah menubuahkan tentera Badar 313 untuk gulingkan kerajaan. Maka, dengan adanya undang-undang pada ketika itu, kita dapat menyekat daripada berlakunya peristiwa penggulingan ini. Ia bukan hanya datang ataupun walaupun kita katakan ini daripada Al-Arqam, kita katakan orang Islam sahaja kena, tidak. *Mission* mereka bukan untuk orang Islam sahaja, *mission* mereka adalah untuk menawan negara Malaysia dan mewujudkan sebuah negara Malaysia mengikut kaedah mereka. Jadi, ia akan terkesan kepada semua rakyat, tidak kira orang Islam atau tidak Islam.

Kedua, cuba kita ingat peristiwa Al-Maunah yang berlaku di Bukit Jenalik dekat dengan kawasan Gerik. Di mana kumpulan Al-Maunah ini telah pergi merampas senjata dari kem tentera. Kemudian membuat usaha untuk berperang dengan kerajaan atau dalam istilah undang-undangnya memerangi Yang Dipertuan Agong. Nasib baik kita ada kekuatan *intelligence*, nasib baik kita ada kekuatan dari segi keselamatan tentera, polis, maka kita boleh menyekat dan menangkap mereka.

Begitu juga cuba kita ingat, serangan yang baru beberapa tahun, setahun dua lepas di Putrajaya. Walaupun dua orang, seorang lelaki dan seorang perempuan, bawa parang tetapi mereka itu menyerang dengan pemikiran mereka yang sudah dirasuk. Mereka menyerang dengan hati dan perasaan yang sudah rosak. Mereka menyerang dalam keadaan mereka sudah tersesat, itu baru dua orang, sudah sanggup melakukan perbuatan yang kita sendiri tidak boleh bayangkan. Akan tetapi *alhamdulillah*, anggota keselamatan kita boleh menyekat. Akan tetapi kalau tidak ada undang-undang, tidak ada sekatan, tidak ada kekuatan keselamatan kita, sudah barang pasti ada beberapa orang yang mungkin menjadi mangsa yang terbunuuh, baru dua orang.

Seterusnya, cuba kita ingat, dulu semasa saya ketika itu masih baru darjah enam kalau tidak salah saya, tahun 70-an dulu. Bagaimana satu kumpulan menyerang kuil Hindu di Kerling. Cuba kita ingat balik, siapakah mereka kumpulan ini? Mereka ini juga berdasarkan kepada kesilapan pemahaman agama dan dia melihat agama lain itu perlu ditentang sampai macam itu. Nasib baik pada ketika itu kita

ada lagi pasukan keselamatan. Akan tetapi itu pun kalau kita tidak kuat, maka kita tidak akan mampu menghadapi serangan-serangan yang berlaku tanpa kita duga sebegini rupa. Jadi, sebab itu keadaan ini perlu kepada suasana pencegahan yang begitu tersusun, ada peraturan, ada perancangan.

Akhir-akhir, sekarang kita lihat ancaman JI, Jemaah Islamiah, ancaman Al-Qaeda dan sekarang ini ancaman IS dan sebagainya. *Whatever label*, apa pun label-label yang diberikan pada nama mereka sama ada mereka itu berasaskan kepada perjuangan sesat daripada segi agama ataupun perjuangan tentang idealisme-idealisme tertentu tetapi mereka ini golongan yang wajib kita banteras, wajib kita cegah.

**•1740**

Kita perlu melihat daripada segi keseluruhan yang penting, yang besar iaitu keselamatan rakyat dan juga negara kita secara umumnya dan perkara-perkara lain yang boleh kita selesaikan kemudian, itu kita kena ambil langkah-langkah untuk kita selesaikan kemudian. Apa yang penting pada hari ini Ahli-ahli Parlimen yang saya hormati, yang penting ialah kita perlu ada suatu Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 ini, yang kita mesti luluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan cadangan tambahan sekiranya boleh dilaksanakan kerana kita melihat gejala-gejala keganasan ini boleh dikatakan didasarkan kepada pemahaman agama yang dipesongkan untuk masa sekarang. Ada yang ingin masuk syurga cepat, jadi dia pergi berjihad di sana, dia kata mati *confirm* masuk syurga. Ini kita pun tidak tahu lah, tetapi mereka berjaya diyakini sedemikian rupa. Kemudian dengan fahaman-fahaman lain, orang lain yang tidak mengikut, contohnya dalam IS. Salah satu daripada fahaman IS ialah mana-mana orang Islam yang tidak mengikut fahaman IS, maka mereka bukan orang Islam. Ini pegangan orang-orang IS. Ini pegangan apa? Tidak ada pegangan dalam didikan agama Islam semacam itu, sedangkan banyak daripada yang menyertai IS ini telah mengikuti pendidikan dan pengajian agama daripada rendah sampai pada peringkat menengah, malah sampai ke universiti. Oleh kerana apa mereka boleh disesatkan sedemikian rupa? Jadi sebab itulah, kesesatan ini datang dari iblis, kesesatan ini datang daripada syaitan, kesesatan ini akan sentiasa mencari siapa juga mangsa dia dan dia akan cuba sesatkan. Maka dengan sebab itu kena ada jalan, jalan pemulihan, jalan untuk kita membetulkan.

Saya cadangkan supaya dalam rang undang-undang ini selain daripada kita menerima apa yang telah dibentangkan, kita cadangkan kalau boleh dibuat sedikit lagi penambahan. Maka hendaklah diperuntukkan seksyen yang boleh kita mensyaratkan setiap yang ditangkap ini, mereka hendaklah melalui satu proses pemulihan. Pemulihan daripada segi jiwanya, pemulihan daripada segi ilmunya, pemulihan daripada segi pemahaman agama dia supaya mereka balik ke pangkal jalan dan mereka disedarkan daripada khayalan-khayalan mereka tersebut. Maka dengan itu, kita perlu juga meningkatkan pengawasan dan intipan pendidikan. Saya setuju tadi Yang Berhormat Temerloh kata, kita perlu tingkatkan pemulihan. Memang kita buat tetapi dalam masa yang sama, undang-undang pencegahan ini kita kena laksanakan sebagaimana yang disebut dalam hadis yang Rasulullah sabdakan... [Membaca sepotong hadis] Kata Allah dalam surah Al-Imran, ayat 104. Dalam hadis ini, Nabi minta supaya kita

sentiasa mencegah kemungkaran, cegahlah dengan kuasa. Kalau tidak boleh dengan kuasa dengan lidah, kalau tidak boleh dengan lidah dengan hati kita.

Sekarang kita di Parlimen ini, di sini tempat kita membuat kuasa, di sini tempat kita membuat undang-undang. Maka kita bentuklah undang-undang ini, kita terimalah undang-undang yang dicadangkan ini supaya kita dapat melakukan pencegahan kepada kemungkaran, keganasan yang akan berlaku ini secara lebih berkesan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah terima kasih sudah Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Bukit Bendera.

#### 5.44 ptg.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi Dewan yang mulia ini dihadapkan dengan keputusan yang amat berat dan genting dalam bentuk Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015. Akta yang dicadangkan ini tidak boleh diambil ringan apabila jelas terdapat peruntukan-peruntukan yang bercanggah dengan lunas-lunas Perlembagaan Persekutuan, menghina dasar pengasingan kuasa serta melanggar prinsip keadilan dan asasi (*natural justice*). Oleh itu, rang undang-undang ini wajib dibahas dari segenap aspek dan bukan sekadar daripada segi teknikalnya.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini dibentangkan lantaran meningkatnya ancaman militan dan keganasan khasnya fenomena *IS* (*Islamic State*) atau dalam bahasa Arabnya '*Daisy (Ad-Daulah al-Islamiyah fi al-Iraq wa asy-Syam)*' yang kelihatannya semakin menarik sebahagian rakyat Malaysia untuk bertempur di medan perang negara asing. Menurut laporan-laporan media, negara yang melabelkan sendiri khalifah Islam ini berjaya mengumpul bala tentera yang terdiri dari antara 13,000 hingga 20,000 orang pejuang jihad sukarelawan asing. Berdasarkan kertas putih Kerajaan Persekutuan yang dibentangkan di Parlimen tahun lepas, terdapat 39 orang rakyat Malaysia yang telah menyertai perperangan di Syria dan Iraq setakat 13 November tahun lepas, sementara 40 orang lagi telah berjaya diberkas. Malangnya minat terhadap *Daisy* ini terus meningkat sehingga ada seorang gadis berusia 14 tahun boleh terjebak. Mujur beliau sempat ditahan oleh pihak polis sebelum berlepas ke Mesir pada bulan Februari tahun ini.

Situasi seperti ini tidak pernah terjadi di negara kita. Dengan ketersediaan teknologi dan media sosial yang begitu menyeluruh pada hari ini, *unprecedented*, perperangan yang berlaku di Asia Barat yang mungkin dahulunya sekadar segmen berita pada lewat malam, kini menjadi sesuatu yang lebih dekat pada kita. Malahan sesiapa yang ingin melibatkan diri, hanya memerlukan akuan Facebook dan kemampuan untuk membeli tiket penerbangan. Semudah itu Tuan Yang di-Pertua. Jadi persoalannya, adakah kita benar-benar memahami dinamik jihad radikal dan ideologi pengganas abad ke-21 ini dan bagaimanakah boleh kita membendung motivasi mereka?

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan membahaskan perincian rang undang-undang dengan terlalu mendalam kerana ramai yang akan melakukannya. Bagaimanapun daripada perspektif

pengubalan dasar, saya ingin menekankan bahawa berbahaya sekali jika kerajaan beranggapan masalah keganasan ini dapat diselesaikan dengan pengembalian kuasa menahan tanpa bicara. Cuba bayangkan, undang-undang yang bertujuan untuk menangkap suspek pengganas ini hanya akan berhasil sekiranya pihak polis mampu mengesan mereka terdahulu. Adapun begitu, masalah pokok tidak selesai dan sudah pun ternyata bahawa penangkapan beberapa orang suspek tidak membendung hasrat rakan-rakan mereka yang sehaluan. Malah, mereka hanya akan mencari helah yang lebih licik untuk mengelakkan daripada dikesan oleh pihak berkuasa. Hakikatnya, penggunaan undang-undang yang bersifat mengharamkan dan menekan hanya akan mengasak mereka yang berpotensi untuk melibatkan diri dalam gerakan pengganas untuk bersembunyi dan bergerak di bawah tanah secara senyap.

Kesimpulannya, usaha menangani ancaman pengganas ini tidak akan berjaya melalui pendekatan undang-undang semata-mata. Cabaran abad ke-21 tidak boleh diselesaikan dengan pendekatan abad ke-20. Apa yang kita perlukan pendebatan rasional yang berpaksikan idea untuk merubah fikiran dan mencapai pencerahan masyarakat. Dalam erti kata lain, kita perlu memerangi keganasan dengan pencerahan masyarakat melalui pendidikan dan keterbukaan. Lawan idea dengan idea, hujah dengan hujah.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita ingin menangani gejala keganasan, kita harus terdahulu mengambil jalan kesederhanaan dan berhenti daripada menyokong sebarang gerakan dan ideologi melampau. Sementara kebebasan bersuara harus dipertahankan, namun ia tidak harus melangkaui perbuatan jenayah. Ugutan merogol dan membunuh umpamanya, sebagaimana yang telah diterima oleh penyampai BFM Aisyah Tajuddin wajib dikecam dan diambil tindakan tegas. Pihak berkuasa tidak boleh berdolak-dalik, tidak boleh bersikap dwi standard mengenai perkara ini. Apabila catatan lain di Facebook yang kononnya bersifat hasutan dan sebagainya, mencemuh sesetengah pemimpin dapat dikesan dengan segera, ditangkap mereka yang menulis catatan tersebut. Mengapa masih tidak ada sesiapa yang ditangkap atas ugutan-ugutan yang dibuat terhadap Aisyah? Adakah kerana beliau seorang wanita atau tidak berpangkat atau tidak sehaluan dengan agenda pihak berkuasa?

#### ■1750

Sikap pasif agensi kerajaan dan pihak polis terhadap ancaman sebegini boleh diterjemahkan sebagai sokongan dan restu terhadap tindakan melampau. Sekiranya dibiarkan keganasan dan sikap melampau akan dilegitimasikan (*legitimize*). Maka adalah perlu untuk kerajaan menunjukkan sikap yang tegas dan jelas bagi mencabar naratif golongan pelampau. Sementara ugutan-ugutan jenayah harus dibendung dengan serta-merta, pemikiran masyarakat secara umum harus diubah dan dididik melalui perbincangan awam.

Ini bermaksud bahawa perbezaan pandangan dalam soal ideologi, dalam soal mazhab, sistem moral dan sebagainya harus diraikan dan tidak ditindas selagi tidak berunsurkan ugutan ataupun intimidasi jenayah. Malangnya kerajaan memilih sikap yang berbeza. Ambil sebagai contoh layanan terhadap golongan Syiah di negara kita. Mereka ditahan, dilabel sebagai sesat dan menyimpang malah ada yang dikafirkan. Hakikat ini sangat malang sedangkan tradisi keilmuan dalam Islam tidak pernah

memilih untuk menggunakan kekerasan terhadap mazhab yang berbeza sebaliknya perbahasan trilogi harus digunakan untuk membidas hujah.

Sikap keterbukaan adalah sangat penting untuk menangani keganasan kerana ekstremisme ini hanya berlaku apabila seseorang itu disogok dengan ideologi semata-mata tanpa memeriksa kebenarannya. Dalam keadaan masyarakat yang tidak terbuka dan sekadar pak turut yang tidak berani mempersoalkan kebenaran, maka tidak hairanlah jika lebih ramai lagi turut terpedaya dengan pemikiran radikal dan melampau.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menggubal undang-undang, adalah wajib kita memastikan ia tidak bercanggah dengan teras-teras Perlembagaan Persekutuan, konvensyen antarabangsa serta prinsip keadilan asasi. Sebagai contoh, ada juga yang dibacakan tadi, ketetapan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu jelas menyatakan sebarang langkah yang diambil untuk menangani keganasan harus mematuhi semua kewajipan di bawah undang-undang antarabangsa khususnya undang-undang hak asasi manusia, pelarian antarabangsa dan kemanusiaan antarabangsa serta menekankan bahawa penghormatan kepada hak asasi manusia, kebebasan asasi dan kedaulatan undang-undang adalah saling melengkapi dan saling memperkuuh dengan langkah memerangi keganasan yang berkesan.

Namun begitu, adalah jelas bahawa rang undang-undang yang dibentangkan ini tidak menghormati teras-teras tersebut. Umpamanya tidak ada peruntukan untuk memastikan suspek yang di reman akan diberitahu alasan-alasan penangkapannya seperti mana dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor, sementara hak untuk dibela oleh pengamal undang-undang juga tidak dijamin. Ini jelas bercanggah dengan Perkara 5, Perlembagaan Persekutuan berkenaan kebebasan diri dan Perkara 8 yang menjamin kesamarataan di sisi undang-undang. Prosedur untuk membawa suspek kepada majistret juga kelihatan sekadar ilusi pengawasan kehakiman memandangkan majistret tidak mempunyai budi bicara untuk menentukan penahanan dan secara praktikalnya perlu bersetuju dengan pihak polis dan pendakwa raya. Pada masa yang sama, kuasa semakan kehakiman juga disingkirkan lantas mencabuli doktrin suci iaitu pengasingan kuasa. Tambahan pula, tampaknya terdapat keraguan dan kekaburuan dalam rang undang-undang ini di mana ungkapan aktiviti politik, kepercayaan politik terbuka untuk penyalahgunaan.

Contohnya undang-undang ISA dan Akta Hasutan yang digubal untuk membendung ancaman komunis telah sekian lama ini disalah gunakan, yang ditahan ialah ahli politik, akademik, wartawan, aktivis dan sebagainya. Jadi memandangkan rekod prestasi penyalahgunaan kuasa oleh kerajaan, sudah tentu kekhawatiran timbul bahawa undang-undang baru ini juga akan menjadi alat untuk memajukan kepentingan politik parti pemerintah. Apa yang lebih penting lagi Tuan Yang di-Pertua, apakah akta ini benar-benar diperlukan apabila Parlimen telah pun meluluskan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 ataupun SOSMA serta pindaan-pindaan kepada Akta Keterangan 1950, Kanun Tatacara Jenayah dan Kanun Keseksaan yang sudah menyediakan banyak peruntukan untuk menangani keganasan termasuk penahanan terhad untuk tujuan penyiasatan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri perbahasan saya, saya ingin menegaskan sekali lagi. Sekiranya tujuan rang undang-undang ini adalah untuk membendung ideologi radikal dan gerakan keganasan, maka ia akan gagal untuk mencapai matlamatnya. Ini kerana undang-undang ini sekadar menangkap suspek yang disyaki terlibat tetapi langsung tidak menangani pokok kepada masalah iaitu penindasan ruang kebebasan yang mendorong kepada pemikiran sempit serta pendekatan *double standard* oleh kerajaan. Ini yang bercanggah dengan kesederhanaan yang juga melegitimasi ugutan keganasan, seolah-olah ia boleh diterima jika dilakukan kepada golongan-golongan tertentu.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggesa agar kerajaan menarik balik rang undang-undang ini ataupun sekurang-kurangnya merujuknya bersama dengan pindaan-pindaan yang lain kepada akta-akta yang sedia ada kepada suatu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk diperhalusi dengan lebih mendalam. Saya harap dengan itu dapatlah undang-undang ini dibuat secara betul dan tidak disalahgunakan pula bagi kepentingan politik. Dengan itu, sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

#### 5.56 ptg.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015. Definisi *United Nations* mentakrifkan keganasan dengan izin, “*Any action that is intended to cause death or serious body harm to civilian or non-combatant when the purpose of such act but it is nature of context is to intimidate a population or to compel a government or an international organization to do or to extend from doing any act*”.

Sebelum saya meneruskan hujah-hujah saya, saya ingin menegaskan di sini bahawa dengan izin... “*Terrorism has no nationality or religion. It is a content to human dignity. Several group call themselves Jesus, Christian, Hindu, Buddhist or Muslim have use terrorism to push for their agenda issues of believe and none of these group to present the truth religion*”.

Keganasan secara umumnya satu bentuk ideologi atau fahaman keganasan yang menghantui masyarakat dunia pada abad ini. Apatah lagi kumpulan pengganas dan rangkaianya bertebaran di seluruh dunia. Harun Yahya, tokoh Muslim terkenal dari Turki pernah menyebut terdapat hampir 500 kelompok pengganas di dunia dan ada di antaranya mempunyai jaringan antarabangsa yang luas. Ini jelas membuktikan bahawa kumpulan pengganas ancaman kepada kesejahteraan manusia sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, kumpulan-kumpulan pengganas ini mempunyai pelbagai agenda yang dikaitkan dengan perjuangan agama, kaum dan politik yang mampu mengancam perdamaian dan keamanan dunia. Akhir-akhir ini kita sedang berhadapan dengan serangan pemikiran sekular yang sangat ganas menerjah akidah umat Islam. Citra dan wajah kesejahteraan Islam cuba dirosakkan dengan wajah bengis kumpulan Islam (IS) yang kononnya berjihad sedangkan Islam yang sebenar tidak mencerminkan ciri-ciri seperti yang mereka lakukan.

Saya berharap rakyat Malaysia khususnya faham dan sedar bahawa apa sahaja tindakan berbentuk keganasan oleh umat Islam bukanlah mencerminkan ajaran Islam itu sendiri. Islam menentang segala bentuk penindasan, kezaliman dan keganasan. Pada masa yang sama, Islam memberatkan aspek kasih sayang serta sifat mengambil berat terhadap sesama Islam dan bukan Islam.

Saya menyokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menyifatkan tindakan militan IS adalah bertentangan dengan Islam dan kemanusiaan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menegaskan kumpulan itu yang menggelar diri mereka sebagai pejuang jihad tidak mewakili Islam yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, kumpulan pengganas IS mendakwa ideologinya berlandaskan kepada al-Quran dan hadis tetapi sebenarnya dengan jelas menunjukkan kumpulan ini tidak sama sekali mencerminkan keharmonian Islam yang sebenar. Amalan-amalan IS jelas tidak berlandaskan kepada Islam. Malah ulama-ulama Islam sendiri menyifatkan IS sebagai sesat atau, dengan izin, *modern day deviance*. Seperti yang dikatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum apa juga pertubuhan yang menyokong perjuangan dan ideologi kumpulan militan IS, tetap bertentangan dengan ajaran Islam.

#### ■1800

Kumpulan ini menyalahafsirkan konsep jihad. Sebenarnya Ideologi *Salafi Jihadi* yang diperjuangkan oleh kumpulan ini adalah berlandaskan *extremism* dan keganasan yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunah Waljamaah. Jihad sebenar membawa pengertian yang lebih besar dalam mencapai matlamat Maqasid Syariah yang merangkumi keselamatan negara, menjaga agama, akidah, nyawa, akal, maruah atau keturunan serta harta benda. Ketua *United Nations on Humans Rights*, Navi Pillay menyatakan, dengan izin “*Such cold-blooded, systematic and intentional killings of civilian after singling them out of their religious affiliation may amount to war crimes and crimes against humanity.*

Pendakwah terkenal Doktor Yusof Al-Qaradawi menyatakan, “*Pengganas sebenar adalah orang yang sengaja membunuh manusia tanpa membezakan orang awam atau tentera, tanpa mengira mangsanya bersalah ataupun tidak bersalah, tidak melihat apakah ia pihak yang dizalimi atau pelaku kezaliman*”. Persoalannya, adakah kita harus terus membiarkan penularan gejala pengganas. Ancaman dan kaedah mereka tidak lagi macam dahulu. Mereka dahagakan nyawa orang-orang yang tidak bersalah dan ancaman mereka ini tidak boleh dipandang sewenang-wenangnya dengan izin, *their threat is more trivial and we should never compromise in it and we can't afford to.*

Kumpulan pengganas sekarang menggunakan kaedah-kaedah yang lebih kejam, digunakan bagi membunuh dan mencederakan lebih ramai orang dan menyebabkan kemasuhan yang lebih dahsyat. Perlunya satu usaha sejagat untuk memerangi keganasan kerana tiada negara yang selamat daripada ancaman pengganas. Adalah jelas kita mesti mengambil tindakan tegas dan drastik terhadap mana-mana pihak yang menyokong kumpulan pengganas seperti IS tanpa mengira bangsa, agama, kaum maupun fahaman politik. Malah lebih menyediakan lagi di mana terdapat beberapa siri penahanan rakyat Malaysia yang dikenal pasti dalam perjalanan menuju ke Syria untuk menyertai kumpulan pengganas IS yang melibatkan individu lelaki dewasa, wanita serta remaja.

Statistik Kementerian Dalam Negeri sehingga Mac 2015 menunjukkan 71 orang telah ditahan kerana disyaki terlibat dengan IS. Mengikut pecahan 24 orang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan (Langkah-langkah Khas), enam orang dikenakan Perintah Pencegahan Jenayah Khas, 20 orang telah dibebaskan, 17 diusir keluar dan empat orang dalam siasatan polis. Trend menunjukkan peningkatan secara berterusan dan kita tidak boleh berdiam diri. Kesan penularan keganasan sebegini juga telah menyebabkan kedudukan negara semakin merosot dalam Indeks Keganasan Global (GTI) tahun lepas dari tempat 91 pada 2013 ke tempat 48 daripada 162 buah negara seperti yang dilaporkan oleh Institut Ekonomi dan Keamanan (IEP). Kedudukan ini meletakkan Malaysia dalam kumpulan yang sama dengan negara-negara seperti Ireland, Tunisia, Afrika Selatan dan Peru yang berada dalam kedudukan 46, 47, 48, dan 50 masing-masing.

Tanggungjawab utama kerajaan ialah untuk memastikan kedaulatan negara dan menjaga keselamatan rakyat yang terangkum di bawah frasa ketenteraman awam. Dalam melaksanakan tanggungjawab ini kerajaan pastinya harus menjangka mengenai ancaman dan seterusnya bersedia menghadapi apa juga kemungkinan. Justeru itu, kerajaan perlu prasarana yang cukup untuk menangani sebarang kemungkinan ancaman berkenaan.

Saya juga ingin bertanyakan kepada pihak kementerian sejauh manakah RUU yang dibentangkan ini boleh mempunyai perkaitan dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dalam menangani gejala IS dan aktiviti keganasan melalui media sosial. Ini adalah kerana saya melihat antara medium sosial yang popular digunakan oleh IS bagi menyebarkan propaganda mereka ialah yang *Twitter* yang mana dikatakan terdapat sebanyak 46,000 hingga 70,000 buah akaun *Twitter* yang menyebarkan propaganda IS. Penggunaan *hashtag* yang seragam memudahkan penyebaran sesuatu bahan propaganda dan sekurang-kurangnya 40,000 *tweets* dihasilkan dalam tempoh dua jam.

Begitu juga yang kedua, *Facebook*. Kebanyakan pejuang IS menggunakan akaun peribadi mereka bagi menyebarkan propaganda dan selain daripada itu mereka juga menggunakan *page* yang menggunakan pelbagai bahasa dalam menarik minat kumpulan sasaran mereka. Walau bagaimanapun, bahasa Inggeris menjadi bahasa utama dalam penyebaran propaganda mereka.

Ketiga, *YouTube*. Penerbitan filem pendek, *Flames of War* merupakan kejayaan utama IS dalam menyebarkan propaganda mereka. Filem berbentuk dokumentari ini yang selama 55 minit memaparkan video-video kekejaman tentera Amerika Syarikat ketika menyerang bumi Iraq pada tahun 2001. Sentimen kekejaman tentera Amerika Syarikat diulang beberapa kali bagi menimbulkan rasa marah penonton sehingga mereka tertarik untuk menyertai IS.

Tuan Yang di-Pertua, di antara yang lain juga video-video pelaksanaan hukuman terhadap tahanan IS juga disebar melalui medium ini dan kebanyakan video adalah berkualiti tinggi. Video amatir yang dirakam melalui telefon bimbit pejuang IS juga disebar melalui medium ini dan yang terakhir aplikasi *Android* yang membangunkan aplikasi di dalam satu *Google Play Store* iaitu *The Dawn of Glad Tidings* atau *Dawn*. Aplikasi ini memudahkan pusat media Al Hayat untuk memberi laporan serta berita terkini terus kepada pengguna yang memuat turun aplikasi ini. Pengguna ini juga boleh memuat turun

aplikasi ini yang akan disambungkan dengan akaun *Twitter* mereka dan kemudiannya akaun tersebut akan dikawal oleh pusat media Al Hayat yang menghantar *tweets* tanpa pengetahuan pemilik akaun.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu untuk menangani keganasan yang dahsyat ini maka RUU ini dibentangkan pada hari ini terutama dalam aspek pencegahan kepada aktiviti keganasan dengan izin *this is for our common interest*. Dalam aspek undang-undang bermula pada tahun 1960 kita mempunyai undang-undang pencegahan iaitu Akta Keselamatan Dalam Negeri tetapi akta ini dimansuhkan ekoran kontroversi dan tekanan hak asasi. Seterusnya, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 17 April ialah sebuah akta bagi menyediakan langkah khas berkaitan kesalahan keselamatan bertujuan mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan bagi hal-hal berkait.

Walau bagaimanapun, kita mempunyai undang-undang menangani keganasan dalam menyediakan prasarana, menyelesaikan masalah ancaman keganasan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 adalah antara perkara utama. Banyak negara atas alasan ancaman keganasan menyediakan undang-undang pencegahan. Kita tidak boleh ketinggalan dalam perkara ini kerana ancaman daripada kedaulatan negara dan keselamatan rakyat bukan sesuatu yang boleh dikompromi. Perlu difahami juga tujuan RUU ini adalah untuk menyekat aktiviti dan perkembangan ideologi serta pergerakan pengganas dan bukannya untuk menggantikan ISA yang telah dimansuhkan.

Terdapat dakwaan juga bahawa POTA akan disalah guna oleh ahli politik untuk menangkap ahli pembangkang atau mana-mana individu yang berlainan pendapat dengan kerajaan. Saya berharap perkara ini tidak patut dipolitikkan kerana kuasa penahanan dibuat oleh Lembaga Pencegahan Keganasan yang mana ahli-ahli lembaga ini akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong sendiri.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi bangun Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya tertarik dengan ungkapan rang undang-undang ini yang merujuk kepada keganasan. Saya rasa keganasan ini berlaku untuk menangani konflik-konflik yang wujud. Cara kumpulan-kumpulan tertentu hendak menangani konflik ini dengan cara mereka tersendiri dan banyak antaranya melalui keganasan, luahan rasa tidak puas hati atau ingin mencapai maksud-maksud tertentu tanpa menggunakan cara undang-undang yang betul. Jadi mereka merujuk kepada keganasan maka berlakulah letusan bom, berlakulah pembunuhan, berlakulah *massacre* dan berbagai-bagai yang kita tahu dan kita maklum.

Mungkin juga saya ambil masa sedikit hendak mengatakan tentang keganasan ini juga wujud daripada segi *doctrine divide* ataupun perbezaan pendapat yang ketara yang menjadi ekstrem yang menyebabkan dua pihak bertengangan, bergaduh dan sanggup berbunuhan semasa Karl Marx dengan *Das Capital*, *Communism versus capitalism* yang wujud sehingga Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua. Kemudian, kita ada pandangan-pandangan yang ekstrem contohnya Friedrich Hegel dengan *Hegelian Dialectics* yang mengatakan *control conflict for control change*, dengan izin.

Mewujudkan konflik semata-mata untuk mengadakan *outcome* yang terancang. *Control conflict for control change.*

Kita juga ada konsep pakai buang. Pakai buang maknanya kita wujudkan kumpulan-kumpulan yang di inisiatif oleh pihak-pihak tertentu untuk mewujudkan keganasan. Contohnya Boko Haram, IS, Taliban dan berbagai-bagi lagi *tool* yang diguna untuk mengadakan satu keadaan yang tidak stabil dan akhirnya berlaku pembunuhan dan ini tidak terasing daripada keganasan-keganasan yang kita maklum.

#### ■1810

Kita juga ada. Contohnya orang kata hendak jatuhkan satu kumpulan, kita guna orang dia. Hendak jatuhkan Islam, guna Islam. Hendak jatuhkan Malaysia, guna orang Malaysia. Ini melalui '*imprecations*' dan juga perpecahan dalaman iaitu *divide* dan *rule*. Kita semua yakin ini berlaku dan dapat divalidasikan dengan begitu banyak kejadian-kejadian yang menyayat hati, contohnya 911, contohnya program-program peperangan bila pemuda Serbia membunuh Ferdinand di Sarajevo yang mencetuskan peperangan dunia pertama. Jadi kita mengatakan bahawa perkara ini bukan sesuatu yang di luar, yang pelik. Ia sedang berlaku dan sedang berlaku dengan amat bahaya sekali.

Jadi sebab itu bila ada mengatakan Yang Berhormat Kuala Selangor, kita hendak mengadakan undang-undang supaya berlakunya adil, masalahnya letupan bom di Bali tidak menentukan keadilan kepada mangsa-mangsa terbunuh kecuali kita mengadakan *preventive action*. Orang kata kalau kosong itu makna sedang berlaku, *plus one* itu kita laporkan kejadian, sepatutnya *at minus one* kita melakukan usaha-usaha untuk memastikan kejadian ini tidak berlaku. Itu satu tanggungjawab dan bukan satu opsyen.

Atas sebab itu, setuju tidak Yang Berhormat Kuala Selangor bahawa POTA ini adalah satu usaha ke arah menentukan kestabilan negara kita yang multi etnik dan kita di bawah pengaruh media sosial yang begitu besar, fitnah yang begitu berleluasa, maka usaha-usaha untuk *prevention* ini mesti diadakan dan setujukah Yang Berhormat Kuala Selangor kalau POTA ini satu tatacara yang amat baik yang boleh kita gunakan untuk menjaga kestabilan negara ini? Terima kasih.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kota Tinggi kerana bagi hemat saya, dengan berlandaskan tentang apa yang berlaku di dunia dan supaya untuk mencegah sebarang elemen keganasan berlaku dalam negara kita, sewajarnya POTA wajar diperkenalkan dan digerakkan sebagai satu usaha pencegahan anti keganasan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga jelas menyatakan bahawa tidak lagi digubal bagi menyekat kebebasan bersuara apatah lagi untuk menyekat hak asasi manusia. POTA tidak digunakan untuk menangkap individu yang berlainan pendapat tetapi POTA memang boleh digunakan untuk menangkap mana-mana individu yang tidak kira fahaman politiknya sekiranya terlibat dalam aktiviti keganasan yang boleh mengancam keselamatan negara.

Rang undang-undang ini juga sebahagian daripada usaha menyahut Titah Yang di-Pertuan Agong di mana baginda mahu usaha berterusan memperkujuh kawalan keselamatan dan ketenteraman awam khususnya menangani pengganas di Sabah dan membendung penularan fahaman ekstremis

agama melalui penglibatan kegiatan militan IS. Saya berharap semua pihak termasuk Ahli Parlimen seharusnya bersatu padu menyokong langkah kerajaan ini kerana rang undang-undang ini tidak sekat sesiapa malah ianya adalah satu usaha pencegahan untuk menangkap pengganas.

Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya dengar dengan penuh telitilah apa yang dinyatakan berhubung dengan niat di sebalik POTA itu. Persoalannya dan inilah yang saya rasa yang tidak difahami ya oleh Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional ialah bagaimana kita hendak jamin bahawa ianya tidak disalah guna? Kita boleh kata ianya bertujuan untuk hendak menahan orang-orang yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan keganasan. Tidak akan digunakan untuk menahan orang-orang tidak bersalah. Tidak akan digunakan untuk menahan orang-orang yang mempunyai pandangan yang berbeza. Itu semua kenyataan-kenyataan yang baiklah ya.

Akan tetapi persoalannya, di mana di dalam undang-undang ini, rang undang-undang ini, ianya memberikan perlindungan dan memberikan satu *check and balance* untuk menentukan bahawa ianya tidak disalah gunakan? Kalau kita hendak tangkap orang yang berbeza pandangan, kita tidak kata kita tangkap dia oleh kerana dia berbeza pandangan. Kita tangkap dia oleh kerana kita kata dia terlibat dalam keganasan dan kita tidak perlu buktikan. Itulah yang masalahnya.

So, dengan izin, *all the good intentions and all the good statements are meaningless* kalau tidak ada satu peraturan dan proses yang akan menjamin bahawa ianya tidak disalah gunakan. Ini yang pihak *backbenchers* kena jawab. Bagaimana boleh jamin bahawa ianya tidak disalah gunakan? Jangan ceritalah yang kata-kata manis, janji-janji manis yang dulu bawah ISA pun sudah disebut. Persoalannya, *where in this rang undang-undang adanya check and balance?* Inilah persoalannya *and you have not answered this question.* Terima kasih.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Daripada pagi tadi dia asik mengulangi tentang soal sama ada POTA ini disalah guna atau tidak.

Pertama dalam konteks falsafah undang-undang. Seharusnya kalau kita lihat bagaimana dalam konteks undang-undang, kita ada *substantive law* dan *procedural* dan kalau saya lihat dari segi akta ini, untuk makluman Yang Berhormat Shah Alam, saya lihat kuasa eksekutif Menteri KDN tidak ada langsung untuk dalam konteks penahanan.

Kuasa penahanan dalam akta ini terletak kepada lima orang yang menganggotai Lembaga Penasihat dan lembaga ini diketuai oleh seorang individu yang berpengalaman dalam bidang kehakiman sekurang-kurangnya selama 15 tahun. Manakala anggota lainnya mesti mempunyai latar belakang perundangan atau anggota polis mahir dalam bidang undang-undang dan sudah tentunya lembaga ini berperanan untuk memastikan tidak akan wujud sebarang bentuk apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Shah Alam.

Saya fikir Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan sedikit di atas penggulungan saya. Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, saya melihat Malaysia sentiasa berasaskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Tanjong Karang kena bagilah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih. Yang Berhormat Kuala Selangor ini dia bekas pensyarah undang-undang dalam perlembagaan. Dia tahu. Bukan macam Yang Berhormat Shah Alam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Walaupun badan dia kecil, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Akan tetapi hanya saya hendak bagi tahu, tadi Yang Berhormat kata – bolehkah tidak Yang Berhormat terangkan lagi sekali kepada puak sana terutamanya Yang Berhormat Shah Alam ini, beza di antara ISA dengan POTA ini. Dia masih lagi hendak katakan POTA ini adalah jelmaan daripada ISA. Boleh terangkan sikit tidak Yang Berhormat kata tadi diberi jaminan kebebasan guaman dan sebagainya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Duduklah kalau hendak tahu.

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Tambahan, tambahan sebelum menjawab, Yang Berhormat Kuala Selangor. Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Apabila Yang Berhormat Kuala Selangor sentuh tentang kuasa Menteri ditiadakan, adakah ini pendapat Yang Berhormat Kuala Selangor menunjukkan bahawa ini benar-benar menunjukkan keikhlasan yang telah ditunjukkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri untuk memastikan agar benar-benar kita dapat melakukan pencegahan kepada IS ini daripada berlaku dan melalui lembaga penasihat itu juga diwujudkan supaya tidak ada pengaruh-pengaruh daripada pihak lain untuk dalam menjustifikasikan setiap tindakan yang dibuat mengenai IS? Terima kasih.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih. Ini Tuan Yang di-Pertua, ini sebagai penghujung.

Pertama saya hendak respons kepada Yang Berhormat Tanjong Karang. Beza di antara ISA dengan akta ini jauh bezanya. ISA dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam bangun lagi Yang Berhormat.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Bila saya membaca akta tersebut, wujud kuasa Menteri dalam elemen penahanan dan sebagainya. Akan tetapi dalam konteks Akta POTA yang kita bahaskan ini, kuasa eksekutif Menteri langsung tiada. Bahkan, tidak ada langsung sebarang

bentuk seksyen yang mengaitkan tentang kuasa Menteri iaitu eksekutif untuk menggunakan kuasa untuk menahan seseorang individu tanpa bicara.

Dalam konteks sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Masjid Tanah sebentar tadi, ya, sememangnya yang paling penting falsafahnya ialah untuk memastikan ancaman keganasan dapat kita banteras terutama sekali dalam sebuah negara Malaysia yang bermasyarakat majmuk ini. Sudah tentunya keikhlasan kerajaan ini adalah untuk memastikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai ASEAN pada tahun ini dan juga Anggota Tidak Tetap dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, sudah tentunya ingin menunjukkan bahawa kita pada landasan yang betul untuk memerangi IS ataupun keganasan ini.

Secara keseluruhannya, saya yakin bahawa Kerajaan Malaysia akan terus komited untuk bekerjasama dengan masyarakat antarabangsa menangani ancaman radikalisme, ekstremisme, keganasan serta militan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Sekali gus apa yang perlu dilakukan ialah untuk memastikan keselamatan negara dijaga dan kedaulatan negara dipelihara walaupun dikritik oleh pihak-pihak yang meletakkan kepentingan peribadi mengatasi kepentingan negara.

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Puchong.

#### 6.19 ptg.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kami bincang berkenaan dengan satu rang undang-undang yang mana membenarkan tahanan tanpa perbicaraan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Pekan, dalam tahun 2011 menyatakan memberi jaminan bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri akan dimansuhkan.

■1820

Dalam perkara itu, ada dinyatakan berkenaan dengan masalah dengan ISA. Saya dengar apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tadi, satu perkara yang berbangkit Tuan Yang di-Pertua adalah berkenaan dengan bagaimana Menteri boleh menyalahgunakan kuasa apabila menahan seseorang. Ini di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri apabila digunakan untuk sebab-sebab politik.

Akan tetapi apa yang penting Tuan Yang di-Pertua adalah untuk kami juga faham bahawa selain daripada salah guna kuasa Menteri, terdapat juga isu-isu berkenaan dengan salah guna kuasa pihak-pihak bawahan daripada Yang Berhormat Menteri. Misal kata apabila ada tahanan Tuan Yang di-Pertua, bukan menjadi keadaan yang mana seseorang itu ditahan terus untuk dua tahun. Ada prosedur yang terlibat khususnya yang mana *inquiry officer* ataupun pihak pegawai-pegawai yang lain yang perlu buat siasatan. Apabila mereka buat siasatan, adakah tindakan mereka ini dikawal oleh sesiapa? Itu menjadi

satu isu yang kita kena lihat Tuan Yang di-Pertua. Itu menjadi satu masalah juga dalam undang-undang sebegini.

Saya beri satu contoh Tuan Yang di-Pertua, yang mana di bawah undang-undang dahulu yang dikenali sebagai *Emergency Ordinance (EO)*. Dalam undang-undang itu, seseorang boleh ditahan untuk 60 hari dan dalam 60 hari itu, pihak polis boleh membuat siasatan tetapi siasatan itu tidak dikawal oleh sesiapa. Adakah pihak Menteri tahu bahawa terdapat kemungkinan gejala rasuah dalam masa itu? Bila seseorang itu ditahan tanpa sebab, sebenarnya, seseorang itu dibawa ke lokap dan di dalam lokap itu kekerasan digunakan terhadap beliau. Apabila kekerasan digunakan, *he is forced to confess* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Ini bukan di bawah kuasa Menteri. Akan tetapi ini di bawah kuasa pegawai-pegawai yang terlibat. Jadi isu yang berbangkit Tuan Yang di-Pertua adalah, bagaimanakah kita hendak memastikan bahawa tidak berlaku salah guna kuasa daripada pihak-pihak ini? Bukan sahaja Menteri, Menteri, satu. Memang saya faham di bawah ISA, Menteri memang ada banyak kali salah guna kuasa. Itu kita tahu. Akan tetapi bagaimana dengan undang-undang yang baru ini? Bagaimana kita boleh memastikannya? Saya rasa ini adalah apa yang disebut oleh Yang Berhormat Shah Alam. Boleh disebut dalam Dewan ini bahawa ia tidak akan disalahgunakan tetapi *how do we guarantee?*

Saya lihat dalam rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada seksyen yang terpakai iaitu seksyen 4 yang mana menyatakan *procedure before Magistrate and so forth*. Apa yang penting adalah ini, di bawah seksyen 4(3) dan saya baca dalam bahasa Inggeris. Tuan Yang di-Pertua, ini apa yang dinyatakan, "*No person shall be arrested and detained under this section solely for his political belief or political activity*". Jadi ada disebut di situ.

Di bawah subseksyen 6 disebut sebegini, "*For the purpose of this section, 'political belief or political activity' means engaging in a lawful activity through*" and then diberikan contoh-contoh di situ. Akan tetapi perkara yang berbangkit adalah ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat apa yang dinyatakan dalam seksyen 4(3) itu melahirkan hasrat kerajaan untuk memberi jaminan bahawa memang sesiapa yang adanya fahaman politik tidak akan ditahan. So, seksyen 4(3) menyatakan sedemikian. Satu syor yang diberikan.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kalau kuasa mahkamah diketepikan, kalau *judicial review* diketepikan, persoalan yang berbangkit adalah ini. Bagaimanakah kita pastikan bahawa seksyen 4(3) ini dipatuhi? *How do we do that? On the one hand* kita menyatakan bahawa undang-undang ini tidak akan digunakan untuk *political belief or activity* tetapi dalam masa yang sama, kita kata kita tidak boleh memberikan kuasa kepada mahkamah untuk buat keputusan itu. Jadi, bagaimana kalau seorang Menteri ataupun seorang Lembaga, kalau *board* dalam kes ini menggunakan undang-undang ini untuk seseorang dalam *political belief* atau *activity* beliau? *The question is how do you enforce section 4(3)? On the one hand, we say okay*, dengan izin tidak ada tangkapan *for political belief but in the other hand we say the court has do not know the jurisdiction*. So, *where do you go?*

Ini satu perkara yang saya lihat menjadi satu *contradiction*. Sekiranya Menteri atau kementerian sekarang memang benar-benar berhasrat supaya tidak ada sebarang *abuse*, kenapa tidak boleh diberikan a *limited scope for the cops to oversee this detention?*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini, satu contoh yang berbangkit adalah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam bangun.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Just one only*, Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Shah Alam.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Satu perkara yang berbangkit adalah berkenaan dengan pegawai-pegawai seperti mana saya sebutkan tadi. Yang Berhormat Shah Alam, *you go at first and I came to that*.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Puchong. Saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat Puchong, mudah sahaja. Yang Berhormat Tanjong Karang *insist* – Eh! Mahkamah ada peranan. Bila kita lihat pada seksyen 4(1)(b), selepas itu kita tengok pada seksyen 4(2)(b), maka di bawa ke Majistret dan Majistret ada. Dahulu ISA tidak ada ini. Lalu, saya rasa sama ada Yang Berhormat Puchong tidak faham ataupun Tanjong Karang yang tidak faham.

Boleh atau tidak Yang Berhormat Puchong cuba jelaskan apa keadaan yang sebenarnya? Sejauh mana kuasa Majistret dalam kes tahanan ini? Selagi mana ini tidak dijelaskan, mereka akan mengatakan, “*Eh! Mahkamah ada peranan, hakim ada peranan, keadilan dijamin*”. Saya harap Yang Berhormat Puchong boleh jelaskan pasal orang lain jelaskan dia macam tidak faham-faham. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia tanya Yang Berhormat Puchong tetapi sindir Yang Berhormat Tanjong Karang. *[Ketawa]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya senang. Saya rasa Yang Berhormat Tanjong Karang ada asas apabila menyatakan bahawa Majistret ada peranan. Betul, Majistret ada peranan tetapi apakah peranan itu? Adakah peranan itu satu peranan yang terlibat dalam proses membuat keputusan untuk menahan atau adakah itu satu peranan yang di luar daripada proses itu?

So Yang Berhormat Shah Alam, kalau kita lihat kepada seksyen 13, cukup jelas kuasa untuk menahan itu terletak kepada Lembaga apabila mengambil kira laporan dan sebagainya. So, memang tidak boleh dinyatakan bahawa Majistret yang mempunyai kuasa dalam tahanan dan ini menjadi sebab atas sebagaimana yang saya bangkit seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua apabila kita ada kuasa-kuasa yang diberikan...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya, pencelahan Yang Berhormat Puchong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Boleh?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sorry.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Boleh tanya?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh apa?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Boleh dapat penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak minta jalan Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Mahukah? Boleh, silakan. *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** Mestilah mahu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih, terima kasih. Tadi saya tanya Ahli Parlimen Bukit Gelugor. Yang Berhormat Kapar memang tidak ada standard. Yang Berhormat Bukit Gelugor okeylah. Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Puchong kira okeylah. Hanya satu hendak tanya Yang Berhormat bahawa saya tengok, kalau saya salah tafsiran, saya hendak tanya Yang Berhormat. Betul, Yang Berhormat Shah Alam dia memang tidak fahamlah.

Saya hendak tanya, dalam seksyen ini, ia ada kuasa dalam seksyen 4(b), “*Jika tiada pernyataan sedemikian dikemukakan, dan tiada alasan lain bagi menahan orang itu dengan sah, mengarahkan pelepasannya*”. Itu dalam tempoh 21 hari. Biar sampai 38 hari pun sama. Jadi bagi saya, bahawa Majistret, kalau bawa depan dia dan Ini yang saya minta tadi supaya Menteri kena buat peraturan. Bila seseorang yang dibawa di bawah seksyen 4, mesti diberi hak kepada tertuduh untuk dia membawa peguam bela. Jadi, ini ada kuasa Majistret. Ini yang saya kata tidak ada dalam ISA. Dahulu di bawah ISA tidak ada kuasa Majistret ini. Terus kepada polis, terus kepada Menteri. Ini bezanya yang saya tekanan tadi dari awal. Tujuh hari tahan, mesti bawa kepada Majistret. Dahulu tidak ada. 60 hari ditahan, terus bawa kepada Menteri. Ini yang saya hendak tanya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Shah Alam bukan peguam, duduklah. Saya hormat kepada Yang Berhormat Puchong. Ini yang merapu sahaja. *[Disampuk]* Dia nasihat baik. Kalau dia kata ada jambang semua, Yang Berhormat Shah Alam salah satunya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak ada niat jahat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya tanya Yang Berhormat Puchong, saya serius sebenarnya. Mungkin saya salah tafsir. Jadi, *interpretation of the law* ini kita tengok Yang Berhormat Puchong tafsir macam mana.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Shah Alam.

■1830

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Saya rasa jelas di sini, jika tiada pernyataan sedemikian dikemukakan iaitu pernyataan sedemikian yang dikemukakan oleh polis itu. Kalau ada, maka majistret tidak ada pilihan melainkan untuk terus memberikan reman. Itu bukan soal perbicaraan. Dalam kes yang seperti ini, majistret hanya digunakan sebagai *rubber stamp*, betul tak Yang Berhormat Puchong?

**Beberapa Ahli:** Betul.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya minta Yang Berhormat Puchong perjelaskanlah. Saya tidak tahu hendak jelaskan kepada Yang Berhormat Tanjong Karang macam mana.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *[Ketawa]* Yang Berhormat Kinabatangan, *you jangan kacau.* Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang dan juga Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Tanjong Karang, seksyen 4 cukup jelas. Ia tidak memberikan kuasa kepada majistret untuk siasat laporan itu. Jadi, tidak ada kuasa diberikan supaya majistret menjalankan satu siasatan berkenaan *inquiry report* atau laporan yang diberikan. Kalau ada laporan cukup, majistret perlu mengikut undang-undang.

Ini menjadi sebab atas mana kita sebut bahawa majistret itu peranannya administratif. Kalau ada laporan diberikan, maka cukup. Majistret itu tidak ada kuasa untuk tanya kepada laporan yang diberikan. Selepas itu tanya kepada suspek atau tahanan itu, adakah kamu ada apa-apa penjelasan berkenaan dengan laporan itu? Adakah kamu membantah, adakah kamu ada cerita kamu sendiri, *you own defense?* Itu tidak ada pada masa itu. Laporan itu akan terus dibawa kepada *the second stage*. Apabila siap, isu sama ada ada ataupun tidak, satu tahanan akan diberikan, itu terletak kepada lembaga.

So, ini adalah perbezaannya. Bukan sekadar kalau kita lihat ada kuasa kepada majistret itu, majistret itu ada kuasa untuk menyelidik ataupun mengkaji asas atau fakta-fakta. Saya lihat apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *[Bangun]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor, silakan.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Mencelah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Adik-beradik tanya di rumahlah.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Kalau di rumah, *you* tidak boleh dengar. *[Ketawa]*

Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, satu pencelahan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Puchong, kalau kita lihat kepada pembacaan 4(1)(b) iaitu dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *if no such statement is produced, and there are no other grounds on which the person is lawfully detained, direct his release.* Adakah itu merupakan satu-ataupun adakah itu *imply?* Kalau dibandingkan dengan (a), bahawa majistret hanya boleh bertindak atas *statement* tersebut, *that means rubber stamp.* Kalau tidak ada *statement* tersebut, baru sahaja dia ada kuasa untuk tolak. Akan tetapi kalau ada *statement*, mesti *rubber stamp.* Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Puchong, sedikit Yang Berhormat Puchong, tambahan sedikit. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Puchong. Beberapa kali sudah kita dengar tadi Yang Berhormat Tanjong Karang menggunakan hujah yang sama. *We present before the magistrate, that is the difference* dengan

ISA kononnya. Bolehkah saya andaikan bahawa meletakkan perkara ini dalam rang undang-undang ini sebenarnya untuk cuba menunjukkan ada perbezaan dengan ISA kononnya tetapi sebenarnya majistret itu tidak ada kuasa apa-apa.

Malah dalam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor tadi menunjukkan bahawa peranan majistret itu macam tidak ada langsung. *If no report*, katanya lepaskan. Kalau hendak lepaskan, polis boleh lepaskan tanpa apa-apa sebab pun kalau tidak ada apa-apa yang hendak di *follow up*. Jadi, adakah meletakkan dalam rang undang-undang ini, *taking detainee before the court*, dengan izin, adalah satu cubaan untuk mengelirukan kita dan membayangkan seolah-olah *this is different from ISA?*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor, terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Tuan Yang di-Pertua, itu menjadi masalahnya. Kalau kita lihat kepada- saya rasa saya mempelawa Yang Berhormat Menteri nanti untuk memberi pendapat berkenaan perkara ini juga. Kalau kita lihat kepada seksyen 4, Yang Berhormat Tanjung Karang. Apa yang digunakan di situ adalah perkataan '*shall*'. Maknanya, majistret tidak ada pilihan, *it's mandatory*. *Whenever any person is taken before magistrate under section 3, magistrate shall*.

Jadi, *on production of a statement in writing, signed by the police officer*, dia tidak ada kuasa. Itu yang berbangkit, itu apa yang saya nyatakan tadi. Akan tetapi kalau lihat kepada subseksyen 3, dinyatakan *no person shall be arrested and detained under this section solely for this political belief or political activity*.

So, itu menjadi masalahnya. Bagaimana seorang majistret kalau diperlukan apabila *statement* itu *is produced*? Bagaimana seseorang akan menggunakan hak beliau di bawah subseksyen 3 sekiranya seseorang itu betul-betul pada masa itu ditahan oleh sebab-sebab atau fahaman politiknya di hadapan majistret. Bolehkah orang itu masa itu membuat hujah di hadapan majistret bahawa sebenarnya pernyataan ini tidak betul tuan majistret. Jadi, jangan terima apa yang disebut di sini, dengar hujahan saya. Benarkan saya dengan satu peluang untuk saya kemukakan bukti sendiri untuk menunjukkan bahawa ia tidak betul dan sebagainya. Bolehkah itu dibuat? Itu yang menjadi isu saya rasa mungkin Yang Berhormat Bagan Datok perlu jawab nanti.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Puchong. Kita kena akui bahawa undang-undang ini untuk semua. Mungkin juga untuk kita. Apabila kena ini bukan kira UMNO, Pakatan Rakyat. Sesiapa sahaja akan kena akta ini. Okey, sebab itu saya hendak tanya. Katalah dia dibawa di hadapan majistret. Ini *silent* sama ada boleh bawa peguam ataupun tidak. Kalau kata peraturan mengatakan boleh bawa peguam, bagaimanakah pendapat Yang Berhormat? Tidakkah ia diberikan peluang untuk mendapat guaman dan untuk dibela? *We go-* jangan kata pergi detil. Ertinya, kalau sudah ada peguam, kalau ambil Yang Berhormat Puchong esok jadi peguam di hadapan majistret, itu Yang Berhormat Puchong punya kehebatanlah macam mana untuk membela *client* Yang Berhormat.

Jadi, saya tidak tahu sebab ini *silent*. Sebab itu saya hendak menteri terangkan, boleh tak bawa peguam? Katalah kalau boleh bawa peguam bela waktu tahanan reman, adakah ini adil ataupun tidak?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Tanjung Karang, saya setuju. Itu satu perkara yang boleh menambah nilai ataupun apa yang kita sebut perlindungan untuk seseorang yang

ditahan. Akan tetapi masalahnya Yang Berhormat Tanjong Karang, kalau undang-undang tidak membenarkan peguam tersebut membuat hujahan, undang-undang tidak membenarkan majistret untuk menimbangkan sama ada benar atau tidak laporan itu betul, majistret terikat. Maka, kalau polis beri satu laporan walaupun apa yang tersebut dalam laporan itu tidak benar. Kalau undang-undang tidak memberikan kelonggaran atau budi bicara kepada majistret tersebut untuk membuat satu perintah dengan melihat kepada kandungan, *substance* pernyataan itu, maka tidak guna. Peguam pergi ke situ pun majistret akan beritahu, ya, *you are here, but I have no choice.*

Di Parlimen, tangan saya telah pun terikat. So, itu menjadi masalahnya. So, saya setuju dengan Yang Berhormat Tanjong Karang. Satu perkara yang boleh meningkatkan nilai perlindungan itu. Yes, we start off *lawyer's* tetapi *lawyer* sendiri tidak cukup. Mesti diberikan kelonggaran undang-undang, mesti menyatakan dengan jelas bahawa beliau boleh sama ada ataupun tidak diwakili peguam, beliau boleh mempertikaikan laporan pada masa itu. Majistret sebagai badan bebas, sebagai hakim, berhak untuk membuat keputusan sama adupun tidak pernyataan itu betul.

Misal kata, kalau pernyataan itu melibatkan isu-isu yang melibatkan fahaman politik, sekarang majistret kata, yes, *I looked at it, but I can't do anything.* Ada laporan, '*I shall*'. Jadi, itu menjadi sebab di mana kita bangkit di sini. Kenapa tidak ada satu peruntukan di sini yang membenarkan hakim sama ada di peringkat majistret ataupun kemudiannya *on judicial review* supaya lihat kepada fakta kes. Jadi Yang Berhormat Tanjong Karang, apabila Yang Berhormat Tanjong Karang menyatakan hantar peguam, saya rasa Yang Berhormat Tanjong Karang pun setuju bahawa kita perlu ada kuasa atau ruang untuk melihat ke dalam kandungannya kerana kandungan itu penting. Kalau kandungan itu memang kita lihat *includes irrelevant considerations* dan sebagainya tetapi kalau mahkamah terikat tidak boleh masuk campur, ini menjadi sebab mana kita sebut undang-undang ini *draconian*. Ini kerana kita ada satu perintah di mana kita lihat, kita tahu tidak betul tetapi kuasa mahkamah terhad. Faham Yang Berhormat Tanjong Karang? Itu masalahnya. So, kalau- *just one minute.*

#### ■1840

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, ini andaian.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tunggu. Tidak Yang Berhormat Tanjong Karang

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini andaian Yang Berhormat. Juga di sini, pernyataan ini membabitkan aktiviti di luar negara. Kalau kata dia hanya aktiviti politik di sini, dia mesti motif dia, dia mesti menyatakan dia menyokong pasukan keganasan di luar negara, yang itu. Oleh sebab itu Yang Berhormat, saya kata Yang Berhormat hanya buat satu teori. Ini terpulang kepada Yang Berhormat apabila pergi ke mahkamah, saya setuju mesti dibenarkan bawa peguam untuk...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak. Kalau peguam masuk Yang Berhormat Tanjong Karang, tetapi peguam tidak boleh menyoal kandungan perintah tersebut dan mahkamah tidak ada kuasa untuk melihat ke dalam kandungan dia, apa guna?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat sudah pergi jauh sampai ke - Kita tengok *the principle of the law...*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Bukan jauh.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini asasnya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ini tugas kita sebagai Ahli Parlimen. Kalau Yang Berhormat Tanjung Karang sudah lupa, kita perlu membuat undang-undang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sebab itu di dalam ini Yang Berhormat...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ini contohnya mana-mana dalam undang-undang...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat kata mesti peguam tidak boleh tanya semua. Betulkah? Itu andaian. Betulkah? Kalau peguam tidak boleh tanya majistret, jangan ambil keslah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya setuju.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat ini hendak merendahkan peguam. Saya tanya, katalah Yang Berhormat jadi peguam, ada Yang Berhormat duduk depan majistret angguk-angguk saya tidak boleh lawan. Adakah macam itu jadi peguam?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Tanjong Karang...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Mestilah ada cara kita sebagai peguam membela anak guaman kita. Jangan buat andaian, peguam semua dengar cakap Majistret, sudah tidak boleh hendak lawan majistret. Tidak perlulah ada peguam. Tidak payah kita pergi Majistret buat macam itu.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, *how shallow are you?* Apa masalah dengan Yang Berhormat Tanjong Karang? Saya bagi tahu Yang Berhormat Tanjong Karang, saya cukup jelas. Kalau kita pergi mahkamah, mahkamah perlu ada bidang kuasa untuk melihat ke dalam kandungan. Mana bidang kuasa itu? Kenapa Yang Berhormat Tanjong Karang sebagai seorang peguam tidak boleh faham? Saya bagi contoh.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Duduk, duduk. *It's my floor, sit down. It's my floor. Please sit down.*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat, apabila kita pergi ke mahkamah mesti ada...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya bagi contoh...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Mesti ada pendakwa raya. Mestilah ada...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *It's therelah.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kalau saya ditahan, saya tidak perlu peguam.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *It's therelah. 'Shall', look at the word.* Langsung tidak ada *class*.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Hold on.* Kalau saya ditahan Tuan Yang di-Pertua, saya tidak perlu peguam kerana saya peguam. Saya peguam. Jadi isu dia, bukan peguam sahaja. Orang yang ditahan itu perlu diberikan hak untuk melihat ke dalam kandungan perintah itu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya, betul.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kalau dia peguam, tidak peguam, itu bukan isu dia.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sebab itu saya kata tadi...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Mana dalam undang-undang ini?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Mana ada. Mana ada.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Mana? Mana?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Mana ada. Mana ada. *Look at the word.*

*[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kita buat macam ISA. ISA dahulu tidak ada Majistret.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Tanjong Karang telah faham apabila kita ada pegawai...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat, bila kita kata majistret, kita kena...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *This is my floor, sit down.*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Dia kena timbang kedua-dua belah pihak.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Sit down. Sit down.* Saya akan bagi peluang, tetapi duduk. Duduk, duduk, duduk.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat, kalau macam itu Yang Berhormat, kita cadangkan kita *delete*. Yang Berhormat selepas ini kita cadangkan supaya seksyen 4(1), seksyen 4(2) ini *delete*, jangan adakan. Untuk apa?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya tidak cadangkan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak cabar Yang Berhormat, buat satu *amendment*, pinda. Kata tidak perlu kita adakan seksyen 4(1), seksyen 4(2) ini. Untuk apa?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Are you okay? What are you talking about?* Yang Berhormat cakap apa ini? Dahulu Yang Berhormat hendak bawa peguam, sekarang tidak mahu bawa peguam, apa lagi Yang Berhormat mahu? Apa lagi Yang Berhormat Tanjong Karang mahu?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya cakap 4(1), seksyen 4(2). Kalau Yang Berhormat tidak bersetuju, kalau Yang Berhormat kata Majistret sebagai *puppet*...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Tanjong Karang kena faham...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Majistret sebagai *rubber stamp*, kita jangan adakan akta ini, kita jangan adakan seksyen ini.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Bila akta ini ada pernyataan...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat kata tadi majistret sebagai *rubber stamp*...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Lagi mahu?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau sebagai *rubber stamp*, tidak payah adakan seksyen ini.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Bukan *rubber stamp*, *you* kena faham. Masalahnya, Yang Berhormat Tanjong Karang tidak mahu dengar. Kalau dengar, saya akan jelaskan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya dengar. Saya dengar Yang Berhormat kata Majistret sebagai *rubber stamp*, tidak ada pilihan, mesti ikut apa yang didakwa. Saya kata tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat...

*[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sebab dia hendak merendahkan akta kita, kuasa Majistret. Kalau tidak mahu terima, kita *delete* seksyen ini.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Pengerusi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Puchong, sila gulung.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tiada lagi pencelahan. Sila gulung.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Tanjong Karang tadi bercakap berkenaan dengan 4(2)(b). *Is it correct?*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Puchong, saya cakap seksyen 4, Tatacara di hadapan Majistret.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Puchong...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya hendak jawab.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Benda ini ada. Kalau kata Yang Berhormat Majistret sebagai *rubber stamp*, tidak perlulah kita adakan seksyen ini. Saya pun tidak bersetuju. Kalau seksyen ada kita kata Majistret sebagai *rubber stamp*, tidak betul. Hanya saya kata, pihak kementerian mesti benarkan yang tertuduh membawa peguam di hadapan Majistret untuk memberikan pembelaan yang adil kepada dia. Itu maksud saya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Tanjong Karang...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apabila peguam dia ada, dia mestilah berhujah, ada peguam bela dan peguam cara. Macam mana Yang Berhormat kata Majistret jadi *rubber stamp*? Itu yang saya tidak setuju.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang kena faham undang-undang ini. Kalau tidak faham, susah kita hendak cakap. Cakap sampai esok pun tidak guna. Undang-undang ini tidak berikan hakim walaupun majistret atau Hakim Mahkamah Tinggi untuk melihat kepada kandungan perintah tersebut. Faham tidak? Kenapa tidak faham?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat, ini perintah apa? Ini kita kata tatacara...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Itu yang tertulis di sana. Yang Berhormat Tanjong Karang, itu yang tertulis. Itu yang tertulis di sana. Cuba fahamkan. Tidak faham.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat, sebelum dia ditahan reman, mesti dia kena pastikan di hadapan Majistret. Kalau sudah 21 hari, 38 hari, Majistret kata reman, dia boleh reman...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak alih pada isu lain.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kena bawa hadapan Majistret dahulu. Ini yang saya hendak tekankan. akan tetapi kalau Yang Berhormat kata hadapan Majistret pun tidak guna, Majistret jadi *rubber stamp*, tidak ada kuasa langsung, untuk apa adakan seksyen ini? Kita *deletelah* seksyen ini.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Tanjong Karang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya rasa masalah dia Yang Berhormat Tanjong Karang, bukan saya yang sebut. Undang-undang ini yang sebut, yang digubal oleh pihak sana. So kalau Yang Berhormat hendak marah, jangan marah saya, marah sana. Yang Berhormat Bagan Datok. *[Tepuk]* Isu yang seterusnya...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Puchong...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kita ialah pembuat undang-undang. Kita buat undang-undang, lainlah *interpreted*. Ini dia hendak jadi *interpreter*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat, mana satu kita hendak dengar ini? Yang Berhormat Tanjong Karang. Sekejap Yang Berhormat Shah Alam. Sebenarnya sudah tujuh minit.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Setengah minit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah tujuh minit, lebih masa Yang Berhormat Puchong. Sila, sila. Selepas ini Yang Berhormat Puchong gulung ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Setengah minit. Saya ingat hendak selesaikan masalah ini, dia ada satu kaedah Yang Berhormat Puchong. Saya rasa apa Yang Berhormat Tanjong Karang hendak ialah dia hendak supaya rang undang-undang ini dipinda supaya membenarkan perbicaraan berlaku. Maka orang yang dituduh boleh bawa peguam hadapan Majistret dan kes itu dibicarakan. Itu yang dia hendak.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, kita setuju.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau dia hendak begitu, kita setujulah. Kita mintalah Yang Berhormat Menteri pinda rang undang-undang ini. Tarik balik dan pindalah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, *on*.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau tidak, Yang Berhormat Tanjong Karang tidak akan faham. Kita kena bawa hujah macam itu. Apa yang Yang Berhormat Tanjong Karang hendak ialah supaya apabila ada kes macam ini, tertuduh dibawa ke Majistret, Majistret bicarakan dan dia menghakimi...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Dengan peguam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dengan peguam, betul. Baik, baik.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya hendak gulung kalau boleh. Yang Berhormat Tanjung Karang, sudahlah. Tidak apalah, tidak boleh...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sebab itu saya kata, saya punta tafsiran saya...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Apabila kita lihat kepada apa yang disebut Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau Yang Berhormat Puchong kata seksyen ini tidak betul, Yang Berhormat Puchong bawalah pindaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanjung Karang. Yang Berhormat Puchong, cukuplah sebut nama Yang Berhormat Tanjung Karang. Balik tajuk lain. Apabila Yang Berhormat Puchong kaitkan Yang Berhormat Tanjung Karang, Yang Berhormat Tanjung Karang akan bangun lagi, sampai pagi esok pun tidak habis. Sila Yang Berhormat Puchong. *[Ketawa]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, memang Yang Berhormat Tanjung Karang macam itu. Saya sudah cakap, jangan main-main Yang Berhormat Tanjung Karang. Isu yang berbangkit, *That's why I agree* Yang Berhormat Tanjung Karang. Saya lihat ada '**rescuer**' sedikit. Saya masukkan cadangan Yang Berhormat Tanjung Karang supaya kita dibenarkan bawa peguam dan juga majistret dan hakim diberi budi bicara supaya lihat dalam kandungan. Saya masuk ke dalam ucapan saya. *[Tepuk] Fair.*

Akan tetapi ada masalah lain. Saya teruskan. Isu yang *last* yang saya akan gulung. Gulung pendek sahaja, tetapi isu ini panjang sedikit. Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya suruh gulung. Minta gulung.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Apabila kita lihat kepada laporan, seperti mana yang disebut oleh - Saya tidak sebut Yang Berhormat Tanjung Karang ya Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Akan tetapi seperti mana yang dibangkitkan tadi, ada pernyataan, *statement in writing by a police officer*.

■1850

*A police officer* Tuan Yang di-Pertua dan saya telah pun memberikan pandangan dan penghujahan saya tadi, bagaimana kita perlu ada budi bicara pada majistret supaya boleh melihat kandungan dan ini adalah penting khususnya dalam hari ini. Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita lihat Ketua Polis Negara kita pun tidak boleh dipercayai.

Kalau Ketua Polis tidak boleh dipercayai Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita boleh katakan bahawa *police officers* boleh dilihat sebagai orang yang akan membawa kebenaran? Kita lihat bagaimana dalam kes Altantuya. Apa yang disebut Tuan Yang di-Pertua oleh Ketua Polis Negara. Mana ini Ketua Polis Negara? Tadi saya dengar, dia ada di sini tetapi sekarang tak ada.

**Seorang Ahli:** Lari, lari.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Apa yang penting adalah kita ada di hadapan mata kita. Ada kenyataan yang dibuat oleh Ketua Polis Negara tetapi orang yang ditahan di Australia mengeluarkan kenyataan dan menyatakan beliau langsung tidak dihubungi oleh pihak polis. Pihak polis keluarkan kenyataan Tuan Yang di-Pertua, menyatakan bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad, dia tak tahu. *He doesn't know what's his talk about* Tuan Yang di-Pertua kerana dia tak tahu bahawa pihak polis telah pun buat siasatan berkenaan dengan motif dalam kes Altantuya. Akan tetapi apabila dikeluarkan kenyataan oleh Tun Dr. Mahathir, Ketua Polis Negara menyatakan sedemikian. Apa yang berlaku seterusnya pada hari kemudian?

Ada kenyataan daripada Sirul yang menyatakan bahawa pihak polis langsung tidak tanya saya, langsung tidak ada ambil *statement* daripada saya. So ini menunjukkan apabila kita berbincang berkenaan dengan siasatan polis sama ada ataupun tidak kita boleh percaya siasatan pihak polis. Jelas, ini satu *example* sahaja. saya tak nak bagi *example* lain yang melibatkan surat-surat kepada pihak ketiga dan sebagainya. Saya rasa telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Bagan Datok pada sesi lalu.

So, ini menjadi satu keadaan di mana kita boleh lihat kepentingan untuk kita ada ruang untuk hakim atau majistret supaya lihat ke dalam kandungan, *substance* undang-undang itu. Kalau saya tidak ada contoh, saya tidak akan bangkitkan tetapi kita sebagai Ahli Parlimen kita lihat, kita baca, memalukan, Ketua Polis Negara mengeluarkan kenyataan tersebut, begitu. Bagaimana Tuan Yang di-Pertua, apabila orang ditahan secara ramai-ramai, pihak polis menyatakan bahawa siasatan telah pun dibuat tetapi sebenarnya tidak ada siasatan. Mereka ini ditahan, kemudian tahanan itu dijadikan perintah tahanan untuk dua tahun.

Itu menjadi apa yang kita perlu lihat. Itu menjadi asas kepada perbincangan kita hari ini dan kenapa kita perlukan *safeguards* dalam tahanan sedemikian. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya juga mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, cuba saya hendak memperhatikan bilangan yang ingin berucap. Pada Barisan Nasional, dua, empat...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Shah Alam sudah makan masa 45 minit untuk *interrupt*, saya ingat tidak perlu dibagi peluang. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kinabatangan pun sudah ambil masa. Tiga, empat, lima BN, jadi sepuluhlah ya. Kita minta Yang Berhormat Menteri mulakan menjawab pukul 7.45 malam. Jadi, kita hadkan masa 10 minit ya. Yang Berhormat Lenggong.

### 6.53 ptg.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama berbahas dalam rang undang-undang pada hari ini.

Langkah kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri membentangkan Akta Pencegahan Keganasan (POTA) ini tepat pada masa kerana kalau kita lihat sejak 10 tahun, selepas serangan pengganas 11 September 2001, banyak negara sebenarnya telah pun mengambil langkah-langkah untuk memperketat undang-undang mereka bagi mengawal negara masing-masing daripada ancaman pengganas kerana Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sendiri pun mengambil berat tentang ancaman keselamatan dunia dan mengambil langkah-langkah bagi membendung supaya masalah ini tidak berterusan.

Tahun lalu kalau kita lihat Institute for Economics and Peace (IEP) melaporkan bahawa impak keganasan, ini laporan daripada IEP, satu badan yang mempunyai integriti. Dia melaporkan bahawa impak keganasan terhadap Malaysia sebenarnya sudah begitu meningkat di mana Malaysia telah meningkat daripada kedudukan 91 ke tahap 48 daripada 160 buah negara dalam indeks keganasan global. Angka yang ditunjukkan ini dengan sendiri, dengan begitu jelas bahawa ancaman pengganas kepada negara kita begitu tinggi dan dia tidak boleh dipandang enteng.

Oleh sebab itu juga kalau kita dengar laporan yang dibuat baru-baru ini oleh beberapa pihak terutama sekali daripada pihak keselamatan negara, melaporkan bahawa negara kita bukan hanya tempat transit sahaja tetapi kita berkemungkinan untuk menjadi sasaran kepada golongan ini.

Ini bukan hanya memberikan kesan kepada keselamatan tetapi juga memberikan kesan kepada aspek-aspek lain, ekonomi, keselamatan rakyat dan sebagainya. Oleh sebab itu saya percaya bahawa langkah kerajaan memperkenalkan POTA ini penting kerana masyarakat antarabangsa telah pun mengambil tindakan, telah pun mengawal negara masing-masing dengan pelbagai undang-undang yang boleh melindungi rakyatnya. Apa salahnya negara kita memperkuuhkan lagi undang-undang sedia ada bagi membolehkan kita mengambil langkah-langkah dalam usaha kita untuk membendung keganasan ini.

Oleh sebab itu saya lihat bahawa tepat sebenarnya pada masanya apabila kerajaan mengambil langkah ini. Ini sebenarnya sebagai satu langkah untuk mempertahankan kedaulatan negara dan menjaga majoriti. Tidak ada gunanya Tuan Yang di-Pertua kita mendengar dan melayani sebahagian kecil suara yang bukan kita lihat bertujuan untuk menjaga keselamatan negara tetapi menjayakan matlamat peribadi dan juga matlamat kelompok kecil yang mempunyai tujuan-tujuan tertentu.

Oleh sebab itu saya mengambil pendirian bahawa kita menyokong perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bahawa ideologi dan pendekatan yang digunakan oleh IS ini buat masa ini sebenarnya sangat berbahaya. Kesan besar dia mempengaruhi rakyat terutama sekali kepada golongan muda dan tentunya di kalangan mereka yang beragama Islam. Akan tetapi walaupun sasaran mereka kepada golongan ini, tetapi kesannya bukan hanya kepada orang Islam, ia melibatkan masyarakat secara keseluruhannya.

Apatah lagi IS ini kita sedia maklum bahawa rangkaianya bukan hanya dalam negara tertentu sahaja tetapi di peringkat antarabangsa dan kita difahamkan melalui maklumat dan sumber-sumber yang tertentu bahawa antara negara di rantau yang menjadi sasaran ialah Malaysia, difahamkan Selatan Filipina dan juga di Indonesia. Kalau rantau ini sudah menjadi pangkalan mereka, ia sebenarnya amat

bahaya sekali. Sudah tentu kita perlu mempunyai kekuatan untuk menangani rangkaian pengganas antarabangsa yang mempunyai teknologi, mempunyai kekuatan dan disokong oleh pihak-pihak tertentu.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan dalam Dewan ini untuk meminta kerajaan kalau kita lihat bahawa di antara strategi yang digunakan oleh IS itu sendiri, bagaimana IS memanfaatkan perkembangan teknologi. Mereka menggunakan pendekatan dan kaedah ataupun perkara-perkara yang memang diminati oleh golongan muda dengan begitu sistematik, dengan begitu terancang menggunakan media sosial dalam menjayakan dan menyebarkan ideologinya. Oleh sebab itu saya percaya bahawa kerajaan mesti memperkuuhkan beberapa perkara yang menjadi kelemahan terutama sekali kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ini. Ini kerana badan ini juga mesti mempunyai kelengkapan, kepakaran setanding dengan apa yang mereka miliki.

Sebagai yang disebut oleh rakan saya Yang Berhormat Kuala Selangor tadi, bagaimana kumpulan IS ini menggunakan pendekatan melalui video, melalui YouTube, memaparkan adegan-adegan filem yang pendek. Ini sebenarnya memang menarik minat generasi muda dan begitu terpengaruh mereka melihat aksi-aksi ini. Ada di antara filem-filem yang ditayangkan itu memang menaikkan semangat yang tertentu yang membolehkan kumpulan muda yang kononnya untuk cepat ke syurga, menyahut cabaran ini dan mahu ke negara-negara Syria, Iraq dan sebagainya untuk menjayakan matlamat mereka dan bersama dengan IS ini. Ini amat bahaya sekali. Oleh sebab itu saya harap supaya kita tingkatkan keupayaan kita untuk mengatasi kepakaran dan *cyber troopers* ini di kalangan IS yang saya percaya mempunyai kepakaran teknologi yang tinggi dan mereka amat berbahaya kepada generasi muda.

#### ■1900

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa POTA ini penting kerana ia menjadi pelengkap kepada undang-undang lain yang telah pun sedia ada. Memang negara kita telah mempunyai Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012. Namun pada saya ia masih tidak mampu untuk menyelesaikan isu IS kerana tujuannya hanya untuk membanteras aktiviti pengganas melalui akta sebelum ini. Kemudian, kita juga lihat bahawa kita ada Akta Pencegah Jenayah (POCA) (Pindaan dan Pemerluasan) 2013. Ia juga dirangka hanya bertujuan adalah untuk mencegah daripada perbuatan jenayah. Akta ini juga sebenarnya pada saya tidak begitu kukuh dan tidak begitu kuat untuk menangani isu dan perkara-perkara yang berkaitan dengan IS ini. Oleh sebab itu saya percaya...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sekejap, saya habiskan ayat ini. Oleh sebab itu saya percaya langkah kerajaan untuk mengemukakan rang undang-undang ini sebenarnya harus didokong oleh semua. Kita tidak boleh melihat isu ini isu politik, melihat daripada aspek tertentu sahaja. Akan tetapi kita kena lihat isu ini lebih jauh daripada itu iaitu dengan tujuan untuk menjaga kestabilan dan keharmonian negara ini. Oleh sebab itu Ahli Yang Berhormat, saya yakin bahawa jika kita mempunyai akta yang punya kekuatan dan lebih kuat saya yakin banyak perkara yang berkaitan dengan isu IS ini dapat kita tangani dengan baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Lenggong tidak banyak masa ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Lenggong, dua soalan. Soalan pertama Yang Berhormat Lenggong, setuju kah dengan saya bahawa setakat ini belum ada satu kes pun yang mereka ditahan dan dibicarakan di bawah SOSMA ini telah pun dibicarakan sehingga sempurna. Belum ada satu lagi. Belum ada bicara pun. Jadi, bagaimana dengan keadaan tidak ada perbicaraan itu Yang Berhormat Lenggong boleh mengatakan SOSMA ini ada kelemahan. Itu yang pertama.

Keduanya Yang Berhormat Lenggong, apabila kita tahan seseorang itu tadi Yang Berhormat kata mereka terlibat dalam IS dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat Lenggong boleh yakin dengan pasti apabila kita tangkap mereka itu, mereka mesti orang IS dalam keadaan seksyen 3 ini pun kata kena ada siasatan. Bila ada siasatan bermakna kita tidak tahu lagi salah atau tidak salah. Jadi, kenapa kah siasatan itu kita tidak bawa ke mahkamah untuk diuji, adakah siasatan itu betul atau tidak. Setuju atau tidak dengan saya, maknanya Yang Berhormat Lenggong punya cakap ini seolah-olah apabila orang kena tangkap automatik dia bersalah dan tidak dapat membuktikan dia tidak bersalah dalam mahkamah. Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi bahawa kita perlukan satu undang-undang yang membolehkan kita mengambil tindakan awal dan tidak boleh kita biarkan perkara itu berlaku baru tindakan kita hendak ambil. Ini membahayakan kita. Oleh sebab itu saya lihat bahawa baik Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) atau SOSMA 2012 ataupun Akta Pencegahan Jenayah (POCA) (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 ia tidak mempunyai kuasa sebagaimana POTA. Oleh sebab itu saya lihat bahawa ada keperluan akta ini dibuat kerana membolehkan kita untuk mengambil tindakan langkah-langkah awal kepada usaha kita bagi membendung perkara ini. Ini kerana kita lihat bahawa cara dan pendekatan IS ini memang luar biasa.

Kita tidak boleh jangkakan dan ia memerlukan kekuatan kita dari semua aspek terutama sekali dari segi undang-undang. Apa yang membimbangkan kita hari ini ialah apabila kita tidak mampu untuk menanganinya dengan lebih awal sebelum perkara itu berlaku. Oleh sebab itu saya melihat bahawa baik undang-undang POTA sama ada SOSMA atau POCA, sebenarnya ketiga-tiga undang-undang ini melengkapkan antara satu sama lain, ia membolehkan kita kerajaan khususnya pihak berkuasa mempunyai kekuatan untuk menangani isu ini dengan lebih baik dan lebih berkesan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ada sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya faham bahawa ada kebimbangan yang menyebut bahawa POTA ini akan digunakan oleh kerajaan khususnya akan digunakan oleh Menteri Dalam Negeri untuk tujuan tertentu terutama yang berkaitan dengan politik. Telah berkali-kali disebut dalam Dewan yang mulia ini bahawa di POCA tidak ada kuasa eksekutif Menteri Dalam Negeri malah kuasa untuk menahan telah diletakkan dan diperuntukkan kepada lima orang individu yang mempunyai kepakaran dan pengalaman sekurang-kurangnya 15 tahun dalam

aspek undang-undang dan ia diletakkan di bawah lembaga penasihat. Saya percaya lembaga penasihat, lima pihak yang dilantik ini tentu mempunyai kredibiliti dan sukar untuk dipengaruhi oleh Menteri bagi melaksanakan tujuan-tujuan tertentu.

Saya harap kita beri keyakinan kepada lembaga ini untuk melaksanakan perkara-perkara penting. Apa yang penting bagi kita ialah kita mesti menjaga keharmonian dan keselamatan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, apa maknanya kita memperjuangkan hak asasi manusia kalau perjuangan kita itu merosakkan masa depan negara dan meletakkan negara ini pada tahap yang bahaya terutama sekali kepada masyarakat dan ia tentunya akan mengganggu gugat dan menjelaskan apa sahaja perancangan yang sedang dan akan kita lakukan dalam negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam.

#### 7.07 mlm.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat kita berada dalam keadaan yang seakan-akan sama semasa kita membahaskan rang undang-undang berhubung dengan ketum tempoh hari. Kita semua setuju masalah keganasan ini adalah satu masalah yang perlu ditangani seperti mana juga dengan rang undang-undang berhubung dengan dadah berbahaya yang melibatkan ketum. Kita pun akui ketum itu bahaya tetapi persoalan yang ditimbulkan ialah adakah melalui rang undang-undang ini ia akan dapat diselesaikan dan ditangani dengan baik dan dengan adil.

Kita menolak keganasan kerana keganasan itu zalim. Ia tidak mengakui hak manusia yang menjadi mangsa kepada keganasan itu. Maka apabila kita ingin mengambil tindakan untuk memerangi ataupun menangani keganasan itu adalah amat pelik sekiranya kita juga bertindak dengan cara yang juga menafikan hak asasi manusia. Seperti mana yang disebut dalam resolusi yang telah diterima oleh pihak UN berhubung dengan masalah keganasan, ia telah menegaskan bahawa *Member States* ataupun Anggota Bangsa-bangsa Bersatu semestinya mengambil tindakan terhadap keganasan ini tetapi mesti juga mengakui dan mempertahankan hak asasi manusia. Malahan disebut bahawa kegagalan untuk melakukan itu akan menyebabkan keganasan itu lebih merebak dan bukan sebaliknya.

Dalam soal ini kita melihat bahawa rang undang-undang yang dicadangkan tidak menjamin bahawa keadilan itu akan terlaksana. Bukan hanya terhadap Ahli Parlimen daripada pihak pembangkang tetapi siapa sahaja yang ditahan di bawah POTA ini tidak akan diberikan satu cara proses pengadilan yang menjamin keadilan dan ini adalah satu perkara yang amat berat bagi kami, bagi kita semua sebagai Ahli Parlimen untuk meluluskannya.

Tadi ada salah seorang Ahli Parlimen daripada *backbencher* dia menggunakan hadis Rasulullah SAW yang berbunyi, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* “*Sesiapa yang melihat berlakunya kemungkaran di kalangan kamu maka hendaklah dia ubah dengan tangannya iaitu dengan kekuasaan*”. Di antara kemungkaran itu ialah membenarkan orang yang tidak bersalah ditahan dengan kita meluluskan undang-undang yang tidak menjamin bahawa keadilan itu akan terlaksana. Jangan kita

hendak cerita panjang. Proses pengadilan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini merupakan satu proses perundangan yang luar daripada pendekatan yang biasa.

■1910

Sekiranya kita yakin bahawa melalui Lembaga Penasihat melalui POTA, proses perundangan yang dikemukakan di dalam POTA ini keadilan boleh terjamin, saya cadangkan kepada Menteri, kita bubarkan semua mahkamah, semua kita guna dengan cara yang mana yang kononnya boleh menjamin keadilan kalau benar ia menjamin keadilan. Akan tetapi kita semua tahu bahawa ia tidak menjamin keadilan dan hujah yang kita gunakan ialah bahawa kepentingan awam mengatasi kepentingan peribadi. Maka tidak apalah kita menzalimi seorang dua, kita masukkan dia dalam tahanan 20 tahunkah, 30 tahunkah tetapi yang penting kita terjamin selamat.

Persoalannya, adakah ia perlu sampai ke tahap begitu? Adakah kita perlu seperti mana dalam kes ketum dulu tu, gunakan pukat tunda, tangkap semua sahaja. Ada saja pokok ketum, tangkap semua. Adakah perlu sampai ke tahap itu? Sedangkan, kita yakin bahawa dengan adanya SOSMA, adanya kuasa untuk menahan seseorang selama 28 hari di mana boleh dilakukan siasatan terhadap dirinya, maka orang-orang yang benar-benar terlibat akan dapat dibuktikan keterlibatan mereka di dalam mahkamah yang terbuka dan adil.

Ya Yang Berhormat Kinabatangan, seminit saja ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Boleh, saya bukan macam Yang Berhormat Shah Alam panjang-panjang, tidak panjang. Sebetulnya apa sebenarnya yang membimbangkan Yang Berhormat Shah Alam ini sehingga mendatangkan keraguan macam seolah-olah hidup Yang Berhormat Shah Alam tiada keyakinan dengan siapa-siapa, tiada langsung?

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey, baik, terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Belum sampai satu minit, baru 20 saat. Yang Berhormat Shah Alam seolah-olah hanya percaya pada diri sendiri. Jadi bagaimana suasana keadaan Yang Berhormat Shah Alam tidak mempunyai keyakinan sedangkan kerajaan yang bertanggungjawab ini, maksudnya Barisan Nasional ini, memberi perlindungan kepada negara dan rakyat termasuk Yang Berhormat Shah Alam dilindungi. Jadi apa sebetulnya kebimbangan Yang Berhormat Shah Alam ini?

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Kalau betullah saya ada kepercayaan hanya pada diri saya, maka saya akan minta supaya saya jadi sebagai Penggerusi Lembaga Penasihat tetapi saya tidak minta begitu. Saya menganggap bahawa... *[Dewan riuh]* Tidak, kalau kata saya hanya percaya pada diri saya sajakan? Hujah Yang Berhormat Kinabatangan itu. Kalau saya hanya percaya pada diri saya, maka saya mintalah saya jadi penggerusi tetapi bukan. Kita bukan soal peribadi, ia soal proses. Inilah yang terkandung dalam ‘exim’ yang utama yang kita semua tahu, *justice must not only be done but must be seen to be done* iaitu keadilan itu bukan sekadar ia terlaksana tetapi wajib untuk ia dilihat terlaksana. Bagaimana kita boleh melihat keadilan itu terlaksana sekiranya tidak ada perbicaraan yang terbuka? Inilah masalahnya. Masalahnya proses penghakiman, penahanan yang terkandung dalam POTA ini tidak menjamin ketelusan. Kita tidak tahu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi Yang Berhormat Shah Alam percaya bahawa...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Kali ini saya tidak beri laluan, cukup dah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Kalau hendak melihat bagaimana proses itu dapat dilihat kesannya, bagilah undang-undang ini, akta ini kita terima untuk diluluskan. Barulah tahu bagaimana pelaksanaannya.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, baik. Kalau kita dah nampak proses itu tidak adil, maka kenapa kita hendak beri melalui proses pelaksanaan? Bila dah jelas bahawa tidak akan ada perbicaraan, ada pembelaan, ada ketelusan dan sebagainya, bagaimana kita boleh luluskan undang-undang yang sezalim itu sedangkan dah ada SOSMA, dah ada POCA? Adakah pihak Barisan Nasional tidak yakin pada polis dan tidak yakin pada hakim? Ini yang merupakan masalahnya. Apabila kita hendak tahanan dilakukan tanpa perbicaraan, *the message dengan izin, that we are presenting to the public* ialah kita tidak percaya pada polis, polis tidak boleh jumpa bukti yang boleh mensabitkan kesalahan. Kita tidak percaya pada mahkamah dan hakim-hakim. Hakim-hakim ini dia tidak akan menghakimi sesuatu kes itu dengan baik dan adil.

Di sini saya hendak masuk dalam satu poin yang cukup penting bagi saya iaitu yang di bawah fasal 10(3)(a). *“Pegawai Siasatan boleh bagi maksud mana-mana siasatan di bawah akta ini mendapatkan dan menerima segala keterangan dalam apa-apa bentuk dan sama ada keterangan itu boleh diterima atau tidak boleh diterima di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa.”* Maksudnya apa? *You can get the information and the confession through any means.* Maknanya boleh diseksa, boleh didera. Semuanya dilakukan oleh pegawai penyiasat. Pegawai penyiasat ini dilantik oleh siapa? Dilantik oleh Menteri. Lembaga Penasihat itu dilantik oleh siapa? Dilantik oleh Agong. Siapa nasihat Agong?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Agong.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Menteri. Pegawai penyiasat dilantik oleh Menteri. *“Pelantikan Pegawai Siasatan. Menteri boleh secara bertulis melantik mana-mana orang mengikut nama atau jawatan...”* Bacalah dulu. Hendak katakan bahawa Menteri tidak terlibat, bohong. *Let us be frank,* cakap terus terang. Ini merupakan undang-undang yang tidak menjamin keadilan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, setuju? Tuan Yang di-Pertua pun setuju dengan saya. Tidak, bukan? Okey.

Maka Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa undang-undang ini tidak perlu dibentangkan sebelum ia dibahas dengan lebih terperinci. Saya minta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang ada pada petang ini untuk tarik balik, bawa bincang dalam PSC. Bawa bincang dulu dan buat satu perbahasan kalau boleh terlebih dahulu sebelum ia dibentangkan dalam bentuk rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini tidak menjamin keadilan. Mana-mana orang yang ditahan tidak akan mendapat keadilan dan itu merupakan satu perkara yang bagi Pakatan Rakyat, kita tidak boleh terima.

Dengan itu, saya mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanah Merah.

#### 7.17 mlm.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015. Walaupun rata-rata rakan-rakan yang bercakap sebelum ini berlatarbelakangkan perundangan, *insya-Allah*, walaupun saya bukan berlatarbelakangkan perundangan, saya akan juga ingin turut memberikan pandangan dan membahaskan rang undang-undang ini.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang membentangkan rang undang-undang ini. Sesungguhnya langkah ini sekali lagi menunjukkan komitmen dan ketegasan Kementerian Dalam Negeri dan kerajaan dalam menjaga keselamatan dan ketenteraman awam serta negara ini.

Dalam keadaan dunia termasuk Malaysia sedang diancam dengan aktiviti keganasan khususnya kumpulan militan Negara Islam atau IS, kewujudan akta ini adalah tepat bagi saya pada masanya. Oleh itu, kita tidak perlu merasa terganggu dengan tanggapan sesetengah pihak termasuklah segelintir pihak pembangkang yang melahirkan kebimbangan tidak bertempat apabila menganggap POTA adalah sebagai salah satu usaha untuk menghidupkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang dimansuhkan.

Jika pihak-pihak berkenaan mengkaji isu kandungan akta baru ini, adalah jelas POTA menggunakan Akta Pencegahan Jenayah sebagai templat, bukan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Matlamat POTA juga jauh berbeza dengan matlamat ISA. Jika ISA yang diwujudkan dalam era pasca darurat dalam menangani elemen subversif dalam negara, POTA diwujudkan dalam era sekarang ini ketika keganasan sering merentasi sempadan.

Pada 4 Mac lalu, Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi menegaskan bahawa POTA digubal untuk menangani ancaman penganas domestik dan dalam masa yang sama penganas asing yang datang ke negara ini. Seperti yang kita ketahui, POTA juga berbeza dengan ISA daripada aspek siapa yang memegang kuasa penahanan, *detention power*. Di bawah ISA, kuasa itu dipegang oleh Menteri Dalam Negeri manakala di bawah POTA, kuasa itu diletakkan hak kepada lima orang yang menganggotai lembaga penasihat.

#### ■1920

Lembaga diketuai oleh seorang individu yang berpengalaman dalam bidang kehakiman sekurang-kurangnya selama 15 tahun manakala anggota lainnya mestilah mempunyai latar belakang perundangan atau anggota polis mahir dalam bidang undang-undang. Dalam bahasa yang mudah, Penggerusi Lembaga Penasihat itu terdiri daripada individu yang berpengalaman dalam bidang kehakiman manakala ahli-ahlinya pula boleh dikira mempunyai kelayakan dalam bidang keselamatan. Di bawah ISA,

seseorang boleh ditahan oleh polis tidak lebih 60 hari dan selepas itu, boleh ditahan selama dua tahun walaupun tempoh tahanan ini boleh dilanjutkan dari semasa ke semasa. Di bawah POTA, kuasa seperti itu tidak wujud lagi kerana kuasa penahanan adalah di tangan lembaga penasihat sahaja. Oleh itu, kita boleh menganggap golongan yang masih melihat POTA boleh menjadi alat politik kepada kerajaan, hakikatnya takut dengan bayang-bayang sendiri.

POTA adalah untuk membanteras kegiatan keganasan, inilah faktanya. Di dalam POTA, tidak ada satu pun perkataan yang menyebut akta ini mengizinkan ia digunakan ke atas mana-mana individu atau kumpulan yang berbeza ideologi politiknya. Malah, kerajaan pun sudah memberi jaminan bahawa POTA akan dilaksanakan dengan penuh hati-hati dan mengikut lunas undang-undang bagi mengelakkan sebarang penganiayaan. Bila dikuatkuasakan nanti, POTA akan mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh ISA sambil melengkapi undang-undang negara yang sedia ada seperti SOSMA dan Kanun Keseksaan yang kedua-duanya hanya boleh digunakan oleh kerajaan selepas satu jenayah dilakukan. Berbeza dengan SOSMA dan Kanun Keseksaan, POTA boleh digunakan sebelum satu tindakan keganasan itu dilakukan. Oleh sebab itulah seperti dikatakan tadi *template* atau asas penggubalan POTA ialah Akta Pencegahan Jenayah. Dakwaan bahawa POTA adalah jiplak ISA atau ISA dikitar semula, tidak berasas sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kepimpinan pasukan keselamatan Polis Diraja Malaysia mahupun Angkatan Tentera Malaysia menyokong penuh kewujudan POTA. Memandangkan undang-undang sedia ada masih belum mencukupi untuk membanteras ancaman militan negara ini terutama sekali tindakan sesetengah pihak yang dikaitkan dengan IS. Seperti mana yang kita ketahui, puak militan IS bukan sahaja mempengaruhi umat Islam di luar negara untuk menyertai perjuangan songsang mereka yang menjadikan istilah jihad sebagai tarikan, malah rakyat negara ini tidak terkecuali. Berikutnya itulah kita dapati lebih 60 orang rakyat negara ini disahkan oleh PDRM menyertai puak militan tersebut. Ada antara mereka bukan sahaja pergi secara individu, malah membawa semua ahli keluarga mereka bersama. Mereka ini ialah ancaman kepada negara dan jika fenomena ini dibiarkan, tidak mustahil ramai lagi rakyat Malaysia yang akan menyertai puak pengganas tersebut.

IS bukanlah pejuang Islam tetapi mereka ialah kelompok yang mencemarkan kesucian agama Islam melalui tindakan tidak bertamadun mereka dalam melancarkan serangan ke atas wilayah-wilayah seperti di Iraq dan Syria. Mereka membunuh orang sesuka hati dan memusnahkan rumah ibadat agama lain sewenang-wenangnya. Ini bukan ajaran Islam. Justeru, dengan wujudnya POTA, ia akan memberikan kuasa yang lebih kukuh lagi kepada pihak berkuasa negara ini untuk menghalang pengaruh IS merebak ke negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan yakin...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Tanah Merah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang bangun.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit, sedikit sahaja. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tanah Merah. Saya rasa Yang Berhormat Tanah Merah, saya tidak pastilah sama ada

Yang Berhormat Tanah Merah baca atau tidak SOSMA ini. Kalau Yang Berhormat Tanah Merah baca SOSMA ini, sebenarnya ada langkah pencegahan boleh dibuat. Ini sebab seksyen 4 SOSMA itu memberikan kuasa kepada pihak polis untuk menangkap dan boleh mendapat tahanan reman sehingga 28 hari. Selepas 28 hari itu, jika mereka hendak lepaskan pun - saya baca ya. "*Jika pegawai polis itu mendapat tahanan lanjut tidak diperlukan, dalam masa yang sama, orang itu boleh dilepaskan tetapi suatu peranti pengawasan elektronik boleh dipasangkan*". Maknanya boleh *monitor* dia, itu satu.

Akan tetapi kalau dia tidak dilepaskan, hendak didakwa, dia tidak boleh dapat jaminan. Maknanya, orang yang dianggap jadi pengganas ini, dia tidak boleh lepas. Dia tidak boleh hendak meneruskan agenda dia. Bermakna, SOSMA ini memberikan ruang untuk penahanan pencegahan juga. Melainkan kita tidak menutup mata, tidak mahu langsung baca SOSMA ini, selepas itu kita cakap, "Oh! SOSMA tidak ada pencegahan". Tunjuk pada saya di mana yang SOSMA tidak ada pencegahan.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Tidak apalah. Apa-apa pun saya serah kepada pihak berkuasalah untuk menjawab. Okey Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan yakin usaha pihak tertentu untuk memburukkan POTA tidak akan berakhir. Malah, apabila tiba masanya, ia mungkin akan dijadikan modal politik. Oleh itu saya ingin mencadangkan agar Kementerian Dalam Negeri melalui kerjasama Polis Diraja Malaysia mengadakan penerangan ke seluruh negara mengenai POTA, ke seluruh lapisan masyarakat. Majlis penerangan itu boleh dimulakan dengan mewujudkan rakaman video yang memaparkan betapa ganasnya kumpulan militan IS. Ia termasuklah bagaimana mereka membunuh tawanan dan melakukan serangan ke atas sebuah wilayah atas nama jihad.

Selain itu, paparkan juga dari sudut agama Islam, apakah benar perjuangan IS yang menggunakan nama Islam selari dengan ajaran agama Islam sebenar. Langkah ini perlu dilakukan memandangkan ramai umat Islam begitu mudah terpengaruh dengan istilah jihad. Mereka hanya melihat jihad itu dari sudut peperangan atau mengangkat senjata sahaja sedangkan jihad itu merangkumi banyak aspek lain. Istilah jihad inilah yang menyebabkan ramai rakyat negara kita bersedia berangkat ke Syria untuk menggadai nyawa untuk berjuang bersama dalam IS.

Majlis penerangan ini juga perlu diadakan di sekolah-sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi supaya golongan muda akan memahami apa itu POTA, kenapa ia diwujudkan dan bagaimana seriusnya ancaman keganasan yang cuba dicetuskan oleh puak-puak militan termasuklah IS. Langkah mengadakan majlis penerangan ini juga akan mampu mengelakkan rakyat terpengaruh dengan sebarang diayah yang mengaitkan kewujudan POTA mempunyai kaitan dengan politik.

Menyentuh perkara itu, saya bersetuju dengan pandangan supaya satu jawatankuasa khas melibatkan pelbagai agensi kerajaan berkaitan dan institusi pengajian tinggi ditubuhkan segera bagi menjalankan inisiatif bersepada dalam menangani ancaman propaganda dan ideologi kumpulan militan IS. Kerjasama sepada ini jika dilibatkan bersama Jabatan Agama, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam dan pelbagai institusi pengajian tinggi akan memudahkan kajian mendalam serta usaha menangani tarikan kumpulan militan ini terutama melalui media sosial. Setakat ini apa yang kita saksikan, tiada usaha bersepada dilakukan, sebaliknya semua agensi bergerak secara berasingan

ataupun persendirian. Oleh itu, bagi memastikan penerangan mengenai IS dan POTA memberi kesan, adalah lebih baik jawatankuasa itu ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini juga, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri, untuk mewujudkan kembali Jabatan Petugas Khas (Operasi dan Anti Pengganas) yang pernah ditubuhkan pada 1 Mac 2009 tetapi dibubarkan selepas lima tahun beroperasi iaitu pada 1 Februari 2014. Jabatan ini diwujudkan dahulu bagi mempertingkatkan kemahiran dan menyusun strategi dalam memerangi serta membendung ancaman keganasan, jenayah terancang, jenayah bersindiket dan penggubahan wang haram serta bertanggungjawab dalam menangani ancaman militan dan pengganas sama ada dari dalam ataupun luar negara.

Sepanjang kewujudannya, PDRM berjaya mengesan dan menangani ancaman kumpulan militan tempatan dan antarabangsa termasuklah Kumpulan Mujahidin Malaysia, Jemaah Islamiah, al-Qaeda dan Barisan Pembelaan Tamil Eelam. Akan tetapi kini jabatan ini hanya tinggal nama. Fungsinya sudah dibahagi kepada Cawangan Khas dan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial sedangkan dalam sejarah PDRM, belum pernah berlaku jabatan dibubarkan, dijadikan divisyen atau bahagian yang kecil.

Saya diberitahu, ramai yang menganggap tindakan pembubaran itu merupakan langkah ke belakang, seolah-olah PDRM masuk *gear reverse*, dengan izin sedangkan seluruh dunia ada Jabatan Anti Keganasan. Oleh itu, saya mencadangkan kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri, menghidupkan kembali Jabatan Anti Keganasan di bawah PDRM. Ini memandangkan dengan ancaman keganasan yang semakin meningkat, adalah wajar jabatan seumpama ini diwujudkan kembali.

Apakah lagi saya difahamkan ketika ini, divisyen ataupun bahagian yang bertanggungjawab soal menangani ancaman keganasan, hanya mempunyai 120 sahaja pegawai dan anggota berbanding 300 hingga 400 di divisyen yang lain. Jadi 120 pegawai dan anggota itulah yang bertanggungjawab menangani semua perkara berkaitan keganasan di seluruh dunia. Jadi saya rasa Yang Berhormat Menteri, tidak cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila gulung.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Baiklah. Oleh itu, dengan kewujudan POTA adalah wajar jika jabatan yang dibubarkan tersebut dihidupkan semula. Saya percaya dan yakin, kewujudan jabatan ini akan beri banyak manfaat dalam usaha kerajaan melalui kejayaan menangani ancaman keganasan.

#### ■1930

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita ketahui internet juga kini menjadi alat terbaru kepada puak militan seperti IS. Menyebarluaskan propaganda mereka, malah kita juga sudah menyaksikan bagaimana ramai rakyat negara ini terpengaruh dengan IS disebabkan membaca propaganda kumpulan dalam blog-blog tertentu. Oleh itu pada kesempatan ini, saya ingin mencadangkan agar Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia akan lebih proaktif memantau blog-blog tersebut dan blog-blog yang dikesan menyebarkan diayah puak militan mestilah segera *diblock*. Bukan mengambil masa terlalu lama untuk melakukan siasatan.

Oleh itu saya ingin mencadangkan undang-undang atau Akta SKMM 1998 dikaji semula. Jika masalah sumber manusia dan aset menjadi halangan, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia menambah peruntukan kepada SKMM bagi tujuan tersebut. Kita tidak mahu SKMM dilihat lambat atau lembap untuk bertindak sehingga ia membuka ruang kepada puak-puak pengganas mengambil kesempatan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali dalam menggulung perbahasan ini untuk menyatakan usahlah mana-mana pihak merasa bimbang atau takut dengan kewujudan POTA. Sebaliknya berilah sokongan kerana POTA bukanlah alat politik kepada kerajaan. POTA adalah akta yang berteraskan usaha untuk melakukan, untuk mengelak sesuatu berlaku kepada negara. Jika sesuatu keganasan sudah berlaku, baru kerajaan mahu bertindak. Ketika itu, semuanya sudah terlambat kerana sebaik sahaja terjadinya elemen keganasan, pasti ramai dalam kalangan rakyat menjadi korban. Ingatlah, POTA bukanlah agenda politik. Ia bukanlah senjata politik tetapi POTA adalah agenda untuk menjaga keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat. Tanah Merah, Tuan Yang di-Pertua, menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Siput.

### 7.32 ptg.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa dalam perbincangan rang undang-undang ini, ada dua perkara. Satu, kita tengok dalam perlombagaan kita, Perkara 149 yang menyatakan Parlimen ini boleh sekat hak asasi di bawah Perkara 5, Perkara 9, jika perlu untuk pelihara keamanan dalam negara. Isu pertama adalah adakah kita sampai ke tahap itu di mana kita perlu sekat lagi hak asasi rakyat kita untuk tujuan memelihara sesuatu isu? Kedua, jika perlu, kita perlu akta ini kerana kita mahu satu akta pencegahan. Apakah caranya kita boleh pelihara juga, kita sekat hak asasi ke tahap yang minimum, *as far as possible* dan kita juga wujudkan *check and balance* untuk pelihara hak asasi rakyat.

Saya khuatir, dengan seksyen 31 dan 41 yang beri kuasa yang begitu luas kepada pegawai polis. Di mana di bawah seksyen 41, majistret terpaksa beri 21 hari, hanya jika ada kenyataan daripada polis. Ini bukan laporan. Ini hanya kenyataan yang menyatakan polis ada *grounds*, ada sebab untuk sangka orang itu ada terlibat. Ini jauh beza daripada seksyen 117 dalam CPC, di mana bila polis minta reman, majistret boleh soal, mana *you* punya *investigation paper*. Apa *you* telah buat sampai sekarang. Dia boleh bincang balik. Akan tetapi dalam akta ini, 41, *it is straight forward*. Jika ada kenyataan mengatakan saya sangka, kena bagi 21 hari. Tidak boleh bagi kurang daripada itu.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *[Bangun]*

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Ini harus dibaca bersama dengan seksyen 33 dalam akta yang sama yang mengatakan tindakan sesiapa pegawai polis tidak boleh disoal dalam mahkamah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor bangun.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Sedikit Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sungai Siput, di mana di bawah seksyen 41. Apa yang dinyatakan ialah majistret terpaksa mengeluarkan perintah sekiranya satu *statement* diberi. Dan seksyen itu menggunakan pakai seperti yang di hujah oleh Yang Berhormat Puchong tadi perkataan ‘*shall*’. Jadi, majistret ‘*shall/must without inquiring into the content, must*’ secara mandatori. Adakah itu boleh dipulihkan dengan menggantikan *the word ‘shall’* dengan ‘*may*’ yang akan memberi budi bicara kepada majistret untuk meneliti kandungan *order* tersebut. Sekiranya perlu, menolak permohonan untuk mengisuekan perintah reman tersebut. Apa pandangan Yang Berhormat Sungai Siput?

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Saya rasa itu satu cara untuk menyekat kuasa polis tetapi saya *leave that to the Minister to reply*. Saya rasa apa saya hendak bawa ialah seksyen 32, di mana ia mengatakan, *any public servant* tidak perlu *disclosed the facts*, jika dia *consider* itu *to be against public interest*, dengan izin. *To disclosed or produce the facts. To compromise the witnesses.* Jadi ertinya, katakan seorang ditahan oleh polis, di reman selama 21 hari, selepas itu lagi 38 hari. Hampir dua bulan.

Selepas itu, katakan tidak ada apa-apa yang berlaku, tidak ada fakta, tidak ada bukti, orang itu rasa dia dianiaya. Kuasa ini dipakai untuk ajar dia, untuk hukum dia oleh pihak polis dan dia hendak bawa ini ke mahkamah. Seksyen 32 itu halang dia daripada buat sebeginu kerana pegawai itu boleh katakan— dikatakan di sini, *public servants to disclose facts or to produced documents which he considers*. Jika pegawai polis itu rasa fakta ini jika saya beritahu di mahkamah, akan kompromi keselamatan negara, dia boleh katakan saya tidak boleh jawab itu dan mahkamah terpaksa terima itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, rakan sebelah, Yang Berhormat Penampang. Ya, sila.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Berkaitan dengan seksyen yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Siput. Sekarang ini di Sabah dan Sarawak, ramai bertanya berkenaan dengan keadaan Sabah dan Sarawak dalam Persekutuan ini. Ada *movement* yang dikenali sebagai SSKM ataupun golongan orang yang tidak semestinya menyokong SSKM tetapi menyoal keadaan Sabah dalam Persekutuan. Dari itu, adakah kemungkinan *expression* mereka, dengan izin, ini adalah yang sudah di *guarantee* dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu *freedom of expression and freedom of association*.

Saya baca dalam seksyen 4, *clause 3*, di mana ia kata, ‘*tiada seorang pun boleh ditangkap dan ditahan di bawah seksyen ini semata-mata atas kepercayaan politiknya atau aktiviti politiknya*’. Setujukah Yang Berhormat Sungai Siput bahawa kita mesti mendapat satu pengesahan daripada Menteri bahawa orang yang ingin *exercise* hak mereka untuk memberi pandangan berkenaan dengan kedudukan Sabah dan Sarawak, tidak akan dilabel sebagai *terrorist* ataupun tidak dilabel sebagai kumpulan yang ada aktiviti yang bercanggah dengan rang undang-undang ini? Terima kasih.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Penampang. Saya ingat daripada akta ini, ini hanya fokus kepada orang yang ada penglibatan dengan *terrorist* di luar negara. Saya ingat ini tidak ada kena mengena dengan ini. Akan tetapi apa yang ramai khuatir ialah ini

akan disalahgunakan. Inilah masalahnya. Contohnya, dua minggu lepas, 25 orang telah ditangkap di Pejabat Kastam di Kelana Jaya. Mereka pergi untuk *complaint* berkenaan GST dan kena tangkap.

So, 25 orang ditahan satu malam dan pagi esoknya— saya pun ditangkaplah. Kami dibawa di depan majistret di mana polis minta reman tiga hari. Kita cuba beritahu kepada majistret, mereka sudah buat semua siasatan mereka. Mereka sudah ambil *statement*, sudah ambil gambar, sudah ambil cap jari semua. Semua sudah buat. Akan tetapi polis cakap kita perlu lagi tiga hari.

So, majistret bagi dua hari. Dalam dua hari itu, kita duduk situ, langsung tidak ada apa-apa soalan yang dituju kepada kita. *We were kept in for two days*, duduk dalam sel sahaja, makan makanan kerajaan, cakap dengan banduan yang lain tetapi tidak ada *investigation*. So, pada saya ini *experience* saya sendiri. Saya sudah *explain* macam itu, di mana saya ditahan dua hari oleh polis, *not for investigation*.

#### ■1940

So 117 ini beri kuasa kepada polis untuk menjalankan siasatan. Jika saya buat salah, tolong siasat saya, bawa saya ke mahkamah dan bawa saya, *no problem*. Akan tetapi selepas siasat saya, *you* tahan saya dua hari di situ, saya rasa itu untuk ajar saya. Untuk ajar 25 orang itu, “*Oh! You aktivis, ingat you beranikah? Okey, duduk dua hari. I show you*”. Ini yang salah. Saya takut 4(1) ini boleh dipakai, “*I tak suka you, I kata okey you terrorist. I rasa I ada sebab. Saya syak you terrorist, I simpan you dalam tiga minggu. You tak boleh jawab.*”

Selepas saya keluar daripada itu, lepas saya balik, cakap saya bukan. Apa bukti? “*Saya tak boleh bagi tahu bukti, ini semua keselamatan negara.*” So ini saya rasa ada satu yang kita mungkin perlu halusi, mungkin dalam seksyen 32, kita boleh nyatakan, masukkan, “*That any public servant discloses in and open court, the facts.*” So kita boleh buat di kamera, kita boleh *close* hanya depan majistret ataupun depan hakim.

So inilah saya ingat cara-cara kita boleh menghalusi, mewujudkan *check and balance on system*. Jika katakan undang-undang ini perlu, bolehkah kita bawa satu seksyen, satu klausa, *sub clause* dalam 32 untuk membolehkan orang yang ditahan macam ini, disalah guna untuk dia timbul balik di mahkamah *and we make sure it is also a close court* di mana dia tak boleh bagi tahu orang awam. So saya rasa inilah sebabnya undang-undang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Siput, sila gulung.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey. Undang-undang sepenting ini lebih baik dibincangkan bersama dengan pembangkang sebelum dibawa ke Parlimen. Itulah sebabnya saya ingin mengesyorkan ini dihantar kepada satu *select committee* sebelum dihalusi.

Satu lagi saya nak gulung, yang *last* sekali ialah berkenaan dengan lembaga. Lembaga ini ada kuasa yang begitu kuat kerana keputusannya adalah mutlak, tidak boleh dicabar di mana-mana dan dia boleh lagi membaharui, *the two years expend* berulang-ulang kali. Bolehkah kita nampak komposisi lembaga ini dan apakah salahnya kita menyatakan dalam akta ini seorang daripada lima orang itu harus

dipilih daripada bekas *Commissioner SUHAKAM* ataupun bekas Presiden *Bar Council*. Selain daripada yang lain, satu daripada lima orang ini kita bawa supaya ada *check and balance* dalam lembaga ini juga.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kapar bangun. Lepas Yang Berhormat Kapar bangun, Yang Berhormat Sungai Siput gulung ya. Ya, sila Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Bercakap tentang Lembaga Pencegah Keganasan, saya ingin tekankan di sini walaupun minimum lima orang, hanya orang yang pertama sahaja atau pengerusi sahaja sekurang-kurangnya 15 tahun dalam bidang undang-undang. Itu pun tak didefinisikan dia sebagai seorang hakim, seorang peguam dan sebagainya. *Just 15 tahun dalam bidang undang-undang, pengalaman. So it's quite rare.* Itu yang pertama.

Tadi saya sempat dengar dari luar tadi, Yang Berhormat Lenggong kata kelima-lima ada pengalaman 15 tahun. Sebenarnya tidak. Timbalan dan tiga lagi wakil itu tidak dikategorikan perlu ada bidang undang-undang dan sebagainya. Itu persoalan yang pertama. Kedua dengan izin Tuan Yang di-Pertua, seksyen 19, kajian semula kehakiman, diletakkan di bawah itu, *"Kecuali mengenai apa-apa persoalan tentang pematuhan apa-apa kehendak tatacara". The issue is tatacara.*

Apa yang menarik, 86 ialah tertakluk kepada Akta ini, *"Lembaga hendaklah menentukan tatacaranya sendiri"*. So, dekat sini saya nampak macam *contradicting*. Apa yang kita boleh buat kajian semula kehakiman adalah tatacara, tetapi tatacara itu diberi kuasa penuh kepada Lembaga Pencegah Keganasan. So, saya nampak macam ada sesuatu yang tidak kena-mengena. Penjelasan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang juga bangun.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Hendak betul sikit fakta. Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya dengar Yang Berhormat kata bila Lembaga Keganasan ini sudah buat keputusan, sudah tak boleh, *the end*. Akan tetapi sebenarnya kita kena ingat bahawa orang yang dituduh ini masih ada hak lagi di bawah perkara 151 Perlembagaan Persekutuan. Bila Lembaga Keganasan dapat dia bersalah, dia boleh merayu kepada lembaga penasihat di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ini hak dia yang dijamin di bawah 151.

Bila dia merayu di bawah lembaga penasihat, dia boleh bawa peguam juga pada masa itu. Jadi bermakna ruangan untuk dia dapat pembelaan itu masih lagi terbuka. Di sini saya hendak rakamkan tahniah kepada Yang Berhormatlah, Yang Berhormat Sungai Siput ini Tuan Yang di-Pertua, dia *very gentleman*. Dia dulu dia tak puas hati dengan SU Negeri Perak kerana peruntukan Ahli Parlimen tidak diberi kepada Ahli Parlimen Sungai Siput, dia gunakan hak dia sebagai Ahli Parlimen, dia saman SU tetapi kita tengok hakim telah membuat keputusan bahawa itu hak kerajaan, maka tidak ada ... power. Jadi sebagai contohlah, Yang Berhormat betul-betul ikut peraturan kalau tak puas hati, bukan pergi

demonstrasi tepi jalan. Pergi ikut undang-undang seperti mana Yang Berhormat telah buat. Tahniahlah kepada Yang Berhormat.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Okey, saya rasa ada beza. Lembaga penasihat ini macam *pardon*, ini kepada Agong. Jika kita tengok sini, kita tak boleh bawa keputusan lembaga di depan mahkamah, itu lain. Dia punya peringkat lain, *you know*.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak beritahu pengalaman saya waktu saya menjaga KDN. Ada beberapa kes yang kita tahan, kemudian orang dituduh ini dia bawa kepada lembaga penasihat dan akhirnya lembaga penasihat bebaskan dia. Ini kerana di depan lembaga penasihat, dia boleh bawa peguam. Bermakna memang boleh. Kalau dia rayu kepada lembaga penasihat, lembaga penasihat dapat masih lagi bersalah, dia sambung di tahanan, baru dia boleh *apply for habeas corpus*. Bermakna ada langkah-langkah dia untuk dia mendapatkan hak dia sebagai rakyat yang diberi jamin di bawah Perlembagaan.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey. Saya hendak teruskan dengan *last point*. Ini berkenaan dengan lembaga kerana lembaga ini ada kuasa yang begitu besar, begitu luas di mana dia hanya dengar daripada *inquiry officer* dan dia buat keputusan. Saya rasa kita kenakan syarat-syarat klausa yang baru yang mana kita kena masukkan untuk mengenakan Lembaga supaya kena soal orang yang dituduh. Masa ini, orang yang dituduh itu hanya disoal siasat oleh *inquiry officer*. Lepas itu *inquiry officer* datang ke lembaga, bagi laporan dia dan lembaga buat keputusan hanya atas laporan tanpa jumpa, tanpa bercakap, tanpa soal siasat secara *direct*. So mungkin kita kena masukkan itu supaya mereka boleh dapat satu idea yang lebih lengkap sebelum mereka buat keputusan dan juga kita boleh juga masukkan klausa di mana mereka ada kuasa untuk juga soal siasat saksi-saksi jika mereka mahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey. Jadi saya rasa, saya haraplah selepas ini kita boleh rujuk kepada *select committee* di mana kita boleh tengok apakah caranya kita boleh memelihara hak asasi orang yang dituduh. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

#### 7.48 mlm.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Dalam Negeri dan agensi-agensi serta PDRM ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada 18 orang Ahli-ahli Parlimen yang telah melontarkan beberapa pandangan untuk membahaskan Akta Pencegahan Keganasan ini. Saya merasakan beberapa pencelahan yang telah dilakukan adalah merupakan pencelahan-pencelahan yang turut memberi input kepada perbahasan ini.

Saya beranggapan bahawa kelapan belas Ahli-ahli Parlimen yang telah memberikan pandangan di mana pihak KDN telah mencatat setiap aspek yang telah diutarakan itu untuk kami jadikan sebagai catatan dan panduan bagi langkah-langkah yang akan kita lakukan, bukan sahaja di dalam beberapa pindaan yang akan dibuat apabila tiba masanya kelak tetapi juga langkah-langkah pencegahan, pelaksanaan kepada proses pemulihan dan beberapa langkah lanjut yang akan kita lakukan.

#### ■1950

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang pencegahan ini merupakan satu igauan ngeri kepada beberapa pihak yang mungkin menganggap bahawa kononnya perjuangan hak asasi manusia telah dilenyapkan secara semberono, walaupun ia sebenarnya telah diiktiraf sebagai satu doktrin, kedaulatan undang-undang dan telah diterima oleh mahkamah sebagai undang-undang istimewa. Saya ingin mengutarakan suatu surat yang telah dihantar kepada saya oleh pemangku Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) yang menyebutkan antara lain bahawa suruhanjaya amat prihatin terhadap keputusan kerajaan untuk memastikan Malaysia bebas daripada sebarang bentuk aktiviti keganasan dan ancaman pengganas.

Sehubungan dengan itu suruhanjaya sentiasa menyokong inisiatif dan usaha kerajaan untuk memerangi keganasan dan ekstremisme sama ada ancaman dari dalam atau luar negara. Suruhanjaya melihat penggubalan Undang-undang Anti Keganasan ini merupakan satu langkah kerajaan bagi mencapai matlamat tersebut. Saya ingin sebutkan juga bahawa hak asasi sebagai sebuah badan yang menjaga hak asasi manusia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia berharap bahawa penggubalan undang-undang tersebut mengambil kira dan mematuhi prinsip hak asasi manusia yang pastinya menjadi undang-undang ini lebih berkesan dan mencapai tujuan akta berkenaan.

Suruhanjaya juga ingin mengulangi pendirian kami bahawa sebarang langkah baharu hendaklah disertakan dengan perlindungan yang sesuai terhadap hak asasi manusia. Itu kandungan para kedua surat daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia kepada saya selaku Menteri yang bertanggungjawab dalam soal keselamatan dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang di Dewan yang mulia ini untuk menyebutkan bahawa semalam, malam tadi bahawa penangkapan dan penahanan telah dilakukan oleh pihak PDRM, Bahagian E8, Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia terhadap 17 orang yang masuk di dalam senarai syak atau dengan izin *suspect list* yang berumur antara 14 tahun hingga 44 tahun. Di mana mereka ini terlibat, merancang melakukan penculikan kepada beberapa individu yang berprofil tinggi dan mereka merancang untuk menyerang balai polis dan kem tentera bagi memperoleh senjata.

Mereka juga merancang membuat bom kerana terdapat nota yang mendetaikan, memperincikan proses pembuatan bom yang diperoleh daripada Imam Samudera dari Indonesia. Mereka yang ditahan ini juga adalah merupakan bekas KMM atau Kumpulan Mujahidin Malaysia, bekas tahanan ISA dan ada di kalangan mereka yang pernah menjalani latihan ketenteraan di Afghanistan dan Sulawesi. Pernah terlibat dalam cubaan merompak senjata api dari Balai Polis Guar Chempedak, Kedah pada tahun 2001 dan mereka ini ada yang didapati baru kembali dari Syria selepas menyertai IS. Mereka juga yang ditahan ini dua orang daripadanya terdiri daripada anggota tentera, seorang pengamal keselamatan, dua

orang pelajar dan beberapa individu lain termasuk dua orang yang pekerjaannya adalah sebagai juru wayar atau *wireman*.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menyatakan perkara ini bahawa ancaman ini adalah ancaman yang benar dan langkah-langkah pencegahan harus dilakukan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Timur]:** Ya, penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya ingin menyebutkan, saya akan beri peluang nanti. Saya ingin menyebutkan di Dewan yang mulia ini, bahawa 18 orang yang telah melontarkan beberapa pandangan sama ada dari sudut perundangan, sudut keselamatan dan sebagainya, saya dapati ia mencakupi kepada beberapa aspek yang pada hemat saya, pandangan-pandangan, bantahan ataupun rungutan serta tentangan setengah daripada kalangan kita kerana terdapat kekeliruan terhadap lapan aspek. Saya tidak berhajat untuk menjawab satu persatu persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen tetapi saya ingin menjawab secara holistik di mana ianya meliputi pada lapan elemen.

- (i) bahawa undang-undang ini dianggap bersikap zalim, atau *draconian* kerana membenarkan tahanan tanpa bicara;
- (ii) dianggap seolah-olah menafikan hak-hak asasi manusia;
- (iii) tangkapan yang dibuat dituduh berdasarkan kepada risikan dan keterangan dengar cakap atau *hearsay* kerana didapati tidak lengkap mengikut sistem perundangan;
- (iv) terdapat tuduhan bahawa orang yang dalam tahanan itu didera;
- (v) ada yang mengatakan bahawa polis telah melakukan siasatan berat sebelah;
- (vi) kononnya semasa dalam tahanan polis pihak keluarga tidak boleh berjumpa dan tahanan tidak diberikan hak sebagai individu yang sepatutnya mendapat layanan hak asasi manusia;
- (vii) terdapat tuduhan bahawa kuasa tangkapan yang ada pada pihak polis adalah terlampau luas; dan
- (viii) Akhirnya terdapat tanggapan bahawa lembaga pencegahan keganasan tidak telus, tidak tulus dan mempunyai kuasa yang terlampau luas.

Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap bahawa persepsi yang telah diberikan tadi terutamanya terhadap undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pagi tadi adalah disebabkan sebahagian daripada kita gagal membezakan penggunaan dan pelaksanaan undang-undang. Pencegahan ini adalah merupakan undang-undang yang berbentuk *preventive* dan undang-undang ini tentunya bukan undang-undang punitif saja di mana elemen-elemen pemulihan diberikan keutamaan.

Saya ingin menyebutkan bahawa kerana rang undang-undang ini adalah merupakan undang-undang pencegahan, di mana mencegah sebelum sesuatu perkara itu berlaku, maka undang-undang ini adalah merupakan undang-undang untuk kita berusaha bagi menyekat daripada peristiwa-peristiwa itu daripada berlaku baru tindakan diambil. Jadi saya sengaja dalam mukadimah saya menyebutkan bahawa 17 tadi ditahan dan pada hari ini ada lagi yang akan ditahan dan saya telah memberikan kuasa

kepada pihak Ketua Polis Negara untuk melakukan sidang akhbar dan melakukan *press release* terhadap tahanan-tahanan berkenaan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Timur]:** Penjelasan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Bagi saya peluang untuk buat mukadimah dulu dan / will dengan izin, *I will allow everybody to interrupt or intercept for that matter* dengan izin.

## ■2000

Tuan Yang di-Pertua, perbezaan kedua-dua undang-undang ini boleh dilihat dari segi pelaksanaan hukumannya di mana kita tahu bahawa ada yang mempertikaikan tentang adakah undang-undang SOSMA tidak mencukupi? Adakah Akta POCA dan undang-undang yang lain seperti CPC tidak mencukupi. Dahulu ada di kalangan kita di sana bila undang-undang SOSMA ini dibentangkan mereka juga tidak bersetuju dan menentang undang-undang berkenaan.

Apabila kita dan saya sendiri membentangkan Akta POCA, di sana juga tidak bersetuju terhadap undang-undang berkenaan. Dalam keadaan ini kita lihat jika Akta POCA itu dianggap *draconian*, zalim, menganiayai dan pelbagai tuduhan yang lain, Yang Berhormat mungkin telah memperoleh laporan tahunan Lembaga POCA ini di mana dahulu amat dikhuatiri ia akan menyalimi dan mengetepikan hak asasi manusia dan sebagainya.

Jelas daripada laporan ini menyebutkan bahawa daripada 207 orang yang telah didaftarkan oleh PDI ataupun pihak IO atau pegawai *inquiry* dan diterima oleh lembaga pencegahan jenayah mendapat bahawa – saya ulangi, daripada 207 orang, 170 orang didapati positif. Manakala 37 orang didapati negatif. Ertinya, mereka dilepaskan daripada sebarang tindakan oleh Lembaga POCA.

Saya juga ingin menyebut daripada enam orang yang telah dibawa kepada lembaga penasihat di Jabatan Perdana Menteri, lima orang telah dilepaskan dan ketika itu peguam-pegawai telah mewakili orang-orang yang ditahan itu. Ertinya, undang-undang ini telah melakukan keadilan walaupun secara formalnya tidak dibawa ke mahkamah. Dalam perkara ini saya sebagai Menteri Dalam Negeri tidak pernah campur di dalam soal pelaksanaan kepada melaksanakan tahanan berkenaan kerana daripada tahanan yang dibuat di bawah ISA dahulu yang telah kini ditiadakan, daripada 10,873 tahanan ISA mengikut rekodnya 90% telah berjaya dipulihkan. Ertinya, undang-undang pencegahan ini melakukan keutamaan ketika dalam tahanan untuk melakukan pemulihan.

Saya ingin menyebutkan walaupun kes ini masih dalam mahkamah. Tahanan seperti Yazid Sufaat yang kini dalam tahanan dan sedang dibicarakan dalam kes SOSMA. Dahulu beliau ditahan di bawah ISA. Apabila ISA tidak ada beliau ditahan di bawah SOSMA dan sekarang ini dilakukan pertuduhan. Saya dapati daripada laporan pihak Jabatan Penjara dan PDRM serta badan pemulihan mendapati ketika beliau dalam tahanan beliau telah mempengaruhi tahanan-tahanan lain untuk menjadi pengikut kepada beliau dan beliau mahu membawa pengikut-pengikut demikian sebagai orang yang terlibat dalam *militancy, radicalism* dan *extremism*.

Di Dewan yang mulia ini saya ingin juga menyebut bahawa beliau telah juga mempengaruhi tujuh orang warden. Ertinya pegawai dan kakitangan penjara yang menyelia dan menjaga beliau untuk menjadi pengikut. Kami hidu tindakan beliau itu hingga kami terpaksa mengasingkan pegawai warden berkenaan dan terpaksa dilakukan pemulihan. Ertinya, langkah-langkah yang kita lakukan bukan hanya sekadar menggunakan tahanan tetapi yang penting harus dilihat tujuan tersiratnya adalah bagi melakukan pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan bahawa salah tanggapan dan perbezaan di kalangan kita jangan hanya dilihat daripada aspek perundangan sahaja. Lihatlah daripada segi aspek pencegahan supaya apabila ditahan pemulihan dapat dilakukan. Ini kerana pemulihan dengan izin *is not about believe, is not only about ideology. It is about cult* atau ketaksuhan. Apabila seseorang itu taksub amat sukar untuk dipulihkan.

Lihat Yazid Sufaat yang begitu lama dan setakat ini masih belum dipulihkan. Saya tidak mahu menyebut beberapa nama yang lain tetapi lihatlah mereka yang telah terlibat dalam KMM, JI dan beberapa pertubuhan yang lain disebut oleh Yang Berhormat Temerloh tadi umpamanya, kita jangan terjebak daripada menggunakan istilah-istilah yang disebut oleh pihak Barat. Umpamanya al-Qaeda, Jemaah Islamiah, *Islamic State*, Daulah Islamiah, istilah-istilah yang lain, Boko Haram, Taliban, Mujahidin dan sebagainya. Ini bukan istilah barat, ini istilah yang digunakan oleh mereka dan kita tidak ikut acuan barat.

Kita lihat pasukan-pasukan ini atau kumpulan-kumpulan ini adalah wujud sebenarnya di sini. Adakah salah KDN atau PDRM atau agensi-agensi penguatkuasaan yang lain melakukan unsur-unsur pencegahan bukan untuk kerajaan, untuk rakyat Malaysia keseluruhannya. Pada hemat saya, undang-undang ini patut mendapat dukungan daripada semua walaupun ada cadangan-cadangan supaya dapat dibawa dalam perbincangan dan sebagainya. Saya fikir itu adalah daripada segi aspek perundangan tetapi roh dengan izin atau *spirit* pada undang-undang ini hendaklah diberikan penghayatan sepenuhnya.

Kita lihat juga bahawa apa yang kita pentingkan ialah soal lembaga pencegahan keganasan ini di mana Kabinet telah memutuskan bahawa ia agak berbeza dengan Lembaga Pencegahan Jenayah dahulu di mana lembaga pencegahan jenayah ahli-ahlinya terdiri daripada ahli-ahli lembaga yang sepenuh masa. Akan tetapi ahli pencegahan kepada keganasan ini seorang hakim yang mempunyai pengalaman 15 tahun dan masih bertugas. Timbalan pengurus dan lain-lain ahli walaupun dengan izin, *silent* dan tidak disebut siapakah orang yang akan dilantik tetapi *by convention* dengan izin, mereka akan terdiri daripada pengamal undang-undang atau yang mempunyai latar belakang perundangan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya akan jelaskan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sedikit sahaja.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya akan jelaskan kemudian. Jadi dalam perkara ini saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa apa yang dilakukan oleh kita adalah merupakan sesuatu yang harus diterima pakai oleh semua bahawa ianya ialah tentang pencegahan dengan izin, *prevention is better than cure*.

Jadi, dalam keadaan ini saya sedar bahawa beberapa pindaan mungkin perlu dilakukan dan soal-soal teknikal perundangan harus diberikan dengan izin, *due consideration* oleh pihak peguam negara dan KDN serta PDRM. Kita sedar itu. Kita harap apabila tiba masanya nanti kita boleh lakukan pindaan-pindaan berkenaan. Buat masa ini saya harap Ahli-ahli Dewan yang mulia dapat menerima kuota ini sebagai undang-undang untuk mengawal dan menjaga keselamatan kita semua. Saya jemput Yang Berhormat Ipoh Barat yang bangun awal.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri telah membongkar bahawa semalam 17 orang telah ditangkap akibat terlibat dengan *terrorism*. Ini nampaknya ada undang-undang yang sedia ada di mana kerajaan boleh mengambil tindakan terhadap orang-orang yang terlibat dalam kes-kes *terrorism*. Maka kenapa kah kita perlukan lagi satu undang-undang yang tertentu untuk perkara yang sama jika kita sudah ada undang-undang untuk *facilitate* dan kita ada *Special Branch, the best in the world*. Di mana mereka tahu apa yang kita akan buat hari ini, esok dan lusa oleh pembangkang, semua dia tahu.

Jadi, semestinya ini semua diberitahu oleh PDRM maka tindakan seperti yang diambil semalam bukan sesuatu luar biasa tetapi kita ada undang-undang yang tertentu. Maka, pada pandangan saya jika sedemikian Yang Berhormat Menteri sendiri mengaku bahawa ada undang-undang yang tertentu maka kenapa kita perlukan satu undang-undang yang sangat luas untuk mengatasi masalah yang tidak ada?

■2010

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Yang Berhormat Ipoh Barat, terima kasih banyak. Memang benar bahawa undang-undang yang sedia ada boleh melakukan penahanan. Akan tetapi, kita mahu memperkuatkan lagi undang-undang yang sedia ada terutamanya daripada segi pencegahan.

Saya ingin juga menyebut, Yang Berhormat Ipoh Barat dan rakan-rakan pembangkang yang lain, jangan khuatir ada penahanan akan dilakukan oleh pihak polis kepada individu seperti Yang Berhormat Ipoh Barat risaukan kecuali mana yang bersimpati dengan penganas. Akan tetapi kalau kita tidak bersimpati dengan mereka, jangan khuatir. Perkara ini walaupun kita dapat bahawa undang-undang yang sedia ada telah melakukan penangkapan dan penahanan tetapi saya fikir undang-undang preventif yang akan kita undi sebentar lagi, saya harap Ahli-ahli Parlimen...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Puchong dan Yang Berhormat Sepang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** ...Terutama sekali Ahli-ahli Parlimen pembangkang untuk meluluskan undang-undang ini, bagi saya apa yang dijalankan adalah sesuatu yang baik untuk kita semua. Sila Yang Berhormat Sepang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, sebenarnya saya betul-betul keliru dengan

Menteri ini sebab Menteri nampaknya tidak begitu memahami mungkin hujah-hujah kami. [Dewan riuh] Okey, sudah puas hati? Okey, relaks. Menteri pun relaks sahaja, relakslah. [Ketawa]

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Sepang masuk bakul.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, saya keliru. [Disampuk] Ini belum bagi kuasa sudah tangkap orang dah. Soalan saya Menteri, pertamanya Menteri, sekarang ini baik akta ini atau rang undang-undang atau Akta SOSMA yang ada sekarang kalau kita bercakap soal pencegahan, ia bermula dengan tangkapan. Kedua-dua undang-undang ini memperuntukkan tangkapan boleh dibuat dalam keadaan belum ada berlaku pun jenayah. Dalam kes 18 orang ini yang kata tadi ditangkap itu, cuma ditangkap berdasarkan *suspicion* mereka melakukan jenayah tetapi tidak dapat lagi dibuktikan. Maknanya tanpa rang undang-undang ini boleh ditangkap.

Apabila ditangkap di bawah SOSMA ini Yang Berhormat Menteri, sudah ada *safe guard* untuk hendak memastikan mereka ini, pertamanya, dapat penahanan yang panjang, keduanya, selepas kalau kata dibebaskan pun, ada boleh monitor dengan *electronic monitoring*. Okey, itu satu.

Keduanya, kalau mereka tidak dilepaskan, mereka akan terus dibicarakan dan *pending trial* itu mereka tidak boleh dijamin. Dan apabila dibicarakan didapati tidak bersalah pun, pendakwa boleh buat rayuan dan *pending* rayuan itu mereka juga ditahan, tidak boleh dibebaskan. Maknanya segala prosedur, segala ruang untuk memastikan mereka ditahan itu ada dalam SOSMA sehingga perbicaraan pun direlakskan cara pengemukaan *evidences*. Makna segala-galanya sudah ada dalam SOSMA. Jadi bagaimanakah dalam keadaan begitu, kita masih perlukan lagi akta seperti ini? Apa lagi yang kita hendak?

Kalau baca dalam mana-mana teks, buku-buku yang ditulis oleh pakar-pakar perundangan, dia kata dalam memerangi *terrorism* ini, yang kita boleh *compromise* ialah aspek *evidence*. Maknanya *evidence* boleh diterima di mahkamah tetapi jangan sama sekali kita menghapuskan hak untuk dibicara. Ini kerana apa yang Menteri kata 18 tadi mereka terlibat dengan penculikan dan sebagainya, itu *version* pihak orang yang tangkap. Sudah tentu orang yang ditangkap ini perlu *test veracity* kebenaran *evidence* itu. Bagaimanakah dia hendak *test*, hendak pertikaikan *evidence* itu dalam keadaan dia tidak dibenarkan dibicarakan, dalam keadaan tidak ada peguam untuk *cross examination*? Ini semua sudah tentulah bercanggah dengan prinsip *human rights* dan berdasarkan surat SUHAKAM itu, sudah tentu SUHAKAM sepatutnya tidak boleh bersetuju dengan undang-undang ini.

Jadi saya mengatakan Menteri, sebenarnya akta ini memang akta yang bercanggah dengan *human rights*. SUHAKAM punya *statement* itu betul dan mestilah Menteri tarik balik. Setuju atau tidak?

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya ingin beri peluang kepada Yang Berhormat Puchong, mungkin belum berpeluang bercakap.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri tadi ada sebut, *please correct me if I'm wrong* Yang

Berhormat, bahawa ada beberapa cadangan yang untuk pindaan dan sebagainya untuk dibawa mungkin dapat pendapat daripada Jabatan Peguam Negara. Jadi nampaknya Menteri setuju bahawa ada dua tiga perkara yang perlu diadakan pertimbangan semula dalam *bill* ini. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri tidak sebut aspek-aspek yang mana. So itu yang saya rasa kalau Yang Berhormat Menteri boleh beritahu kepada kita semua dalam Dewan ini supaya kita boleh bahas berkenaan perkara itu. Itu soalan saya pada dasarnya.

Nombor dua, adakah ia juga melingkungi isu Yang Berhormat Menteri di mana nampaknya perlu untuk diberi sedikit ruang kepada tahanan supaya mereka dapat mempertikaikan alasan tahanan dalam perintah tersebut di hadapan mahkamah? So adakah ia juga satu perkara dalam fikiran Yang Berhormat Menteri yang perlu kita dapat pendapat daripada Peguam Negara?

Ketiga dan terakhirnya Yang Berhormat Menteri, sekiranya benar bahawa undang-undang ini perlu dilihat semula, dikaji semula oleh pihak Peguam Negara oleh sebab ia melibatkan satu perkara yang cukup serius di mana kita ini mengehadkan hak-hak seseorang itu yang dijamin di bawah Perlembagaan, bukankah lebih baik untuk kita sekarang mungkin tangguh *bill* ini supaya kita boleh dapat kajian itu dilakukan dan *bill* ini dibentangkan semula? Mungkin juga saya cadangkan supaya ia dibawa kepada Select Committee supaya kita dapat lihat kepada inti patinya dengan lebih mendalam. Apakah pendapat Yang Berhormat Menteri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih. Saya hendak dapatkan penjelasan daripada Menteri mengenai Yang Berhormat Sepang.

Tadi dalam ucapan saya, saya kata SOSMA ini ialah satu prosedur. Kemudian apabila yang dituduh nak didakwa, didakwa di bawah akta atau Kanun Keseksaan tetapi nampaknya Yang Berhormat Sepang kata saya tidak betul. Jadi saya hendak dapat penjelasan daripada Menteri, yang mana betul ini? Sebab SOSMA ini prosedur. Dia prosedur. Selepas itu didakwa di bawah Kanun Keseksaan. Itu yang memerlukan bukti-buktii apabila didakwa di bawah Kanun Keseksaan. Itu yang pertama.

Kedua, tadi kita bahas banyak mengenai seksyen 3 sehingga Yang Berhormat Puchong kata Majistret ini akan jadi *puppet*. Akan tetapi, pelik. Kalau itu dakwaannya, mengapa Yang Berhormat Sepang, tengok pindaan Yang Berhormat Sepang, dia cadang ini pindaan fasal 3(3) dengan menggantikan perkataan ‘Majistret’ dengan perkataan ‘Hakim Mahkamah Tinggi’. Ini bermakna hendak jadikan Hakim Mahkamah Tinggi pula jadi *puppet*?

Jadi maksud saya, bermakna apa Yang Berhormat Sepang cakap ini semuanya bercanggah dengan apa yang dicadangkan. Dia sendiri pun confuse pasal undang-undang ini. Jadi kita bincang, saya kata mestilah bawa kepada Majistret tetapi cerita panjang lebar dengan Yang Berhormat Puchong tadi. Yang Berhormat Puchong, terima kasih banyaklah, setuju dengan pandangan saya. Jadi nampaknya Yang Berhormat Sepang punya hujah ini boleh mengelirukan Dewan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Sila Yang Berhormat Pengerang.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat berkenaan dengan fasal 4(3). Adakah erti katanya apabila kita bandingkan dengan SOSMA dengan izin POCA, kelebihan Akta POTA ini ialah kewujudan fasal 4(3) ini yang mengatakan tiada orang yang boleh ditangkap dan boleh ditahan di bawah seksyen semata-mata atas kepercayaan politiknya ataupun aktiviti politiknya. Itu poin saya yang pertama.

Keduanya, ada atau tidak kalau kita tengok berbanding antara dua akta tersebut dengan POTA yang hendak kita wujudkan ini, perbezaannya ialah dari segi beban bukti kerana beban bukti yang kita tengok ini ialah di mana dalam akta yang baru ini, beban bukti ini adalah dalam keadaan yang lebih *flexible* dengan izin. Contohnya kalau kita bercakap tentang perkara-perkara yang disebut dalam Facebook, video YouTube, e-mail, WhatsApp, SMS sebagai contoh, dengan kecanggihan teknologi yang mana ia tidak boleh dijadikan bahan bukti di bawah SOSMA dan juga POCA tetapi di bawah POTA ini terdapatnya *flexibility* yang mana boleh diterima sebagai bukti keterangan. Jadi membantu kepimpinan dalam aspek kementerian khasnya polis ataupun mereka yang bertanggungjawab untuk mendapatkan kepastian dan kesahihan yang lebih apabila bawa kepada sistem menunjukkan satu *element of membanteras possibility* kelakuannya keganasan yang akan berlaku kerana kecanggihan yang berlaku pada zaman sekarang. Terima kasih.

#### ■2020

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sepang amat khuatir jika *gistnya*, dengan izin tidak berlaku keadilan tetapi saya telah menyebutkan di awal tadi bahawa 37 daripada 2,007 yang telah ditahan itu telah dilepaskan atas laporan yang negatif daripada *inquiry officer* ataupun pegawai penyiasat. Ini melihatkan bahawa walaupun tidak dibawa ke mahkamah tetapi unsur keadilan telah diambil kira kerana bukan sahaja peguam tetapi lembaga penasihat telah menerima apa yang telah dikhuatiri oleh Yang Berhormat itu.

Yang Berhormat Puchong menyebut bahawa adakah undang-undang ini boleh dilihat semula. Saya fikir, ia boleh dilihat semula tetapi selepas undang-undang ini diluluskan untuk melihat beberapa kekurangan suatu hari nanti. *Insya-Allah*, kita boleh lakukan sebab saya fikir, oleh kerana masalah ini adalah masalah semalam, bukan sahaja masalah akan datang. Maka undang-undang ini amat perlu diluluskan kerana ia adalah sesuatu yang amat perlu bukan untuk disalahgunakan kuasa oleh pihak polis ataupun pihak lembaga pencegahan keganasan tetapi yang lebih penting adalah daripada segi apa yang telah saya sebutkan di awal tadi.

Ini kerana apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Tanjung Karang umpamanya yang kerap kali tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Sepang adalah soal-soal yang pada hemat saya Yang Berhormat Tanjung Karang benar dalam perkara ini dan saya fikir, pegawai-pegawai Jabatan Peguam Negara akan mengambil kira pandangan yang dilontarkan oleh Yang Berhormat Tanjung Karang tadi tanpa mengetepikan apa yang juga dilontarkan oleh Yang Berhormat Sepang.

Tentunya Yang Berhormat Pengerang yang menyebut dalam fasal 4(3) tentang soal kepercayaan politik. Walaupun saya tidak mahu menyebut apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Padang Serai tadi bahawa di dalam mukadimah apabila Akta Keselamatan Dalam Negeri pada tahun 1960 telah

disebutkan bahawa ia tidak akan disalahgunakan. Yakinlah bahawa tidak ada mana-mana orang politik atau mereka yang berbeza pendapat politik yang akan ditahan kerana dalam akta ini dengan izin, *is clearly stated out* bahawa ia tidak akan memberikan tahanan kepada atas perbezaan politik. Kita tahu bahawa inilah ketelusan kerajaan yang sedia ada kerana kita merasakan ia boleh berbeza pendapat tetapi atas perbezaan pendapat itu kita tidak akan tahan dan kita tidak menzalimi atau menganiaya seseorang itu yang berbeza pendapat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]**

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Akhirnya saya fikir beban bukti, memang beban bukti agak berat kalau dibawa ke mahkamah sebab apa yang disebutkan oleh akta ini untuk usaha-usaha pencegahan harus melihat kepada bahan-bahan bukti berat yang tidak dapat diterima oleh pihak mahkamah sebagai dengan izin, *strong evidence* yang menyebabkan pertuduhan itu diterima oleh mahkamah.

**Dato' Irmohizam bin Ibrahim [Kuala Selangor]: [Bangun]**

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya akan beri peluang ya. Saya ingin menyebutkan bahawa seperti POCA itu, kekhuatiran kita semua tentang POCA. Jelas bahawa tidak ada orang yang akan menjadi saksi dan saksi-saksi ini kebanyakannya khuatir untuk ke hadapan sebab dikhuatiri apabila orang yang dituduh itu terlepas daripada tuduhan atau telah menjalani hukuman, dia akan melakukan balas dendam. Begitu juga bukti-buktinya dapat. Oleh sebab itu dalam akta ini, bukti-buktinya yang ada dalam talian umpamanya, mahkamah belum dapat menerima itu sebagai *hide evidence*, dengan izin. Oleh sebab itu pencegahan itu dilakukan.

Umpamanya kalau pihak polis memantau setiap daripada kita yang menggunakan *quote word* ataupun perkataan 'IS' kecuali Ismail Sabri, kita tidak akan pantau sebab ada Ismail Sabri bin Yaakob. Jadi 'bin Yaakob' itu menyelamatkan beliau tetapi kalau IS yang lain, kita akan lihat dan kita akan pantau tetapi tidak ada penganiayaan yang akan berlaku kepada orang yang menggunakan *quote word* 'IS' itu, tidak semua yang akan dipantau kalau tidak ada unsur-unsur negatif yang ada di dalamnya. Saya minta sangat walaupun beban bukti ini diperlukan tetapi saya fikir dalam kuota ini, fleksibiliti bahan bukti ini ada kerana kita mahu melakukan tahanan, bukan untuk menghukum tetapi untuk melakukan *rehabilitation*.

Saya ingin menyebut di dalam Dewan yang mulia ini bahawa ini ialah merupakan modul pemulihan bersepadan orang tahanan di bawah Akta Pencegahan Keganasan, kami telah sediakan ini. Malah SOP ini dengan izin, akan diguna pakai oleh banyak negara sebab negara kita berjaya melakukan pemulihan dari zaman darurat dulu dan ketika zaman ISA dan SOSMA juga. Saya fikir, Ahli-ahli Dewan yang mulia ini harus mengetahui bahawa tujuan kerajaan melalui KDN dan PDRM serta lembaga-lembaga yang diwujudkan adalah sesuatu yang baik. Tujuannya supaya mereka pulih daripada ketaksuhan yang melampau, yang menyebabkan berlaku soal keselamatan di negara ini untuk kepentingan kita bersama, untuk kepentingan anak kita dan generasi di kemudian hari, generasi X kita, generasi Y yang berada di luar Dewan sana. *Insya-Allah* generasi Z, bukan generasi Zahid tetapi kita tahu bahawa ini generasi yang lahir selepas tahun 2000 dan mereka tidak mengetahui latar belakang apa

yang berlaku. Saya fikir harus diberikan *internalization* dengan izin, penghayatan sepenuhnya. Sila Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memang saya ada perasaan yang tertentu kerana saya pun pernah ditahan di bawah ISA termasuk Yang Berhormat Gelang Patah. Di dalamnya kita ada perasaan yang tertentu. Di sinilah saya berharap Yang Berhormat dapat mengkaji terutama fasal-fasal seperti 4 dan fasal 13 supaya keadilan dapat ditegakkan. Saya masih ingat Tunku Abdul Rahman, dia cakap macam ini, “*My Cabinet colleagues and I gave a solemn promise to Parliament and the nation that the immense powers given to ISA would never be used to stifle legitimate opposition and silence lawful dissent*” dan Tun Hussein pun cakap macam itu juga dan begitu juga Tun Dr. Ismail. [Tepuk]

Baru-baru ini saya pun gembira kerana ISA dimansuhkan dan juga ada janji hendak mansuhkan Akta Hasutan tetapi malangnya Akta Hasutan tidak dimansuhkan, dikekalkan pula. Saya setuju di negara-negara mana pun kita perlu undang-undang hebat untuk mengendalikan manusia yang cacat seperti golongan yang *mu'tazilah*. Betul atau tidak? [Bertanya kepada Ahli Yang Berhormat] *Mu'tazilah*, betul juga itu.

Bolehkah... [Disampuk] Yang Berhormat, di dalam Dewan ini Tuanku Abdul Rahman dan rakan-rakannya buat janji seperti Yang Berhormat [Tepuk] Macam itu dan bagaimana kita dapat melihat janji ini dikotakan.

## ■2030

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan diri kita Ahli-ahli Dewan yang mulia, Almarhum Tunku Abdul Rahman, benar. Janji beliau benar. Dengan izin, *he was addressing to the oppositions. I was also detained*. Yang Berhormat Pasir Salak was also detained, dengan izin. Kita bukan pembangkang dan kita ditahan. Ertinya Tunku Abdul Rahman benar dalam melaksanakan ISA itu. Ya Yang Berhormat Kepong, ditahan bukan atas sifat pembangkang tetapi ISA ketika itu, Perkara 73(1) iaitu mengganggu ketenteraman awam dan mengganggu keselamatan... [Dewan riuh] [Ketawa] Jadi, dalam hal ini bukan kerana parti pembangkang. Saya pun dikenakan, saya pun dikenakan tahanan melalui 73(1) sebagaimana Yang Berhormat walaupun saya dalam kerajaan, Ketua Pemuda UMNO ketika itu. Akan tetapi langkah pemulihan telah dilakukan. Itu sebabnya Yang Berhormat Kepong boleh duduk dalam Dewan yang mulia ini... [Dewan riuh] Itu sebabnya Yang Berhormat Pasir Salak boleh jadi Timbalan Menteri, sebab beliau telah dipulihkan sepenuhnya... [Dewan riuh]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu semakin teruk.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Itu sebabnya Yang Berhormat Tumpat boleh duduk di dalam Dewan ini...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Makin teruk adalah, bukan makin pulih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** ...Kerana Yang Berhormat Tumpat juga telah dipulihkan. Jadi, maksud saya di sini ialah bahawa saya bukan membela sahaja. Akan tetapi apa yang

disebut oleh Allahyarham Tunku Abdul Rahman janji, Kerajaan Perikatan pada ketika itu, janji yang tepat diteruskan oleh janji Kerajaan Barisan Nasional dan *insya-Allah* kita akan lakukan [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir elok saya...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Nanti sekejap, elok saya...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sikit...

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya akan berikan peluang kepada Yang Berhormat Bayan Baru sebentar lagi. Akan tetapi ingin saya memperjelaskan beberapa aspek lagi di sini iaitu mengenai usaha-usaha yang dilakukan. Umpamanya, aspek-aspek tahanan yang dilanjutkan dan sebagainya. Kita juga disebutkan bahawa ada peranti pemantauan yang dipanggil sebagai *Electronic Monitoring Device* (EMD) yang digunakan.

EMD ini bukan hanya memantau atau, dengan izin, *detect* ke mana pesalah-pesalah yang dipantau itu pergi sebagaimana usaha yang ada dahulu adalah melaporkan di balai polis dalam tempoh-tempoh yang tertentu. Akan tetapi EMD ini adalah bagi memantau pergerakan seseorang itu. Umpamanya, kalau seseorang itu ada dua buah cawangan seperti Yang Berhormat Kinabatangan umpamanya, yang tentunya akan diketahui ke mana beliau pergi. Akan tetapi saya tak yakin beliau akan masuk dalam kategori itu. Saya fikir aspek-aspek ini harus dilihat. Saya sebutkan bahawa ini merupakan usaha pencegahan dan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit Yang Berhormat Menteri. EMD juga wujud dalam SOSMA.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** EMD ada dalam SOSMA.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Itu sebabnya diwujudkan dalam POCA dan wujudkan dalam POTA juga.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tak, kalau ada dalam SOSMA, buat apa hendak ada dalam ini pula?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Jadi, itu pemantauan... [*Dewan riuh*] Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tak masalahnya, Yang Berhormat Menteri cakap tak betul ini.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya persilakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya tentang POTA Board. Tadi Yang Berhormat Menteri kata, Chairman adalah daripada *judge*, daripada golongan hakim yang mempunyai *qualification* 15 tahun. Akan

tetapi di sini, ditulis, saya, dengan izin, a *Chairman who shall be legally qualified person with at least 15 years of experience in legal field*. Akan tetapi ia tak spesifik hakim. Itu yang kita pertikaikan.

Jadi Yang Berhormat Menteri, saya nampak di sini apa yang Yang Berhormat Menteri cakap dengan apa yang berlaku di sini, berbeza. Ada banyak kelemahan. Kelemahan yang teknikal, tak teknikal dan fundamental pun ada. Jadi, tadi Yang Berhormat Menteri sudah kata, *you admitted*, memang ada kelemahan. So, *it is good*. Kalau boleh sama-sama kita bincang. Pakatan Rakyat di sini tidak- *we are firm*. We are with the government on anti-terrorism. Okey? Kita sokong usaha kerajaan untuk ambil tindakan terhadap *terrorisme*.

Walau bagaimanapun, apa yang kita cakap bincang dulu. Oleh sebab apabila Yang Berhormat Menteri *tablekan* ini, Pakatan Rakyat tidak diajak bincang. Saya hendak bagi tahu, ketiga-tiga WHIP daripada parti-parti Pakatan hendak berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri *reject*. Tak mahu bagi perjumpaan. We want to discuss. Jadi, baiklah kalau boleh kita hendak menjayakan negara kita. Kita hendak *protect our country from terrorisme*. Akan tetapi kalau boleh baiklah kedua-dua pihak sama-sama duduk, rancangkan satu undang-undang yang boleh diterima dua-dua pihak. Apabila kita keluar nanti, kita *defend*. Defend this bill, POTA bill. Inilah cara yang terbaik untuk memajukan negara. Jadi, mintalah kalau Yang Berhormat Menteri, tolong rujuk ini ke *Parliamentary Select Committee*. Biar kita sama-sama bincang dan we will defend you. We defend the government dengan satu *bill* yang baru, dengan semuanya, kelemahan-kelemahan seperti ini diperbaiki.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ekoran daripada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kepong tadi, berkenaan dengan jaminan yang diberi di bawah POTA iaitu berkenaan, dengan izin, di seksyen 4, subseksyen 3, *no person shall be arrested and detained under this section solely for his political belief or political activity* yang merupakan satu jaminan yang telah pun kerap kali diulangi untuk *to convince us that this would not be* ataupun akta ini tidak akan digunakan untuk *stifle descend*, dengan izin. Bolehkah saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan tafsiran ataupun definisi apa itu Terrorist Act yang dinyatakan dalam Kanun Keseksaan yang menyatakan, dengan izin, *for the purpose* ataupun di bawah seksyen 130(B2). *For the purpose of this chapter of Terrorist Act yang digunakan dalam POTA, means an act or threat of action within or beyond Malaysia where be. The act is done or threat is made with the intention of advancing a political cause*, antara lain. So, jadi tafsiran ataupun definisi apa itu *Terrorist Act* jelasnya merangkumi *political causes*. Ini sudah tentu bercanggah dengan apa yang dinyatakan dalam POTA.

So, sekiranya ini satu percanggahan, sudah tentu ada bahaya POTA ini akan digunakan *against for political causes* seperti ISA dahulu. Minta penjelasan.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Yang Berhormat Bukit Gelugor dan Yang Berhormat Bayan Baru, saya telah jelaskan beberapa kali bahawa jaminan diberikan oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional bahawa pelaksanaan pada POTA ini tidak akan dikenakan semata-mata kerana kita berbeza fahaman politik, ideologi politik dan organisasi politik. Kecuali jika Ahli-ahli Yang Berhormat terlibat dalam

aktiviti keganasan atau bersimpati dengan pengganas-pengganas... [Dewan riuh] Itu saya tidak dapat memberikan jaminan. Akan tetapi kalau Yang Berhormat dapat menjamin bahawa Yang Berhormat tidak bersimpati atau terlibat dengan pengganas, sudah, jangan khuatir bahawa POTA ini tidak akan dikenakan terhadap mana-mana individu.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Minta penjelasan. Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Begitu juga tentang soal Pengerusi Lembaga Pencegahan Keganasan ini untuk maklumat Yang Berhormat Bayan Baru. Pengerusinya memang, dengan izin, *silent* dalam perkara itu tetapi apa yang telah kita tentukan ialah hakim yang sedang berkhidmat, yang sekurang-kurangnya mempunyai 15 tahun pengalaman. Jadi, jangan khuatir. Lihat apa yang bukan sahaja tersurat tetapi yang tersirat. So, dalam perkara ini, saya lihat apa yang ada dalam POCA itu, *template*nya dilaksanakan dalam POTA ini. Tuan Yang di-Pertua, saya lihat walaupun banyak lagi...

**-2040**

**Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Masjid Tanah bangun di belakang Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** [Bangun]

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Walaupun banyak lagi pendapat-pendapat yang akan dilontarkan, saya dengan ini mohon untuk meminta Dewan ini melakukan pengundian bagi penerimaan pada undang-undang ini [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya bawa masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dijemput Ahli Yang Berhormat Sungai Siput untuk kemukakan usul di bawah Peraturan 54(2).

## USUL

### MENYERAHKAN RANG UNDANG-UNDANG KEPADA JAWATANKUASA PILIHAN

**8.40 mlm.**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak usulkan di bawah Peraturan Mesyuarat 54(2) untuk merujuk rang undang-undang ini kepada satu Jawatankuasa Pilihan. Saya ingat macam yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bayan Baru tadi, sebelah sini pun kita sayang untuk keamanan negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, tak perlu *debate* Yang Berhormat. Just kemukakan usul itu sahaja.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey. Saya baca usul seperti sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 54(2) Peraturan Mesyuarat, saya ingin usulkan bahawa Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 diserahkan kepada satu Jawatankuasa Pilihan untuk diperhalusi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada sesiapa menyokong?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya membawakan kepada Majlis usul Yang Berhormat Sungai Siput seperti yang dikemukakan tadi untuk diputuskan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 54(2), usul ini hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujukan.]*

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua, kita minta belah bahagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada 15 orang bangun?

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, baik. Setiausaha sila bunyikan loceng.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

#### ■2050

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah keputusannya;

Ahli-ahli yang bersetuju berjumlah 64 orang *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang tidak bersetuju 80 orang *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 dan 2 dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

#### Fasal 3 [Pindaan] –

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sepang mohon mencadangkan supaya walaupun pada dasarnya kami memang menentang akta ini, menolak...  
*[Disampuk]* Sabar dulu, *relax* dulu, bahaskan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Dewan riuh]* Okey, sabar, sabarlah. Fasal 3(1) dengan menambah selepas perkataan ‘pegawai polis’ perkataan berikut wahai Yang Berhormat Arau, ‘berpangkat tidak rendah daripada Superintenden’ dan pindaan fasal 3(1) dengan membatalkan perkataan ‘tanpa’ dan juga pindaan fasal 3(1) dengan menambah selepas perkataan ‘alasan’ dengan perkataan ‘munasabah’.

Fasal 3(2) dibatalkan pindaan fasal 3 dengan menggantikan perkataan ‘majistret’ dengan perkataan ‘Hakim Mahkamah Tinggi’, fasal 3(4) dibatalkan. Mohon mencadangkan.

Seperti mana yang dikatakan tadi bahawa dalam, walaupun pada dasarnya kami menolak rang undang-undang ini, tetapi oleh sebab...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Oleh sebab pihak kerajaan dengan lebih kurang 20 orang Ahli Parlimen menolak cadangan untuk kita merujuk kepada *Select Committee*, maka sekiranya akta ini masih lagi dilaksanakan, saya rasa perlu ada satu perubahan kepada fasal 3 itu. Kenapakah kita mencadangkan pindaan ini? Ini kerana kita merasakan kalau sekiranya benar jenayah ini satu jenayah yang serius, sudah tentulah pegawai polis yang ingin menyiasat ini mestilah seorang yang berpangkat tinggi.

Sebab itulah kita meletakkan pangkat yang lebih rendah daripada Superintenden. Seterusnya kita juga mendapati bahawa dalam fasal 3(1) ini dia hanya menyatakan “*seseorang pegawai polis boleh tanpa waran menangkap mana-mana orang jika mempunyai sebab untuk mempercayai*”. Kami rasa tidak cukup hanya meletakkan sebab, alasan, tetapi juga mestilah alasan itu alasan yang munasabah, yang *reasonable*. Maka sebab itulah kita meminta supaya ditambahkan perkataan munasabah selepas perkataan sebab itu dan juga penggunaan fasal 3(2) kami mendapati tidak perlu untuk dirujuk kepada pendakwa raya sebab apabila konsep penahanan di bawah seksyen 3 ini atau fasal 3 ini ialah ibarat seperti *reman prosiding*.

## ■2100

Jadi, apabila dia di peringkat itu kita rasa tidak perlulah melibatkan pendakwa raya kerana pegawai polis sudah tentulah mempunyai maklumat-maklumat. Cumanya untuk menjamin bahawa prosiding ini walaupun tidak diperuntukkan secara jelas dalam fasal 3 ini bahawa peguam boleh dilantik oleh orang yang ditahan. Akan tetapi dalam kes reman juga walaupun tidak ada *specific provision* itu dalam amalan biasanya memang ada peguam. Akan tetapi kita merasakan bahawa untuk memastikan hujah-hujah para peguam ini dapat difahami dan dapat di *appreciated* oleh para hakim ini. Oleh sebab itu kita meminta supaya Majistret itu ditukar dengan Hakim Mahkamah Tinggi sebab kes ini melibatkan satu kes yang *extraordinary*, dia bukan kes yang *ordinary*.

So, dalam keadaan begitu kami merasakan bahawa mestilah pihak yang hendak mendengar ataupun memberikan perintah penahanan ini mestilah seseorang yang ada pengalaman, yang mempunyai ilmu perundangan lebih luas dibandingkan dengan Majistret. Bayangkan kalau Majistret yang baru keluar daripada universiti, belum ada pengalaman dan tiba-tiba mendengar kes seperti ini sudah tentu dia akan pertamanya mungkin susah untuk menerima hujah-hujah peguam. Sekali gus dia akan menyebabkan proses keadilan itu mungkin tidak dapat dicapai. Apatah lagi bagi kita yang penting dalam reman ini adalah di peringkat *early stage* inilah pihak peguam biasanya akan cuba mencari, cuba untuk memberikan *representation* yang efektif kepada anak guam dia.

Jadi, dalam keadaan sekiranya Majistret yang mendengar itu, *adjudicator* dengar itu adalah seorang Majistret sahaja. Seseorang daripada segi hierarki sistem kehakiman, yang paling rendah. Bukanlah kita ingin menidakkannya kemampuan mereka tetapi pengalaman, ini semua adalah penting dalam kes-kes seperti ini. Oleh sebab itulah kita minta supaya fasal 3 itu digantikan perkataan Majistret itu dengan perkataan Hakim Mahkamah Tinggi.

Mengenai fasal 3(4) itu, kita merasakan tidak perlu diadakan sebab di peringkat reman ini yang pentingnya adalah untuk memastikan adakah ada asas untuk di reman atau tidak. Jadi itu yang menjadi *core business* dia, jadi tidak perlulah dimasukkan, “*Pegawai polis yang membuat penyiasatan berkaitan dengan seseorang yang ditangkap di bawah seksyen ini hendaklah menyebabkan supaya suatu salinan laporan lengkap penyiasatan itu dikemukakan kepada –*

- (a) *Pegawai Siasatan; dan*
- (b) *Lembaga.”*

Kami rasa di peringkat itu tidak relevan untuk dipertimbangkan. Jadi, oleh itu saya minta supaya pindaan ini dibenarkan dan saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Tuan Penggerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah ialah bahawa pindaan yang sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Sepang yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Penggerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

#### **9.03 mlm.**

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Penggerusi, saya lihat cadangan ini kita tidak perlu terima sebab Yang Berhormat Sepang ini dia agak *contradict*. Seperti kita tengok seksyen 32, dia suruh jilid terus, dia suruh batalkan. Padahal di bawah seksyen 32 itu diberi tempoh, apabila seseorang itu ditahan tujuh hari mesti bawa di hadapan Majistret. Itu menunjukkan bahawa dalam undang-undang ini memang kita beri peluang pembelaan, *rights to be heard* kepada tertuduh, ini Yang Berhormat Sepang terbalik pula. Dalam dia kata kita salah guna kuasa, tidak ada keadilan, dia pula tidak bersetuju seseorang ini hendak dibawa di hadapan Majistret dalam tempoh tujuh hari *[Tepuk]* Yang Berhormat Sepang ini cakap berbelit-belitlah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Cuba baca...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Duduk, duduklah... *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tolong baca seksyen 32...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak apa, tidak apalah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang ini ada masalah tidak faham bahasa... *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Duduklah, ini seksyen.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bacalah betul-betul.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini seksyen 32, dia cadang dibatalkan jadi kita kata tidak usah dibatalkan. Dalam tempoh tujuh hari bawalah di hadapan Majistret sebab apa maksudnya bawah seksyen 32 ini dalam prosedur dia, yang tahanan reman, dalam tujuh hari kena bawa. Itu maksudnya. Kemudian yang kedua, tadi saya bercakap daripada mula tadi bahawa inilah beza di antara ISA dengan POTA ini. Di mana ISA hanya terus diberi kuasa polis tangkap, terus bagi pada Menteri. Inilah prosedur yang cukup nyata, dibawa tahanan reman di hadapan Majistret. Tadi sebelah sana ramai kata ini Majistret jadi *rubber stamp*, tidak ada pilihan.

Saya cadangkan tadi, kalau betullah kata Majistret jadi *rubber stamp* hendaklah dibatalkan peruntukan ini. Akan tetapi sebaliknya Yang Berhormat Sepang, nampaknya dia bersetuju. Bukan sahaja dia kata tidak mahu Majistret dia hendak Hakim Mahkamah Tinggi. Jadi, ini menunjukkan bahawa apa yang mereka cakap bercanggah dengan apa yang telah dibahaskan tadi. Oleh itu saya hendak cadang supaya kita tolak pindaan ini.

**Beberapa Ahli:** Tolak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat dan selepas itu Menteri boleh jawab.

#### 9.06 mlm.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, ini Yang Berhormat Tanjong Karang dia tidak faham.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Loyar buruk!

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Dia tidak pergi mahkamah, dia tidak faham apa dia punya isu... *[Dewan riuh]* Apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Sepang itu fahamlah. Masalah kita, kalau saya rujuk kepada perkara yang dicadangkan bahawa kes macam ini perlu dirujuk kepada Hakim Mahkamah Tinggi. Ia rasional kerana kalau kita tengok situasi yang sedia ada di negara sekarang di mana kebanyakan Majistret *they are only 22, 23 years old. Never experience life, never known.* Esok hari kita ambil kerajaan, kita tangkap Menteri macam mana?... *[Dewan riuh]* Mahu? *[Ketawa]* Pergi depan, *I am not questioning the intelligent of Magistrate, they have qualified, First Class and all that but they do not have experience.*

Bila niat yang digunakan ini '*ada udang di sebalik batu*', digunakan untuk *suppress political activity*, dia tidak faham. *They only know theory.* Jadi, itu adalah satu antara cadangan yang sangat boleh

diterima, *something that have to be look into* sedalam-dalamnya. Ini kerana situasi yang sedia ada di negara sekarang, apa yang terjadi di depan di Mahkamah Majistret. Di mana kalau kes sedemikian di depan Majistret, *Attorney General* sendiri yang datang. Dia akan khuatir kerana orang yang memberi kerja atau *interview* untuk *job* tersebut *Attorney General* untuk Majistret, dia khuatir dan sebagainya. Itulah sebab kalau kita tengok dalam beberapa situasi yang realiti dalam negara ini, saya bersepakat dan mohon agar...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Ipoh Barat, Kapar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan A/L a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya menuntut penjelasan daripada Yang Berhormat Ipoh Barat bahawa kes-kes tentang pengganas, dengan izin, *terrorism* ini memerlukan kepakaran untuk kita menangani. Dia bukan kes biasa, dia bukan macam kes-kes biasa yang dibawa ke mahkamah. Kita perlukan kepakaran dan pengetahuan luas dalam bidang *terrorism* ini. So, saya rasa macam Yang Berhormat kata tadi Majistret bukan mempunyai kepakaran tertentu untuk menentukan atau berhadapan dengan kes sebegini. Bila kita bagi kepada mahkamah yang lebih tinggi *at least* pengalaman dan penguasaan tentang isu-isu di dalam *terrorism* ini boleh dipandang secara meluas. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Pandangan yang munasabah. Yang Berhormat Kapar telah mengatakan kedudukan yang sebenar di negara sekarang. Kita perlu fikir adakah cadangan Yang Berhormat Sepang ini satu cadangan yang berpatutan. Saya berpendapat bahawa itu adalah realistik walaupun di sebelah sana ada *in terms of number you may have myth*. Itu tidak perlu. Kalau kita tengok baru-baru ini di mana beberapa Ahli Parlimen telah diheret di bawah *Sedition Act* dan sebagainya. Di mana ramai di antara mereka depan Majistret- *very young*, bukannya kita kata dia tidak layak tetapi *do not have any experience*. Maka itu perlu diambil kira. Ini supaya Hakim Mahkamah Tinggi yang lebih arif, lebih pengalaman. Kenapa kerajaan bantah pada cadangan ini, dan tidak boleh setuju kepada satu pandangan yang munasabah?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu bangun Yang Berhormat, hendak bagi Yang Berhormat Setiu?

■2110

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Ipoh Barat, kalau kita hendak katakan majistret yang baru dilantik tidak ada pengalaman dan sebagainya, jadi saya hendak tanya ini. Kalau kita kata baru, manakala- kalau kes-kes pun kena pilih. Katakan kes 420. Kes 420 pun sesuatu yang *complicated* juga. Bukan senang. Jadi makna kata kita pilih majistret ini boleh buat, yang ini tidak boleh buat.

Satu lagi, kita kata Hakim Mahkamah Tinggi. Kalau Hakim Mahkamah Tinggi, bukan semua yang bermula daripada majistret. Ada yang dilantik daripada peguam yang tidak pernah buat kes-kes jenayah pun dilantik.

Satu lagi, kalau keadaan berlaku katalah...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Seorang Ahli:** Diamlah!

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Apakah masalah ini? Bagilah saya habiskan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Teruskan, Yang Berhormat. Teruskan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya hendak tanya sekarang ini. Kalau sesuatu tempat berlaku di kampung-kampung atau di bandar-bandar yang hanya seorang sahaja hakimnya, macam mana keadaan kalau kita hendak pilih? Majistret ramai tetapi hakim seorang sahaja. Jadi macam mana kalau bercuti dan sebagainya? Apakah yang kita boleh buat? Itu masalah yang mungkin timbulah. Jadi kita tidak boleh nak katakan yang baru itu tidak ada, tidak boleh hendak buat. Dia mesti ada *guideline* untuk bagi reman dan sebagainya. Itu minta jawapan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Setiu pernah menjadi *Session Court*, bukan semestinya arif dalam semua hal. Itu nombor satu.

Nombor dua, bila sekarang tiba-tiba Yang Berhormat Setiu duduk di sebelah sana, sokong pandangan yang tidak boleh diterima. *You can't rationalizes*. Sekarang, Barisan Nasional. Dulu dia hakim, cerita lain. Yang saya katakan- *our argument* di sini, kita punya *argument different*.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Dengar dulu saya tanya. Sekarang ini...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Kita punya *argument different*.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sekarang ini kita kata Hakim Mahkamah Tinggi yang berpengalaman. Hakim Mahkamah Tinggi berpengalaman.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Duduk, duduk. Tidak apa. *Don't get excited*.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Akan tetapi bagaimana kalau peguam yang baru dilantik yang biasa buat kes sivil sahaja?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Don't get excited, don't get excited*. Duduk, duduk sekejap. *Don't get excited. In court, I can hold you in contempt*. So, duduk dulu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *No, no, no, no*. Ini logiknya yang saya kata tadi. Saya kata...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *This is my floor*. Tak apa, tak apa. *Let me answer*.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Peguam juga boleh dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi tetapi masalahnya dia tidak pernah buat kes jenayah. Kes sivil daripada awal jadi hakim. Macam mana? Macam mana keadaan, apakah pengalaman?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat boleh gulung ya, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Nombor satu, Yang Berhormat, bila Yang Berhormat kata majistret pun boleh menjalankan tugas, kekurangan Hakim Mahkamah Tinggi dan sebagainya, tidak masuk akallah. Ini kerana nombor satu, ini kes-kes yang amat serius.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Betul, dua tahun tahu?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Buat sementara, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tidak kenalah, tidak dirangkumi. *Not detained.* Akan tetapi esok hari kalau demikian, *then you will feel it.* Kita mahu elak keadaan sedemikian. Kita bukan cakap jangan menggunakan. Kalau ada sesuatu yang perlu, kita katakan *you* ambil kes itu ke Hakim Mahkamah Tinggi supaya dia dapat memberi satu pandangan sedalam-dalamnya. Itu cadangan yang munasabah.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Ipoh Barat, sedikit. Tuan Pengerusi, saya khuatir dengan hujah Yang Berhormat Setiu tadi kerana beliau mempertikaikan pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi yang bukan daripada saluran majistret, *Session Court Judge...* [Dewan riuh]

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Bodoh betul, bodoh betul. *Stupid!.. [Dewan riuh]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Macam mana sistem pelantikan hakim-hakim...

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** *Misleading, misleading.*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya kata kalau dia biasa dengan kes sivil dilantik menjadi hakim...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya nak bertanya kepada pihak kerajaan...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Cuba faham, cuba faham apa yang saya hendak tanya. Dia tidak pernah buat kes jenayah pun.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** ...Bagaimakah sistem pelantikan hakim-hakim sehingga sesudah menjawat jawatan Hakim Mahkamah Tinggi pun dianggap oleh Yang Berhormat Setiu tadi mungkin tidak layak untuk mendengar kes-kes sebegini?

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Kuala Krai tidur tadi itu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya tidak anggap. Dia tidak pernah ada pengalaman.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Apakah mempertikaikan pelantikan tersebut?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Dia tidak ada pengalaman langsung!... [Dewan riuh]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Barat boleh habiskanlah ya. Habiskan Yang Berhormat... [Dewan riuh]

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jadi apa *explain...*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kita dalam Jawatankuasa, Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** *I am worried. And I have the right to be worried.* Terima kasih.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Apalah macam ini!

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Macam ini pun adakah?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Ipoh Barat. Apabila kita letakkan syaratnya Hakim

Mahkamah Tinggi, dia mesti hakim itu sahaja. Saya rasa tidak ada masalah. Sebagai contohnya sekarang, kes SOSMA pun didengar oleh seorang hakim di seluruh Malaysia ini. Seorang hakim sahaja iaitu Datuk Kamaluddin di Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur. Maknanya kita fokus kepada hakim sahaja yang dengar. Dalam hal ini, kenapa dalam kes ini kalau reman, kita tidak boleh *assign* seorang hakim untuk bahagian *terrorist* ini? Ini boleh dibuat. Persoalannya hendak atau tidak hendak. Janganlah fikir setakat Setiu sahaja. Mahkamah ini lebih dari Setiu lagi... *[Dewan riuh]*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ini kenapa hendak marah, Yang Berhormat Sepang? Kenapakah Yang Berhormat Sepang nak marah?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Setiu duduklah. Jangan buang masa. Yang Berhormat Lenggong nak balik itu. Yang Berhormat Parit Sulong nak balik. Duduk, duduk. Jangan buang masa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang lain itu duduklah. Yang lain itu duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Mahkamah bukan dekat Setiu sahaja.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Sepang ini memang masalah. Daripada awal hingga akhir saya tengok. Saya cakap lain. Saya cakap yang tidak ada pengalaman.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Itulah yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskan ya.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiu itu tidak boleh diterima kerana bila dia kata kita hendak pilih majistret, tidak boleh diterimalah. Itu bukan hakikat langsung. Bila Yang Berhormat Sepang membentangkan ini, ini adalah kerana kualiti, *the standard* yang kita perlu supaya satu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** ...*Safeguards, building safeguards*, persepsi di luar dan sebagainya. Jangan kita menghantar kes sedemikian depan majistret yang tidak ada pengalaman. Itu yang kita khuatir dan itu satu perkara yang patut diambil kira supaya dapat dilaksanakan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habislah Yang Berhormat. Sepuluh minit sahaja.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sikit sahaja. Sikit sahaja.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya hendak kena respons jugalah kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Tanjung Karang...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam bukan *lawyer*. Duduk, duduk, jangan sibuk. Siapakah dia Menteri?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Berhubung dengan cadangan fasal 3(2)...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Duduklah Yang Berhormat Shah Alam. Buang masalah Yang Berhormat Shah Alam. Sudah cakap satu hari. Duduk, duduk!

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Yang mana Yang Berhormat Tanjung Karang...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Kapar nak balik dah itu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Parit Sulong nak baliklah...  
[Dewan riuh]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar, duduklah. Sudah, sudah. Sudah duduk sudah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini kerana ada ditimbulkan kekeliruan. Yang Berhormat Tanjung Karang mengatakan kalau dikeluarkan fasal 3(2), bererti bahawa kita tidak mahu bawa ke mahkamah. Saya kesian Yang Berhormat Tanjung Karang kerana walaupun *lawyer*, dia macam tidak faham bahawa fasal 3(2) ini tidak ada kena mengena dengan soal bawa orang yang ditahan ke mahkamah. Ia soal apabila seseorang ditangkap di bawah subseksyen 1, kes itu hendaklah dirujuk oleh pegawai polis kepada pendakwa raya untuk mendapatkan arahan tidak lewat daripada tujuh hari daripada tarikh penangkapan. Maka apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tanjung Karang kata Yang Berhormat Sepang tidak mahu bawa orang yang ditahan depan majistretlah, apakah dan sebagainya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini soal satu tindakan yang sebenarnya tidak perlu sama sekali. Orang yang ditahan oleh polis, bawa pergi ke mahkamah, Hakim Mahkamah Tinggi yang jauh lebih arif berbanding dengan majistret. Takkannya tidak setuju.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah. Ringkaskan, ringkaskan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ataupun adakah Yang Berhormat Setiu menganggap majistret lebih arif daripada Hakim Mahkamah Tinggi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, balik kepada Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau itulah tanggapan Yang Berhormat Setiu, maka saya rasa dia amat kekeliruan dan amat ketinggalan daripada segi memahami hierarki para hakim di negara kita.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukup, cukup.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Amat, amat apa? Amat tipu la kamu!

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia bekas hakim pun tidak faham. Lalu saya minta kalau boleh Yang Berhormat Ipoh Barat tolong komen. Adakah fasal 3(2) yang hendak dibatalkan oleh Yang Berhormat Sepang itu ada kena mengena dengan soal hendak bawa ke mahkamah ataupun Yang Berhormat Tanjung Karang sahaja yang tidak makan ubat hari ini, tidak faham-faham? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Panjang sangat pencelahan Yang Berhormat. Yang Berhormat Ipoh Barat, habiskan Yang Berhormat. Habiskan ya.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Baru mula.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, pada peringkat Jawatankuasa, sepuluh minit Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Committee stage boleh cakap banyak kali. Tuan Pengerusi, dua hal. Nombor satu, saya kagum dengan hujahan Yang Berhormat Shah Alam. Lebih baik daripada peguam pada pandangan saya... *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Peguam menipu!

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kita dalam Jawatankuasa, Yang Berhormat.

■2120

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Ipoh Barat, tarik balik! Yang Berhormat Ipoh Barat, tarik balik!

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Duduk Yang Berhormat Baling, duduk Yang Berhormat Baling... *[Dewan riuh]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskan, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** ... Ini Yang Berhormat Baling...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Shah Alam lagi bagus daripada Yang Berhormat Kapar kah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang lain itu tidak payah masuk Yang Berhormat. Pergi kepada pindaan ini sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Shah Alam lagi bagus daripada Yang Berhormat Sepang kah?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Baling ini mahu kasi baling keluar.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Shah Alam hebatlah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Barat, kita dalam Jawatankuasa Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Lebih baik daripada peguamlah.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Bukan, saya percaya...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Baling tadi baru dapat suntikan keganasan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat Kapar, duduklah. Minum kopi belakang ya.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya rasa pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat Shah Alam itu satu yang rasional. Semestinya Yang Berhormat Johor Bahru pun akan sokong pandangan ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** ...Dan saya rasa dua hal di sini Tuan Pengerusi. Nombor satu, Yang Berhormat Setiu patut faham hierarki di mahkamah. Nombor satu, Majistret adalah daripada segi senioriti dan daripada segi pengalaman adalah sangat kurang dari Sessions Court Judge atau

Mahkamah Tinggi, dan ini dikelirukan oleh Yang Berhormat Setiu sebelum ini. Itu nombor satu. Pandai, bagus. Goreng-goreng lain...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ini salah ini. Saya rasa... *[Dewan riuh]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Nombor dua...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ini tidak faham...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Duduklah Yang Berhormat Setiu, duduklah Yang Berhormat Setiu.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Ipoh Barat, ada minumkah?... *[Dewan riuh]*

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Baling pun hendak jadi peguam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Nombor dua, Yang Berhormat Tanjung Karang...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Bukan itu Yang Berhormat Setiu maksudkan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** ... Yang Berhormat Tanjung Karang ini dia salah faham. *He did not understand the meaning of 32-* ini merujuk kepada “*public prosecutor*”, bukan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Please be specific Yang Berhormat, Jawatankuasa. Sudah habis masa Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ada *injury time* sedikitlah. Mereka kacau macam mana?... *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang lain-lain itu tidak payah masuklah, tidak payah masuk.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Bukan Tuan Pengerusi, saya hendak habiskan. Bila pengacau-pengacau macam ini, belum lagi rang undang-undang diluluskan menunjukkan macam mereka sudah ada kuasa...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang itu tidak payah masuk Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** ...Untuk menangkap kita dan sebagainya. *This is what* kita hendak elak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah cukup.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tanjung Karang itu tidak boleh terima langsung. Mungkin dia faham, bikin tidak faham atau tidak faham langsung. Kalau dia tidak faham, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh datang untuk satu kursus, pembangkang boleh beri satu kursus yang penuh untuk memberitahu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak perlu macam itu Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** ...Sedalam-dalamnya apa ia punya *intention*, apa ia punya *mischief* dalam hal ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Peraturan Mesyuarat 12(1), saya jemput Yang Berhormat Menteri.

### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**9.23 mln.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) tanpa menghiraukan Usul yang terdahulu, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dan diputuskan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 7 April 2015”.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Point of order.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Point of order* apa Yang Berhormat?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** 12(1). Tuan Pengerusi, *standing order* ini tidak boleh disalahgunakan secara...

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Dia kena sebut Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya sudah dengar, saya sudah dengar Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Nombor berapa, nombor berapa?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** 12(1), 12(1).

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Bila jadi Tuan Yang di-Pertua? Bila jadi Tuan Yang di-Pertua?... *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Mesti sebut peraturan berapa.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau *point of order* 00 tidak payah, duduk.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** 12(1) fasal usul Yang Berhormat, fasal usul.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Sebut pun tidak tahu peraturan berapa ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** 12(1) dia sudah sebut Yang Berhormat. Sebentar, saya hendak dengar peraturan 12(1) Yang Berhormat. Duduk.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Mesti sebut peraturan berapa. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** 12(1) dia sebut Yang Berhormat Tanjung Karang. Sebab itu saya hendak dengar 12(1) usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, sebelum Tuan Pengerusi mengemukakan usul tersebut, saya telah bangun untuk mengemukakan *point of order*. Tuan Pengerusi mungkin tidak dengar tetapi saya hendak mengatakan dengan hasrat dan *intention standing of order*. Nombor satu Tuan Pengerusi, bila kita mengusulkan perkara sedemikian, *you cannot take MPs- although you got the right. Ini at 9 till the night, we do not know other...*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tiada salah Yang Berhormat. Peraturan mesyuarat ini dibuat oleh Yang Berhormat Menteri mengikut peraturan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya belum habis. Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apalah. Saya faham apa yang dimaksudkan Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tidak setuju kepada pandangan saya tidak apa. *I think there must be some intention.* Pada pagi ini pada pukul 11.30, bila Yang Berhormat mengusulkan mengatakan hingga pukul 9.30, *fair to everybody, enough notice. We also human Tuan Pengerusi and what is the rush.* Esok kita boleh mari. *What is the rush? Very clearly* itu menunjukkan bahawa ada hasrat oleh kerajaan *to push through and bulldoze the act...* *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *we are on standing order.* Respons peraturan mesyuarat.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Sangkaan jahat!

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *You* hendak berucapkah ini, hendak berbahaskah? Cukuplah.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Bila Yang Berhormat Menteri mengusulkan kata sampai pukul 9.30, *they have not...*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *I understand the point of order.*

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Apa masalahnya? Saya akan duduk sampai pukul 12!

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau *you* tidak puas hati Yang Berhormat Ipoh Barat, balik! Yang Berhormat Ipoh Barat boleh balik!

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Ini bukan usul perhimpunan UMNO!

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Barat, saya putuskan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri tidak salah, tidak melanggar peraturan mesyuarat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Peraturan mesyuarat apa ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah, saya putuskan tidak salah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Usul tadi sampai selesai...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Do not use the mic to stamp it the democracy.* Itu yang saya hendak kata Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** ...Perlu sedar...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan. Tidak payah berucap.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi, suruh dia keluar sahajalah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya putuskan sudah cukuplah, tidak payah berucap. *I said enough* peraturan *already*. Usul itu cukuplah. Siapa yang- Yang Berhormat? Tidak payah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Kita bahas sampai tengah malam!

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya faham peraturan yang dibuat oleh Yang Berhormat sebab itu saya putuskan tidak ada perlenggaran yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri. Cukuplah, cukuplah. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Apakah masalah? Tidak ada masalah. Yang Berhormat Ipoh Barat, sampai pukul 12 malam kita boleh bahas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat, cukuplah. cukuplah, cukuplah... *[Dewan riuh]*.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak puas hati, balik!

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ini dapat publisiti murah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Ipoh Barat tunggu hingga pukul 12 malam... *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Semua duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri hendak jawab. Cukuplah Yang Berhormat Ipoh Barat. Cukuplah.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Dia kata balik. *This is my House. I will be here all day long.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya sila Yang Berhormat Menteri. Yang lain duduk, yang lain diam Yang Berhormat, fasal 3 Yang Berhormat.

## 9.29 mln.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Barat dan saya amat kagum dengan Yang Berhormat Ipoh Barat yang telah mengiktiraf Yang Berhormat Shah Alam lebih baik, lebih pintar

daripada Yang Berhormat Sepang walaupun beliau bukan seorang peguam. Ertinya mengiktiraf Yang Berhormat Shah Alam seolah-olah seperti 'loyar buruk'.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri pekak kah? Tidak dengar? Ada masalah pendengaran?... *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Pengerusi, tentang perkara 3(1)...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Sepang, duduklah!

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang lain duduk diam, Yang Berhormat. Yang Berhormat, minta senyap Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** ....Bahawa cadangan pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sepang yang meminta supaya jawatan Inspektor itu ditukarkan kepada Superintenden bahawa pangkat Inspektor ke atas supaya akan menjalankan siasatan berikut dengan tangkapan yang dibuat di bawah seksyen 3(1) rang undang-undang ini iaitu dengan membenarkan Inspektor ke atas membuat siasatan dan ia akan memudahkan pelaksanaan.

#### ■ 2130

Ingin saya menyebutkan bahawa jawapan Superintenden sebagai yang dicadangkan tidak ramai. Sebaliknya jawatan Inspektor lebih ramai terutamanya di peringkat daerah. Oleh itu kerajaan tidak bersetuju dengan pindaan itu.

Fasal 3(1) bahawa cadangan yang meminta supaya dipinda kerana tindakan tangkapan hendaklah dibuat dengan segera bagi kes-kes yang melibatkan keganasan. Tindakan segera pihak penguatkuasaan dalam membanteras keganasan faktor utama bagi mengekalkan keselamatan negara. Maka kerajaan juga tidak setuju dengan pindaan...

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Mohon penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, hendak bagi Yang Berhormat.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, sedikit saja. Yang pertama tadi Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri menolak cadangan Yang Berhormat Sepang supaya menamakan Superintenden menggantikan Inspektor dan alasan Yang Berhormat Menteri Inspektor lebih ramai. Superintenden tidak ramai. Eh, ini ramai benar hendak kena tangkap ini.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak payah bersorak-sorak Yang Berhormat ya.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua kenapa isu ramai atau tidak ramai yang ditimbulkan. Seolah-olah macam kita hendak menangkap beribu-ibu ini memerlukan banyak Inspektor. Lagi ramai. Ini menakutkan kita. Saya sekali lagi menyatakan *I have the right to be worried*. Terima kasih... *[Dewan Riu]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar, sebentar Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri hendak jawab.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya hendak minta penjelasan saja.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat prihatin apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kuala Krai kalau sekiranya beliau berhajat untuk ditangkap.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Walau bagaimanapun, oleh sebab beliau tidak....

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Apa ke situ perginya. Siapa beliau hajat hendak ditangkap itu. Yang Berhormat Menteri biar betul.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Walau bagaimanapun oleh sebab beliau tidak terlibat dalam keganasan, beliau janganlah khuatir. *Nothing to be worried*, dengan izin.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Bukan masalah *worry*, ini ramai ini.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Perkara 3(1) di mana Yang Berhormat Sepang,.....

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, minta betulkan dia.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Merisaukan saya.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Menggantikan perkataan “*alasan*” dengan perkataan “*munasabah*”...

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Takut ramai UMNO yang kena tangkap. Kasihan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya ingin menyebutkan bahawa cadangan pindaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Sepang dengan alasan yang menjustifikasi sudah memadai bagi pihak polis untuk membuat tangkapan di bawah rang undang-undang ini. Dengan ini kerajaan tidak setuju dengan pindaan itu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Penjelasan Yang Berhormat Menteri, penjelasan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar. Kita tanya Yang Berhormat Menteri Yang Berhormat, tidak payah. Hendak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Begitu juga....

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan ya.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, Perkara 3(2) yang minta dibatalkan oleh Yang Berhormat Sepang....

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** ...Bahawa kerajaan juga tidak bersetuju dengan cadangan pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sepang kerana merupakan satu elemen *check and balance* supaya tidak ada penyalahgunaan kuasa. Dengan ini kerajaan tidak setuju dengan pindaan itu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Elemen *check and balance*, bagaimakah boleh dikatakan ia elemen *check and balance*?... *[Dewan Riu]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberikan penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Jangan setakat keluarkan kenyataan begitu terus lulus.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Perkara 3(3)....

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan duduk Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya rasa ini merupakan satu akta yang saja hendak *dibulldoze*.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Yang Berhormat Sepang mencadangkan supaya menggantikan majistret dengan perkataan hakim mahkamah tinggi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak Yang Berhormat ya.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Sekali lagi...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa yang dikatakan. Apa check balance dia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat. Tidak boleh bising-bising belakang itu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa dia yang *check and balance* dia.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya ingin menyebutkan bahawa.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh mencelah. Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Pandai-pandai sebut saja. Tidak ada *substance*. *There's no check and balance*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat duduk Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** ...Oleh Yang Berhormat Sepang itu kerana tidak semua daerah mempunyai mahkamah tinggi dan adalah lebih praktikal permohonan itu dibuat di hadapan majistret bagi mendapatkan reman. Maka kerajaan tidak bersetuju dengan cadangan itu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan, boleh.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Berilah penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua Fasal 3(4) yang minta dibatalkan. Sekali lagi kerajaan tidak bersetuju dengan cadangan pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sepang kerana laporan tersebut adalah hasil siasatan yang dilakukan oleh pegawai polis yang mana pegawai inkuiri ataupun lembaga akan meneliti laporan tersebut. Lembaga akan meneliti laporan yang dikemukakan oleh pegawai polis dan pegawai inkuiri tersebut.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri setuju tangkap orang tanpa bicara kan. Itu sajalah setuju.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Dengan ini kerajaan tidak bersetuju.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang lain semua tidak. Baik cakap yang lain pun tidak setuju. Senang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sepang dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Belah bahagian 15 orang bangun.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Fasal kita sudah hendak sampai, kita buat belah bahagi lah, belah bahagi, tidak apa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** 15 orang... *[Dewan Riu]*

Mengikut Peraturan 46(4), saya perintah supaya satu belah bahagian diadakan sekarang. Sila.

Setiausaha sila bunyikan loceng.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah keputusannya;

Ahli-ahli yang bersetuju berjumlah .... orang *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang tidak bersetuju .... orang *[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Pindaan tidak disetujukan]*

*[Fasal 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

■2140

**Fasal 4 dan 5 [Pindaan] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

#### 9.41 mlm

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ahli-ahli Dewan, kalau saya hendak mempercepatkan perkara ini. Tidak apa, tidak apa kita *slow down* sedikit. Apa yang penting itu kita kena ikut pindaan yang betul-betul. Saya merujuk kepada Kertas Pemberitahuan saya tentang cadangan pindaan kepada Rang Undang-undang Keganasan ini.

Fasal 4, saya ada 14 perkara yang perlu dipinda... [Dewan riuh] Kalau kacau-kacau, lambat lagi. Lambat lagi kena beli kopi ini. Fasal 4, mengenai tatacara di hadapan majistret.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli yang lain diam, diam Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baik, perkara pertama pindaan tajuk fasal 4 dengan menggantikan perkataan “Majistret”, dengan perkataan “Hakim Mahkamah Tinggi”. Perkara ini telah dibahaskan tadi oleh Yang Berhormat Sepang. Jadi alasan atau pun rasional *behind this* adalah yang sama.

Bagi perkara kedua, pindaan fasal 4(1) dengan menggantikan perkataan “Majistret” kepada perkataan “Hakim Mahkamah Tinggi” selepas perkataan “...seseorang”. Ini adalah yang sama dengan yang tadi.

Bagi perkara ketiga, pindaan fasal 4(1) dengan menggantikan perkataan “Majistret” kepada perkataan “Hakim Mahkamah Tinggi” sebelum perkataan “...hendaklah”. Isu yang sama juga iaitu di mana dalam struktur pindaan saya, saya minta Hakim Mahkamah Tinggi mengambil alih kerja-kerja Majistret.

Bagi perkara keempat, pindaan fasal 4(1) dengan menggantikan perkataan “...hendaklah” dengan perkataan “...bolehlah”. Perkataan ini sangat penting walaupun ia satu ayat. Perkataan ini penting sebab ini memulangkan kuasa kepada Hakim untuk membuat keputusan. Sebelumnya tanpa pindaan ini, Hakim tidak ada kuasa langsung. Dia terpaksa melakukan. Dalam bahasa Inggeris, *he shall do it, what we asking is to change it to may..*

Perkara kelima, pindaan fasal 4(1)(a) dengan menggantikan perkataan, “*atas pengemukaan pertanyaan bertulis yang ditandatangani oleh seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menyatakan bahawa terdapat alasan*”, kita pinda dengan, “*setelah berpuas hati bahawa wujudnya alasan-alasan munasabah*.” Ini juga memberi balik kuasa kepada Hakim Mahkamah Tinggi untuk membuat satu-satu keputusan berdasarkan dengan izin, *reasonable grounds*. Ini penting sangat kerana ini memastikan *rules of law* dan *protection of rights of the people are met*.

Pindaan perkara keenam, pindaan fasal 4(1)(a) dengan menambahkan sebelum perkataan “terlibat” dengan perkataan “didakwa”. Maknanya apa yang berlaku dalam pindaan ini kita tambah ayat “didakwa terlibat”. Ini memberi satu kepentingan yang penting sekali daripada segi undang-undang iaitu memberi *presumption of guilt*.

Perkara ketujuh, pindaan fasal 4(1)(a) dengan membatalkan perkataan-perkataan patut dicatatkan dalam daftar. Dalam struktur pindaan kita, kita tidak memakai langsung isu-isu daftar. Jadi, perkara daftar tidak terpakai lagi. Oleh itu diminta ditolak ataupun dibuang perkataan daftar ini.

Perkara kelapan, pindaan fasal 4(1)(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan ‘21 hari’ dengan perkataan-perkataan ‘14 hari’. tuan Yang di-Pertua, perkara ini tersangat penting. Ia penting kerana 21 hari itu adalah satu jangka masa yang terlalu panjang. Kenapakah kita pilih dua minggu ataupun 14 hari? Kita pilih 14 hari sebab dalam undang-undang Komanwel, khasnya United Kingdom dan juga Australia, mereka juga memakai tempoh yang sama iaitu 14 hari. Masa reman, *pretrial detention*

adalah 14 hari. Jadi, ia sangat penting kalau kita hendak menunjukkan bahawa kita adalah di antara sebuah negara yang memerhati ataupun *support United Nations*. Kita perlu membuat satu sistem yang cukup menunjukkan walaupun kita hendak lawan *terrorism*, kita masih ada ruang untuk demokrasi.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tolong jangan buang masa.

■2150

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tidak mengapalah, *you tak nak keluarlah*. Betul... [Dewan riuh]

**Beberapa Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Teruskan Yang Berhormat... [Dewan riuh]

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tidak mengapa [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tuan Pengerusi, niat jahat itu. *You balik sana, tekan butang cakap...* [Disampuk] Balik, silakan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Teruskan Yang Berhormat, tidak payah bergaduh.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih. Tuan Pengerusi perkara nombor sembilan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, *point of order*.

**Beberapa Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Kelana Jaya, saya cakap sama Yang Berhormat Stampin, apakah salah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat... [Dewan riuh]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *You* kalau tidak pandai bersidang jangan tunjuk pandai, kamu kaya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya, teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kalau mahu gaduh, boleh keluar Dewan kita gaduh... [Dewan riuh]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat... [Dewan riuh]

**Beberapa Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Bintulu hendak jadi *kongkalikung*?

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Ini Ahli Parlimen atau gengster? [Ketawa]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar. *Point of order* Yang Berhormat Ipoh Barat. Yang Berhormat Kelana Jaya duduk. *Point of order* ya. Apa *point of order* Yang Berhormat?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Peraturan Mesyuarat 33(5)(c). Tuan Pengerusi, perkara yang saya hendak bangkitkan adalah selepas Yang Berhormat Sepang mengemukakan pindaan-pindaan,

selepas itu telah ditolak oleh Dewan ini maka selepas itu, sebelum merangkumi satu seksyen 3 dimasukkan sebagai satu seksyen '(d)'...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *What is the problem Yang Berhormat?*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *It must be open for debate. I want to a debate.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Nobody stand up.*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *No, can check the Hansard.* Saya minta maaf...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Nobody stand up.* Tuan Pengerusi sentiasa ada panggil fasal 3 dan saya melihat kiri dan kanan. Tidak ada orang bangun, saya jemput Setiausaha Dewan untuk baca seksyen 3.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *No. Tuan Pengerusi, you straight went to...*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *I give time, I give space.* Saya tahu melihat kiri dan kanan, tidak ada orang bangun selepas Setiausaha Dewan sebut fasal 3. Oleh sebab tidak ada orang bangun saya sebut "*Fasal 3 jadi sebahagian daripada rang undang-undang*".

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi perbahasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat *slow, you are slow* Yang Berhormat... *[Dewan riuh]* Tidak ada. Peraturan mesyuarat yang dikemukakan ini tidak terpakai dan tidak ada pelanggaran yang dilakukan oleh Tuan Pengerusi dan Setiausaha Dewan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, *it is very important* seksyen 3. Saya hendak tanya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *No, you are slow.* Saya pandang kiri dan kanan *as usual*.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** ...Hey! Tambi duduk.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *I have been here for seven years* Yang Berhormat. Selepas fasal 3 disebut oleh Setiausaha Dewan, saya pandang kiri dan kanan sebelum jadikan itu sebahagian daripada rang undang-undang.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Bukan buka untuk bahas, dibuka untuk bahas, kalau tidak selepas itu jadi satu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ia tidak buka untuk bahas cuma Setiausaha panggil, sebut fasal 3. Kemudian Tuan Pengerusi akan lihat. Jika ada orang bangun Tuan Pengerusi akan jemput, *that's all*.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Kalau macam itu boleh bagi peluang atau tidak?... *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak ada bahas.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Boleh bagi peluang tak?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak ada bahas, tidak ada bahas. Jika ada orang bangun, Tuan Pengerusi akan panggil untuk berbahas. Ia tidak ada teks ucapan terbuka untuk dibahas, tidak ada Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, kerana seksyen 3(1) *is the core of the whole thing.*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Pengerusi, peraturan mesyuarat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Itu permulaan *and...*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Barat, *please sit down.*

Peraturan mesyuarat yang dibawakan tidak terpakai. *That is all.*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Boleh saya bangkitkan lepas ini?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Tanjung Karang peraturan mesyuarat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Peraturan Mesyuarat 43.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Peraturan Mesyuarat 43 yang mana Yang Berhormat?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Peraturan Mesyuarat 43 iaitu keputusan Tuan Pengerusi adalah muktamad.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya betul. Tidak perlukan keputusan pun ya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi, Tuan Pengerusi sudah buat keputusan, apakah lagi Yang Berhormat Ipoh Barat hendak heboh-heboh ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Betul. Memang betul Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi, saya sokong bahawa Tuan Pengerusi mestilah pegang kepada Peraturan Mesyuarat 43. Kalau tidak sampai esok pun tidak selesai.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *I wasn't wrong, I give space tetapi ada orang lambat bangun, that all.*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya, pegang Peraturan Mesyuarat 43.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya teruskan usul pindaan.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *I give space Yang Berhormat, please.*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Okey, perkara 9 pindaan fasal 4(1)(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “*Jika tiada pernyataan sedemikian dikemukakan dan tiada alasan lain bagi menahan orang itu dengan sah, mengarahkan pelepasannya*”. Diminta diganti dengan perkataan-perkataan “*Jika tiada alasan-alasan yang munasabah atasnya, seseorang itu ditahan secara sah, mengarahkan pelepasannya*”. Pindaan penting kerana ia memberi kuasa kepada hakim dan juga kerana pernyataan pegawai polis itu tidak lagi terpakai dalam situasi tersebut... *[Disampuk]*

Jadi bagi perkara 10, menggantikan keseluruhan fasal 4(2) dengan perkataan-perkataan seperti berikut, “*Mana-mana orang yang direman di bawah perenggan (1)(a) hendaklah, melainkan jika dilepaskan terlebih dahulu pada atau sebelum habis tempoh remannya hendaklah sama ada didakwa di Mahkamah Tinggi ataupun dilepaskan serta-merta*”.

Tuan Pengerusi, ini adalah juga mengikut cara yang dilakukan di United Kingdom dan Australia... [Dewan riuh] Jadi, ini adalah juga satu pindaan yang mengikut *Commonwealth*. Siapa hendak tanya itu bangunlah, jangan takut, jangan malu *please*. Tidak payah bisik-bisik.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pemberesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat. Baca usul habiskan.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Okey baik. Perkara 11, pindaan fasal 4(3) dengan membatalkan perkataan “semata-mata”. Ini penting kerana ini satu definisi yang terlalu kecil ataupun *too narrow*.

Perkara 12, pindaan fasal 4(4) dengan membatalkan perkataan-perkataan, “*Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen 10(6)*” ini tidak ada lagi dalam struktur pindaan kita maka dipohon untuk dibatalkan. Fasal 4(5) juga dibatalkan dengan alasan yang sama.

Perkara 14, perkara yang terakhir pindaan fasal 4(6)(a)(ii) dengan membatalkan perkataan-perkataan “terbuka dan aktif” kerana ayat ini, peguam kita tengoklah perkara-perkara ini ya... *[Disampuk]* Ini mengelirukan dan juga perlu dikeluarkan sebab ia tidak *definite*. Kalau tidak *definite*, kalau kita pergi ke mahkamah nanti susah untuk polis dan juga susah untuk rakyat. Dengan itu saya pohon pindaan yang dicadangkan oleh saya diterima dan disokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang ini ada Yang Berhormat Ipoh Barat. Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan sebagaimana yang tertera dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Beruas.

#### **9.57 mlm.**

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk menyokong pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya kerana kita tahu bahawa seorang Majistret ataupun Hakim Mahkamah Sesyen merupakan seorang pegawai kerajaan. Mereka adalah di bawah *judicial and legal service*, dengan izin, dan pendakwa raya biasanya akan menjadi dengan izin, bos ataupun pihak atasan kepada mereka dan Majistret dan Hakim Mahkamah Sesyen boleh ditukar bila-bila masa sahaja.

Dalam keadaan sedemikian, jika pihak pendakwa raya membawa sesuatu kes terutamanya kes yang serius seperti dalam akta ini di depan seorang Majistret biasanya budi bicara mereka tidak akan begitu bebas berbanding dengan seorang Hakim Mahkamah Tinggi. Ini kerana mereka dengan izin, mempunyai *security of tenure* iaitu mereka bukanlah seorang pegawai kerajaan dan mereka tidak boleh dipecat ataupun diturunkan pangkat melainkan dengan satu tribunal yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Oleh yang demikian, memandangkan ini satu isu yang amat penting di mana kebebasan seseorang itu boleh dilucutkan, adalah penting kita memastikan seorang hakim yang bebas untuk mempertimbangkan apa-apa permohonan yang dibawa di hadapan beliau. Itulah hujah saya agar kita bersetuju bahawa seorang hakim diberikan kuasa untuk menerapkan semua keputusan yang dibawa di depan Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai. Ada lagi? Selepas itu Menteri menjawab. Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Selayang selepas itu Menteri menjawab.

#### 9.59 mln.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan mengenai pindaan fasal 4(1) menggantikan perkataan “hendaklah” dengan perkataan “bolehlah”. Kita telah berbahas panjang tadi dan Yang Berhormat Tanjong Karang pun sudah menyebut bahawa pihak sebelah kami menganggap Mahkamah Majistret ini sebagai *rubber stamp* semata-mata.

#### ■2200

Ini kerana peruntukan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini menggunakan perkataan hendaklah. Ertinya apa juga yang dibawa di hadapan Majistret tersebut ataupun hakim tersebut, apabila ada alasan untuk menahan, maka hakim mesti bersetuju. Jadi kalau kita terus berpegang dengan cadangan ini, ertinya kita mengakui bahawa mahkamah tidak ada kuasa. Hanya kes ini *pass by* melalui sahaja mahkamah untuk seolah-olah mendapatkan satu *legitimacy*.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat.**]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila-sila.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Jadi untuk mengelakkan perkara tersebut daripada berlaku, cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Kelana Jaya supaya kita menukar hendaklah kepada bolehlah ini, dari “*shall*” ini kepada “*may*” adalah suatu cadangan yang saya rasa amat tepat. Ia memberikan kuasa kepada mahkamah. Kita boleh menggunakan kebijaksanaan hakim dalam hal ini. Kita berlaku adil kepada hakim, memberikan mereka peluang untuk menilai kes yang ada di hadapan mereka supaya membuat satu keputusan kalau sebenarnya memerlukan penahanan, mereka boleh berbuat demikian. Akan tetapi seandainya alasan-alasan diberikan dengan izin, *flimsy*, atau semata-mata untuk menjadikan tahanan itu berterusan, maka saya rasa itu tidak adil kepada mereka ditahan. Jadi saya mengharapkan supaya pindaan ini dipertimbangkan oleh Dewan ini supaya ianya memberikan suatu keadilan kepada yang ditahan dan juga memberikan hakim satu posisi yang sesuai dengan taraf mereka sebagai orang yang arif. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Selayang. Selepas Yang Berhormat Selayang, Menteri jawab.

#### 10.02 mln.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga bersetuju dan sokong untuk pindaan yang dibuat. Kita satu hari dan satu malam telah membahaskan tentang budi bicara dan kuasa yang diberikan kepada Majistret yang kita minta diberikan kepada Hakim Mahkamah

Tinggi. Mengikut fasal 4(1)(a), kalau kita hendak tukar perkataan hendaklah kepada bolehlah. Maknanya memang Majistret tidak ada budi bicara dan tidak ada kuasa untuk menilai kerana mengikut perenggan (a), apabila pegawai polis mengemukakan kenyataan bertulis dan ditandatangani, itulah menjadi mandatori kepada Majistret untuk memberikan *remand*. Saya juga meminta memberikan kuasa budi bicara yang bernilai dengan mengadakan pindaan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

#### 10.04 mlm.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Pengerusi, kerajaan tidak bersetuju dengan pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya bagi fasal 4 kerana tidak semua daerah mempunyai Mahkamah Tinggi dan adalah lebih praktikal permohonan dibuat di hadapan Majistret. Pindaan fasal 4(1), kerajaan juga tidak bersetuju dengan penukaran tajuk fasal kerana Mahkamah Majistret terdapat di semua daerah dan memudahkan pihak polis mendapatkan reman yang mana boleh dirujuk dalam tempoh 24 jam.

Pindaan fasal 4(1) dengan menggantikan ‘Majistret’ dengan perkataan ‘Hakim Mahkamah Tinggi’ sebelum perkataan ‘hendaklah’, kerajaan juga tidak bersetuju untuk menggantikan ‘bolehlah’ dalam fasal 4(1) kerana ini melibatkan jenayah keganasan dan jika terdapatnya pernyataan daripada inspektor bahawa terdapat alasan untuk mempercayai, bahawa nama orang yang terlibat dalam perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai di sebuah negara asing atau mana-mana bahagian negara asing, maka reman diberikan oleh Majistret.

Tambahan pula pindaan untuk membuang kehendak untuk inspektor mengemukakan pernyataan pada setelah berpuas hati bahawa wujudnya alasan-alasan munasabah. Memberikan kelonggaran terhadap kepuashatian inspektor sahaja tanpa ada pernyataan terhadap orang yang ditahan tersebut. Maka ini adalah *safeguard* bagi inspektor untuk menyediakan kenyataan bagi memohon pelanjutan reman di hadapan majistret.

Pindaan 4(1) dengan menggantikan hendaklah saya nyatakan pindaan fasal 4(1)(a) dengan menggantikan atas pembukaan dan selanjutnya serta pindaan 4(1)(a) dengan menambah perkataan ‘terlibat’ perkataan ‘didakwa’, cadangan pindaan bagi menambah perkataan terlibat dengan perkataan ‘didakwa’ tidak disetujukan kerana tidak bersesuaian dalam konteks ini.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Menteri sudah habis. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya sebagaimana yang tertera dalam Kertas Pindaan disetujukan.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Setiausaha.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

*[Pengundian dijalankan]*

■2210

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat, keputusan bagi undian belah bagi cadangan Yang Berhormat Kelana Jaya.

Ahli-ahli yang bersetuju 59 undi... *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang tidak bersetuju 81... *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Pindaan tidak disetujukan.

#### Fasal-fasal 4 dan 5 -

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

#### 10.14 mlm.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya hendak fahaman mengenai fasal 4... *[Dewan riuh]*

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat yang lain diam ya.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Fasal 4(1)(a) di mana saya perlu diberi fahaman apakah yang dimaksudkan bahawa alasan untuk mempercayai- dalam versi Inggeris mengatakan, “*For believing that the name of the person who is engaged*”. Apa *believing*? *What is the asas?* Itu nombor satu.

Nombor dua, fasal 4(6) yang mengatakan bahawa, “*For the purposes of this section, political belief or political activity*”. Adakah ini *the exemption* yang diberi di mana *as long as* ada *evidence* depan mahkamah yang dikemukakan oleh Inspektor mengatakan bahawa seseorang itu terlibat dalam aktiviti politik, dia tidak boleh langsung diheret dibawa di bawah akta ini, adakah ini maksud dia? Kalau tidak, apakah dia punya maksud?

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### 10.26 mlm.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Apa yang telah ditafsirkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat, kita melihat bahawa pandangan-pandangan itu bukan pandangan-pandangan tafsiran. Walau bagaimanapun, pihak kementerian mencatatkan semua pandangan itu dan kita akan lakukan pindaan apabila undang-undang ini dipinda akan datang.

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat dah sudah?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** No, Tuan Penggerusi. Tuan Penggerusi, saya tanya tujuan akta ini, bukan pada esok hari. Sekarang. *What is the reality?* Bila kita membawa satu rang undang-undang sedemikian, apakah tafsiran? Apa dia punya *intention* supaya esok hari bila perkara ini dirujuk kepada mahkamah. Oleh sebab Yang Berhormat Menteri kata sedemikian, *so I want to know*, apa alasan? Bila bercakap menggunakan perkataan alasan. *I know the ordering meaning*, tetapi apa yang

dimaksudkan mengikut kehendak akta ini, kehendak pada pandangan *the maker of the law?* Itu yang saya tanya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Ya, saya telah maklumkan di sepanjang perbahasan dan ketika jawapan dilakukan bahawa ini merupakan undang-undang pencegahan. Jadi alasannya adalah untuk pencegahan. Dalam perkara ini saya fikir Tuan Pengerusi, apa yang tersirat adalah jelas, yang tersurat lebih jelas lagi. Kecualilah kalau seseorang itu memang sengaja tidak mahu memahami apa yang dihasratkan.

*[Fasal 4 dan 5 diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

#### **Fasal 6 [Pindaan]-**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Segambut.

#### **10.18 mlm.**

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengenai fasal 6 ini, pada keseluruhan kami tidak setuju bahawa... *[Disampuk]* Ya, kami Pakatan Rakyat... *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat, baca usul Yang Berhormat.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, kalau kami lihat fasal 6(1)(a) dikata, “*To continue with an inquiry*” dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan juga (b)(ii) dikata, “*For such period not exceeding 59 days.*”

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, baca usul Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itulah saya kata, ini peguam setengah-setengah punya peguam.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, cadangan saya untuk fasal 6 ini dibatalkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ini kerana pada keseluruhan, kami anggap 14 hari ditahan dan disiasat adalah sudah cukup. Selepas 14 hari, kerajaan mesti buat satu keputusan sama ada mendakwa suspek itu di Mahkamah Jenayah ataupun melepaskan dia.

#### **■2220**

Itu yang *intention* kami tapi di *clause 6(a)* dia kata boleh *continue with an enquiry* dan juga dalam (b) dia kata boleh tahan tidak melebihi, *not exceeding 59 days*. Ini adalah tidak munasabah. Kami sokong ada satu akta untuk melawan *terrorist*, penganas, tetapi akta itu mesti munasabah, adil dan akta ini, *bill* yang di *table* di Dewan ini penuh dengan kelemahan. Itu sebab saya nak minta fasal 6 dibatalkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Segambut yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Segambut dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab lebih daripada 15 orang bangun meminta diadakan belah bahagian, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 46(4), saya memerintahkan supaya suatu belah bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Pindaan Yang Berhormat Segambut, fasal 6, keputusan.

Ahli-ahli yang bersetuju 59 undi *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang tidak bersetuju 80 undi *[Tepuk]*

*[Pindaan tidak disetujukan]*

## Fasal 6 -

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Selayang.

### 10.29 mlm.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Saya meminta penjelasan tentang Fasal 6 kerana kita melihat bahawa kalau pihak polis mendapati bahawa tidak ada kes untuk siasatan di bawah seksyen 10, maknanya dia dilepaskan dan kalau dilepaskan, apakah sebab di bawah perenggan 'b(ii)' bahawa mereka hendaklah diberikan *electronic monitoring device* untuk 59 hari? Maknanya kalau mereka tidak bersalah, hendaklah dilepaskan. Apakah kes untuk 59 hari untuk dilanjutkan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Menteri.

■2230

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Pengerusi, EMD iaitu *electronic monitoring device* dipasangkan kepada mereka yang dilepaskan adalah untuk memantau bahawa jika mereka benar-benar tidak terlibat atau tidak mempunyai sebarang *connection*, dengan izin dengan kumpulan yang disyaki atau individu yang disyaki, maka dia dilepaskan. Jika tidak, maka EMD itu akan dipasang mengikut tempoh yang telah ditentukan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh dapat penjelasan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya baru dari DUN Perak di mana Menteri Besar Perak pernah, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Zambry pun pernah ditahan di bawah ISA. Dia sampai hari mengatakan beliau tidak terlibat. Jadi adakah ini akan berlaku kepada pemimpin-pemimpin yang lain. Sampai hari ini kawan baik Menteri pun kata dia telah ditahan di bawah ISA tanpa sebab yang baik. Saya hendak dapat jaminan apakah jaminan yang boleh diberikan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya tidak pasti sama atau tidak dengan Menteri Besar Perak tetapi saya di sebelah bilik Menteri Besar Perak ketika itu. Sama juga. Akan tetapi oleh sebab kami dua-dua baik, maka selesailah. Itu sebabnya kita tahu bahawa apa yang berlaku sekarang ini adalah sesuatu yang diperlukan dan kami berjaya kerana sistem pemulihan yang ada pada ketika itu adalah baik. Itulah sebabnya Yang Berhormat Seputeh dulu pun kena tetapi kerana beliau baik, maka beliau terlepas.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini menunjukkan ISA, Yang Berhormat Menteri, yang penahanan terhadap saya itu yang dikatakan saya melarang azan, mengadakan kekecohan hubungan antara kaum dan agama itu memang bohong. Tidak wujud langsung, ini memang salah, saya disalah tangkap di bawah ISA, itu sebab ISA dimansuhkan. Sekarang, balik kembalikan akta macam ini diberikan untuk penahanan lebih daripada dua tahun dan boleh diluluskan oleh majistret, manakah adil? Sekarang kata ini tidak akan, *who take on the politician* tetapi kita tidak tahu satu hari nanti siapa di antara kita ini boleh dijadikan mangsa.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Pengerusi, saya beritahu kalau kita tidak bersalah, walau dalam mana keadaan sekalipun, ada klausa menyebutkan jika berbeza pendapat ataupun berbeza fahaman politik, tidak akan termasuk di dalam mana-mana klausa akta ini. Jadi kekhawatiran itu jangan harus timbul kecuali saya sebut lagi sekali, kecuali kalau ada di kalangan kita yang bersimpati atau berpotensi untuk terlibat dengan aktiviti keganasan. Maka kekhawatiran dan saya tidak fikir Yang Berhormat Shah Alam akan juga berada dalam keadaan itu walaupun Yang Berhormat Shah Alam bukan pakar undang-undang tetapi undang-undang yang ditafsirkan oleh beliau sering mengelirukan Dewan dan Ahli-ahli Dewan. Oleh sebab itu Tuan Pengerusi, eloklah kita tidak panjangkan lagi pindaan ini dan kita harus terima.

*[Fasal 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.]*

**Fasal-fasal 7 hingga 12 [Pindaan] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat.

**10.33 mlm.**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mencadangkan untuk meminda fasal 7. Fasal 7 dibatalkan atas sebab fasal 7 adalah berkenaan dengan *electronic monitoring device*. Ini sesuatu yang patut ditentukan seorang hakim yang lebih tinggi. Jadi kita rasa *Session Court Judge* boleh menentukan hak seseorang dengan meletakkan satu *electronic monitoring device*. Termanya bagus tetapi pada hakikatnya ia menyekat kebebasan seseorang. Jadi pada pendapat kami, kalau kita mahu, dia punya *qualification* kena lebih tinggi maka haruslah seorang *High Court Judge* untuk menentukan sama ada seseorang itu patut diberi *electronic monitoring device*.

Pada ketika ini, kalau kita sudah ada bukti tertentu, makalah *charge*. Janganlah limit bagi EMD, limit seseorang dalam kawasan. Kalau kerajaan sudah yakin dengan seseorang, ada terlibat dalam agenda *terrorism*, maka *charge* lah. Gunalah akta atau undang-undang sedia ada untuk *charge*. Inilah yang kita cadangkan.

Dalam POTA, sebenarnya kita hendak bagi *intention*, hendak bagi *judicial over side* tetapi pada masa yang sama hakim yang diberi kuasa itu tidak terikat dengan tangan. Dia hanya boleh bagi sahaja *electronic monitoring device* dalam fasal ini, hakim terpaksa bagi. Dia dibawa ke hakim, hakim tidak ada pilihan dengan memberi sahaja *electronic monitoring device*. Jadi untuk kita, ini adalah bertentangan dengan *natural justice*, bertentangan dengan *rule of law*. Maka fasal ini saya cadangkan dibatalkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey, dah habis semua atau satu persatu?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Fasal 8, ini adalah *prevention of terrorism board*. Kita pertikaikan kerana tadi kita nampak Menteri sendiri pun telah akui bahawa ada kelemahan dalam draf undang-undang ini, di mana kita tahu bahawa *chairman* kepada *POTA Board* patutnya seorang hakim tetapi dalam RUU ini tidak dispesifikasikan, tidak *specified*. Bukan seorang hakim, kita tidak tahu, *legal qualified person, legally qualified person with at least 15 years of experience*. Mungkin dia seorang *legal advisor* dalam sebuah bank, komersial bank, boleh jadi *POTA Board Chairman*, kita tidak tahu.

**Seorang Ahli:** *What's wrong?*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Kedua adalah dalam *committee*, ya *what's wrong?* Inilah masalahnya, kerana ini Yang Berhormat Bintulu tidak faham, tidak faham-faham.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Apakah fasal *you* hentam saya? Bila *you* dengar saya cakap, bilakah saya cakap?... *[Dewan riuh]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Boleh, boleh cakap.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Bukan, bilakah saya cakap? Saya duduk sini, saya cakap sama dia, *you* balun sama saya... *[Dewan riuh]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Dah cakap, kemudian tidak mahu akui. Cakaplah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Bayan Baru, saya cakap sama kita, bagi hormat sikit, saya masih *mourning* lagi, *you* jangan bikin saya benci sama kamu tau. *You* jangan cakap tidak betul punya. *You* tidak kenal saya, *you* lawan sama saya buat apa? *You* mahu cari gaduh juga?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ini tempat Dewan, ini bukan tempat gengster okey.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Bukan gengster, you selalu mahu marah orang kenapa?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tidak ada marah, mana ada marah, saya senyum.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** You hendak tunjuk you punya terer? You tunjuk terer, / pun boleh tunjuk terer.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Duduklah, duduklah... *[Dewan riuh]*

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Bintulu, jangan kongkalikung lah. Ini Dewan yang mulia, bukan tempat samseng berkeliaran.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Pengerusi, saya minta teruskan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Pengerusi, minta dia kasi cutilah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila-sila terus.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih. Saya minta teruskan. Dalam POTA *board* ini, ia ada timbalan penggerusi dan *no less than three or not more than six other members*. Kita tidak menetapkan kualifikasi mereka bagaimana, apa kualifikasi mereka, boleh duduk dalam satu *Board* yang begitu penting. Menentukan kebebasan seseorang. Dia boleh dipenjarakan dua tahun, lepas itu dua tahun, lepas itu dua tahun, *continue unlimited*.

Kebebasan seseorang itu begitu murah harganya sehingga beberapa orang sahaja tanpa dispesifikasikan boleh menentukan kebebasan mereka selama-lamanya. Kita tahu bahawa hanya seorang yang kita hanya hadkan *chairman* 15 tahun *experience*. Itu pun boleh *legal advisor* dalam bank. Selepas itu yang lain tidak kira siapa, *Tom, Dick or Harry, anyone*. Jadi ini sesuatu undang-undang yang *float, a very float*, cacat. Jadi kita tahu bahawa ini dan *appointment* boleh ditukar bila-bila masa tanpa di bawah seksyen 84, dia boleh tukar bila-bila masa.

**-2240**

Kedua adalah dalam *Board* itu dia menetapkan prosedurnya sendiri. Dia sendiri kata ini prosedur SOP ini, esok dia boleh tukar yang lain. Dia boleh sendiri *set up the SOP*, kita tidak tahu. Kita tidak tahu SOP itu betul... *[Disampuk]* Itu kuasa. Kuasa undang-undang, dia boleh buat apa-apa sahaja. Itu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *Open to abuse, open to abuse.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Fasal berikutnya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey. Belum habis lagi, sedikit lagi ya. Menteri kata POTA tidak boleh disamakan dengan ISA kerana Menteri tidak terlibat, tetapi Menteri terlibat dalam melantik semua *members* dalam *Board* POTA, termasuk Penggerusi, Timbalan Penggerusi dan ahli-ahli. Jadi kuasa cukup besar kepada Menteri, *there open to abuse*. Kalau Menteri tidak puas hati dengan mana-mana ahli kerana tidak mengikut arahan dia, mengikut suka hati dia, boleh tukar. Tukar orang yang ikut, pak turut. Dia hanya boleh melantik pak turut. Jadi ini masalah yang sangat serius yang perlu kita pertimbangkan.

Jadi kita nampak bahawa POCA, dalam POCA *Board* sehingga kini tidak tahu siapa POCA *Board*. Nama-nama siapa, mereka terlindung... *[Disampuk]* Tidak apa, tetapi dalam undang-undang, nanti kita minta Menteri jawab... *[Dewan riuh]*

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Undang-undang boleh beli. *Stupid.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya rasa ahli-ahli yang Dewan lain tidak tahu, tidak tahu pun kerana itu hak mutlak Menteri, tidak payah umumkan. Itu menjadi masalah kerana *they are not responsible, they are not open to criticizer.* Keputusan mereka begitu penting tetapi mereka dilindungi, *it's surrounded with secrecy, we don't know who are they.* Jadi ini isu yang sangat serius yang melibatkan kebebasan orang, keluarga mereka, anak mereka, mungkin cucu mereka. Ini kebebasan seseorang, kita tidak boleh mengambil ringan tentang isu ini. Jadi, kita nampak bahawa *a very float law* dan *inquiry.*

Fasal saya teruskan Tuan Pengerusi fasal 9 - *Inquiry Officer.* Kita tidak tahu siapa *Inquiry Officer.* *Who is the Inquiry Officer?*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya boleh.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Minta penjelasan. Dalam fasal 9 dia kata, "*The Minister may in writing appoint any person.*" Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Bayan Baru, adakah ia bermakna Menteri boleh lantik *in writing*, seorang *minor*, budak ataupun seorang bankrap?... *[Dewan riuh]* Any person, minor person, bankrupt person...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ataupun orang asing, Bangladesh. Betul tidak? Ataupun seorang yang sudah umur tua macam Tun Mahathir, betul?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya, betul-betul. Ini ialah masalahnya. Kita minta Menteri jawab.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Boleh saya tanya?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Kita tidak tahu siapa, dia boleh sesuka hati.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ringkaskan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Mungkin seorang, Lee Kuan Yew. Kalau Lee Kuan Yew masih ada, dia boleh lantik Lee Kuan Yew. Jadi...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Bayan Baru, boleh saya celah?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi, inilah masalah yang perlu dijawab, perlu dijawab oleh Menteri. *Inquiry Officer, who is the Inquiry Officer?*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Boleh saya celah? Yang Berhormat Bayan Baru, saya hendak pandangan Yang Berhormat Bayan Baru. Kenapakah Menteri yang melantik pegawai siasatan pada halnya Lembaga Pencegah Keganasan sudah ada? Kenapakah mereka tidak yang melantik? Ini menunjukkan bahawa Menteri itu mempunyai kuasa yang lebih daripada apa yang ditunjuk daripada undang-undang ini.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ini Yang Berhormat Kelana Jaya betul, saya sokong pendapat Yang Berhormat Kelana Jaya. Ini yang kita pertikaikan... *[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat yang lain diam ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Kalau kita lihat pada *clause* ini, maka segala penghujahan sebelum ini yang mengatakan bahawa tidak ada campur tangan Eksekutif dalam proses perundangan di bawah POTA ini bohong. Tidakkah apabila Menteri itu dengan sendirinya boleh lantik siapa sahaja yang dia hendak tanpa ada apa-apa *guideline*, kelulusan, keperluan yang dinyatakan di sini, maka ini menunjukkan bahawa Menteri itu mempunyai kuasa yang mutlak dalam soal pelantikan pegawai ini. Akan tetapi sebelum ini, semua pihak *Backbencher* kata, “*Eh! Eksekutif tidak terlibat, tidak terlibat.*” dia kata. Akan tetapi bagaimana dalam soal ini nampak tidak, terlibat atau tidak terlibat Yang Berhormat Bayan Baru, terlibat atau tidak terlibat? Terlibat! Lalu, bagaimakah pandangan Yang Berhormat Bayan Baru tentang ini?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Shah Alam. Menteri mempunyai *invisible hand*. Sekarang bukan sahaja *invisible hand*, ini *hand visible* dalam melantik *inquiry officer*.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Banyak sangat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Lepas ini Yang Berhormat Bayan Baru ya.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Seksyen 8(1) Yang Berhormat, dia beri kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk lantik. Akan tetapi kita tahu Yang di-Pertuan Agong tidak ada pengalaman sendiri untuk melantik, dia mesti atas nasihat Menteri. Lepas itu di sini kita dapati pegawai siasatan pun dengan perkataan pun ada perkataan Menteri. So saya rasa 8(1) di mana dia gunakan perkataan Yang di-Pertuan Agong ini supaya orang di luar nanti tidak kata Menteri ada kuasa yang luar biasa di bawah seksyen ini. Akan tetapi kalau kita tengok seksyen 8(1), seksyen 9(1) ini memang beri kuasa yang agak luas kepada Menteri, sama macam ISA dahulu. Itu yang disebabkan ini yang dipanggil sebagai ISA 2.0. Jelaskan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ringkaskan Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya setuju dengan apa yang dicakap oleh Yang Berhormat Kapar. Ini yang masalahnya kerana *power corrupt, absolute power corrupt absolutely*. Jadi ini...

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Bayan Baru. Ya Yang Berhormat Bayan Baru, setujukah dengan saya dalam klausula 9 ini apa yang perlu untuk Menteri lantik hanya satu nama dan jawatan. Apakah jawatan ini? *Just an office if you look at the English version* dengan izin. *This is very dangerous* dan amat-amat merisaukan sebab ini kuasa mutlak kepada Menteri melantik sesiapa yang ada nama dan yang mempunyai satu jawatan, itu sahaja *requirement*. Bukankah itu satu langkah yang amat bahaya dan terbuka kepada Menteri untuk menyalahgunakan kuasa? Saya bukan kata Yang

Berhormat Bagan Datok salah, tetapi siapa yang akan jadi Menteri boleh menyalahgunakan kuasa di bawah klausula 9 ini. Betul atau tidak?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Betul. Jadi, semua yang baca rang undang-undang ini tahu bahawa betapa bahayanya rang undang-undang ini, *open to abuse*. Barisan Nasional pun tahu, tetapi dia ingat dia boleh ada kuasa. Akan tetapi saya hendak ingatkan kepada Ahli-ahli yang di sana, Yang Berhormat Bagan Datok dan juga Yang Berhormat Zamri, mereka masuk ISA masa sebagai Ahli Barisan Nasional. Ini kerana mereka tidak setuju dan mereka bantah Tun Mahathir, itu sebab dia dimasukkan. Sekarang ada perbalahan antara Tun Mahathir dengan Najib, dengan Yang Berhormat Pekan dengan Timbalan Perdana Menteri, siapa-siapa pun boleh masuk, kalau you masuk salah *camp*. Jaga-jaga itu, kita tidak mahu begini. *Don't play-play*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bayan Baru, ringkaskan ya. Cukuplah Yang Berhormat Bayan Baru, cukuplah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Fasal 10, kita memberi kuasa kepada... *[Disampuk]* Oh! Hendak bagi Menteri jawab dahulu, boleh?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Habiskan, habiskan sehingga fasal 12.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kuranglah belah kita untuk belah bahagi.

## ■2250

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau boleh kita hendak setiap satu hendak buat belah bahagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat. Sila, sila, sila. Yang Berhormat Bayan Baru. Ya, Yang Berhormat Segambut, Segambut.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tuan Pengerusi, saya sokong cadangan Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini bukan Mesyuarat Agung Belia, boleh sokong-sokong macam itu sahaja.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Saya minta belah bahagi.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Pengerusi, saya hendak rehat sekejap boleh? Kita belah bahagi dulu boleh? Belah bahagi dululah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tuan Pengerusi, bagi belah bahagi dululah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kita sebut fasal-fasal 7 hingga 12. Setiausaha sudah sebut fasal-fasal 7 hingga 12. Kalau Yang Berhormat tidak berminat, saya menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya teruskan dengan kuasa *detainees and power of inquiry officer*. Kita nampak bahawa dalam rang undang-undang ini memberi kuasa yang cukup besar kepada *inquiry officer*. Kita tidak tahu siapa tadi. Sekarang kuasa begitu besar. Dia punya tugas adalah boleh panggil siapa-siapa. Dia boleh panggil mana-mana banduan dalam penjarakah di manakah dia boleh panggil. *[Disampuk]* Ah Long kah. Kalau dia langsung tidak mahu panggil siapa-siapa pun boleh dan tugasnya hanya tulis satu laporan. Kemudian hantar kepada *POTA Board* dan *POTA Board* akan buat keputusan. *This guy is an investigator is also a judge*. Jadi kuasa terlalu besar kepada seseorang yang tidak diketahui kuasanya – tanpa diketahui identitinya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, bagi peluang Yang Berhormat Bayan Baru habiskan dulu usulnya. Selepas itu Yang Berhormat diberi peluang untuk bahas. Tidak payah. Yang Berhormat kalau hendak berbahas, selepas ini. Sila.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tidak apa. *My floor*, saya boleh bagi dia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, saya ada kuasa juga untuk mengehadkan. Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, kenapa tidak boleh mencelah?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Nanti, nanti Yang Berhormat Kelana Jaya bahas ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tadi ada peluang. Yang Berhormat, Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Mencelah ini hak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kita ada peluang untuk berbahas.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Akan tetapi dia boleh mencelah. Jangan hapuskan hak mencelah itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat. Sila, sila, sila.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Sepang ini tidak faham peraturan. Bagilah habis cakap. Buka untuk dibahas, barulah bahas. Kita baru hendak bercakap. Tidak faham peraturankah? Kecoh!

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak orang tanya mencelah ini. Mencelah ini adalah hak. Faham atau tidak faham?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yalah. Dia kena bentang dulu. Selepas itu nanti akan buka kepada perbahasan, ambillah bahagian.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang seorang ahli boleh beri izin untuk mencelah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa Yang Berhormat Sepang tidak faham-faham peraturan. Kecoh.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang saya tahu, awaklah yang tidak faham-faham dari dulu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa yang bodoh sangat?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila, sila Yang Berhormat Bayan Baru. Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Cakap orang bodoh, tengok diri sendirilah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bagilah dia habis cakap dulu. Bagi dia habis cakap, *then* bahaslah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey kita tahu bahawa *inquiry officer* ini mempunyai kuasa yang begitu besar. Dia boleh tulis apa-apa sahaja dalam laporan tersebut dan saya hendak beritahu *POTA Board* itu dia buat mesyuarat, dia hanya terima satu laporan dan mereka telah buat keputusan berdasarkan kepada laporan tersebut. Apa yang *inquiry officer* itu tulis, dia kena percaya kepada orang itu, kepada *inquiry officer* itu. Ini *subject to a huge abuse*. Kalau *inquiry officer* itu, dia benci seseorang, dia tulis apa-apa sahaja. Dia boleh panggil mana-mana dan siapa-siapa yang beri saksi atau dia tanpa memberi saksi pun boleh. Jadi ini adalah *problem*. Jadi kalau kita kata hendak bagi *such a huge power*, kita kena bagi kepada hakim. Biar hakim yang arif dengan *experience* mereka untuk buat keputusan. Bawalah suspek ke muka pengadilan. Jangan hanya bagi kuasa kepada seorang *inquiry officer*.

Ahli-ahli Yang Berhormat di sana semuanya mungkin *subject to this*, jangan main-main. *[Disampuk]* Yang Berhormat Pasir Salak pun tahu. Dulu...

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:**  
[Bangun]

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Eh, Yang Berhormat Menteri duduk!

*[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Pasir Salak, nanti boleh bahas. Duduk dulu. Nanti boleh bahas. Duduk dulu, duduk dulu. Nanti boleh bahas. Nanti dibuka peluang untuk bahas. Nanti bahas. Okey, bagus itu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Dulu dalam ISA...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya ada kuasa, kalau hanya berbahas dan berucap untuk melengah-lengahkan masa...

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta laluan, minta laluan. Minta laluan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Bintulu, you hendak cakapkah Yang Berhormat Bintulu? Yang Berhormat Bintulu hendak cakap, berdirilah.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta laluan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang tidak serius, pihak Barisan Nasional lah yang tidak serius.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat ‘Bagan’, kamu jangan kurang ajar ya. *You are too much.* Kamu hendak bahas, bahas betul-betul. Jangan kurang ajar. *[Dewan riuh]* You jangan kurang ajar. Apa ini cabar-cabar. Suruh orang bangun, bangun. Jangan kurang ajar ya. *Shut up!*

*[Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** Ini tidak patut dikeluarkan dalam Dewan. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Diam, Yang Berhormat. Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Ini kita dengar. Kena tarik ini. Kena tarik balik ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini jaguh kampunglah.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tarik balik, tarik balik. Tarik balik.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Ini kena minta maaf ini.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat. Masing-masing kita dengar. Sebelah sana, sebelah sini. Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Bayan Baru. Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Siapa mula dulu? Dia cabar orang. Bangun, bangun, bangun. Samsengkah?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya lah, dia yang hendak cakap. Dia yang hendak cakap.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau saya, saya...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tuan Pengerusi, kita jemput dia keluarlah. Ini benar-benar kurang ajar. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat.. Kita hendak pecah rekodkah, Yang Berhormat pukul tiga pagi?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak apa, tidak apa. Boleh.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Pengerusi, saya hendak...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak apalah Yang Berhormat Bayan Baru. Sila teruskan. Ya, Yang Berhormat. Tidak perlulah pencelahan. Kita perbahasan nanti. Kita ada peluang bahas. Ya, Yang Berhormat Bayan Baru. Berminat atau tidak minat?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Penjelasan? Tuan Pengerusi, dia hendak penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak payah, tidak perlu. Nanti ada peluang perbahasan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya ingat Yang Berhormat Bayan Baru bawa usul pun dia tidak faham. Waktu Yang Berhormat mahu bawa usul, tidak ada pencelahan. *[Dewan riuh]* Mana boleh. Buka nanti, sudah ada baru bahas. Ini dia bawa usul pun dia tidak faham peraturan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak boleh bagi pencelahan. Bawa habis, bahas. Baru boleh hendak mencelahan. Baru boleh hendak bahas. Ini apa ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sekarang belum bahas! Sekarang belum bahas lagi. Baru mencadangkan usul.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Faham atau tidak maksud minta penjelasan?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Eh, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, kalau you pun tidak tahu undang-undang...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Faham tidak apa itu minta penjelasan. Itu tidak sama dengan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah. Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** No, peraturan pun tidak faham. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, ya Yang Berhormat cukup, cukup. Ya, cukup.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Tanjung Karang mabukkah!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Pengerusi, ini pencelahan atau minta penjelasan? You hendak minta penjelasan atau apa?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya cukup. Ya, Yang Berhormat Bayan Baru sila ringkaskan. Sebenarnya Speaker sebelum ini sudah sebut sepuluh minit sahaja di peringkat Jawatankuasa. Saya sudah benarkan lebih daripada 30 minit.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Masa panjang. Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi ini adalah *subject to abuse* kerana memberi kuasa yang begitu besar. Dia boleh panggil sesiapa sahaja untuk...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey cukup. Kita faham yang itu. Fasal berikutnya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi saya nampak...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak perlu ulang-ulang Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Pengerusi, kita nampak bahawa *this is a fraud bill*.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tuan Pengerusi, satu fasal sepuluh minit. Yang Berhormat Bayan Baru ada lima fasal. Dia ada 50 minit. *[Dewan riuh] [Tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat Segambut.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Silakan, Yang Berhormat Bayan Baru.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Segambut kasi cutilah. Cuti, cuti. Esok baru masuk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Suruh tangguh tidak mahu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kalau berdegil-degil, tidak hirau arahan daripada Speaker, saya tidak akan teragak-agak untuk rehatkan ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Pengerusi, saya gulung ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih. Saya rasa macam ini. Masih tidak belum terlewati. Saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri, kita bawa ini ke *Parliament Select Committee*. Bawa bincang. Ada masalah besar dalam rang undang-undang ini. Bawalah. Kita boleh. *I am committed anti terrorism.* Saya komited sebab kita Pakatan Rakyat pun mahu pertahankan tanah air kita daripada sebarang ancaman *terrorist*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru. Fasal berikutnya sila.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi kita mahu supaya kalau boleh Yang Berhormat Menteri bawa masuk ke dalam *Parliament Select Committee*. Belum terlewati lagi. Minta Yang Berhormat Menteri pertimbangkan. Terima kasih. Saya minta mencadangkan.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Belum lagi, Yang Berhormat. Saya belum lagi.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Bagi tiga minit, tiga minit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sabarlah. Sabarlah.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Ya, ya buka untuk perbahasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, belum. Sabar, sabar, sabar, sabar. Yang Berhormat lain duduk. Ya duduk. Tunggulah. Ya.

■2300

Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Bayan Baru yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dua minit Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dua minit? Mana boleh dua minit. *[Dewan riuh]* Tuan Pengerusi, mereka tidak mahu tangguh lepas itu bagi dua minit. Mana boleh.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pemberesar suara]* ...Dua minit selalu boleh.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tadi kita kata tangguh...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bangun 20 orang Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, tapi bahagian ini penting Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dua minit untuk Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Mukadimah pun dua minit. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

#### 11.00 mlm.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi, merujuk kepada fasal 8, saya hendak tambah kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bayan Baru fasal 8(1)(a) mengenai “*A Chairman, who shall be legally qualified with at least 15 years experience in the legal field*”. Kalau kita perhatikan sebelum ini disebut oleh Yang Berhormat Menteri bahawa ini seolah-olah seorang bertaraf Hakim Mahkamah Tinggi tetapi kalau kita lihat kepada perkara 123 Perlembagaan Persekutuan “*Qualifications of judges of Federal Court, Court of Appeal and of High Court*”. “*A person is qualified for appointment under article 122B as a judges of a Federal Court, Court of Appeal or High Court if:*

- (a) *he is a citizen; and*
- (b) *for the ten years preceding his appointment he has been an advocate of those courts or any of them or a member of judicial and legal service of the federation or of legal service of a state*.

Bermakna di mana ada rujukan mengenai *qualification High Court Judge* mesti sekurang-kurangnya 10 tahun sebagai *advocate and solicitor*. Di sini perkataan “*Legally qualified person with at least 15 years experience in the legal field*”. Apa makna perkataan ini? *At least 15 years experience in legal field*, tidak bermakna apa-apa. Maknanya seorang yang mempunyai *qualification LLB* pun boleh dilantik sebagai *chairman of such an important*, satu *board* yang begitu penting. Ini maknanya kualiti *drafting* begitu lemah dan begitu tidak tepat. Sekali lagi sebab mengapa rang undang-undang ini perlu ditarik balik.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Boleh celah?

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Yang lain itu saya rasa..

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Maknanya siapa yang draf ini, memang tidak boleh jadi *board chairman*. Betul tidak?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini soalan main-main sahaja.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tidak, tidak, minta pandangan. *[Ketawa]*

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi, itu yang pertama mengenai fasal 8. Mengenai fasal 10 Tuan Pengerusi. Fasal 10 kalau diperhatikan 10(3)(a) “*An inquiry officer may for the purpose of any inquiry under this act. Procure and receive all such evidence, in any form and whether the evidence be admissible or not under any written law for the time being in force relating to evidence or criminal procedure...*”

Tuan Pengerusi, ini satu provision yang begitu berbahaya kerana bermakna apa-apa keterangan walaupun *hearsay*, dengar cakap daripada apa-apa punca tidak menjadi masalah, boleh diterima di bawah seksyen 10(3)(a). Kalau ada perbicaraan di mahkamah sekurang-kurangnya kita boleh terima walaupun keterangan *hearsay* dan sebagainya. Ini tidak ada apa-apa perbicaraan di mahkamah tetapi keterangan seperti ini dibenarkan. Ia menyebabkan sesiapa pun boleh dibawa dan dihantar untuk *detention* di bawah seksyen 13.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam bangun.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Kualiti keterangan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Padang Serai, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Padang Serai. Bila undang-undang yang sebegini digubal ada tidak dilihat daripada apa yang tertulis di sini satu kesungguhan untuk menentukan bahawa bukti-buktii yang dikemukakan itu adalah bukti-buktii yang benar-benar sahih. Dengan tujuan supaya hendak mendapatkan keadilan ataupun ia merupakan satu corak undang-undang yang digubal tanpa mengambil kira apa-apa prinsip keadilan yang merupakan amalan dalam bidang guaman dan sebagainya selama ini. Berdasarkan kepada apa yang pernah dialami dan apa yang dibaca di sini. Apa pandangan Yang Berhormat Padang Serai mengenai undang-undang ini?

**Tuan N. Surendran a/l /K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi, sebab itu nampaknya tidak ada kesungguhan untuk menangkap, memberkas dan menahan orang yang sebenarnya melakukan kegiatan *terrorism* dan sebagainya di negara kita. Kalau kita guna peruntukan-peruntukan seperti ini kita mungkin menangkap orang-orang yang tidak bersalah, orang-orang yang mungkin *low level* dan sebagainya. Akan tetapi kalau kita guna peruntukan seperti ini mungkin pengganas-pengganas yang sebenarnya akan terlepas dan kita tangkap orang yang tidak berkaitan *based on hearsay evidence* seperti yang dibenarkan di bawah 10(3)(a). Itu bermakna kalau kita melihat fasal ini dan lain juga, menunjukkan bahawa memang tidak ada kesungguhan. Saya tidak nampak kesungguhan di sini untuk memastikan orang yang sebenarnya terlibat ditangkap. Selepas itu fasal 10(6) pula...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Padang Serai, sebelum itu. Bila dikatakan bahawa tidak ada kesungguhan untuk tangkap orang yang benar-benar bersalah boleh tidak saya simpulkan bahawa sebenarnya undang-undang ini bertujuan untuk hendak menahan orang, tidak kisah sama ada dia bersalah ataupun tidak. Yang terpenting ialah siapa sahaja yang ditahan amat sukar untuk dicari jalan untuk keluar kerana apa sahaja yang boleh diperolehi boleh digunakan untuk menahan orang yang tersebut.

Dalam erti kata yang lain ia merupakan undang-undang yang bertujuan untuk menentukan bahawa seseorang yang ditahan itu dan disyaki itu akan terus ditahan dan juga sepertimana yang disebut di sini “*Mendapat dan menerima segala keterangan dalam apa-apa bentuk dan sama ada keterangan itu boleh diterima ataupun tidak boleh diterima di bawah mana-mana undang-undang bertulis...*” Ini termasuk juga kemungkinan menggunakan *torture* untuk mendapat pengakuan, mengugut, memaksa, menggunakan segala apa yang ada termasuklah *threaten, hurt*, menakut-nakutkan bahawa akan berlaku sesuatu terhadap keluarganya, anaknya, cucunya selagi mana kamu tidak mengaku, hendaklah kamu mengaku. Boleh ataupun tidak dalam keadaan yang sebegini Yang Berhormat Padang Serai?

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi, ini seperti lagu Cole Porter dari tahun 1930-an *Anything Goes* dan di bawah seksyen ini *anything goes*, semuanya boleh masuk. Oleh sebab itu saya perlu menyatakan dengan jelas di sini dan Yang Berhormat Menteri pun ada, peruntukan seperti ini tidak ada tempatnya dalam rang undang-undang negara yang bertamadun. Tidak ada tempatnya. *We cannot have law like this.* Merujuk kepada seksyen 10(6), di mana jelas menurut seksyen 10(6) orang yang menjadi subjek *inquiry* tidak akan diberikan bantuan daripada peguam bela kecuali semasa keterangan beliau sendiri sedang direkodkan.

Manakala menurut 10(7) *public prosecutor* boleh menghadirkan diri untuk membantu *inquiry officer*. Yang Berhormat Menteri, ini adalah satu *provision* yang amat tidak adil, seorang *subject inquiry* yang tidak mempunyai apa-apa pengetahuan undang-undang terpaksa secara diri sendiri menjawab apa-apa tuduhan tetapi pihak *inquiry officer* yang mempunyai segala kemudahan dibantu pula dengan *public prosecutor*. Manakah prinsip keadilan di dalam fasal-fasal seperti ini Yang Berhormat Menteri? Saya rasa kita tidak boleh terima peruntukan-peruntukan seperti ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang.

#### 11.09 mlm.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengenai seksyen ataupun fasal 8, tadi dikatakan oleh rakan saya Yang Berhormat Padang Serai jelas bahawa walaupun Yang Berhormat Menteri tadi kalau saya salah dengar saya minta maaf. Apa yang saya dengar tadi Yang Berhormat Menteri kata memang *chairman* itu adalah daripada hakim walaupun *wording* dalam seksyen 8 ini menunjukkan sebaliknya. Apatah lagi bila ditunjukkan oleh Yang Berhormat Padang Serai tadi dari segi *qualification* seorang hakim berdasarkan perlembagaan sudah tentulah seksyen 8 ini menunjukkan bahawa *chairman* ini tidak wajib seorang hakim.

#### ■2310

Ini agak pelik juga. Apabila POCA, *Prevention of Crime Act* dipinda, memang dinyatakan secara spesifik bahawa seorang hakim. Kita nampak sekarang ini daripada okey sikit kepada lagi makin tidak okey. Saya pun tidak tahu apakah alasan kenapakah tidak diletakkan syarat mestilah seorang hakim. Paling kuranglah. Itu yang pertama.

Yang keduanya mengenai seksyen 9. Saya dapat bahawa..

**Seorang Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jangan cakap loyar buruk. Kalau hendak, bangun. Saya ini LLB qualified. I got two degrees. If you want to debate with me, please stand up. [Dewan riuh] Please stand up. Jangan cakap macam gitu, tidak ada kelas tahu.

Okey, “The Minister may in writing appoint any person by name or office, and either generally...” Bagi saya, yang merisaukan ini, oleh kerana Minister ini boleh melantik sesiapa saja dan saya risau mungkin akan dilantik ialah orang-orang yang ada pengalaman terlibat dalam mendapatkan pengakuan secara tidak sah di sisi undang-undang dan mungkin mereka-mereka yang dilantik ini adalah mereka-mereka yang pernah terlibat dalam menyiasat tahanan-tahanan ISA dengan menggunakan kaedah-kaedah yang tidak bertamadun, kaedah-kaedah yang jelas untuk mendapatkan pengakuan, sanggup melakukan apa saja.

Jadi bagaimakah kita boleh dapat satu jaminan mereka-mereka yang dilantik ini benar-benar orang yang memang dari segi rekodnya bukan rekod yang buruk dan tidak ada pengalaman menggunakan cara-cara yang tidak bertamadun, cara-cara yang draconian? Ini tidak ada safeguard. Dalam Seksyen 9 ini, tidak dinyatakan apa-apa caveat yang menunjukkan bahawa orang-orang seperti itu tidak dilantik. Sebaliknya dia memberikan satu seksyen yang begitu luas kuasanya sehingga sesiapa saja boleh dilantik. Jadi bagaimakah kita boleh percaya pada jaminan ini bahawa kita akan lantik orang yang okey? Kita tidak percaya, lagilah yang bagi jaminan ini ialah kerajaan yang penuh berselirut dengan mungkir janji. Mungkir janji ini satu hobi Barisan Nasional.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yes, saya boleh bagi contoh. Janjinya hendak hapuskan Akta Hasutan, tapi tidak hapus. Bangunlah Yang Berhormat Arau. Ingat buka songkok saya takut kah?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak, tengok dia membebels saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, ya Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau hendak, bangun. Saya bagi ruang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bangun, bangun, tanya soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat, tidak perlu Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Masalah dia ganggu. Tolong tegur sikit Yang Berhormat Arau ini, Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Hei, Yang Berhormat Sepang, saya tak campur hal awak.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jadi saya minta supaya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Shah Alam bangun, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini sekali lagi lah berhubung dengan seksyen 9 tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sepang. *"Menteri boleh secara bertulis melantik mana-mana orang mengikut nama atau jawatan, dan sama ada secara am atau bagi mana-mana kes tertentu, sebagai Pegawai Siasatan."* Sekali lagi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Sepang, adakah bila undang-undang sebegini digubalkan, niatnya bertujuan untuk mendapatkan keadilan ataupun langsung tidak hiraukan soal adil ataupun tidak adil apabila diberikan kuasa yang begitu menyeluruh dan tidak diberikan satu *guideline* dan kelulusan dan *background* dan sebagainya untuk menjawat jawatan yang begitu penting di mana masa depan orang yang dituduh ini bergantung sepenuhnya dalam tangan pegawai penyiasat? Kalau diberi macam ini, dia niat hendak adil kah atau tidak ada niat langsung untuk bertindak adil? Apa pandangan Yang Berhormat Sepang?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Shah Alam. Bagi saya, mereka bukan saja tidak ada niat, bermimpi pun tidak ada untuk berlaku adil. Mereka memang tidak mahu adil langsung ini. Bagi mereka, keadilan ini satu perkara yang menyusahkan mereka. Saya rasa Barisan Nasional ini adalah sebuah kerajaan yang *blur* tentang keadilan. Kalau dia tidak *blur*, dia tahu. Islam mengajar... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Janganlah kalau kamu benci pada seseorang itu, walaupun kamu benci dengan dia kerana kamulah begini, begini, kamu tidak boleh berlaku tidak adil. Berlaku adil lah kerana ia mendekatkan diri pada takwa. Ini ayat yang menunjukkan *the supremacy of keadilan dalam Islam* di mana di peringkat yang paling susah iaitu untuk menegakkan keadilan pada musuh kita. Orang yang kita benci, itulah Islam suruh buat adil. Keluarga sendiri.

Sebab itu...

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bangun, bangun.

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Macam mana boleh kata kamu buat itu? Ini undang-undang yang langsung tidak berniat untuk bertindak adil.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh lantik siapa saja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa punya undang-undang ini?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bagi saya...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ringkaskan Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap ya. Tadi kata kawan saya, Lord Acton mengatakan *"Power corrupt and absolute power corrupt absolutely"*. Bagi saya lebih lagi. *Power is delicious. Absolute power is absolutely delicious.* Sebab itulah mereka rasa sedap ada power ini. Bila ada

power ini, sebab itu mereka rasa *absolute power* lagi-lagi mutlaknya sedap. Mereka sudah ketagih dengan *power* ini. Sebab itu apabila ISA ditarik balik, mereka sudah hilang bahan ketagih itu. Sebab itulah.

Apa yang lebih malang lagi seksyen 9 ini pula, dia ada seksyen 10 pula. Seksyen 10(3)(a) ini yang membenarkan apa juga teknik untuk mendapatkan apa-apa *evidence*. Saya pun peliklah. Saya betul-betul pelik apabila seksyen 10(3)(a) ini bercakap tentang *evidence*. *Evidence* ini, *when you say evidence*, dia mesti ada dia punya kriteria. Sebab itu dalam undang-undang, *you may say it is evidence* tapi *the question is, it is admissible or not*. Undang-undang dia bukan pentingkan *evidence*, dia pentingkan *admissibility of evidence*.

Sebab itu dalam perundangan dia tidak tolak *hear say*. Dia tolak benda-benda melalui *torture* dan sebagainya. Sebab itu dalam perundangan, kalau dalam kes jenayah kalau kita dapat *evidence* secara *torture*, secara *inducement*, dia akan buat *trial within trial* sebab *the basis of evidence* mestilah *voluntary*. *Voluntariness* itu mesti adalah asas kepada satu *evidence* itu diterima.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dalam konteks ini, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah jaminan, pertamanya kamu mungkin lantik orang yang ada pengalaman menyeksa orang, orang yang ada pengalaman gunakan cara-cara yang tidak bertamadun. Kemudiannya kamu bagi pula orang hendak siasat ini dengan satu *power* yang begitu luas iaitu dia boleh *procure and receive any such evidence* dan *evidence* ini pula *cannot be tested in any court of law*. Maknanya kalau dia dapat pun, dianggap betul. Kalau tengok pula nanti seksyen 13, lembaga ini terpaksa terima laporan ini. Jadi dalam keadaan ini, bagaimanakah ada *check and balance*? Sebab itu bagi saya, *the whole act* ini sudah tidak betul. Sebab *you* membenarkan segala tindakan, prinsip yang bercanggah dengan prinsip-prinsip *human rights*, prinsip kemuliaan insan terhadap sesama insan, prinsip *of fairness, equality*. Bagaimanakah kamu ada lagi maruah untuk membentangkan akta yang kejam seperti ini? [Tepuk] Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

#### 11.18 mlm.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya dengar ucapan – saya tidak ganggu, saya dengar ucapan sebelah sana. Nampaknya dia sudah lari jauh daripada apa yang kita bincang.

Fasal 8, kena baca sampai habis. Bahawa memang kuasa Menteri – Menteri dalam peraturan ini di bawah seksyen 34(1), Menteri memang ada kuasa membuat peraturan-peraturan. Yang Berhormat Menteri pun sudah beri jaminan tadi bahawa akan melantik hakim walaupun tidak tulis di sini. Malah, hakim yang dilantik ini lebih hebat daripada hakim yang ada. Kalau ikutnya tadi, hakim hanya 10 tahun

tapi kalau hakim itu setakat 10 tahun, 11 tahun, masih lagi tidak layak untuk menjadi pengerusi. Itu lebih daripada...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Celah, celah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tunggu dulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Celah, celah, sebab tidak betul ini. Saya hendak celah, hendak betulkan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tadi Yang Berhormat bangun cakap, saya dengar semua tidak betul tapi saya diam. Saya tahu saya hendak celah tadi boleh tapi saya tidak mau ganggu. Saya rasa Yang Berhormat sudah cakap, cukup. Bagi saya bercakap pula. Bila saya bagi laluan baru Yang Berhormat boleh bangun. Sebab Yang Berhormat pun tidak faham peraturan. Peraturan hendak berbahas pun tidak faham. Tadi saya sudah bagi tahu Yang Berhormat Bayan Baru bawa usul, sudah mencelah, sudah hendak bahas. Tidak betul. Ini baru betul, menurut perbahasan. Jadi bagi saya bercakap dulu. Saya bagi laluan baru bangun. Yang Berhormat Shah Alam pun sama. Baik. Saya hendak cakaplah ini.

Jadi bermakna, bila sudah jadi Yang Berhormat Menteri, sudah buat keputusan dan Kabinet pun telah diendorse tadi dalam Kabinet bahawa hendak lantik hakim, dia tidak sebut – kalau kata dia hakim, sudah tentulah dia ada berpengalaman. Telah diberikan jaminan. Apa yang hendak dipersoalkan lagi janji yang telah pun diberikan oleh Yang Berhormat Menteri?

Yang kedua, ini seksyen 9 ini, pelantikan pegawai siasatan. Pegawai siasatan ini betul, Menteri lantik tetapi kena baca bahawa seksyen 9(2), "Tiada seorang pun pegawai polis boleh dilantik sebagai pegawai siasatan.

#### ■2320

Apakah maksudnya? Dalam undang-undang ini mengatakan bahawa yang tangkap polis. Polis tangkap, polis boleh tahan. Jadi, ini sebagai *check and balance*. Dia boleh lantik pegawai yang bukan polis bukannya yang dilantik ini pegawai polis. Yang Berhormat Shah Alam kata hendak kena *torture*, hendak kena paksa, apa kena mengena dengan pegawai awam? Mungkin pegawai awam, mungkin pegawai undang-undang. Mungkin sebagai penasihat undang-undang yang dia boleh lantik. Bukannya pegawai polis. Yang ada kuasa hendak *torture* orang ini mungkin kita takut polis yang dia cakap tadi. Dia tidak faham. Ini bagi saya pegawai penyiasat ini ialah *check and balance* kepada tindakan yang diambil tetapi bila polis ini sudah ditahan, dia sudah tidak tahan maka dia lantik pegawai untuk siasatan, untuk buat laporan, *pretension* kepada *board*.

Tadi kalau dia bawa kepada *board*, *board* akan buat keputusan. Saya sudah nyatakan tadi. Kalau keputusan *board* itu tidak puas hati, maka orang yang dituduh dia berhak di bawah Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan. Telah banyak kali kita sebut bahawa Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan, bahawa apabila *board* telah buat keputusan tahan dua tahun, orang yang dituduh boleh membuat rayuan kepada lembaga penasihat. Ini hak dia di bawah Perkara 151. Tadi Yang Berhormat Menteri pun sudah cakap. Banyak kes yang telah pun dilepaskan oleh lembaga penasihat.

Saya pun ada pengalaman. Sewaktu saya menjadi Timbalan KDN dahulu banyak kes yang kita lepaskan apabila lembaga penasihat, satu badan bebas, di bawah Jabatan Perdana Menteri di *present case* ini kepada Yang di-Pertuan Agong, maka dibebaskan. Semasa di bawah lembaga penasihat, *lawyer* boleh datang. Apakah masalahnya? Janganlah hendak mempertikaikan kuasa-kuasa Yang Berhormat Menteri. Kita beri jaminan bahawa kuasa Menteri yang ada ini *insya-Allah* tidak disalah guna. Ini bukan macam pembangkang. Hari ini kita tengok betul, memang ikut peraturan boleh buat undi belah bahagi. Ini yang dinyatakan bahawa salah guna peraturan. Belum memerintah lagi sudah tahu kalah kalau undi. Hendak undi juga semata-mata hendak buang masa.

Akan tetapi kita tidak nafikan kerana itu hak pembangkang, dibenarkan di bawah peraturan mesyuarat. Kita tidak ada bantah, kita ikut. Jadi maksudnya ini perkataan pekerja-pekerja yang orang kata yang tidak cerdik. Sudah tahu kalah, hendak undi juga. Ini yang dikatakan salah guna demokrasi.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Duduk, duduk, duduk. Saya akan bagi. Duduk, duduk. Ini menunjukkan salah guna kuasa, salah guna demokrasi yang diberi, salah guna peraturan. Kalau kita kata sekali undi, okey saya bersetuju. Ini tadi undi sudah beberapa kali undi sudah, tetap kalah tetapi hendak undi juga. Ini menunjukkan belum lagi berkuasa telah salah gunakan peraturan yang sedia ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Sepang jangan terlampau takbur. *Double master, double degree.* Yang Berhormat saya hendak ulang Yang Berhormat *lawyer* tidak standard. Kalau *lawyer* standard sudah tentu jadi pegawai...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Duduk, saya tidak bagi jalan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Macam begini punya taraf pun ada lah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Dia mengata Yang Berhormat Arau, mengata Menteri boleh. Bagi peluang saya,...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sebab beliau...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau Yang Berhormat hebat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Mai kita *debate*.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya belum lagi...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau hebat bagi saya cakap.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sebab tidak layak. Sebab apa saya hendak ulang sekali lagi. Lawan pilihan raya dengan saya 2008 kalah. Kemudian dia mewakili seorang anak guam. Anak guam dia saman saya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak habis-habis cerita lama.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kes fitnah...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** UMNO kalah dekat Selangor lah, UMNO kalah dekat Selangor, jangan lupa.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini kenyataan *[Dewan riu]* Apa? Ini menunjukkan Yang Berhormat tidak ada standard.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** UMNO kawan kalau teruk di Selangor. *[Dewan riu]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Double degree. Apa? Lawan saya kalah ...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak habis-habis.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** UMNO kalah teruk di Selangor. *[Dewan riu]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ....Pergi Mahkamah Tinggi ...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Siapa pengurus UMNO Selangor?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ... kalah standard apa? *[Dewan riu]*

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang bila hendak jadi MB? Bila hendak jadi MB?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat, yang menjadi lawan Yang Berhormat itu *lawyer*. Saya tidak buat kerja. Saya yang hantar *lawyer* saya, macam mana hendak jawab.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Tanjong Karang balik kerja kuat sedikit. Menang Selangor dahulu lah.

*[Dewan riu]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Itu apa?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jadi Ahli Parlimen, kerja pun kakau kakitangan kerajaan. *[Dewan riu]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Apa ini? Macam beruk kah dok jerit-jerit pasal apa.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini bapa beruk.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Penjelasan Yang Berhormat Tanjong Karang. Selangor...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sudah, cukup, cukup. Saya tidak ada kena mengena.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Cuma hendak ingatkan Yang Berhormat Tanjong Karang sahaja.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Nanti, nanti. Pembangkang...

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Satu *gentle reminder*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tiada standardlah Perdana Menteri.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Pengurus, inilah perangai pembangkang. Dia mengata orang boleh. Bila dia kata kita tidak boleh. Ini perangai Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Masalahnya tidak dengar kata, cakap tidak betul.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Sepang tadi cakap dia hendak kan keadilan. Kita lihat kes Yang Berhormat Permatang Pauh telah diberi adil seadil adilnya sampai beberapa tahun tetapi mereka masih tidak mahu, tidak boleh menerima keadilan. *[Dewan riuh]* Apa lagi hendak? Lawan bertahun-tahun, pergi mahkamah tinggi, mahkamah rayuan, Mahkamah Persekutuan kalah tetapi masih tidak boleh terima kenyataan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudah lima tahun cakap...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Masih lagi mengatakan bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh tahanan politik. Ini konspirasi. Konspirasi apa? Mahkamah telah menentukan. Bila tidak ada keadilan, menuntut keadilan. Bila sudah diberikan keadilan, menafikan keadilan.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Itu *kangaroo court, kangaroo court*.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini perangai dia, perangai pembangkang dia katakan kita ketagih *power*. Mereka lagi meroyan *power*. Gila hendak kan kuasa, kalah pilihan raya ...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** You are free to lose power

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Hendak jadi Menteri lagi.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** ... Ketagih kuasa. *[Dewan riuh]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Sekarang kempen, kempen.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Inilah demonstrasi jalanan, gila kuasa, hendak kan kuasa. Sebab itu kita kena tolak cadangan ini. Terima kasih.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Ini gila kah ini.

**Tuan Pengurus [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat berapa orang lagi berminat?

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengurus [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, empat orang lagi. Ya, Yang Berhormat Kapar.

## 11.26 mlm

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengurus. Saya mula dengan 8(1)(i). Kita faham bahawa Lembaga Pencegah Keganasan ini dilantik oleh Yang di-Pertua Agong. Saya perlu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, siapakah yang akan menasihatkan Yang di-Pertua Agong? Itu yang pertama.

Kedua, tadi saya dengar dengan tekun Yang Berhormat Menteri juga telah mengatakan bahawa untuk 8(a) ada hakim yang terlibat. Itu adalah interpretasi di dalam Dewan oleh Yang Berhormat Menteri. Pertanyaan saya adalah mengapa tidak selitkan perkataan itu dalam 8(1)(a). Kalau sudah ada niat sebegini sepatutnya ia dimasukkan dalam akta sebab akta ini yang akan diguna pakai selepas ini. Bukan tafsiran Yang Berhormat Menteri dalam Dewan.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** So, saya perlu minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Ya, silakan.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila, sila.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Kapar. Tadi Yang Berhormat Tanjung Karang kata Yang Berhormat Menteri telah memberi jaminan jadi kita patut percaya kepada Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Kapar. Sebelum ini Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Pekan juga mengatakan beliau akan menghapuskan Akta Hasutan tetapi buat masa sekarang telah *U-turn*. Jadi, ini adalah satu bukti bahawa kita boleh percaya kepada apa Yang Berhormat Menteri kata.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Kita ada beberapa sejarah sebelum ini yang mencurigakan kita. Sebab itu setiap kali kita bawa kritikan yang sama dan setiap kali kita dapati janji itu tidak ditepati. Saya hendak bagi *benefit of doubt* kepada Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi katakan Yang Berhormat Menteri nanti esok tukar kepada Menteri yang lain. Dia tidak sepertutnya menggunakan interpretasi Yang Berhormat Menteri dalam Dewan. Itu akan membuka ruang untuk kritikan dan perdebatan. Apa salahnya letakkan niat tadi dalam 8(1)(a). Itu yang kita tuntut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam bangun.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Ya Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, baik. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kapar. Pandangan saya dan saya minta Yang Berhormat Kapar *comment* lah ya. Saya rasa jaminan yang terbaik yang boleh diberi oleh Yang Berhormat Menteri ialah dengan menulis secara terus terang bahawa Pengerusi Lembaga Penasihat itu mestinya seorang hakim. Itu jaminan yang kita boleh terima pakai tetapi kalau sekadar tulis yang lain dan tidak menyatakan dengan nyata bahawa itulah kelulusan seseorang pengerusi lembaga nasihat, maka jaminan mulut yang diberi tidak boleh pakai. Apa pandangan Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya terima pendapat Yang Berhormat Shah Alam.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Kapar, jangan sebut macam itu. Yang Berhormat Tanjung Karang marah. Dia mengharapkan dia Menteri Besar Selangor selepas ini. Kalau kamu kata saya pula, hai tidak boleh tidur dia malam ini karang.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Mimpi lah.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang saya hormat tadi Tuan Pengerusi adalah pendapat Yang Berhormat Shah Alam. Memang itu yang kita tekankan.

■ 2330

Saya rasa Yang Berhormat menteri semasa draf ini terlepas pandang. Oleh sebab itu dalam penerangannya dia bawa hujah kata hakim akan terlibat, tetapi saya berpendapat perkataan itu kena tertera dalam rang undang-undang ini baru dia akan bagi satu niat yang betul-betul apa yang diniatkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Kedua, 8(1)(b) dan (c) tidak menerangkan tentang kapasiti mereka walaupun di bahagian huraihan pun tidak ada apa-apa tentang kelayakan mereka dan sebagainya. Lagi sekali Yang Berhormat Menteri hanya menerangkan dalam Dewan. Apa salahnya kita bagi interpretasi yang sepatutnya kepada (b) dan (c). Saya juga menuntut penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Selepas itu Yang Berhormat Menteri kita masuk ke 8(5) walaupun lima orang sekurang-kurangnya dilantik kuorum adalah tiga orang, tiga orang anggota. Apa akan berlaku? Tadi kita katakan hanya pengerusi mempunyai latar belakang undang-undang tetapi kalau pengerusi tidak adil dengan tiga jawatankuasa yang 8(1)(c) pun boleh duduk bersidang dan kuorum sudah cukup.

So benda ini perlu diteliti. *At least* kalau kata kuorum bagi mana-mana persidangan yang tinggal anggota diwajibkan pengerusi adil. Itu boleh diterima pakai. So saya nampak draf rang undang-undang ini terlalu bocor, terlalu luas membuatkan sesiapa boleh menspekulasikan. So ini perlu diperhati dan saya menuntut jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Harap beliau boleh terangkan.

Selepas itu pelantikan pegawai siasatan fasal 9. Kita dapat pemahaman daripada beberapa Ahli Yang Berhormat mengatakan mengapa pegawai polis tidak boleh dilantik? Okey saya boleh terima tetapi dalam fasal 9(1), "...melantik mana-mana orang mengikut nama atau jawatan...". Lagi sekali di bahagian huraihan tidak ada penerangan. Terbuka kepada spekulasi dan lagi sekali saya hendak tekankan 9(1) dan 8(1) dua-dua memberi kuasa kepada menteri. Bermaksud kuasa masih lagi mutlak kepada menteri.

Setakat hari ini Yang Berhormat Menteri boleh memberi penerangan dalam Dewan kita boleh terima. Esok tukar menteri, spekulasinya berbeza, interpretasinya berbeza, bahaya. Kita sedang buka ruang kepada penyalahgunaan. Bukan kita kritik dekat sini tanpa asas. Saya harap Yang Berhormat menteri, saya tidak emosi, saya rujuk balik setiap perenggan, setiap perkataan yang digunakan. Harap Yang Berhormat menteri boleh jawab dengan tanggungjawab yang sempurna.

Selepas itu saya hendak sentuh 10(6) di mana mengatakan bahawa orang yang menjadi subjek siasatan itu dan saksi dalam sesuatu siasatan tidak boleh diwakili oleh peguam bela dan peguam cara dalam siasatannya itu kecuali apabila keterangannya sendiri sedang diambil dan direkod oleh pegawai penyiasatan. Termasuk *right to counsel* tiada, kecuali apabila dia beri keterangan sendiri. Sama juga dengan 11(2), "...tiada apa jua dalam seksyen ini boleh memberi kuasa subjek siasatan atau peguam bela dan peguam cara atau wakilnya, jika ada, hadir di tempat tahanan atau penjara". *Again* isu ini adalah *right to counsel*.

Akan tetapi apabila dibandingkan dengan 10(7), pendakwa raya boleh hadir dalam sesuatu siasatan untuk membantu pegawai siasatan. So *the balance of power, check and balance* tidak wujud. Kalau kita boleh bagi kuasa kepada pendakwa raya untuk hadir, apa salahnya bagi kuasa yang sama untuk *counsel*, peguam cara atau peguam bela hadir supaya kita tidak mampu melakukan sesuatu

kesilapan dalam kes sebegini. Hukum penganas saya tiada masalah tetapi jangan salah gunakan ada situasi kita hukum orang yang tidak bersalah.

Kerajaan sepatutnya waswas setiap kali kita menghukum sesiapa tetapi kaedah dan keadaan yang patut digunakan, waswas yang patut kita ada tidak nampak dalam akta ataupun usul-usul sebegini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terakhir sekali saya terlepas pandang tadi Tuan Pengerusi. Ini amat penting juga. Tadi saya sentuh masa dasar tidak dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Saya ingatkan balik beliau 10(6). "Tertakluk kepada akta ini lembaga dalam menentukan tatacaranya sendiri". Tatacara maksudnya prosiding. Kita bagi kuasa yang amat besar, amat luar biasa kepada Lembaga Pencegahan Keganasan ini. Ia boleh datang dengan prosedur sendiri. Apa salahnya kita selesaikan prosedur untuk tatacara untuk mereka sebagai panduan. Sudahlah tidak ada dalam 10(6), bahagian huraihan pun tidak ada. Bermaksud mereka terbuka, mereka boleh guna apa-apa cara dan saya ingin tekankan di sini Tuan Pengerusi bahawa kita sedang berdebat tentang satu rang undang-undang yang amat penting. Isu *terrorism* bukan isu mainan, isu *terrorism* bukan isu yang kita boleh ketawaketawa dan sebagainya.

Ini adalah isu yang amat penting dan saya rasa SOP atau prosedur perlu diletakkan. Akan tetapi sayang seribu kali sayang, kita bagi kuasa kepada lembaga menentukan dan setiap kali SOP ini akan berubah. Saya rasa itu tidak patut. Saya menuntut penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Kapar, sedikit Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Siapa itu?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Penjelasan sedikit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Daripada hujah-hujah Yang Berhormat Kapar sekejap tadi sama ada Yang Berhormat Kapar hendak minta dipinda Fasal 8 itu sehingga 12? Sampai Fasal 10 hendak pinda ataupun hendak dibatalkan ini? Oleh sebab cadangan membatalkan. Yang mana satu ini? Hendak batal atau hendak pinda?

Kalau batal, apakah kesan kalau rang undang-undang ini diluluskan? Bermakna lantikan lembaga tidak ada, tidak tahu siapa hendak dilantik. Bermakna Fasal 13 yang ada, Fasal 13 untuk apa? Jelas lembaga kuasa untuk memerintahkan penahanan. Ini yang susah apabila tidak ada yang lain. Jadi macam mana, Fasal 13 masih wujud.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya saya faham. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, *I'm fighting a losing battle*. Saya tahu tetapi ini untuk masa depan negara kita menuntut penjelasan dan kita menuntut Yang Berhormat Menteri jawab, sebab ini seperti yang saya katakan tadi adalah satu jenayah yang amat besar. Kita tidak boleh main-main. Kita menuntut jawapan secara ikhlas daripada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya cukuplah Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Pencelahan? Ya Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak perlulah. Yang Berhormat Kapar sudah lebih 10 minit.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Pencelahan ini Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak perlu, tidak perlu. Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam sudah banyak. Ya yang lain berminat? Ya Yang Berhormat Beruas.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Selepas Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Serdang.

### 11.39 mlm.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak mengemukakan dua perkara untuk menteri menjawab iaitu satu di bawah seksyen 7 berkenaan dengan pemakaian peranti pengawasan elektronik ke atas orang itu dan di bawah seksyen 7(8) ini, peranti pengawasan elektronik ini hanya boleh dibuka apabila habis tempoh yang ditetapkan oleh Mahkamah Seksyen dan hendaklah melaporkan diri di balai polis terdekat untuk membuka peranti pengawasan elektronik ini.

### ■2340

Soalan saya ialah kita tahu semua barang yang dibuat manusia ini boleh rosak. Kalau ia rosak, bolehkah peranti pengawasan elektrik ini dikeluarkan? Tidak boleh. Hanya satu-satunya cara ialah apabila habis tempoh. Jadi apa berlaku kalau peranti elektronik ini rosak? Jadi saya harap peruntukan ini, kita belum fikir masak-masak apabila seksyen ini dikemukakan. Seperti yang dicadangkan oleh pihak Pakatan Rakyat, haruslah dirujuk sekali lagi kepada satu jawatankuasa *Select Committee Parliament*. Ini kerana kita tidak tahu keadaan apa akan berlaku kalau peranti pengawasan elektronik ini rosak sebelum habis tempoh.

Lagi satu perkara yang ingin saya bangkitkan di sini dan perlukan penjelasan daripada Menteri ialah seksyen 9, berkenaan dengan pelantikan pegawai siasatan. Dinyatakan di sini bahawa pegawai siasatan tidak ada mana-mana pegawai polis boleh dilantik sebagai pegawai siasatan. Di Malaysia, setahu saya pihak polis yang terbanyak sekali dilatih untuk menjalankan siasatan dengan cara yang betul. Kalau bukan pihak polis, saya tahu niatnya supaya pihak polis tidak terlibat untuk menunjukkan kebebasan, siapakah pegawai penyiasat yang hendak Menteri lantik? Adakah, *are we going to use private investigator* dari luar? Bagi saya itu tidak tepat. Jadi, siapakah pegawai siasatan ini? Ini kerana kalau yang dilantik itu tidak sesuai, lagi teruk mungkin boleh dirasuh dan macam-macam lagi masalah yang akan timbul. Dua perkara ini diharap kalau tidak dapat dijelaskan dengan baik, haruslah ia dirujuk kepada *Select Committee* untuk diteliti dengan lebih lanjut. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Serdang, selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab.

#### 11.42 mlm.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak rujuk kepada dua perkara sahaja. Perkara yang pertama ialah fasal 10(3)(c), di mana pegawai siasatan dikehendaki mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain yang pada pendapatnya berkaitan dengan siasatan itu. Saya rasa ini adalah sesuatu yang sangat berbahaya kerana kita tahu buat masa sekarang ini ada banyak *software* seperti *Photoshop* dan sebagainya yang boleh disalahgunakan. Dengan ketidakadaan satu mahkamah yang saya rasa boleh ditimbangkan sama ada bukti ini adalah bukti yang sah, saya rasa fasal 10(3)(c) ini boleh disalahgunakan oleh pegawai penyiasat di mana kemungkinan besar dokumen yang mungkin palsu akan dikemukakan.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** *[Bangun]*

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Ipoh Timur hendak penjelasan?

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Serdang. Tadi Yang Berhormat Serdang telah menyatakan isu kuasa mahkamah ini dan saya hendak bangkitkan isu di bawah klaus 9(6) yang mana Lembaga Pencegah Keganasan ini tertakluk kepada akta ini, Lembaga hendaklah menentukan tatacaranya sendiri. Ini bermakna Lembaga ini mempunyai kuasa untuk menentukan apa tatacara yang perlu mereka jalankan. Seperti mana telah dibahaskan oleh ramai Ahli Parlimen ini, mereka mengatakan jangan takut, ada semakan kehakiman di mana kuasa mahkamah boleh dijalankan.

Akan tetapi apa yang tertakluk di bawah klaus 19, kuasa mahkamah untuk semakan kehakiman hanyalah untuk mengenai apa-apa persoalan tentang pematuhan apa-apa kehendak tatacara dalam akta ini yang mentadbirkan tindakan atau keputusan itu. Ini bermakna klaus 19 bercanggah dengan klaus 8(6) kerana di satu tangan kita bagi mahkamah untuk menjalankan kausa semakan atas tatacara sahaja dan tangan kiri pula klaus 6, badan Lembaga ini mempunyai kuasa mutlak sendiri. Jadi maknanya klaus 9 ini langsung tidak pakai langsung. Betul tidak?

Kalau kita pergi ke mahkamah hendak buat semakan kehakiman, Hakim akan kata ini Lembaga boleh buat tatacara mereka sendiri. Jadi, ia adalah satu klaus yang langsung tidak ada makna, klaus 19 ini. Setuju atau tidak?

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur itu memang sesuatu yang tepat, yang patut dijawab oleh Menteri dan adalah satu bukti bahawa memang akta ini adalah satu akta yang tidak ditulis dengan baik dan tidak dipertimbangkan dengan baik oleh pihak-pihak yang menulis akta ini.

Jadi saya juga hendak merujuk kepada fasal 11(1) dan (2) - Akses oleh pegawai siasatan kepada orang tahanan ataupun banduan. Saya rasa fasal ini adalah satu lagi fasal yang boleh disalahgunakan Tuan Pengerusi. Ini kerana sebagaimana kita semua tahu, apabila pegawai siasatan ini menyoalkan tahanan ataupun banduan, orang tahanan dan banduan ini memang di bawah tekanan yang besar dan

juga boleh memberi insentif tertentu untuk memberi kenyataan ataupun memberi testimoni yang kemungkinan besar adalah palsu. Pada masa yang sama, apabila kita membaca fasal 11(2), tiada apa jua dalam seksyen ini boleh memberi kuasa subjek siasatan atau peguam bela dan peguam caranya atau wakilnya jika ada hadir di dalam tempat tahanan atau penjara.

Jadi oleh itu, saya rasa apabila tiada peguam bela, memang banduan atau orang tahanan ini boleh dipaksa ataupun diberi tekanan untuk memberi kenyataan yang palsu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Serdang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam tidak penat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apabila kita perjuangkan keadilan, kita tidak letih. Tuan Pengerusi, saya hendak bagi tahu, ini bukan main-main. Undang-undang ini zalim, kita kena menentang. Itu sebab kenapa kita sanggup tunggu sampai pukul 3 pagi hari ini, kerana ini undang-undang yang zalim. Tanggungjawab kita sebagai Ahli Parlimen ialah untuk menentukan tiada undang-undang yang zalim yang diluluskan dalam Dewan ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu tanggungjawab kita. Bukan makan gaji buta macam Yang Berhormat Baling. Jadi ‘tok angguk’ sahaja, ya boleh, ya boleh. Sokong, sokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam, ini fasal berapa ini Yang Berhormat Shah Alam?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Shah Alam, sudah makan ubat darah tinggi belum? Pergi makan ubat darah tinggi dahulu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Hendak diamkan Yang Berhormat Baling, kita kena cakap lagi kuat daripada dia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam, saya tahu Yang Berhormat ada tenaga, saya nampak tetapi saya biarkan. Sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Alhamdulillahlah. [Disampuk]* Tidak ada ubat. Saya hendak tanya Yang Berhormat Serdang, mengikut apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Serdang tadi, apabila pegawai penyiasat jumpa banduan...

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]:** *[Masuk ke dalam Dewan]*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Shah Alam, Menteri MCA baru masuk ke dalam Dewan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita ucapkan tahniah kepada Menteri MCA yang baru masuk Dewan. Terima kasih. Dengar lagu lagi pula.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam, bukan Menteri MCA, Menteri Gerakan pun baru masuk. *[Ketawa]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Undi macam mana pun kalah, tetap kalah. Buatlah sampai 4 pagi pun.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak apa kalah, asalkan kita tunaikan kewajipan kita. Kewajipan kita adalah untuk menyampaikan suara rakyat yang hendak lihat keadilan dipertahankan. Bukan main angguk sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam, cukuplah Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apabila Yang Berhormat Arau bawa usul, bahas ampai habis, yang sokong kamu juga. Selepas itu hendak marah?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Shah Alam, mana Yang Berhormat Marang? Yang Berhormat Marang pun tidak sokong Yang Berhormat Shah Alam, sibuk buat apa?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Shah Alam...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini *floor* siapa ini Yang Berhormat Bayan Baru?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat Shah Alam, cukuplah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Shah Alam tidak ada fasal dia hujah, dia cari pasal.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tengah malam ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dekat hendak pagi. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Serdang, apabila pegawai penyiasat boleh jumpa banduan.

■2350

Bila dia datang, dia sudah mempunyai tanggapan bahawa orang yang ditahan yang disiasat itu bersalah. Dia sudah memang disyaki bersalah. Maka banduan itu, kalau dia tidak mengiakan tuduhan terhadap orang yang disiasat, dia akan memberikan gambaran seolah-olah dia tidak bekerjasama. Akan tetapi kalau dia mengiakan tuduhan yang dikemukakan, maka dengan itu dia akan memberikan gambaran bahawa dia memberikan kerjasama dan dengan itu kemungkinan tempoh tahanan dia boleh dipendekkan.

Namun demikian, bukti yang sebegini rupa akan tetap diterima oleh pegawai penyiasat sebagai bukti yang kukuh, walaupun ia hanya sekadar kata-kata tanpa ada bukti yang konkret dan orang yang memberikan bukti itu ada kepentingan untuk mengiakan tuduhan itu. Adakah dengan itu saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Serdang, bahawa undang-undang yang sebegini boleh menjamin keadilan atau ia menjamin kezaliman akan berlaku. Apa pandangan Yang Berhormat Serdang?

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Pada pandangan saya, apabila fasal 11 dibaca bersama dengan tadi Yang Berhormat Ipoh Timur telah bangkitkan fasal 8(6) di mana Lembaga hendaklah menentukan tatacaranya sendiri tidak ada apa-apa jaminan bahawa fasal 11(1) dan (2), ini tidak akan disalahgunakan. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Shah Alam yang membangkitkan isu yang penting di mana fasal 11 ini saya rasa patut dibatalkan. Saya juga hendak memberi satu contoh yang mudah untuk...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Batu selamat datang Yang Berhormat Batu.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Kalau Yang Berhormat Batu hendak diri dia boleh berdiri. Okey, sila Yang Berhormat Batu.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini Yang Berhormat Batu baru *punch card*kah, Yang Berhormat Batu baru *punch card* tadi, baru sampai.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya, eh, diamlah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Apa masalah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tak, Yang Berhormat Batu gigit polis dahulu. Itu kes tak tutup lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ini yang kita khuatir, ada anggota Parlimen yang tidak faham undang-undang. Kalau kita bagikan senjata seperti ini kepala hancur. Kita tidak tahu, siapa tahu suatu hari nanti jadi Menteri, yang dipegang kuasa dengan macam ini...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi Menteri, saya tangkap Yang Berhormat Batu tutup kes gigit polis itu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Undang-undang tidak tahu, yang bahas tidak tahu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tak, ini merupakan bukti yang...

[Dewan riuh]

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Dia hendak puas hati mak bapak dia. [Dewan riuh] Kita boleh lihat, suka hati sahaja. [Dewan riuh]

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]:** Belum apa-apa sudah mahu guna kuasa.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Baling, gila kuasalah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, yang lain diam ya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang kita tekankan, yang kita tekankan kerana...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Batu, ini *floor* Yang Berhormat Serdang sedang berucap. Ini Yang Berhormat Batu...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Serdang.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Serdang bagi laluan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu, semasa Pengerusi atau Speaker sedang bercakap, sila duduk diam ya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya, saya tengah berucap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya, Yang Berhormat Batu ini bukan masa untuk berucap, untuk mencelah ya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak dapat pandangan daripada Yang Berhormat Serdang kerana kita lihat kembalinya Akta ISA yang telah dijanjikan. Prinsip pilihan raya yang dijanjikan ia telah dimansuhkan, prinsipnya kita bukan menentang apa-apa akta untuk menangani *terrorism*. Isunya ialah sebagai mangsa ISA saya sendiri, kita tidak mahu menghukum anak cucu kita dengan akta yang sama. Apa yang kita atas akta ini, atas apa nama pun asalkan tidak dibagi peguam untuk mewakili seseorang untuk membela diri, asalkan tidak ada perbicaraan, itulah sama dengan ISA. Tidak kisah apa nama yang kita namakan. Apa pandangan Yang Berhormat Serdang?

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Itulah sesuatu yang sama bimbangkan dan khuatir kerana saya beri satu contoh kepada Yang Berhormat Batu dan juga Dewan yang mulia ini. Ada kemungkinan pegawai penyasat ini mahu mendapatkan kononnya bukti untuk menghukum seseorang yang dikatakan sebagai seorang pengganas. Dia boleh pergi ke penjara, cari mana-mana banduan dan memberi insentif. Bukan sahaja mengurangkan masa penjara dia tetapi mungkin boleh beri insentif dikeluarkan daripada *solitary confinement* ataupun beri tekanan. Jikalau tidak bekerjasama, saya letakkan banduan ini dalam *solitary confinement* untuk masa yang panjang. Jadi ini memang adalah sesuatu fasal yang perlu dihapuskan kerana ia memang boleh disalahgunakan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Serdang.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sikit ya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang mana satu?

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Bayan Baru dulu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Serdang. Saya dengar cerita, Gerakan adalah satu parti yang anti ISA dengan berprinsip. *Anti detention without trial*. Jadi sekarang, Menterinya sekarang Gerakan, presidennya di sini. Kita hendak tanya, adakah mungkin Yang Berhormat Menteri Gerakan sokong kita kali ini dan juga satu lagi, MCA apabila Perdana Menteri kata hendak mansuhkan ISA...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Mansuhkan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** ...Dia tepuk tangan. Dia kata, "Oh, ini paling baik, bagus. *Ini ISA patut dihapuskan*". Sekarang Menteri MCA Ayer Hitam, ada di sini. Kita hendak minta dia *state position* dia. Minta penjelasan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sedikit sahaja, sedikit sahaja.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Ya, Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sedikit sahaja. Saya hendak dapat pandangan daripada Yang Berhormat Serdang, kenapa takut sangat *solicitors*, takut sangat peguam ini? Apa

masalah kita biarkan peguam untuk membela seseorang itu? Saya nampak Yang Berhormat Menteri ada di sana. Yang Berhormat Menteri sendiri pernah ditangkap di bawah ISA. Takkallah Yang Berhormat Menteri tidak faham...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu, isu ini Yang Berhormat Batu, ya kita daripada petang tadi, sudah isu ini Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...Tanpa peguam itu, Menteri membenarkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu, sila duduk. Ya, Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Serdang sila duduk, Yang Berhormat Batu sila duduk. Ada usul ini, ada usul Yang Berhormat Batu. Sila, sila duduk.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Seorang peguam. Ada kaitan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu.

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri, Peraturan Mesyuarat 90(2).

### USUL

#### USUL MERENTIKAN KUAT KUASA PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 90(2)

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua;

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 90(2) dan dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan usul untuk merentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 12 iaitu bagi membolehkan Majlis Mesyuarat menamatkan perkara yang patut diselesaikan pada hari yang berkenaan juga”.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Serdang, gulung ya.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Okey, saya hendak gulung. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Batu dan juga Yang Berhormat Bayan Baru saya hendak rakamkan dan juga mengalu-alukan kedatangan Yang Berhormat Menteri, Presiden Gerakan dan juga Menteri MCA Yang Berhormat Ayer Hitam. [Dewan riuh] Saya harap bahawa mereka berdua boleh beri jawapan kepada semua penyokong parti-parti yang mereka sendiri supaya jawapan yang baik boleh diberikanlah atas pertanyaan Yang Berhormat Bayan Baru tadi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, cukuplah.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Last sekali saya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini berapa kali last ini, cukuplah.  
[Ketawa]

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Boleh?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri. Duduk, ya cukuplah, cukuplah. Cukup, cukup, cukup.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Simpang Renggam hendak beri penjelasan.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa terpanggil untuk menyatakan pendirian parti Gerakan. Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya nampak ada niat jahat daripada pembangkang. [Dewan riuh] Mereka cuba...

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Ini justice, tidak ada...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Niat jahat kah apa? Mana ada niat jahat?

[Dewan riuh]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat.

■2400

Sila duduk semua. Yang Berhormat Simpang Renggam. Cukuplah, cukup Yang Berhormat.

[Dewan riuh]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Jawab sahajalah.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]  
**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Cukup-cukup. Yang Berhormat Simpang Renggam, duduklah. Sila. Yang lain duduk, Yang Berhormat Simpang Renggam. Sila Yang Berhormat Menteri jawab.

**Beberapa Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara][Dewan riuh]

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Tuan Pengerusi, boleh?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah, cukuplah. *[Dewan riuh]* Ya, yang lain diam.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Menteri, berilah. Gerakan ada satu wakil sahaja. *[Dewan riuh]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Gerakan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**12.00 tgh. mlm.**

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Pengerusi, fasal-fasal 7 sampai 12 telah saya teliti dengan sepenuhnya dan pihak kerajaan memutuskan tidak bersetuju dengan apa yang dicadangkan. *[Dewan riuh]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri kena jelaskan!

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Bayan Baru diaumlah, duduk lah! *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya ingin mengingatkan Yang Berhormat Bayan Baru yang mempertikaikan bahawa Yang Berhormat tidak tahu siapakah ahli-ahli Lembaga Pencegahan Jenayah. Mungkin Yang Berhormat terlalu malas untuk melihat laporan tahunan ini yang telah diedarkan kepada semua Ahli Parlimen, ertiinya Yang Berhormat tidak berapa layak untuk menjadi Ahli Parlimen kerana malas untuk membaca laporan ini. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, senyap Yang Berhormat. Senyap ya.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Jadi, ia tidak menyebutkan umpamanya dalam POCA dulu:

- (i) pengerusinya berpengalaman 27 tahun dalam bidang perundangan;
- (ii) ahli-ahlinya 38 tahun di dalam bidang kepolisan tetapi berkelulusan perundangan;
- (iii) berpengalaman 27 tahun dalam bidang perundangan;
- (iv) berpengalaman 31 tahun dalam bidang kepolisan tetapi mempunyai latar belakang perundangan; dan
- (v) berpengalaman 35 tahun sebagai ahli akademik dan pengamal undang-undang.

Bukan sebarang budak atau budak-budak sebagaimana yang disebutkan tadi. Walaupun Yang di-Pertuan Agong dikatakan tadi melantik tetapi tidak tahu mengenai latar belakang tetapi saya ingin nyatakan bahawa semua Ahli Lembaga Pencegahan POCA dulu, di mana *template* nya akan digunakan untuk POTA ini. Menteri, lantik. Betul tetapi setelah mendapat pandangan daripada Peguam Negara.

Dalam hal ini, saya ingin menyatakan bahawa apa yang dibuat oleh kerajaan adalah sesuatu yang dibuat secara bersungguh-sungguh kecualilah jika pindaan yang dibuat, yang telah dicadangkan tadi secara peringkat Jawatankuasa menunjukkan bahawa seolah-olah kerajaan zalim, kerajaan lepas tangan. Akan tetapi jika sesuatu peristiwa itu berlaku, lepas itu baru ambil tindakan, ketika itu kerajaan juga dikutuk. Lebih baik dalam keadaan ini kita bersiap siaga untuk menentukan supaya keganasan tidak berlaku di negara ini. *[Tepuk]* Tuan Pengerusi, saya harap mereka faham.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dah habis Yang Berhormat? Yang Berhormat dah habis, Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri.

**Beberapa Ahli:** Sudah habis.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya tanya satu tadi, takkan tak jawab? Ada banyak...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri jawablah, takut kah? *[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Mestilah jawab semua, satu persatu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Akan tetapi tidak mahu jawab.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dia kena jawab, setiap kali jawab terus duduk, mana boleh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Pengerusi, saya minta belah bahagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Siapa? Usul? Yang Berhormat Batu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Menteri, jawablah. Saya punya soalan semua tak jawab.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *[Bangun]*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Setiausaha sila bunyikan loceng untuk dua minit.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

■0010

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah keputusannya;

Ahli-ahli yang bersetuju berjumlah 54 orang... *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang tidak bersetuju 81 orang... *[Tepuk]*

*[Pindaan tidak disetujukan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Pindaan tidak disetujukan.

**Fasal-fasal 7 hingga 12 -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

**12.12 tgh mlm.**

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mendapat beberapa penjelasan. Satu di antaranya ialah seksyen 10(6) di mana si tertuduh tidak boleh diwakili sendiri di *inquiry* atau peguam ini tidak berhak untuk mewakili beliau semasa *inquiry officer* menjalankan tugas. Apakah niat ini dibuat? Bukanakah ia bertentangan dengan *Federal Constitution* kita di mana setiap orang ada hak untuk mendapat peguam untuk mewakili beliau dalam penyiasatan atau apa-apa yang dia terlibat?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada lagi tak? Yang Berhormat Sungai Siput.

**12.13 tgh. mlm.**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey, ini berkaitan dengan perkara lembaga itu. Saya ingat adalah penting ia nampak sebagai satu lembaga yang adil kerana saya rasa untuk pemuda yang mereka tertarik kepada keganasan itu, satu fakta ialah mereka rasa sistem yang berada itu tidak adil, suara mereka tidak keluar. Jika mereka rasa satu akta macam ini tidak munasabah, tidak adil pada mereka, itu akan mendorong mereka untuk lebih berkisar pada keganasan. So we may have a *boomerang effect if we are seen as too keras*, tidak munasabah, tidak adil, mungkin boleh menjadikan orang muda lebih terdorong kepada keganasan.

Seksyen 12, ia ada (2)(a) yang katakan bila lembaga *concurs* dengan *inquiry officer* dan (b) juga *concurs*, dua-dua ini *concurs* tetapi tidak ada situasi di mana lembaga itu ada keraguan. Apa yang diberitahu oleh *inquiry officer*, *board* itu ada soalan, ada keraguan. So, kemungkinan itu tidak di *address* dalam seksyen 12 dan tidak ada satu syarat ataupun satu klausula di mana lembaga itu boleh pohon orang yang dituduh itu dikemukakan ke lembaga di mana lembaga boleh *direct* soal. So saya ingat di sini ada satu kelemahan. Saya rasa mesti bagi ruang untuk orang yang dituduh itu untuk terus menghadapi lembaga sebelum lembaga buat keputusan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Serdang, selepas itu Menteri jawab.

**12.15 tgh. mlm.**

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Sedikit sahaja penjelasan yang saya minta. Rujuk kepada fasal 7(7). Tadi saya rasa Yang Berhormat Beruas telah bangkitkan isu ini tetapi tidak dijawab oleh Menteri di mana ada kemungkinan bahawa *electronic monitoring device* ini rosak secara tidak sengaja, mungkin orang yang memakai EMD ini mungkin dia pergi jogging kah, pergi berenangkah, mungkin pergi dalam satu kemalangan dan apabila *device* ini rosak secara tidak sengaja, adakah orang ini akan dipenjarakan tidak melebihi daripada tiga tahun kerana dalam fasal 7(7) ini ialah '*shall*' dan bukan '*may*'. Mesti dihukum.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**12.16 tgh. mlm.**

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Pengerusi, pegawai *inquiry* ini bukan pegawai-pegawai polis sebagaimana yang dicatatkan di dalam undang-undang berkenaan. Mereka terdiri daripada pegawai-pegawai awam yang mempunyai ijazah perundangan dan dilantik dengan persetujuan Peguam Negara bersama-sama dengan Penasihat Undang-undang KDN. Ini bersekali dengan persoalan Yang Berhormat Sungai Siput di mana pegawai-pegawai *inquiry* ini apabila berjumpa dengan mereka yang ditahan, mereka tidak tertakluk kepada laporan siasatan polis tetapi ia adalah sebuah dengan izin, *independent body* yang melihat bahawa jika kes-kes berkenaan patut dibawa ke Lembaga Pencegahan Keganasan untuk ditahan atau sebaliknya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Yang Berhormat Serdang menyebut tentang seksyen 7 di mana jika EMD itu rosak, maka apa yang perlu dilakukan? Oleh kerana ia dipantau mengikut sistem pemantauan, maka jika ada alasan yang kukuh kerosakan itu tidak sengaja dirosakkan, maka dengan izin, *replacement* atau penggantian boleh dilakukan. Saya fikir dalam aspek-aspek berkenaan, beberapa elemen teknikal telah diambil kira agar keadilan dan kesaksamaan dapat diberikan kepada mereka yang ditahan berkenaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu bangun, hendak bagi? Ya Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya cuma hendak dapat penjelasan. Selain daripada polis, apakah cara mereka dapat punca maklumat? Dalam pengalaman kita dalam akta lama, memang tidak ada cara untuk mana-mana lembaga mempunyai *apparatus* untuk mendapat maklumat yang *independent* sungguh pun pegawai yang duduk dalam jawatankuasa itu mungkin *independent*. Akan tetapi macam mana mereka boleh tahu seseorang itu ada senjata atau tidak, pernah pergi berperang atau tidak kalau bukan siasatan polis?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Itulah sebabnya pegawai-pegawai *inquiry* itu mendapat kertas latar belakang terhadap seseorang yang ditahan tetapi tidak tertakluk kepada *recommendation* dengan izin, daripada pasukan polis yang menyiasat. Berbeza dengan ISA, tidak ada pegawai *inquiry*, sebaliknya hanya bergantung pada laporan yang dibuat oleh polis dan dikemukakan terus kepada Menteri untuk Menteri buat keputusan. Di dalam perkara ini, saya telah jelaskan banyak kali bahawa kuasa Menteri telah diturunkan kepada lembaga. Jadi lembagalah yang menentukan.

Tadi sewaktu Yang Berhormat belum masuk, saya telah jelaskan, oleh kerana POTA ini mempunyai templat POCA, maka saya telah menyebutkan daripada sejumlah mereka yang telah ditahan, ada jumlah yang didapati oleh pegawai *inquiry* ini negatif daripada segi permohonannya. Saya ambil contoh lagi sekali. Saya ingin sebutkan bahawa daripada 207 yang telah dilakukan siasatan oleh pegawai *inquiry*, 37 daripadanya telah ditolak atau dibebaskan.

#### ■0020

Manakala hanya 170 sahaja yang dirujuk kesnya kepada Lembaga Pencegahan Jenayah ketika itu. Maka *template* yang sama saya fikir akan dibuat. Kalau misalannya soal implikasi disebutkan Pengerusi Lembaga tidak dicatatkan di dalam undang-undang berkenaan. Maka kita boleh menggunakan *Hansard* yang ada ini mana-mana Menteri Dalam Negeri yang akan mengambil alih daripada saya. Atau Menteri-menteri Dalam Negeri tahun 2030 dan kemudiannya boleh menggunakan apa yang saya nyatakan pada hari ini sebagai komitmen oleh Kerajaan Barisan Nasional. Inilah yang kita lakukan untuk menentukan bahawa keadilan dan kesaksamaan tetap dilaksanakan oleh kerajaan yang prihatin terhadap keperluan rakyat. [Tepuk]

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat sudah habis Yang Berhormat? Sudah habislah Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Sedikit, sedikit Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habislah Yang Berhormat, sudah habislah. Menteri sudah duduk Yang Berhormat sudah habis sudah.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Menteri...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

*[Fasal-fasal 7 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

#### Fasal-fasal 13 hingga 28 – Pindaan:

##### 12.21 tgh mlm.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Untuk fasal 13 iaitu Bahagian IV, Yang Berhormat Sepang mencadangkan supaya fasal 13 sehingga fasal 28,

kesemuanya dibatalkan kerana ini adalah akta yang jahat, akta yang tidak patut dikekalkan. Perbahasan boleh?

Fasal 13 ini adalah bagi saya adalah core ataupun dia punya inti pati kepada akta ini, kerana di sinilah seksyen 13 inilah yang membenarkan penahanan tanpa bicara. Di mana Lembaga mempunyai kuasa untuk mengarahkan seseorang yang ditahan itu dibicarakan ataupun ditahan tanpa bicara sehingga ke tempoh yang dua tahun dan boleh disambung seterusnya. Saya melihat juga bahawa seksyen 13 ini mempunyai satu *provision* subseksyen yang— walaupun ini tujuan untuk mendapatkan penjelasan daripada Menteri.

Kalau kita lihat kepada seksyen 13 ini, pertamanya *the whole process* itu untuk mendapatkan *detention order* itu kalau kita lihat tidak peranan peguam khususnya semasa *detention order* itu hendak dibuat itu tidak dinyatakan. Maknanya tidak ada *right to presentation* ataupun pihak orang yang ditahan itu sendiri tidak dibawa bersama untuk diserahkan dengan salinan *report* yang dibuat oleh *inquiry officers*.

Jadi seksyen 13(1) sebagai contoh mengatakan saya baca dalam bahasa Inggeris, "...(1) Whenever the Board, after considering- (a) the complete report of the investigation submitted under subsection 3(4); and (b) the report of the inquiry officer submitted under section 12, is satisfied with respect to any person that such person has been or is engaged in the commission or support of terrorist acts involving listed terrorism Malaysia in the foreign country or any part of a foreign country, the Board may if it is satisfied that it is necessary in the interest of the security of Malaysia that such person be detained, by order ("detention order") direct that such person be detained for a period not exceeding two years."

Maknanya ketika *Board* ini membuat keputusan, kalaularah sekiranya kita katakan ini konon-kononnya sebagai *hearing*. Ini sebab kalau kita katakanlah ini adalah satu proses di mana kalau kita ibaratkan *Board* ini macam mahkamah, mahkamah hendak membuat keputusan bagi *to verdict* kepada orang yang ditahan ini iaitu *verdictnya* kamu ditahan, dihukum.

Persoalannya, kenapakah dalam proses membuat keputusan ini pihak orang ditahan ini tidak dibawa ke dalam so *call* perbicaraan di hadapan *Board* ini dan dibenarkan untuk diwakili peguam. If at all kita mengatakan okey sekarang kita hendak buang hak untuk dibicarakan di mahkamah, paling kurang adanya *provision* yang *recognize* ataupun mengiktiraf hak orang ditahan ini untuk terlibat sama mempertikaikan, mempersoalkan apa yang dipanggil *investigation report, complete report of the investigation*. Jadi apa yang berlaku sekarang ini pihak *inquiry* ini dia bagi *report* ini kepada *Board*...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat membentang usul Yang Berhormat. Ya bentang usul, lepas buka bahas.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, jadi maknanya apabila *report* itu telah dikemukakan, *report* ini tidak ada langsung pihak yang ditahan ini berpeluang untuk bertanyakan untuk meneliti, menguji *test negara city of the report*, tidak ada. Jadi bagaimanakah kita boleh mengatakan ini satu prosedur yang adil? Saya juga ingin bertanyakan kepada Menteri. Cuba Menteri lihat kepada 13(10). *The direction of the Board under subsection (1) shall be subject to review by the High Court.* Pertamanya saya ingin bertanya kepada Menteri, adakah Menteri beranggapan seksyen *review* itu

termasuk *judicial review*. Kalau sekiranya *review* itu bermaksud juga *judicial review*, siapa yang akan bawa *judicial review* ini? Itu satu.

Keduanya, kalau sekiranya *review* di situ bukan bermaksud *judicial review*, bukan semakan kehakiman. Adakah seksyen ini bermaksud apa sahaja keputusan *Board* ini, Lembaga ini mestilah tertakluk kepada semakan oleh Mahkamah Tinggi. *In other word, the moment*, apabila *Board* ini membuat satu perintah, mengeluarkan perintah *detention order*, dia harus bawa perintah itu pergi ke Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Tinggi harus *review* keputusan itu. Kalau kita lihat kepada (10) ini nampaknya itulah yang dihasratkanlah. Akan tetapi dalam masa yang sama dia jadi satu perkara yang pelik sebab kalau kita hendak buat *review* ini mesti ada pihak-pihak *parties*. Biasa ada orang yang ditahan dan orang yang membuat keputusan. Dalam (10) ini tidak jelas apa yang dimaksudkan.

Anyway, saya hendak mengatakan bahawa seksyen 13 inilah yang bagi kami tidak boleh kita *compromise*. Dia adalah satu seksyen yang membenarkan penahanan tanpa bicara. Inilah kami kata tadi elemen-elemen ISA termasuk balik, roh ISA itu masuk balik dalam undang-undang ini. Walaupun telah dikebumikan ISA itu, walaupun telah dikuburkan, ada batu nisan tiba-tiba roh dia keluar balik. Ditiup masuk dalam undang-undang ini dan dipasangkan dalam seksyen 13 ini. Tiba-tiba ada pula Ahli Parlimen Barisan Nasional termasuk Yang Berhormat Tanjong Karang itu yang sudah berkarang dia punya kejahilan undang-undang itu. *[Disampuk]* Alah tadi dia kata bodoh, semua itu saya tidak layan pun, takkan kena berkarang sudah marah sudah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan usul Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Beliau mengatakan, macam manakah kita boleh katakan ISA ini boleh muncul kembali? ISA dahulu pun ada seksyen yang berkaitan dengan penahanan 60 hari dan ada juga berkaitan dengan penahanan di bawa oleh Menteri. Jadi dekat sini sekarang mungkin pihak di sana mengatakan, “*Oh! Ini bukan Menteri yang buat, ini Board*”. Bagi kita *Board*kah, Menterikah, siapa pun apabila kita membenarkan penahanan tanpa bicara bermakna inilah yang kita kata bertentangan dengan *rule of law*. Apatah lagi saya telah bahaskan dengan panjang kita sudah ada SOSMA.

SOSMA ini kalau saya jadi pendakwa saya amat seronok dengan SOSMA ini sebab mudah hendak buktikan kes. Dari seksyen 17 sampai seksyen 26 SOSMA itu dia relaks *all the requirement to present evidence*. You boleh terima *evidence* kanak-kanak, you boleh terima walaupun you buat rampasan barang-barang kah, tidak ada *search list* dan sebagainya, boleh terima.

#### ■ 0030

Maknanya even *intelligent evidence* pun you boleh kemukakan. Jadi maknanya sebab itulah saya kata SOSMA seteruk-teruk dia masih benarkan perbicaraan itu. Jadi kenapakah kita harus ada seksyen ini? Sebab itu saya sampai sekarang tidak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dan kalau penjelasan diberikan pun, memang kita tidak boleh terima langsung. Sebab apa? Sebab bagaimanakah dalam keadaan kita sudah ada satu akta yang memang sudah *draconian in nature*, SOSMA itu, kita masih perlukan akta ini. Ini tidak dapat dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya kalau kita lihat kepada seksyen 14, ini lagi satu seksyen yang untuk *legitimize* penahanan itu. Dia cari. Dia cari seksyen ini dan seksyen ini untuk makluman semua, ini adalah seksyen yang kalau dalam bahasa *law* dia kata *in pari materia* iaitu seksyen yang sama dengan ISA. Kalau kita tengok ISA dulu, ada satu seksyen 8(a) yang mempunyai peruntukan yang sama. Jadi bagaimanakah kita kata ini berbeza dengan ISA. Ayat dia, *wording* dia cuma dia ubah yang ini subseksyen 13(2) dan sebagainya. Dia cuma membezakan seksyen sahaja tetapi dia punya spirit, dia punya *wording almost* sama dengan seksyen ISA. Jadi bagi saya, apabila kita benarkan *detention order* ini. Yang lebih malang lagi, *detection order* walaupun dibenarkan untuk dicabar. Kalau kita lihat subseksyen 19. *Judicial review of act or decision of board*. Jelas mengatakan bahawa sebarang semakan kehakiman.

Berdasarkan pengalaman saya, saya pernah membuat kes yang melibatkan KMM di Mahkamah Tinggi Muar dulu berkaitan dengan ISA ini. Selalunya dalam kes *habeas corpus* yang kita failkhan ini, *habeas corpus* ini kita akan failkhan *affidavit* yang dibuat oleh ahli keluarga terdekat. Selepas itu kita akan berhadap dengan berbagai-bagai *affidavit* yang dikeluarkan oleh pegawai-pegawai yang menangkap. Saya sendiri menyaksikan bagaimana dalam kes KMM dulu, dalam *affidavit* yang dikemukakan oleh pihak yang menangkap ini, dia mengatakan oh, orang yang ditahan ini mereka terlibat dengan merompak, membunuh dan sebagainya. Saya berhujah di mahkamah. Saya kata kalau betul mereka terlibat dalam membunuh, kalau betul mereka terlibat dalam merompak, kita ada *Penal Code*. Kita ada seksyen 302, kita ada seksyen berkaitan dengan *robbery*.

Kenapakah mereka tidak didakwa di mahkamah? Jadi *affidavit* pihak yang menangkap itu sendiri membuktikan bahawa sebenarnya mereka di tahan dalam keadaan *evidence* ini boleh di *manufactured* dengan izin. Boleh direka-reka. Sebab apa yang kita lihat hanya *version* daripada pihak polis. *Version* pihak polis itu disembahkan kepada mahkamah. Apabila mahkamah hendak pergi kepada apa yang tertulis dalam *detention order* itu, kita akan dinasihatkan oleh hakim. You hanya boleh *challenge procedural*. Contohnya tarikh tidak betul. Contohnya koma tidak betul. Itu sahaja kamu boleh *challenge*. Sejarah kenapakah seksyen 19 ini yang sebenarnya untuk makluman, seksyen 19 ini adalah satu seksyen yang sama dengan seksyen 8(b) dan juga seksyen 8(c) ISA. Saya akan dedahkan. Sejarahnya ialah berkaitan dengan kes Mendiang Karpal Singh di mana beliau ditahan, dikeluarkan *detection order*, dalam *detection order* dikatakan antaranya ada beberapa *ground*.

Salah satu *groundnya* ialah pada sekian-sekian hari bulan, kamu Karpal Singh telah berada di sekian, sekian memberikan ceramah. Yang Berhormat Karpal Singh masa itu membuat cabaran pergi *habeas corpus*. Dia tunjukkan – masa itu boleh lagi kita *challenge merit*. Kita boleh *challenge* lagi *discretion* itu. Dia *challenge* dan mengatakan macam mana kamu kata saya berceramah pada sekian-sekian hari bulan padahal ketika itu saya berada di mahkamah sedang berhujah.

Maknanya apa yang dinyatakan dalam *detection order* itu memang tidak betul. Walaupun kata Yang Berhormat Tanjong Karang kita boleh pergi buat *representation*. Kita pergi dan kita buat *representation*. Selalunya dalam perbicaraan ‘implementasi’ itu, di lembaga penasihat ini, dia sering ingatkan *lawyer*. Ingat ya, ini bukan mahkamah. Kamu jangan berhujah. Itu sahaja. Bagi kita, *pointless*

pergi lembaga penasihat ini. Anyway, kenapakah kita mengehadkan kepada *procedural requirement* sahaja. Kita hanya boleh membangkitkan tentang *non compliance of procedural requirement* sedangkan kalau kita lihat kepada *habeas corpus* sebagai contoh. *Habeas corpus* ini satu *remedy* yang wujud dalam perlembagaan. Kita boleh lihat artikel 5 Perlembagaan Persekutuan. Artikel 5(2). Saya bacakan yang berbunyi;

*“Jika pengaduan dibuat kepada mahkamah tinggi atau mana-mana hakim mahkamah tinggi menyatakan bahawa seseorang sedang ditahan dengan menyalahi undang-undang, maka mahkamah itu hendaklah menyiasat pengaduan itu melainkan jika mahkamah itu berpuas hati bahawa tahanan itu adalah sah, hendaklah memerintahkan supaya orang itu dibawa ke hadapan mahkamah dan melepaskannya”.*

So, *this article is the basis of habeas corpus* dalam undang-undang negara kita. Kalau kita lihat kepada *wording* di bawah artikel 5(2) ini, dia menyatakan, ayat dia *very general*. *Complaint*, pengaduan. *Complaint* ini adalah bermaksud *complaint* segala *complaint* sama ada ada *mala fide* kah, Yang Berhormat Menteri ada *mala fide* keputusankah. Dia *general*. Tiba-tiba kita masukkan dalam seksyen 19 ini, kita hanya boleh *complaint* berkaitan dengan *procedural requirement*. Maknanya kita langgar juga perlembagaan ini. Kita tidak hirau perlembagaan. Jadi kalau perlembagaan yang menjadi satu undang-undang tertinggi negara kita, yang menjamin, yang termasuk dalam fundamental *liberties*, tiba-tiba kita *ignore* begitu sahaja, kalau perlembagaan pun kita *ignore*, macam mana kami boleh percaya bahawa benda lain kamu tidak *ignore*. *The very basis of our right and shrine in the highest law of the land* iaitu *Federal Constitution* pun kamu langgar, jadi bagaimanakah kami boleh yakin bahawa hak-hak yang lain tidak akan dibuang begitu sahaja.

Seterusnya kalau kita lihat kepada kesan apabila kita hanya boleh *challenge procedural requirement* sahaja. Bagi saya kesannya walaupun kita dapat, walaupun kita memperoleh perintah *habeas corpus*, selalunya apabila kita fail *judicial review* ini, dalam konteks kes-kes begini, kita fail *habeas corpus*. Kita tidak fail .... dan sebagainya. Kita fail *habeas corpus*. Sebab itu dalam akta yang melibatkan POCA dulu, dia tidak masukkan *habeas corpus* apabila Mendiang Karpal Singh bantah kenapa tidak masuk *habeas corpus*. Nampaknya dia dengar jugalah. Dia masukkan *habeas corpus* kali ini. Akan tetapi yang lain itu dia ada tidak dengar juga. Akan tetapi saya hendak katakan juga, katakan mahkamah kata okey, penahanan ini tidak sah sebab langgar *procedural requirement*. Isunya adakah orang ini boleh ditangkap semula? Jawapannya boleh. Ini yang berlaku. Tanyalah kepada badan pengamal undang-undang yang buat kes *habeas corpus*.

Pertamanya kadang-kadang kita menang hari ini, tidak sampai lima minit dia tangkap balik. Yang lebih teruk lagi, kita akan melihat satu kejadian apabila kita fail *habeas corpus*, *the first detection order, clearly defective*, tiba-tiba belum lagi kes di dengar di mahkamah, dia batalkan perintah *detection order* yang pertama itu, dia keluarkan *detection order* yang kedua. Apabila kita pergi ke mahkamah, mahkamah kata *it become academic*. Tidak boleh lagi hendak dengar. So ini yang mereka boleh lakukan. Sebab itu bagi saya walaupun ada jaminan semakan kehakiman yang membenarkan supaya *procedural requirement* ini di *challenge*, tetapi *the actual fact, remedy* ini tidak berkesan. *Remedy* ini

sebagai *mockery* sahaja, sebagai olok-lok. Jadi kalau macam manakah kita mengatakan jaminan orang ditahan ini dilindungi dalam akta ini? Jadi tidak ada bezanya. ISA macam itu, undang-undang ini pun macam itu. Sebab apa? Sebab kerajaan yang buat, kerajaan yang itu juga. Dia tidak boleh fikir di luar kotak. Dia fikir benda sahaja. Jadi saya rasa yang seksyen-seksyen lain itu oleh kerana ia berkaitan dengan *detention order* ini, maka saya mencadangkan keseluruhan seksyen 13 hinggalah seksyen 28 itu dibatalkan sebab ini adalah asas kepada undang-undang semasa bicara. Jadi kalau ini kita batalkan, maka saya rasa *the whole act* itu sudah tidak relevan lagi. Maka saya mencadangkan supaya dibatalkan. Terima kasih.

#### ■0040

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Sepang yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Serdang.

#### 12.40 tgh. mlm.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bangkitkan beberapa perkara yang saya rasa adalah merujuk kepada *Restricted Residence Act* dengan izin, kerana *Restricted Residence Act* ini telah dibatalkan apabila ISA dibatalkan. Akan tetapi sekarang ini di bawah POTA ini, telah dikembalikan dalam beberapa fasal. Saya rujuk kepada fasal 13 di mana jika saya baca fasal 13(3), (a), (b), (c), (d), (e), (f), (g), (h), (i), (j), (k), (l) ini, saya rasa kesemua fasal ini dipetik daripada *Restricted Residence Act*. Ini memang *cut and paste*. Saya hendak bangkitkan isu ini dan pada masa yang sama di bawah fasal 27 iaitu *harbouring*.

*Any person who knowingly harbours or conceals any person who enters any state* dan sebagainya, juga adalah dipetik daripada *Restricted Residence Act*. Saya rasa ini adalah sesuatu yang menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat Pekan telah memungkiri janji beliau di mana ISA dan juga *Restricted Residence Act* ini telah dikembalikan di bawah POTA. Saya rasa ini adalah satu...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Kapar hendak minta pandangan?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tadi dalam perbahasan dasar mahupun jawatankuasa, beberapa kali kita telah bangkitkan bahawa ini adalah satu percubaan untuk membawa masuk semula ISA. Saya dalam perbahasan saya telah tekankan ini adalah ISA 2.0. Sebentar tadi dengan bukti, Yang Berhormat Serdang telah menerangkan bahawa percetakan semula perkataan-perkataan yang ada. Jadi, memang sahlah ini adalah ISA 2.0. Apa pendapat Yang Berhormat Serdang?

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Saya rasa ini bukan sahaja ISA 2.0, ini ialah ISA dan juga *Restricted Residence Act* 2.0. Kedua-dua akta ini dijanjikan akan

dibatalkan tetapi dikembalikan lagi di bawah POTA ini. Saya juga hendak rujuk kepada apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepang, di mana fasal 13 seksyen 1 ini memang membolehkan *detention without trial* untuk a period not exceeding two years. Pada masa yang sama, fasal 17 juga membenarkan *indefinite detention without trial* di mana Lembaga ini boleh mengarahkan supaya dengan izin, direct that the duration of the order be extended for such further period, not exceeding two years for a detention order of five years for a restriction order, as the Board may specify, commencing immediately upon the expiration of its, then current duration.

Tuan Pengerusi, saya rasa ini adalah sesuatu yang perlu dijelaskan termasuk oleh parti Gerakan yang sentiasa kata ini adalah parti yang membatalkan ISA. Kenapa Yang Berhormat Simpang Renggam? Hendak jawab tidak? Saya beri *floor* kepada Yang Berhormat Simpang Renggam. Tadi hendak jawab, tetapi sekarang tidak hendak jawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Serdang, tumpu kepada pindaan Yang Berhormat. Tidak payah provoke Yang Berhormat Simpang Renggam.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Bukan, bukan. Saya hendak beri ruang sahaja kerana tadi Tuan Pengerusi tidak beri ruang kepada beliau. Jadi saya hendak beri ruang, tetapi beliau pun tidak mahu ambil peluang ini. Saya rasa ini menunjukkan bahawa memang tidak ada niat yang betul untuk bantah ISA.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Malas hendak jawab.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Oleh kerana itu, saya hendak sokong apa usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sepang dan saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi pertimbangan yang wajar. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh ringkaskan Yang Berhormat. Yang Berhormat Padang Serai, ringkaskan.

#### 12.45 tgh. mlm.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi, merujuk kepada fasal 13(1) yang menyatakan bahawa apabila *Board satisfied* ataupun puas hati, maka perintah tahanan itu boleh dibuat untuk tempoh dua tahun. Akan tetapi jika dilihat fasal 12, ia pula menyatakan apabila *Board* bersetuju dengan *inquiry officer* bahawa ada alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa *subject inquiry* itu terlibat di dalam keganasan. Maknanya kalau kita baca 12 dan 13 bersama, bermakna yang pertama sekali *Board* mesti percaya ada alasan munasabah, selepas itu *Board* mesti berpuas hati. Ini adalah satu *wording* yang sungguh aneh dan akan menyebabkan *confusion* pada ahli *Board* apabila mereka hendak membuat keputusan. Apakah kaitan antara *reasonable grounds* dengan *satisfied*? Satu lagi, apabila perkataan ‘puas hati’ digunakan dalam 13, apakah takrifan puas hati? Puas hati bahawa ada alasan munasabah? Puas hati bagaimana? Kita pun tidak tahu sebab dalam 12 dia kata alasan munasabah, sini pula puas hati. Apa perbezaan antara alasan munasabah dan puas hati?

Ini bukan satu perkara yang kecil tetapi inilah perkara pokok, *the gist of section 13* kerana ahli *Board* tersebut mesti mempunyai alasan munasabah ataupun puas hati sebelum mereka dapat membuat

keputusan untuk menahan seseorang itu sehingga tempoh hampir dua tahun dan selepas itu mungkin dua tahun, dua tahun dan seterusnya. So, *key issue here* adalah begitu kabur. Atas alasan ini sahaja, saya bersetuju dengan pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Sepang.

Akan tetapi yang lebih penting lagi, satu lagi Tuan Pengerusi adalah bahawa kalau kita lihat 13, ahli *Board* ini hanya mempunyai laporan daripada pihak polis di bawah 34 dan laporan oleh *inquiry officer* di bawah fasal 12. Itu sahaja. Atas dua laporan bertulis ini, ahli *Board* ini terpaksa membuat satu keputusan yang begitu berat iaitu menahan seseorang atau tidak menahan seseorang itu untuk tempoh hampir dua tahun. Kalau kita ambil contoh Hakim di mahkamah, ini seolah-olah Hakim masuk dalam bilik mahkamah tanya jurubahasa. Jurubahasa ada *report* tidak mengenai tertuduh ini? Jurubahasa bagi *report*, Hakim baca, *they said* okey salah. Sama *parallel*, seolah-olah seorang Hakim berbuat begitu. Ini kerana apa, ahli *Board* hanya ada laporan bertulis.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Dia tidak mempunyai peluang...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Boleh mencelah sedikit? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jadikan singkat Yang Berhormat Stampit.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat, saya ingin tanya pandangan Yang Berhormat. Saya bukan seorang *lawyer*, jadi saya sendiri pun *confuse*. Dalam kes SSKM iaitu Sabah Sarawak Keluar Malaysia, dalam kes ini adakah POTA ini akan boleh digunakan terhadap mereka memandangkan mereka hanya hendak meluahkan rasa tidak puas hati mereka kepada kerajaan. Adakah mereka nanti akan dituduh bahawa mereka di bawah *influence of foreign counterpart*? Jadi saya hairan, adakah POTA ini boleh digunakan terhadap mereka? Jadi, apa definisi keganasan itu? Adakah kita akan penjarakan mereka, *detent* mereka tanpa *trial*. Minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya Yang Berhormat, memang ini adalah *concern* kita daripada awal perbahasan dari pagi tadi itu bahawa takrifannya adalah amat luas. Walaupun dinyatakan tidak akan ditahan bagi *political activity*, kita tahu pada masa yang sama tidak ada akses kepada mahkamah untuk menyoal secara substantif apa-apa tahanan. Jadi itu masalah yang kita timbulkan, tetapi kita masih tidak mendapat apa-apa jawapan yang memuaskan hati daripada pihak kerajaan.

Jadi kembali kepada perkara ini, jadi masalahnya ahli *Board* ini tidak mempunyai peluang untuk menemu ramah subjek, tidak mempunyai peluang untuk mendengar mana-mana saksi, tidak mempunyai peluang *first hand* untuk menilai keterangan.

#### ■0050

Akan tetapi tertakluk sepenuhnya kepada laporan bertulis daripada *inquiry officer* dan juga laporan daripada pihak polis dan atas laporan ini, bagaimanakah mereka boleh dengan sempurna, dengan kukuh membuat satu keputusan untuk menahan sesiapa pun untuk tempoh sehingga dua tahun seperti ini. Ini adalah *loop floor* yang begitu besar, *fatal floor* dengan izin Tuan Pengerusi di dalam keseluruhan skema ataupun *scheme* tahanan tanpa bicara ini. Tidak ada cara untuk *repair provision* ini

dan sebab itu saya menyokong supaya keseluruhannya dibatalkan seperti yang dipohon dalam usul Yang Berhormat Sepang.

Of course isu membuat tahanan tanpa bicara ini pun kita telah pun menyatakan atas alasan apakah yang kita boleh *justify* tahanan tanpa bicara seperti ini. Tidak ada statistik, tidak ada *studies*, tidak ada *royal commission* yang menyatakan bahawa perlu di dalam negara kita pada masa ini undang-undang tahanan tanpa bicara untuk mencegah *terrorisme*. Ini hanya apa yang diberitahu oleh pihak kerajaan kepada kita. Tidak ada apa-apa keterangan yang diberi. Bagaimana SOSMA tidak berjaya untuk mencegah aktiviti keganasan. Itu saya rasa dan saya mintalah supaya Yang Berhormat Menteri menjawab isu ini ialah isu yang amat penting.

Saya terus kepada fasal 17. Fasal 17(5) ini sangat serius kerana menyatakan bahawa seseorang itu boleh ditahan, *extended maybe further extended from time to time*. Sampai berapa tahun, 10 tahun, 20 tahun? Tidak ada limit dan saya tidak pernah tengok, nampak satu *provision* yang begitu serius sebelum ini. Ia tidak ada tempat di dalam sistem, *criminal justice system* seperti kita yang sepatutnya menurut *rule of law*. Ia adalah begitu menindas, terlalu menindas apabila tidak ada *limit* kepada tempoh atas mana seseorang itu boleh ditahan dan atas alasan itu juga ia perlu dibatalkan.

Saya terus kepada fasal 19 Tuan Pengerusi. Ini amat serius dan perlu dibatalkan sepenuhnya kerana sekali lagi percubaan dibuat untuk menghakis bidang kuasa badan kehakiman. Mengapa badan kehakiman seperti dinyatakan dalam fasal 19 tidak ada diberi kuasa untuk membuat keputusan atas isu substantif tahanan mana-mana orang di bawah seksyen 13 ataupun fasal 13. Hanya isu prosedur dibenarkan. Ini salah. Tuan Pengerusi, isu ini adalah penting sedikit kerana kalau kita lihat *constitutional, the doctrine of constitutional supremacy* apa maknanya. Kalau kita lihat fasal 4(1) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan *this constitution is the supreme law the federation and any law pass after Merdeka Day which is in consistent with this constitution shall to the extend to the inconsistency be void*.

Siapa yang akan membuat keputusan bahawa *inconsistency* itu ada dan undang-undang itu adalah *void*, badan kehakiman, kerajaan dan Parlimen. Eksekutif dan Parlimen bukanlah *supreme* di negara kita. Tidak ada konsep bahawa Parlimen dan Eksekutif adalah *supreme* atau badan kehakiman. Yang *supreme* adalah *Federal Constitution*. Oleh itu hak untuk mencabar kesahihan mana-mana tindakan oleh badan eksekutif atas alasan tidak menurut perlembagaan ataupun tidak menurut undang-undang, adalah terdapat pada semua rakyat dan semua orang yang bukan rakyat juga.

Bermakna mesti ada akses kepada mahkamah dan kuasa *judicial review*, kuasa untuk meneliti apa-apa tindakan oleh badan eksekutif adalah sesuatu yang *inherence*, sesuatu yang ada di dalam, termasuk di dalam kuasa mahkamah dan hak ini paling penting. Hak untuk mempunyai akses kepada mahkamah untuk menyalah apa-apa percubaan untuk menahan seorang rakyat adalah berkaitan dengan Artikel 5 ataupun fasal 5 Perlembagaan Persekutuan iaitu *no person shall be deprived of his life or personal liberty save in accordance with the law* dan juga fasal 8, *all person are equal before the law and entitled to the equal protection of the law*.

Bermakna apabila hak seorang subjek *inquiry* itu ataupun orang yang mungkin ditahan di bawah 13 itu dihalang daripada mendapat pendengaran di mahkamah di sebabkan oleh fasal 19, ia adalah pencabulan hak dibawa fasal 5 *personal liberty* dan juga hak *equal protection before the law* dengan izin di bawah fasal 8.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat boleh habiskan Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l Nagarajan [Padang Serai]:** So, isu *ouster* hak ini adalah sesuatu yang amat serius yang perlu kita perhatikan. Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat masa ada lebih dari 10 minit Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sikit saja. Pencelahan sikit saja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat 19(1) saya minta penjelasan sikit. Satu-satunya pengecualian yang ada untuk kajian semula kehakiman ialah tatacara, prosedur. Akan tetapi bila Yang Berhormat rujuk kepada 8(6) akta ini, lembaga hendaklah menentukan tatacaranya sendiri. So prosedur pun, tatacaranya pun adalah dalam bidang kuasa Lembaga Pencegahan Keganasan untuk datang dengan prosedur sendiri. Lepas itu kita dekat sini pula kata *judicial review* hanya setakat prosedur sahaja. Untuk saya ada konflik dekat sini. Saya minta penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan N. Surendran a/l Nagarajan [Padang Serai]:** Apabila 8(6) menyatakan tidak ada prosedur, itu bermakna kalau tidak ada prosedur yang dinyatakan, itu bermakna ia arbitrari. Mudah sahaja dan sesuatu yang *arbitrari* tidak boleh diterima di dalam sistem keadilan kita. Kembali kepada kuasa mahkamah. Tugas mahkamah untuk menegakkan perlombagaan dan saya pohon supaya Yang Berhormat Menteri melihat peruntukan ini iaitu fasal 4(1), fasal 128(1), fasal 130, fasal 162(6), semuanya ada di dalam Perlombagaan Persekutuan yang jelas menunjukkan adalah kuasa mahkamah untuk menegakkan hak-hak yang ada di bawah perlombagaan dan inilah kuasa yang telah cuba diambil melalui fasal 19.

Tuan Pengerusi, di dalam sistem keadilan kita di bawah perlombagaan kita, mahkamah-mahkamah yang lebih tinggi adalah dengan izin *ultimate arbiters*. Sebarang pertikaian di antara individu dan kerajaan ataupun *the state, ultimate arbiter* itu adalah dengan izin adalah mahkamah. Jadi bagaimana, bagaimana kuasa itu boleh diambil daripada pihak mahkamah. Itu jawapan yang kita perlu dan sebab itu 19 tidak boleh diterima. Juga kalau kita lihat di 19, dia juga tidak mempunyai apa-apa peruntukan di dalam kes di mana *restriction habeas corpus* telah dinyatakan, yang lain semua adalah prosiding dalam bentuk sivil, *mandamus, prohibition, certiorari and declaration in junction*.

Dalam kes *restriction*, kalau *restriction* dibuat, apakah seorang subjek *inquiry* itu terpaksa lari kepada mahkamah untuk mendapat *remedies* ini ataupun bolehkah beliau memfailkan satu permohonan di bawah di dalam mahkamah jenayah sendiri. Ini juga telah tidak dinyatakan dengan jelas. Oleh itu adalah sesuatu yang kabur. Saya sekarang beredar kepada fasal 25. Fasal 25 amat serius Tuan

Pengerusi kerana ia memberikan *double penalties*. Mana-mana orang yang telah didaftarkan, yang didapati bersalah bagi apa-apa kesalahan selepas didaftar akan dihukum untuk satu tempoh dua kali lebih panjang daripada terma maksimum bagi mana biasanya beliau akan mendapat.

**■0100**

Tuan Pengerusi, ini adalah satu *provision* yang amat *oppressive*. Kita tidak boleh terima *provision* seperti ini dan ia tidak mempunyai sebarang tempat dalam sistem *criminal justice* ataupun sistem keadilan kita. Apa yang lebih penting adalah dan jelas apabila kita memasukkan terma seperti ini sehingga dua kali maksimum *term* bermakna ia adalah dengan jelas mencabuli hak seorang individu itu di bawah fasal 8.

Fasal 8 menyatakan *equality before the law* dan juga memasukkan konsep *proportionality* dalam undang-undang jenayah kita. Apa makna *proportionality*? Hukuman itu mestilah *proportionate* kepada kesalahan, di sini semata-mata kerana subjek *inquiry* itu telah didaftarkan di bawah undang-undang ini beliau mendapat hukuman dua kali, maksimum *term* kalau dibandingkan dengan seorang yang melakukan kesalahan yang sama tetapi tidak didaftarkan di bawah akta ini. Ini jelas mencabul fasal 8 dan ia adalah *completely* dengan izin *completely disproportionate*.

Kita tidak boleh terima satu fasal seperti ini sebab itu saya sokong bahawa fasal ini juga dibatalkan dan kesemua fasal lain seperti yang dipohon di bawah usul Yang Berhormat Sepang. Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Mencelah sedikit Yang Berhormat tentang fasal yang berkait itu.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terus *direct* ya. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, saya sebenarnya sempat ada bercakap tentang *disproportionate force*, sempat meneliti dalam laman web Kementerian Luar Negeri Malaysia di bawah *South East Asia Regional Center for Counter-Terrorism (SEARCCT)*. Di sini dimuatkan kajian tentang pengeboman dan kes-kes yang berkait dengan letupan khususnya 22 letupan di negara Indonesia dan disertakan bahawa pengenalan Akta Keselamatan Dalam Negeri terdahulunya tidak membantu dalam menangani keganasan. Ini bukan kata-kata kami. Ini kata-kata dalam sebuah kajian yang dimuatkan dalam laman web kementerian Kerajaan Malaysia sendiri.

Apakah saranan mereka Yang Berhormat? Cakap tentang *disproportionate*, saranan, bila berkait dalam kes Abu Bakar Bashir yang bertanggungjawab dalam kejadian bom di Bali. Beliau sebenarnya diberikan ruang, *engaged with him* dalam program *de-radicalisation* dan akhirnya Abu Bakar Bashir masih bergerak aktif, bebas di Indonesia dan bergerak dalam satu gerakan yang tidak ganas, *non-violent organization*. Jadi, saya sebenarnya mahukan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Ini daripada kementerian sendiri. Ini daripada pendirian, daripada kaji selidik yang membuktikan *disproportionate force* tidaklah sesuatu yang boleh diterima. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai, boleh habiskan Yang Berhormat ya.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya, sebab itu Tuan Pengerusi isu *disproportionate force* ini sebenarnya satu isu yang amat serius. Apabila *proportionality* ini dilupakan, ia menggugat keseluruhan sistem keadilan kita dan ia mempunyai *long term consequence*. Sistem keadilan kita tidak akan dihormati di dalam negara ataupun di luar. Jadi, ia sesuatu yang amat serius.

Saya sekali lagi memohon kepada Yang Berhormat Menteri. Saya tahu kita susah untuk bersetuju atas isu ini tetapi saya sekali lagi meminta kepada Yang Berhormat Menteri, kalau kita lihat Resolusi 2178 *United Nations* juga menyatakan bahawa perlulah kita melihat kepada *humanitarian law* dan *international human rights law* dan sebagainya dan instrumen-instrumen di bawah *United Nations* termasuk apabila kita lihat spirit kepada *Federal Constitution* kita. Saya sekali lagi meminta supaya Yang Berhormat Menteri cuba mengkaji, meneliti kembali.

Tidak terlambat sekarang pun supaya meneliti kembali fasal-fasal ini dan membuat keputusan. Sekurang-kurangnya rujuklah kepada Jawatankuasa Pilihan ataupun menarik balik dan meneliti kembali fasal-fasal ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. Sudah *detail* dibahaskan.

#### 1.04 pg.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tidak, tidak saya boleh...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payahlah, saya minta Menteri menjawab. Sudah *detail* Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Padang Serai dan tentang pencelahan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai tadi.

Saya ingin menyebutkan di sini bahawa selain dari Lembaga Pencegahan Keganasan ada Lembaga Penasihat dan sebarang pertuduhan boleh di bawa ke Lembaga Penasihat dengan melantik seorang peguam dan ini berlaku pada POCA. Di sana kita boleh mengemukakan sebarang penolakan jika orang-orang yang ditahan itu pada hemat perundungan dan pada pengamatan peguam didapati boleh dilepaskan daripada penahanan di bawah POCA ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Dalam hal ini penyemakan kehakiman juga atau *judicial review* boleh dikemukakan kepada pihak mahkamah. Walaupun Yang Berhormat Sepang menyebutkan bahawa ISA, RR dan juga *Emergency Ordinance* telah ditiadakan tetapi roh undang-undang ini masih ada dan ia dihidupkan kembali. Tentunya ia merupakan satu *spirit* dan biasanya mungkin Yang Berhormat Sepang ingin merujuk *spirit* bagi sudah mati, itu adalah hantu. Kita harap ia tidak menghantui Yang Berhormat Sepang dalam waktu yang dinihari ini...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah sedikit?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** ...Untuk menyatakan bahawa klausa yang perlu dibatalkan ini perlu dibatalkan segala-galanya. Untuk makluman Yang Berhormat Lembah Pantai bahawa Abu Bakar Bashir sekarang ini masih dalam tahanan di penjara Indonesia dan pengikut-pengikutnya juga masih ditahan. Terdapat kira-kira 300 orang pengikut-pengikutnya yang di dalam penjara.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Boleh Yang Berhormat jawab tentang laporan yang tertera dalam laman web?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Okey, saya ingin menjelaskan sahaja bahawa mulai pada tahun ini pengganas-pengganas ini yang dikenali sebagai JI dan lain-lain pertubuhan militan di Indonesia secara berperingkat-peringkat atau dengan izin, *gradually, is to be released*. Ini amat membahayakan bukan sahaja untuk Indonesia tetapi untuk rantau Asia Tenggara keseluruhannya kerana mereka mempunyai rangkaian yang cukup kuat dan mereka mahu membentuk Daulah Islamiah Asia Tenggara ataupun Negara Islam di Asia Tenggara. Ini jika tidak disekat melalui POTA maka saya amat khuatir ada resapan ke Malaysia.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya tahu bahawa beberapa fasal yang telah disebutkan tadi terutama fasal 13 adalah sesuatu yang harus dilihat dan di dalam perkara ini *insya-Allah* kalau ia merupakan sesuatu yang harusnya dipinda apabila tiba masanya kelak kita akan lakukan pindaan tetapi mungkin selepas saya tidak lagi di KDN. Ketika itu ada rakan-rakan Ahli-ahli Parlimen yang akan mengambil alih daripada saya dan saya yakin mereka akan melakukan yang terbaik untuk pindaan yang dicadangkan tadi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, sudah habis Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dia bagi saya ruang itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habis Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri sudah jawab.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Habis atau bagi ruang?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habis Yang Berhormat, sudah habis dah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Allah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Belah bahagi.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kita minta untuk belah bahagi.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Okey, cukup 15 orang. Setiausaha sila bunyikan loceng selama dua minit.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

■0110

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat. Undian dijalankan sekarang.

*[Pengundian dijalankan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila duduk Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk tempat masing-masing. Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undi adalah:

Ahli-ahli yang bersetuju berjumlah 58 orang... *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang tidak bersetuju 80 orang... *[Tepuk]*

*[Pindaan tidak disetujukan]*

Fasal 13 hingga 28 –

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila fasal 13 hingga 28 ada yang hendak berbahas?

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Saya, saya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Selayang dan Batu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang lain duduk, Yang Berhormat. Saya hendak tengok ada orang bangun kah tidak. Ramai bangun. Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Satu orang dua minit cukuplah. Satu orang dua minit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ringkaskan Yang Berhormat. Bolehlah lima minit seorang, Yang Berhormat.

1.17 pagi.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Dua minit. Tuan Pengerusi, saya tanya satu soalan sahaja. Kenapa mengikut fasal 19, tidak ada semakan kehakiman dibenarkan? *No judicial review*. Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Batu.

1.17 pg.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya turut bahas ini Tuan Pengerusi bukan... Isu hak dan keadilan ini telah dicover oleh rakan-rakan saya. Saya ingin bawa satu *concern* yang lebih asas kepada undang-undang ini iaitu keberkesanan untuk mengelakkan mencegah keganasan. Sungguhpun dinamakan pencegah keganasan tetapi oleh kerana *board* atau lembaga yang telah didirikan adalah bukan orang-orang yang mempunyai kemahiran dalam undang-undang dan *investigating inquiry officer* juga bukan orang yang dari ada pengalaman kehakiman, saya tidak tahu bagaimana dalam model ini seseorang yang bagaimana undang-undang ini membezakan seorang pengganas yang telah melakukan sesuatu yang ada implikasi keganasan atau seorang yang berpotensi menjadi pengganas atau kita bandingkan dengan izin, orang yang melakukan *nuisance* yang mempunyai unsur-unsur keganasan? Jadi ini yang menjadi masalah bila *board* hanya mengatakan *satisfied with the purpose mentioned*. Ini kita tidak tahu apa maksudnya *satisfied*.

Saya ingin kerajaan memandang perkara ini secara serius kerana yang kita anggap sekarang yang berdepan adalah orang-orang yang ada kemungkinan belum melakukan keganasan. Ini yang disebut *preventive*. Mereka mungkin percaya bahawa, tadi Menteri sebut Nusantara ini harus dijadikan Darul Islamiah. Saya tidak nampak secara ideologi untuk mempercayai satu konsep seperti itu bolehkah dianggap sebagai salah. Akan tetapi kalau mereka...

#### ■0120

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, terus kepada pindaan, Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Masalah ini, kalau mereka apakah *boundarynya* supaya kepercayaan ini diterjemahkan menjadi tindakan yang mengancam keselamatan. Dalam modus yang kita ada ialah tahanan. Kita tidak ada cara lain seolah-olah di sini hanya *restricted order* dengan tahanan. Seseorang ini percaya bahawa syiah adalah pengancam kepada akidah. Bagaimana kita hendak menghentikan mereka yang mempunyai pertalian. Saya tidak nampak kalau kita ada *detention* selepas dua tahun, orang itu keluar secara automatik mereka percaya benda yang lain. Mereka tetap menjadi ancaman kalau tindakan itu diterjemahkan.

Di sini kita lihat modul yang ada, saya ingin dapat penjelasan daripada Menteri. Model yang ada kita hendak *restrict* kebebasannya untuk bergerak. Selain daripada *detention*, kita *restricted order*. Adakah *restricted order* dalam zaman sekarang ini dengan ada internet dengan ada pelbagai lagi ini boleh menghentikan seseorang itu menyebarkan fahaman sesuatu yang dianggap sebagai ancaman.

Yang ancaman ini tidak definisikan kerana Lembaga tidak ada keupayaan untuk meneliti dan membuat *judgment* selain daripada laporan daripada polis. Itulah sebab saya anggap fasal-fasal ini tidak berkesan dalam intinya untuk mencegah keganasan. Saya juga ingin dapat penjelasan pada seksyen 24 ini. Seksyen 24 terkandung dalam perbahasan ya? Di sini dalam bahasa Inggeris, "*No registered person shall consort or habitually associate with any other registered person without the permission of the officer in charge*".

Saya ingin bawa pada versi bahasa Melayu, "*Tiada seorang pun orang berdaftar boleh bergaul dengan atau secara lazimnya berkawan dengan mana-mana orang berdaftar lain.*" Saya hendak tanya,

ini agak berbeza maknanya. Kalau *consort* tidak bermaksud bergaul. Bergaul saya tafsirkan secara fizikal, bercontact. Tetapi berkawan itu juga secara fizikal mempunyai komunikasi. Akan tetapi *consort* dalam bahasa Inggeris atau *associate habitually* ia bermaksud telefon juga *consort*.

Saya juga ingin mendapat penjelasan. Apabila kita menangani sel-sel pengganas, orang-orang yang berdaftar adalah kemungkinan suami isteri. Orang-orang yang berdaftar kemungkinan satu keluarga yang percaya sesuatu ideologi yang kita anggap mereka ada potensi untuk mengancam, kita daftarkan mereka. Bagaimana kita hendak selesaikan masalah ini apabila seseorang itu, mengikut sini, *willingly or unknowingly* seorang itu juga adalah yang didaftar. Mereka juga adalah orang yang *registered* ini dan mereka terpaksa dengan hubungan keluarga dia, atau hubungan mereka mempunyai interaksi satu sama lain. Saya tidak tahu bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini. Saya tidak nampak dengan cara ini, adakah ini berkesan untuk menyelesaikan masalah ini.

Akhir sekali saya juga tidak puas hati kerana dalam sini kita tidak nampak apa keupayaan Lembaga ini untuk membuat *assessment* terhadap risiko pengganas ini. Kerana di sinu cuma satu *source* sahaja iaitu pegawai polis. Kita tidak ada sumber yang lain. Pegawai yang *inquiry* juga bergantung 100% daripada laporan polis. Jadi di mana *independent* dia, kalau tidak ada kehakiman, semakan kehakiman. Kalau tidak ada sistem yang negara kita sanjung iaitu *the rules of law* di mana kehakiman mempunyai hak *independent* untuk memutuskan seseorang itu bersalah atau tidak.

Saya tetap menekankan, kita memerangi bukan pengganas yang sudah lakukan sesuatu tindakan kejahatan. Itu kita boleh gunakan akta yang lain. Kalau seseorang itu telah menyertai ke Syria bunuh seseorang itu, itu boleh. Kalau seseorang itu pergi ke Syria hanya sebagai *tea boy* adakah ini terkandung dalam itu? Atau seseorang itu percaya rejim Syria bertentangan dengan kepercayaannya, secara aktif menyebarkan fahaman ini. Adakah dianggap sebagai berpotensi mengancam keselamatan negara? Jadi saya dapati undang-undang ini langsung tidak *address* soalan-soalan ini. Oleh itu ini adalah satu undang-undang yang tidak berkesan untuk mengatasi pengganasan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Selayang.

### 1.26 pg.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya minta penjelasan tentang fasal 13 di mana Perintah Tahanan dibuat, Lembaga hendaklah berpuas hati tentang dua perkara. Perkara pertama ialah orang itu terlibat menyokong organisasi pengganas tersenarai di suatu negara asing.

Perkara kedua ialah Lembaga berpuas hati bahawa perintah ini adalah demi kepentingan keselamatan Malaysia. Kalau kita melihat *preamble* dengan perkara 149, di mana Perkara 5, 9, 10 dan 13 digantung sebab ada ancaman di negara Malaysia. Tetapi kalau kita melihat huraian perenggan satu sehingga empat muka surat 31, tujuan undang-undang ini ialah untuk melaksanakan *security legislative* 2178 iaitu untuk memperhentikan orang ke Syria untuk menyertai IS dan berperang di sana. Maknanya

ancaman bukan kepada Malaysia tetapi ancaman ke Syria. Sebagaimana Perkara 149 boleh dipakai, apabila ancaman bukan untuk keselamatan Malaysia tetapi keselamatan negara asing.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Serdang.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Segambut bangun dahulu.

#### 01.28 pg

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Speaker ternampak Yang Berhormat Serdang dahulu Yang Berhormat.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Walaupun kita berdua botak, tetapi saya rasa saya lebih kacak daripada Yang Berhormat Segambut. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Lawan siapa kacak.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Saya hendak rujuk kepada hukuman yang akan dikenakan di bawah fasal 13...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu saya setuju Yang Berhormat Serdang.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Setuju ya?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinabatangan sekalilah.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Saya rasa saya lebih kacak berbanding dengan Yang Berhormat Kinabatangan. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Itu saya sokong penuh.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu belum tentu.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada hukuman maksimum di bawah fasal 13(5) iaitu maksimum 10 tahun dan tidak kurang dari dua tahun dan juga hukuman maksimum di bawah fasal 27, perlindungan. Saya hendak buat perbandingan kepada *Restricted Residence Act* di mana hukuman maksimum untuk di mana *restricted residence* ini dilanggar adalah tiga tahun sahaja berbanding dengan 10 tahun di bawah POTA dan juga hukuman maksimum di bawah perlindungan *restricted residence* itu adalah enam bulan berbanding dengan lima tahun di bawah POTA. Saya hendak Yang Berhormat Menteri menjelaskan, apakah rasional kenaikan hukuman di bawah POTA berbanding dengan RRA ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Segambut,

#### 1.29 pg

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Undang-undang Jenayah bukan sahaja hendak menghukum. Tujuan undang-undang jenayah juga adalah mengajar dan memberi peluang kepada sesiapa yang sudah membuat kesalahan untuk menukar dan mengubah.

#### ■ 1.30 pg.

Akan tetapi saya merujuk kepada fasal 13(7). Dia kata, seksyen 173A dan 294 Kanun Tatacara Jenayah tidak boleh dipakai di bawah POTA ini. Apa itu 173A dan 294?

173A, CPC memberi kuasa kepada mahkamah, kepada Majistret untuk memberi peluang kepada sesiapa yang sudah membuat kesalahan tetapi mengikut bicara Majistret, dia kes patut diberi peluang dan Majistret diberi kuasa untuk memberi satu ikatan jamin secara *a good behaviour bon* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Di bawah 294, CPC, ia adalah berhubung *first time offender*. Sesiapa pertama kali buat salah dan mahkamah diberi kuasa untuk memberi satu hukuman yang lebih ringan, mungkin satu amaran sahaja. Akan tetapi di bawah POTA ini, kedua-dua seksyen ini tidak boleh dipakai. Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, kenapa POTA ini merupakan satu akta yang cukup zalim, ia langsung tidak memberi peluang kepada sesiapa. Mungkin ia hanya, ia tidak betul-betul seorang pengganas, *terrorist* tetapi dia ikut sahaja sebagai contohnya, seorang bini tetapi suami dia *terrorist*, tetapi dia bini, dia terpaksa ikut dia kepada CDR atau ke luar negara. Kenapa dia diberi hukuman yang sama? Kenapa dia tidak diberi satu peluang? Itu soalan saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Timur.

### 1.31 pagi

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri tentang klausa 19 ini yang memberi kuasa untuk semakan kehakiman ke atas apa-apa soalan tentang pematuhan apa-apa kehendak dalam akta ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri secara spesifik sebab di klausa 8, Lembaga ini diberi kuasa mutlak untuk membuat tatacara mereka sendiri. Jadi saya hendak tanya secara spesifik, apa yang boleh disemak oleh badan kehakiman ini kalau Lembaga membuat tatacara mereka sendiri hak atau pun kuasa adalah di atas Lembaga. Maknanya langsung tidak ada peluang untuk semakan kehakiman dijalankan. Itulah soalan saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar, selepas itu Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

### 1.32 pagi

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak *just* terangkan tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur tadi. Sekarang kita ada situasi di mana tatacara diberikan kepada Lembaga. Selepas itu yang itu hanyalah pengecualian yang boleh kita lakukan kajian semula. So macam mana Yang Berhormat Menteri boleh terangkan, esok pergi isu kajian semula kehakiman, tatacaralah satu-satunya pengecualian dan tatacara itu memang diberi kuasa sepenuhnya kepada Lembaga yang uruskan pencegahan ini. So saya minta Yang Berhormat menteri jelaskan.

Lagi satu Yang Berhormat Menteri, saya amat terkejut bila mendapati saya kaitkan seksyen 18(1) dengan seksyen 19(1) dan (2). Untuk pengetahuan Tuan Pengerusi juga. 18(1) mengatakan, “..kuasa Lembaga untuk membatalkan perintah tahanan, perintah sekatan, perintah tahanan yang digantung atau arahan bagi perlanjutan mana-mana perintah sedemikian..”. Dan akhir sekali di perenggan 18(1) ini, dia

kata ada, Lembaga ini berkuasa untuk membatalkan perintah tahanan dan perintah sekatan jika didapati adil atau patut untuk berbuat demikian.

Katakan Lembaga ini telah melakukan kesilapan. Berkait dengan seksyen 19(1)(d) pula, “apa-apa guaman tindakan atau prosiding undang-undang yang lain yang berhubung dengan atau yang berbangkit daripada apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Lembaga mengikut akta ini..”. Bermaksud jika Lembaga itu pun sudah melakukan kesilapan, kita tak boleh bawa dia ke mahkamah. So, *this is power corrupt absolute power corrupt absolutely*. Ini dari pagi tadi kita sudah bincang *but this particular section even the Lembaga buat kesilapan, you tak ada, maksudnya you tak boleh bawa ke mahkamah*. So, dari pagi tadi kita bincang, baru sekarang saya perasan. Memang, *power corrupts absolute power corrupt absolutely*. Minta Yang Berhormat Menteri memberi penerangan. Tetapi Yang Berhormat Menteri khusuk salin, tetapi bila dijawab, dia jawab sikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, dari pagi hingga pagi, sampai pagi.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Dari pagi, dari pagi ke pagi. Betul Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tetapi saya nampak *twitter* daripada rakan di luar dia kata ahli Parlimen pembangkang tak dibagi peluang. Speaker *rushing*, dia kata. Taklah, tak lahir *rushing*. Dari pagi hingga pagi kan Yang Berhormat. Ya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bukan Speaker *rushing* tetapi Yang Berhormat Menteri *rushing*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu pandangan mereka di luar ya.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Maksud yang dekat luar itu Tuan Pengerusi masa untuk bahas satu undang-undang..

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dari pagi ke pagilah, Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Masa untuk bahas satu undang-undang yang besar sebegini tidak sepatutnya dihadkan dalam masa sehari. Penat-penat kita kena bahas...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dua hari kita bahas dari pagi ke pagi.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Dua hari. Masa itu tidak cukup.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Mahu cepat pulang ya.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Ini ruang rang undang-undang ini perlu diteliti.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apalah, kadang-kadang yang di luar lebih faham perjalanan Parlimen, Yang Berhormat. Habis sudah Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak apa Yang Berhormat Kapar sampai 6 pagi boleh.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya *last* sahaja. Tuan Pengerusi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia pi mai-pi mai tang tu juga.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, khusuk Yang Berhormat Menteri kita salin. Tiap kita bahas dia salin sahaja tetapi jawapannya tidak selaras dengan apa yg dia

salin. Saya minta jawablah. Tolong jawab Yang Berhormat Menteri. Tengok orang dekat luar pun sudah bising sudah. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

### 1.36 pagi.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi. 7 orang telah membangkitkan fasal-fasal yang berkaitan. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap pandangan oleh Yang Berhormat Kinabatangan yang mengatakan Yang Berhormat Serdang lebih *handsome* dari Segambut. Dalam pemerhatian saya dua-dua sama *handsome* tetapi...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, setuju. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Akan tetapi lebih *handsome* lagi Yang Berhormat Kinabatangan. *[Dewan riuh]*.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ini tidak setuju.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tengok isterinya siapa.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Speaker itu tidak boleh buat belah bahagi kan. *[Ketawa]*.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamid:** Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Ipoh Barat, saya ingin merujuk kepada Fasal 19 yang bertujuan untuk menyatakan bahawa kajian semula kehakiman bagi mana-mana, bagi apa-apa tindakan atau keputusan Lembaga Pencegahan Keganasan berkenaan dengan apa-apa persoalan hanya melibatkan ketidakpatuhan prosedur tatacara dalam akta ini. Ini disebutkan oleh beliau sebentar tadi.

Saya juga ingin menyebutkan bahawa kajian semula kehakiman diperuntukkan di bawah Fasal 19 rang undang-undang ini. Ini adalah bertujuan untuk membenarkan orang yang dikenakan perintah tahanan untuk membuat permohonan *writ of habeas corpus* namun tertakluk kepada ketidakpatuhan prosedur sahaja. Tiada kajian semula boleh dibuat terhadap keputusan yang dibuat yang telah saya nyatakan tadi di dalam perkara ini. Ianya adalah dijalankan budi bicaranya di bawah akta ini.

Manakala Yang Berhormat Batu menyentuh Fasal 24. Saya ingin menjelaskan bahawa Fasal ini tentunya adalah bagi mengelakkan daripada mereka bertemu secara fizikal bagi merancang strategi-strategi tertentu untuk mereka berinteraksi dengan tujuan untuk melakukan sesuatu yang memudaratkan masyarakat dan negara keseluruhannya. Namun kita tahu bahawa apa yang disebut oleh Yang Berhormat Selayang dalam Fasal 13, saya ingin merujuk bahawa esok akan dibentangkan mengenai langkah-langkah khas pencegahan dengan izin, *foreign fighters* dan mungkin kita boleh berbincang secara *detail*.

Namun Yang Berhormat Serdang menyebutkan bahawa minimum hukuman atau tahanan dua tahun dan maksimum 10 tahun, ini adalah merujuk kepada Fasal 13(5) iaitu hukuman tidak melebihi 10 tahun dan tidak kurang daripada 2 tahun bagi kesalahan melanggar syarat sekatan-sekatan dan hukumannya adalah tinggi kerana ia melibatkan kesalahan keganasan berbanding dengan hukuman di

bawah RRA yang mana lebih rendah kerana melibatkan kes-kes jenayah yang tidak melibatkan kekerasan.

Di dalam hal ini saya ingin mengingatkan diri saya dan kita semua bahawa undang-undang ini termasuk apa yang disebut oleh Yang Berhormat Segambut adalah bukan undang-undang pencegahan dan ianya melibatkan kepada soal pemulihan dan saya telah sebutkan di awal perbahasan ini tadi bahawa penahanan itu bukan dalam bentuk hukuman sahaja tetapi dalam bentuk pemulihan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempergerusikan Jawatankuasa]*

**■0140**

Saya telah nyatakan bahawa pemulihan ini setakat ini daripada ISA yang telah kita batalkan, telah memberikan kejayaan 90% kepada orang-orang yang ditahan. Kita harap dengan adanya POTA ini, matlamat yang sama akan kita capai. Ini kerana daripada pengalaman Jabatan Penjara, kita dapat *recidivism* ataupun tahanan yang melakukan kesalahan berulang adalah yang terendah di rantau Asia di mana hanya 7.6% sahaja yang telah melakukan kesalahan berulang. Ini merupakan satu kejayaan yang cukup baik dan percayalah bahawa niat kerajaan dalam mengemukakan POTA ini adalah niat yang baik. Saya ucapkan terima kasih dalam waktu dinihari kepada apa yang telah dibentangkan. Terima kasih.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri sudah habis jawab Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tak mahu jawab langsung.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Judicial review* memang dia tak nak jawab, daripada tadi dia tak jawab.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, soalan saya pun dia tak jawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri sudah habis menjawab sudah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tiga kali saya cuba Tuan Pengerusi, tiga kali.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Menteri langsung tak jawab soalan saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Menteri, terpulang kepada Yang Berhormat Menteri. Sudah habis menjawab Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Ya.

*[Fasal-fasal 13 hingga 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

**Fasal-fasal 29 hingga 35 – Pindaan:**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Segambut, sudah pagi.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Segambut sudah ada tenaga lepas minum teh tadi.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya dan nasi lemak. Ya, saya minta sehingga Bahagian V dibatalkan daripada fasal 29 sehingga fasal 35.

Tuan Pengerusi, tadi saya ada beritahu Dewan ini, Rang Undang-undang POTA ini ada banyak kelemahan. Bukan sahaja dia ada banyak kelemahan, dia ada banyak kelonggaran kuasa. Dia memberi satu kuasa yang cukup luas kepada pihak-pihak berkuasa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, fasal berapa ini?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Sebagai contoh, di fasal 29 yang saya hendak dibatalkan, dia kata dengan izin Tuan Pengerusi, dia kata, “*Police officer not below the rank of Inspector...*” *boleh lantik*. Dalam bahasa Inggeris, dia kata boleh lantik *any police officer*. Jadi saya hendak tanya, apa maksud *any police officer*? Kalau seorang sarjan, dia baru habis PULAPOL, dua hari dia masuk di sini, dia boleh menyiasat di bawah POTA. Jadi, ini tidak munasabah. Ini di bawah fasal 29.

Kalau kita lihat fasal 30, *arrest*. Dia kata *a police officer may without a warrant arrest any person* dan berhubung dengan seksyen 24, 26 dan 27 rang undang-undang yang sama.

Ini saya hendak merujuk kepada fasal 26. Fasal 26 kata adalah satu kesalahan bagi sesiapa, *any registered person* untuk *loitering in public place*. Jadi saya nak tanya sebagai contoh, kalau umpamanya Yang Berhormat Ipoh Barat dan Ipoh Timur, dia adalah *registered person* tetapi dia juga wakil rakyat di Parlimen, dia orang bersama-sama di Dewan ini. Adakah satu kesalahan mereka *loitering* bersama-sama di Dewan Rakyat ini, *public place*? Jadi, ini satu fasal yang tidak munasabah. Betul Yang Berhormat Ipoh Timur?

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ini sangkaan jahatlah kepada Yang Berhormat Ipoh Barat. Dia kata dia IS.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Ipoh Barat, betul? Setuju?

**Datuk Seri Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sangkaan jahat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ini Yang Berhormat Segambut ada niat jahat tak?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tak ada, tak ada. Sebagai contoh sahaja, ini sebagai contoh, *example*.

**Datuk Seri Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Contoh pun tak kena, contoh tak kena. Orang politik tak boleh kena tahan.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, di mana saya? Okey, fasal 31.

[*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Segambut.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Di kawasan Segambut...

**Datuk Seri Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Mana boleh, contoh tak kena. Orang politik mana boleh kena tahan.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya. Untuk maklumat Dewan ini, sekarang kita...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Lain kali jangan bagi contoh itu Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Ipoh Barat kurang bagus.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Awak kat mana?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Untuk maklumat Dewan ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Segambut, sekarang kita berada dalam Dewan Rakyat.

[Dewan riuh]

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Fasal 31...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Segambut, mengigaulah.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Fasal 31 kata, *taking of photograph and finger impressions*. Pakatan Rakyat, kami bantah rang undang-undang ini sebab kami rasa ditahan dan disiasat dalam tempoh 14 hari sudah cukup. Lepas 14 hari, kerajaan mesti buat satu keputusan sama ada mahu dakwa di mahkamah jenayah atau hendak membebaskan. Jadi kalau lepas 14 hari, kerajaan masih mahu ambil *photograph* dan *finger print* untuk masuk dalam register, ini tidak boleh. Kami bantah.

[Dewan riuh]

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya. Kalau lepas 14 hari tak ada bukti dia seorang pengganas, bebaskan. Jangan ambil apa-apa rekod. Itu alasan kami.

Okey, sekarang tengok fasal 32. Fasal 32, ini lebih dahsyat, ini zalim. Satu fasal yang cukup zalim.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Zalim kah 'jalim'?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, betul.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Zalim kah 'jalim'?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Zalim, zalim. Okey, tengok. Dia kata, *nothing in this act* boleh bagi *disclose information* kepada sesiapa yang suspek di bawah POTA ini. Ini adalah *against the basic rule of nature justice*. Kalau seorang suspek ditahan di POTA, bila dia minta polis beritahu apa kesalahan dia, apa sebab-sebab dia ditahan tetapi pihak polis *invoke* fasal 32 iaitu *refuse to disclose information*. Ini adalah satu yang tidak munasabah, patut ditolak fasal 32 ini. [Dewan riuh]

Okey, lepas itu fasal 33. Ini lebih dahsyat lagi. [Dewan riuh] Ya, betul. Dia memberi kuasa, *absolute power* kepada *Minister* atau Menteri untuk buat ubahan kepada *schedule* pada bila-bila masa.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Segambut cepat sikitlah, Yang Berhormat Beruas pun tidur sana.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Belum jam tiga. Jadi di bawah fasal 33, Menteri boleh pada bila-bila masa buat ubahan kepada *schedule*.

Okey, fasal yang kedua akhir iaitu fasal 34. Untuk maklumat Dewan ini, fasal 34 mengatakan, "*The Minister may make regulations for carrying out the purposes of this act*". Maksudnya, kalau Menteri atau pihak polis rasa akta ini belum ada perkara-perkara yang mereka hendak pada masa yang akan

datang, jadi Menteri akan buat *regulation*. *Regulation* maksudnya tidak ada dalam akta ini. *Regulation* boleh dibuat pada bila-bila masa dengan sesuka hati Menteri dan pihak polis.

**Seorang Ahli:** Mana boleh.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya. Di bawah fasal 34, Menteri diberi kuasa yang penuh untuk buat *regulation* yang baru.

Jadi fasal yang terakhir iaitu fasal 35, *basically* dengan izin Tuan Pengerusi, fasal 35 ini telah melanggar Perlembagaan sebab di bawah fasal 35, dia membenarkan *double jeopardy*, bahasa Malaysia saya tak tahu apa itu. *[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Segambut, cepatlah. Tuan Pengerusi pun sudah mahu tidurlah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Pengerusi, ini memang kongkalikung punya.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Menurut *double jeopardy* adalah dua kali kena. Di bawah fasal

...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Segambut, apa yang dua kali kena itu?

*[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Raub, minta tolong Yang Berhormat Raub.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Dua kali kena hukum.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Dua kali kena hukum. Itu kata Yang Berhormat Raub. Hukuman yang sama, dua kali kena.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini */lawyer/la*, kongkalikung punya */lawyer*. Setengah, setengah dia.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Okey, kita lihat di bawah 35, dia kata walaupun seorang itu disabit atau disiasat...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Shah Alam tak makan ubat, sudah putar kerusi, dia pening.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** ...Atau turut dituduh di bawah POCA Act, tetapi dia masih boleh dituduh di bawah POTA ini. POCA sudah ada, nanti boleh turun sekali lagi POTA. POCA campur POTA, ini *double jeopardy*. Dua kali kena.

*[Dewan riuh]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi botak. POTA campur POCA.

■0150

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Baling kata akta ini kena tolak, betul? *[Ketawa]* Tidak.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Speaker kasi cepat. Speaker boleh kasi cepat sedikit tidak.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Inilah saya cakap POCA campur POTA, BOTAK. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ini sangkaan jahat. Sama-sama botak apa fasal you nak bersangka jahat. Jadi sekali lagi saya minta fasal 29 hingga fasal 35 dibatalkan. Terima kasih. [*Dewan riuh*]

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Dibatalkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Segambut yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat Selayang, selepas Yang Berhormat Selayang, Yang Berhormat Menteri menjawab.

**1.51 pg.**

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya setuju dan sokong pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Segambut. Pindaan fasal 31 ini jelas dilihat bahawa orang yang di reman di bawah seksyen 3(1), gambar dan cap jari hendaklah dihantar untuk didaftar di bawah seksyen 22. Maknanya orang itu telah didenda sebelum siasatan kerana kita melihat di bawah Perenggan 3. Bila orang itu dilepaskan mengikut seksyen 4, 6 atau 12 bermakna orang itu tidak bersalah tetapi sementara siasatan dia telah didenda, namanya, gambar dan cap jari telah didaftar di dalam *register* dan ini tidak adil.

Kedua, ialah tentang penzahiran maklumat *on disposal information* di Perlembagaan di bawah Perkara 151. Orang yang ditahan berhak untuk membuat representasi untuk membuat untuk dilepaskan. Bila maklumat tidak disampaikan mustahil untuk orang itu untuk membuat laporan representasi yang lengkap dengan mengadakan fasal 32 ini juga tidak adil kepada orang yang ditahan. Maknanya kesemua fasal menunjukkan bahawa memang rang undang-undang ini adalah satu rang undang-undang yang proaktif.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**1.53 pg.**

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Pengerusi, dahulu apabila saya membentangkan POCA dan menggulung POCA waktu itu persidangan kita berakhir pada 12.57 pagi. Akan tetapi ini lebih dari waktu itu dan mengikut komputer ini sekarang kita berada di waktu 1.54 pagi dan mungkin kita tunggulah hingga pukul 2.00 pagi baru kita selesaikan.

Saya ingin menyebutkan bahawa Yang Berhormat Segambut, bahawa ini undang-undang yang tidak 'jalin' kerana [*Dewan riuh*] [*Ketawa*]... kita merasakan bahawa kita lihat bahawa undang-undang ini adalah undang-undang pencegahan dan bertujuan untuk melakukan pemulihan. Oleh sebab itu jangan samakan 100% apa yang dilaksanakan melalui POCA yang dikhususkan untuk penjenayah dan POTA adalah untuk penganas.

Walau bagaimanapun, undang-undang POTA ini jangan disebut undang-undang botak dan kita harap cara seriusnya undang-undang ini harus dilihat dengan mata hati tentang tujuan sebenar pihak kerajaan...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh bangun.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** ...Membenarkan undang-undang ini dan begitu juga dengan hajat Yang Berhormat Selayang yang mempertikaikan tentang soal gambar dan juga *finger print* ataupun biometrik diambil adalah sebagai satu prosedur untuk menentukan bahawa data-data itu boleh digunakan bagi menentukan jika apabila mereka dilepaskan kelak oleh Lembaga Penasihat ada susulan yang boleh dilakukan berdasarkan foto itu dan juga biometrik yang telah diambil tentunya.

Dalam perkara ini kita harus melihat apa yang tersirat. Begitu juga penzahiran maklumat representasi seperti fasal 32 ia adalah sesuatu yang harus kita lindungi. Walau bagaimanapun, oleh kerana kepentingan awam dan saksi dan keluarga serta rakan-rakan harus juga dilarang untuk dilakukan penzahiran maklumat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Menteri dan juga pendirian kerajaan. Saya baru lihat dalam satu website di New Zealand di mana yang *labour party* dia ambil satu pendirian untuk sokong Anti Terrorism Law di New Zealand tetapi dia dengan *clause* macam ini. Dengan izin.

*"This legislation is temporary and the labour party is also obtain a shortest sunset clause pending a comprehensive review of the activities of or our intelligence agencies. The government has promised next year". Dan juga "Labour remains adamants this power should only be used when New Zealanders are at risk from terror attack and not as a meant to grounded generous by powers".*

Jadi soalan saya adalah adakah kerajaan akan adakan *sunset clause* atau adakan ulang kaji tentang POTA ini, kerana yang ini haruslah diulang kaji satu *ongoing process* untuk ulang kaji undang-undang yang *repressive* macam ini. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tentang apa yang dibuat di New Zealand itu ada kemungkinan mengikut *template* yang telah kita buat dalam POCA dahulu apabila ada *sunset clause* untuk mengulang kaji kerana kami mengadakan beberapa perbincangan. Oleh kerana ketika itu mereka tidak ada undang-undang berkenaan maka mungkin mereka mengambil sebahagian daripada klausa di dalam POCA itu untuk diadaptasi di dalam Undang-undang Pencegahan Jenayah di negara berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya akhirnya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada rakan-rakan saya...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri saya ada soalan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** ...Ahli-ahli Parlimen belah Barisan Nasional dan juga pihak pembangkang yang saya pada hemat saya...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Menteri soalan akhir.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** ...Memperlihatkan komitmen yang cukup baik hingga saat ini dan atas komitmen ini saya ucapkan tahniah dan syabas kepada semua bagi pihak KDN dan

pegawai-pegawai saya yang telah membantu dan... *[Tepuk]* memperlihatkan jiwa yang kental untuk menjayakan program ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tetapi BN tidak bahas, undi sahaja.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** BN tidak bahas dia undi sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Segambut dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Belah bahagi.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Kuala Krai mohon belah bahagian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana lebih daripada 15 orang yang bangun dan minta untuk diadakan belah bahagi maka mengikut Peraturan Mesyuarat 46(4) saya memerintahkan supaya suatu belah bahagian diadakan sekarang. Setiausaha sila bunyikan loceng selama dua minit.

## ■0200

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat, undian dijalankan sekarang.

*[Pengundian dijalankan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat, pindaan Yang Berhormat Segambut, keputusan undian;

Ahli-ahli yang bersetuju berjumlah 60 orang.

Ahli-ahli yang tidak bersetuju 79 orang. *[Tepuk]*

*[Pindaan tidak disetujukan]*

*[Fasal-fasal 29 hingga 35 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Jadual jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Belah bahagi. *[Dewan riuh]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ada permintaan untuk belah bahagi.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Kita hendak tengok macam mana MCA undi. *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana lebih daripada 15 orang bangun meminta diadakan belah bahagian maka mengikut Peraturan Mesyuarat 46(4), saya memerintahkan suatu belah bahagian diadakan sekarang.

■ 0210

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, ini kita hendak daripada Jawatankuasa kepada Majlis. Itu pun hendak dibelah bahagikah?

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, loceng, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat. Undian dijalankan sekarang.

*[Pengundian dijalankan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undi untuk Peringkat Jawatankuasa ke Majlis adalah seperti berikut:

Ahli-ahli yang bersetuju, 79 undi...

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, 60 undi...

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah disetujukan tanpa pindaan. Saya mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan kali ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Belah bahagi, Tuan Yang di-Pertua.

*[Lebih 15 orang Ahli berdiri minta diadakan belah bahagian]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana lebih daripada 15 orang bangun meminta diadakan belah bahagian, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 46(4), saya memerintahkan supaya suatu belah bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

■0220

*[Loceng dibunyikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat. Undian dijalankan sekarang.

*[Dewan berbelah bahagi]*

*[Pengundian dijalankan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah keputusannya.

Ahli-ahli yang bersetuju 79 undi ... *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang tidak bersetuju 60 undi ... *[Tepuk]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa, 7 April 2015.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 2.26 pagi]*